

PENYATA RASMI
DEWAN NEGERI PAHANG

DEWAN NEGERI PAHANG

TINGKAT 1, BLOK A,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG,
WISMA SRI PAHANG,
25503 KUANTAN, PAHANG.
TEL: 09-5126623
FAKS: 09-5161443
E-MEL: dun@pahang.gov.my

MESYUARAT KE-3 PENGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN,
7, 11, 12 & 13 OKTOBER 2022



PENYATA RASMI

MESYUARAT KE-3 PENGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.
7, 11, 12 & 13 OKTOBER 2022



PEJABAT DEWAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR



**MESYUARAT KE-3
PENGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14**

HARI PERTAMA

**07 OKTOBER 2022
(JUMAAT)**



KANDUNGAN

TARIKH: 07 OKTOBER 2022 (JUMAAT)

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT	1
4	PEMASYHURAN DARIPADA YANG DI-PERTUA	2
5	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	2
6	RANG UNDANG-UNDANG: RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2023) 2022 DN 26/2022 BELANJAWAN NEGERI PAHANG 2023 DN 28/2022	23
7	UCAPAN BELANJAWAN NEGERI PAHANG 2023	24
8	USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2023	51





**MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.**

Tarikh : 07 Oktober 2022 (Jumaat)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
EXCO Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
EXCO Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan



Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. EXCO Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan	- Tioman
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. EXCO Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli	- Batu Talam
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. EXCO Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia	- Bebar
Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna	- Pulau Tawar
Yang Berhormat Dato' Abd Rahim bin Muda, DSAP., AMP., PKC. EXCO Kerajaan Tempatan dan Perumahan	- Lepar
Yang Berhormat Dato' Sri DiRaja Tan Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., PSM., DSAP., DGSM.	- Pelangai
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	- Dong
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	- Inderapura
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. (Timbalan Yang di-Pertua Dewan)	- Jenderak
Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.	- Sungai Leming
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP	- Pulau Manis
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	- Padang Tengku
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	- Peramu Jaya
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	- Kuala Semantan
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	- Bukit Ibam



Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	- Muadzam Shah
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	- Cheka
Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	- Chini
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	- Beserah
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	- Tanjung Lumpur
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	- Luit
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badaruddin	- Tahan
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	- Chenor
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	- Panching
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	- Jengka
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	- Damak
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	- Tras
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	- Sabai
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	- Bilut
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	- Triang
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	- Semambu
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	- Teruntum
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	- Tanah Rata
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	- Mentakab
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	- Ketari

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II
PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:**

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.



Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman,
DIMP., SMP.

- **Kemayan**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.





SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Pertama : Jumaat, 7 Oktober 2022
bersamaan 10 Rabiulawal 1444 Hijrah

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan Al-Quran]. Bismillahirrahmanirrahim [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir masalah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lamin.

MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kedua : Mengesahkan peringatan mesyuarat.

Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada 2 Ogos 2022 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Saya mohon izin membawa cadangan bawa peringatan Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-5 Negeri Pahang Ke-14 pada 2 Ogos 2022 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan disahkan.



YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Bissmilahirrahmanirahim. Assalamualaikum WBT err... Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli mesyuarat sekalian, soalnya ialah satu cadangan bagi mengesahkan peringatan Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada 2 Ogos 2022 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan telah mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa-apa pindaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Peringatan mesyuarat tersebut disahkan tanpa pindaan.

PEMASYHURAN DARIPADA YANG DI-PERTUA

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga : Pemasyhuran daripada Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismirahirrahmanirahim. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Berhormat... Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang dihormati. Marilah kita mengangkat setinggi-tinggi rasa syukur pada Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua kita dikurniakan kesihatan yang baik kelapangan masa untuk kita sama-sama hadir ke Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada pagi yang murni ini. Saya lihat Ahli-ahli Yang Berhormat kelihatan segar, ceria, bersedia untuk sama-sama kita tunaikan tanggungjawab, amanah dan tugas yang murni di Dewan Yang Mulia ini. Fokus dan komitmen kita bersama-sama amat penting untuk sama-sama memastikan masa depan rakyat yang sejahtera dan negeri yang tercinta ini. Sekian.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keempat : Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya memaklumkan bahawa sesi pertanyaan-pertanyaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan disusuli dengan



beberapa pertanyaan lisan pada sesi sebelah pagi ini. Saya ingin memaklumkan bahawa pertanyaan tambahan boleh dikemukakan sebanyak 2 atau 3, ringkas dan padat kerana kita memerlukan masa yang cukup untuk meneruskan aturan mesyuarat selanjutnya. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk soalan pada pagi ini saya silakan ADUN dari Muadzam Shah.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato Sri Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan pertanyaan nombor satu.

[Berapa jumlah pelaburan luar serta nilai yang berjaya dibawa masuk ke Negeri Pahang sejak 2018 sehingga Ogos 2022 dan pecahan mengikut daerah?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Muadzam kerana bertanyakan soalan mengenai jumlah pelaburan luar serta nilai yang berjaya dibawa masuk ke negeri Pahang semenjak 2018 sehingga Ogos 2022 dan pecahan mengikut daerah. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Muadzam Shah, sejak tahun 2019 Kerajaan Negeri Pahang melalui Bahagian Pelaburan dan Penswastan dan Unit Antarabangsa, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah menarik 11 syarikat daripada beberapa negara asing.

Antaranya ialah Singapura, Thailand dan China dan telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan anggaran nilai pelaburan sebanyak RM2.540 bilion. Selain itu pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Pahang telah menandatangani 4 perjanjian pelaburan dengan nilai sebanyak RM1.240 juta dan seterusnya tujuh perjanjian pelaburan dengan nilai sebanyak RM11.01 bilion pada tahun ini.

Manakala bagi pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut: Pada tahun 2019 Bentong RM822,200,000.00, Kuantan RM1.4 bilion. Lipis RM10 juta. Rompin RM245 juta. Menjadikan jumlah keseluruhan RM2.5 bilion. Manakala bagi tahun 2020, Bentong mencatatkan sebanyak RM380 juta, Rompin RM40 juta, Gambang RM500 juta, Bera RM320 juta. Jumlah keseluruhan RM1.240 juta. Bagi tak... bagi tahun 2022, tahun ini, daerah Kuantan mencatatkan sebanyak RM6.5 bilion, Pekan RM4.4 bilion jumlah keseluruhan RM11 bilion. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Soalan tambahan. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan yang nampak kejayaan menarik pelabur asing walaupun dalam keadaan suasana dunia dibelenggu dengan masalah COVID. Jadi, soalan tambahan saya, apakah jenis pelaburan dan syarikat yang bersetuju membuat pelaburan di Rompin sekiranya ada pada tahun hadapan?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,



Saya dapati pada tahun 2019 sebanyak 2 syarikat iaitu *Ananas Republic Private Limited* daripada Singapura yang melabur di Rompin berjumlah RM30 juta dan Bonaparte Private Limited ataupun Aqina Pineapple Sdn. Bhd. daripada Singapura juga sebanyak RM20 juta. Pada tahun 2020, Golden Sea Farm di Rompin, syarikat ini daripada Thailand, RM40 juta dan pada tahun ini iaitu daripada South Ocean Development, itu daripada Singapura bernilai RM90 juta, itu daripada Rompin Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Wakil Berserah.

YB . TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

Assalamualaikum WBT, saya ingin bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri Besar di antara jumlah hampir RM15 bilion jumlah pelaburan yang ditarik dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini sektor manakah yang menjadi tumpuan dan menyumbang kepada jumlah pelaburan yang tertinggi dan sektor manakah yang paling sedikit ataupun yang paling kecil menyumbang dalam jumlah pelaburan. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Berserah yang bertanyakan soalan berkenaan yang mana paling banyak melabur dan yang paling sedikit. Sebenarnya setiap pelaburan yang ingin melabur di Pahang ini kita telah membuat satu kajian yang terperinci daripada Pejabat SUK dan juga daripada Unit Pelaburan Antarabangsa dan melihat kepada angka yang ada pada saya ini saya dapati yang paling tinggi sekali ialah *Alliance Steel Sdn. Bhd.*, RM5.5 bilion. Ya kemudian yang paling sikit sekali, yang paling sikit saya kena tengok betul-betul ni. RM10 juta, *The Holstein Company Sdn. Bhd.*

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita bagi tumpuan kepada semua sektor yang kita rasa boleh menjamin dan terjamin bermakna setiap pelaburan yang dibuat di negeri Pahang ini kita tidak mahu gagal sebab itu seboleh-bolehnya kita pergi kepada MOA. Sebelum kita pergi kepada syarikat berkenaan atau syarikat berkenaan datang kepada kita, kita pergi kepada *agreement*. MoU ni kalau sekiranya pilihan yang terakhir kerana MoU ni, *future of understanding* ni daripada dulu lagi kadang-kadang jadi kadang-kadang tak jadi, tapi kalau MOA dia dah ada komitmen dia ya. Sebab tu ada orang kata MoU ni, Mau Orang Untung di... MoU dia tengok-tengok, tak untung dia tak buat. Tapi kalau *agreement*, dia *no choice* dia kena buat.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.



YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Wakil Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Cukai tanah kategori perindustrian meningkat secara mendadak walaupun Kerajaan Negeri memberi *remission* pada 2 tahun ini tapi lebih... tapi kalau untuk lebih menarik pelabur luar adakah Kerajaan Negeri akan terus mengekalkan *remission* ataupunewartakan kadar yang lebih rendah?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan yang sangat baik, malangnya angka tidak ada dengan saya tetapi semasa mesyuarat dengan Yang Berhormat Dato' Seri Azmin Ali, Menteri MITI, perkara ini dibangkitkan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya telah memberi penjelasan dengan angka dan melihat kepada negeri-negeri di mana negeri Pahang ini masih lagi dikira rendah berbanding dengan negeri-negeri lain. Jadi kalau Yang Berhormat daripada Triang boleh mendapatkan kadar cukai yang kita bandingkan antara negeri-negeri di Malaysia ini saya boleh bagikan.

Sebab semasa mesyuarat tersebut yang dibuat di Zenith, memang dibangkitkan perkara ini dan saya telah jawab bahawasanya negeri Pahang masih lagi dikira rendah berbanding dengan negeri-negeri lain. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. CIK LEONG YU MAN

Tambahan... soalan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada soalan lain lagi? Apa?

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kadar yang rendah adalah selepas *remission* tapi secara *black and white*, mengikut warta kadar itu masih tinggi.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tinggi rendah ini *very* subjektif, tetapi kita kena buat *comparison*. Jadi kalau Yang Berhormat daripada Triang kata tinggi berapa tingginya? Selangor berapa? Penang



berapa? Johor berapa? Pahang berapa? Ada angka tak? Kalau ada angka boleh bagi tahu pada Dewan Yang Mulia ini.

Saya tak tahu soalan ini naik. Kalau tidak, saya boleh... saya boleh bawa. Kalau saya cakap, mungkin saya tersilap, susah pula. Jadi eloklah Yang Berhormat tunggu jawapan yang saya akan bagi secara bertulis untuk Yang Berhormat buat *comparison*. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, baiklah saya ingat kita pergi kepada soalan berikut. Wakil Mentakab. Sila.

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 2.

[Tebatan banjir di Daerah Temerloh. Sila pihak kerajaan nyatakan:

- a.) Jumlah kos projek tersebut.
- b.) Bilakah projek ini bermula?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Daripada ADUN daripada Mentakab bertanyakan tebatan banjir di daerah Temerloh, jumlah kos projek tersebut dan bilakah projek ini akan bermula? Untuk makluman Yang Berhormat daripada Mentakab, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah membuat kertas cadangan kepada Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu untuk melaksanakan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Semantan Fasa 1, Temerloh.

Kos projek adalah berjumlah RM47,837,343.70 projek ini telah diluluskan dan pelaksanaannya telah bermula pada 12 Julai 2022 dan dijangka mengambil masa selama 2 tahun untuk disiapkan manakala selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah membuat permohonan Cadangan Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Semantan Fasa 2 di Temerloh dengan anggaran kos sebanyak RM383 juta serta Rancangan Tebatan Banjir Sungai Krau di Kuala Krau, Temerloh sebanyak RM111 juta secara *off budget* kepada Kerajaan Persekutuan.

Off budget ini *maksudnya* yang tidak dibajetkan sebelum itu tetapi atas keperluan, kita mohon juga sebanyak RM111 juta. Projek ini juga telah diluluskan dan dijangka akan dilaksanakan bermula pada tahun 2023 pada bulan Januari. Saya yakin 2 projek besar ini akan memberi faedah kepada daerah Temerloh dalam mengurangkan kadar... kadar risiko banjir.

Antara skop kerjanya ialah pembinaan ban tanah, *flood wall*, rumah pam, *outlet structure*, kolam takungan dan naik taraf sistem saliran utama. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, baiklah kita pergi kepada soalan berikut, Wakil dari Chini.

YB. ENCIK MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan pertanyaan yang ke-3.

[Apakah Status Pembaharuan Tapak Biosphere Tasik Chini oleh UNESCO?].

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHAKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri telah selesai menyediakan laporan akhir *Periodic Review Rizab Biosfera* iaitu Tasik Chini dan kesemua cadangan penambahbaikan yang digariskan oleh pihak *International Advisory Committee for Biosphere Reserve* (IACBP) telah dilaksanakan mengikut kriteria yang telah digariskan oleh *Statutory Framework World Network of Biosphere Reserve* (IACBR). Penambahbaikan yang dilaksanakan adalah seperti berikut: Pengezonan *reserve*, result biosphere Tasik Chini mengikut tiga fungsi tapak *reserve biosphere* iaitu zon teras, zon penampan, dan zon peralihan. Kedua, pihak pengurusan *reserve biosphere* Tasik Chini adalah Perbadanan Taman-taman Negeri Pahang iaitu TPNP. Ketiga, Ketua Eksekutif TPNP ataupun er... Perbadanan Taman Negeri-negeri Pahang di... dikenal pasti sebagai pegawai yang bertanggungjawab menyelaraskan aktiviti dalam pelan pengurusan tapak *reserve biosphere*.

Delegasi Kerajaan Negeri Pahang telah diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri er... telah menyerahkan Laporan *Periodic Review* tersebut secara terus kepada *Assistant Director General of Natural Sciences and dan Secretariat Man and Biosphere* (MAB) di Ibu Pejabat UNESCO Paris pada 27 September 2022 yang lepas. Kunjungan tersebut turut disertai oleh wakil tetap Malaysia ke UNESCO bertujuan mewujudkan peluang jaringan komunikasi dan jalinan kerjasama antarabangsa dengan pihak UNESCO melalui pejabat delegasi tetap Malaysia ke UNESCO terutama berhubung dengan MAB dan UNESCO Global Geopark yang mana kita juga akan mencadangkan Lipis ya sebagai Geopark.

Melalui pertubuhan tersebut juga pihak Assistant Director Natural Sciences telah bersetuju memberikan komitmen untuk membantu dalam memastikan penilaian *periodic review* rezab biosphere Tasik Chini yang dihasilkan menepati penilaian iaitu International Advisory Committee of Biosphere Reserve yang akan bermesyuarat pada Februari 2023 dan seterusnya diterima di pihak International Coordinating Council pada Jun 2023.

Jadi kita jangan susah hati sangat dia macam biasa apabila dia timbul er... di surat khabar dan juga di *social media* ini *review* macam gaji jugalah kita ada apa beza dengan izin maknanya kita *review performance* kita macam kita di sini yer, sama ada lepas ni kalau ada PRU ye... jadi pucuk pimpinan kita *review* juga, kita ni. Nak bertanding lagi tak bertanding lagi. Bertanding Parlimen bertanding DUN, ini *review* jadi ini pun sama juga so sebab kita kerana kita mendapat apa namanya ini... ini... ini *fund* ataupun kewangan daripada UNESCO jadi UNESCO akan memberikan kita er...



kewangan tersebut jika sekiranya kita menepati. Jadi, kita *review* dan kita telah pun er... memastikan bahawa apa yang kita laksanakan itu mengikut apa yang telah kita tetapkan. Terima Kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Wakil Beserah

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan di-Pertua er... saya berminat apabila di... diceritakan ataupun di dimaklumkan oleh Wakil Kerajaan tentang langkah-langkah yang telah diambil terhadap memulihara tapak biosphere Tasik Chini ini, cuma saya ingin tanya sikit dan pencerahan. Apakah kekangan utama, apa *constraint* kita di dalam kita nak memenuhi er... keperluan ataupun kehendak daripada pihak UNESCO supaya er... tapak biosphere di Tasik Chini ini tidak akan berdepan dengan pelbagai masalah selepas ini? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Ketika kita mula-mula ya mendapat status *Man and Biosphere* ini, ini sebenarnya satu benda yang baru kepada Kerajaan Negeri dan memang kita er... pada ketika itu kita menilai ini satu pengiktirafan. Walau bagaimanapun di bawah pimpinan ke bawah... di bawah kepimpinan YAB. Menteri Besar yang baru, apabila dilihat Tasik Chini ini didapati bahawa ada beberapa perkara-perkara contohnya perlombongan dan sebagainya dan juga pembalakan dan sebagainya dan begitu juga dengan kawasan *reserve* yang ada ketika itu er... agak tidak besar maka tindakan-tindakan awal kita ambik.

Pertama sekali perlombongan, telah pun diberhentikan okey tak ada lagi lombong-lombong yang ada dulu kerana apa kerana er... ini tarikh luput er... tarikh luputnya masih belum lagi kita biarkan kemudian apabila mereka nak *renew* balik kita tak benarkan, satu.

Yang kedua, tentang *reserve* hutan. Kita tambah, kita perbesarkan lagi *reserve* hutan kekal di kawasan biosphere tersebut er... Tasik Chini tersebut dan ketiga kita menubuhkan er... Perbadanan Taman-taman untuk memastikan ada satu badan walaupun sekarang ini UKM ya Universiti Kebangsaan Malaysia telah pun er... membina er... ini apa nama ni *lab* ataupun ini... makmal mereka, makmal kajian mereka berskala besar sebenarnya untuk menjaga, kerana *Man and Biosphere* ini adalah di mana tasik *Man and Biosphere* ini adalah tasik tersebut digunakan apa namanya... dipelihara, tetapi juga aktiviti kehidupan manusia ni kena ada juga.

Tetapi mengikut apa yang telah ditetapkan sama ada ianya mengikut SSDG iaitu *Sustainable Development Goal* ataupun ASG. Jadi satu lagi saya lupa nak maklumkan bahawa kita juga telah menubuhkan Majlis Biodiversiti iaitu kita untuk kita menjaga fauna dan flora kita supaya apa? Supaya jika ada kajian yang menggunakan tumbuhan dan binatang maka dia mesti kena berdaftar dengan biodiversity... majlis biodiversiti kerana dia tidak mahu apabila mereka mendapat kejayaan kepada kajian tersebut mereka mendapat IP ataupun memohon *Intellectual Properties*. *Intellectual Properties* tersebut, dengan izin, ianya menjadi hak mereka kita tak nak tu. Sebelum ni kita tidak ada kawalan tersebut.



Pattern tersebut maknanya *pattern* tersebut kalau mereka... IP dan *pattern* tersebut ianya mesti berkongsi dengan Kerajaan Negeri dan sesiapa yang ingin membuat kajian tersebut mereka mesti melalui majlis biodiversiti. Jadi itu di antara er... keseriusnya kita untuk kita menjaga alam sekitar di negeri Pahang terutama sekali di Tasik Chini. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima Kasih Yang Berhormat. Ya, Pelangai.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya ingin bertanya, adakah Ahli Kerajaan sedar sejak bila lombong dan juga aktiviti perdagangan di kawasan Tasik Chini itu telah dibuka? Yang saya ingat lama sebelum ini, tak payah sebutlah zaman Menteri Besar siapa dan yang keduanya, adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan hasil yang telah dikeluarkan itu termasuk hasil perlombongan dikeluarkan? Sebelum diisytiharkan tak kiralah *biosphere* ke *best* sikal apa ke tak kiralah... dikeluarkan, memudahkan orang yang telah mengeluarkan modal banyak untuk mengeluarkan hasil, dan untuk makluman Ahli Kerajaan, Menteri Besar ini bukan Menteri Besar baru dah, dah 53 bulan, empat tahun lebih. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Eh er... Wakil daripada Pelangai kita... Wakil daripada Pelangai, kita mendapat status *Man and Biosphere* ini pada tahun 2009. Jadi lombong-lombong yang ada tu adalah lombong-lombong yang telah lama sebenarnya dari segi operasinya jadi sebab itulah apabila kita mendapat er... status tersebut kita membuat penyelarasan ya supaya...

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya mencelah. Maksud saya sedar tak bila mula-mula sekali lombong di situ, ladang kelapa sawit yang juga dipunyai oleh Majlis Ugama Islam Pahang wujud di situ? Itu maksud saya. Sebab bila disebut Menteri Besar baru, ada Menteri Besar lama. Saya tidak nak mempertikaikan Menteri Besar baru banyak buat perkara-perkara yang baik dan bercakap dalam *precouncil* dan saya tak pernah pun mengata kerajaan, mengkritik kerajaan sebelum ini, tapi ni penggal-penggal akhir dewan. Apabila timbul sikit sensitiviti itu saya kena jawab. Saya bukan bertanya yang baru-baru ni. Sejak bila lombong ladang kelapa sawit dibuka di kawasan Tasik Chini? Itu maksud saya, terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Itu lama sebenarnya... lama, maknanya status itu baru lagi. Yang lama itu saya...

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Jangan sebut Menteri Besar baru Menteri Besar lama.



YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang itu saya kena er... saya mohon untuk...

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Elok minta maaf je.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Minta maaf dan saya akan *check* balik.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikutnya. Saya jemput Wakil dari Dong. Sila. Okey, dari Dong. Mana soalan?

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan nombor 4, terima kasih.

[Apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri dalam memperkasa sektor penternakan lembu pedaging di negeri Pahang untuk menyokong keperluan dalam negara berdasarkan rekod kadar sara diri bagi pengeluaran daging lembu atau kerbau negara yang masih rendah iaitu sekitar 22 peratus sahaja?]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pertama sekali saya nak merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada sahabat saya, Wakil daripada Dong yang telah membangkitkan satu soalan yang cukup relevan pada ketika ini kerana kita sedang hangat membincangkan tentang agenda seperti makanan negara dan sudah tentunya ia memberikan impak kalau sekiranya kita tidak menangani secara baik khususnya berkaitan dengan bekalan atau rangkaian bekalan makanan negara.

Untuk makluman Dato' Sri Yang di-Pertua, pengeluaran daging lembu di negeri Pahang pada tahun 2021 adalah sebanyak 4,739 metrik tan. Berdasarkan populasi ternakan sebanyak 142,501 ekor lembu yang melibatkan seramai 4,067 orang penternak. Berdasarkan angka ini, negeri Pahang kekal menjadi penyumbang utama daging lembu negara iaitu sekitar 2.5% penggunaan atau 12% daripada pengeluaran daging negara.

Justeru itu, bagi memperkasa sektor ini, pelbagai inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan bagi merangsang pengeluaran daging yang lebih baik. Antaranya ialah memperkenalkan Skim Makmur Ternak. Bermula tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM600,000.00 bagi perolehan ternakan, peralatan dan bahan binaan kandang.

Seramai 80 orang penternak menerima manfaat daripada program ini. Pihak kerajaan juga akan terus menggalakkan penyertaan lebih ramai golongan muda untuk



menyertai sektor penternakan ini. Galakan dalam bentuk insentif seperti Geran Agroprenuer Muda amat membantu dalam meniupkan semangat anak muda Pahang terlibat dalam bidang usaha ini. Seramai 7 orang anak muda Pahang menerima manfaat daripada geran ini dalam tahun 2022.

Selain daripada itu, pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar sedang giat mengadakan kempen bagi menggalakkan penglibatan penternak lembu pedaging sedia ada untuk menggunakan baka lembu sado seperti *Limousine*, ini Yang di-Pertua dengan izin, *Limousine*, *Belgian Blue* dan *Charolais* yang mempunyai saiz badan yang lebih besar berbanding baka lembu tempatan khususnya Kedah-Kelantan ataupun KK.

Kadang-kadang tu Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, dipanggil KK itu dia bukan dia panggil Kedah-Kelantan, tapi dia panggil kurus kering. Selain daripada itu, lembu baka wagyu yang mempunyai nilai yang tinggi juga di pasaran turut akan dipromosikan bagi membantu penternak tempatan memperolehi pulangan pendapatan yang lebih baik. Penggunaan teknologi peranakan beradas dan pemindahan embrio akan diaplikasikan di Pahang mulai tahun hadapan bagi mempergiatkan lagi aktiviti peningkatan kualiti genetik lembu tempatan.

Jabatan Veterinar akan sentiasa meningkatkan bilangan jurusuntik peranakan beradas ataupun *AI*, *Artificial Insemination*, dengan izin, di kalangan penternak bagi menyokong keperluan perkhidmatan ini melalui siri kursus dari tahun ke tahun. Kerjasama kerajaan-swasta juga telah digerakkan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mencapai hasrat ini.

Penglibatan syarikat seperti MIG Dairy dan juga Farm Fresh melalui pembangunan projek ternakan lembu wagyu dan kerbau tenusu sama ada di Bukit Kajang di Raub mahupun di Tanjung Gahai di Lipis telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar iaitu di Bukit Kajang pada 19 Julai tahun ini dan di Tanjung Gahai dilancarkan pada 13 hari bulan Ogos pada tahun ini.

Kesihatan ternakan juga merupakan komponen penting dalam bidang penternakan. Penyakit kuku dan mulut *FMD* ataupun *foot and mouth disease* dengan izin, *Brucellosis* dan *Lumpy Skin Disease (LSD)* dengan izin merupakan antara ancaman kepada industri penternakan lembu yang boleh menyebabkan penurunan prestasi ternakan yang membawa potensi kerugian kepada penternak.

Justeru itu, langkah kawalan melalui program saringan penyakit dan pemvaksinasi bagi pencegahan penyakit akan terus dilaksanakan bagi mengekang penularan penyakit ternakan yang boleh menyebabkan impak negatif kepada pendapatan penternak. Galakan pelabur dari dalam dan luar Pahang bagi sektor ini turut akan dipergiatkan melalui aktiviti tawaran pajakan dan sewaan tanah kerajaan termasuk rizab padang ragut bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran... pengeluaran di Pahang sebagai untuk... dengan izin... minta maaf. Meningkatkan kapasiti pengeluaran negeri Pahang sebagai pengeluar utama daging negara.

Langkah ini adalah selaras dengan dasar kerajaan bagi menangani isu seperti makanan dalam mengoptimalkan penggunaan tanah kerajaan bagi manfaat pengeluaran makanan untuk rakyat. Selain daripada itu, program latihan dalam bentuk pembinaan teknologi melalui program kursus, seminar, bengkel dan sidang penternak akan terus diadakan dengan lebih kerap... lebih kerap lagi bagi memastikan penternak di Pahang memperolehi ilmu pengetahuan yang lengkap untuk diaplikasikan di ladang masing-masing untuk membantu peningkatan produktiviti pengeluaran usahawan



ternak terutamanya berkaitan disiplin pemakanan ternakan, pembiakbakaan dan pengurusan ladang secara keseluruhannya.

Di samping itu juga, pengukuhan perundangan Enakmen Kawalan Kerbau-Lembu melalui semakan dan penambahbaikan perundangan sedang dilaksanakan pihak jabatan melalui pihak Jabatan Veterinar bagi memastikan sektor penternakan kekal mampan dan tidak menyebabkan kacau ganggu kepada pihak awam. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini Dato' Sri Yang di-Pertua, program pernianian beradas ataupun *Artificial Insemination (AI)* dan pemindahan embrio iaitu *embryo transfer* dengan izin *ET* di bawah projek rintis penghasilan baka ternakan premium.

Pihak Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan produktiviti pengeluaran daging lembu dalam negeri telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama pihak Jerman Wagyu Academy dengan izin yang merupakan pemain industri utama bagi penternakan lembu wagyu di negeri Jerman semasa lawatan industri utama. Sorry, semasa lawatan delegasi Kerajaan Negeri ke Eropah pada Jun 2022.

Sehubungan dengan itu, bagi meneruskan agenda pembangunan ini, pihak Kerajaan Negeri akan memperuntukkan insya-Allah sejumlah dana bagi usaha-usaha memperkasa sektor pengeluaran daging lembu premium di Pahang melalui kaedah penambahbaikan kualiti genetik lembu tempatan sedia ada dengan lembu baka wagyu yang bernilai tinggi.

Antara tindakan yang akan dicadangkan adalah perolehan *semen* dan embrio beku lembu baka wagyu daripada negara Jerman dan input ini akan diagihkan sebahagiannya di ladang Jabatan Veterinar dan juga beberapa penternak yang terpilih. Mengadakan latihan veterinar pernianian beradas (*AI*) dengan kolaborasi Jabatan Veterinar dan penternak dengan kolaborasi pakar dari Jerman Wagyu Academy untuk berkongsi maklumat dan kepakaran khususnya dalam program pembiakan ternakan.

Ketika ini, seramai 3 orang jurusuntik *AI*, *Artificial Insemination* melaksanakan program ini untuk seluruh negeri Pahang bersama-sama dengan 9 orang jurusuntik swasta di kalangan penternak yang menerima pensijilan sebagai jurusuntik berdaftar di bawah Akta Doktor Veterinar 1974. Pihak Jabatan Veterinar mensasarkan seramai 30 orang penternak akan dilatih di bawah program ini.

Seterusnya, kita juga akan mengadakan latihan kemahiran proses pemindahan embrio, *embryo transfer (ET)* dengan izin kepada kakitangan jabatan dan hanya terdapat seorang pegawai di Pahang yang mempunyai kemahiran yang bertugas di Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK) di Bukit Dinding, Jerantut.

Di samping itu, seorang doktor veterinar di Ladang Farm Fresh, Muadzam Shah juga mempunyai pengalaman dan kemahiran berkaitan program ini. Justeru itu, adalah disasarkan seramai 15 orang pegawai akan diberikan latihan berkaitan bagi menggalakkan kaedah pembiakan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, jumlah wagyu yang ada di negeri Pahang ni ialah di ladang Farm Fresh sejumlah 30 ekor wagyu er... di MIG Dairy Fresh di Bukit Kajang, Raub sebanyak 45 ekor, di Fazwa Sungai Lembing Beef Farm terdapat 15 ekor dan kesemuanya dah ada sembilan puluh ekor mengikut rekod Jabatan Veterinar negeri Pahang. Terima kasih.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat. Teruskan. Okey.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey. Luit.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Tuan Speaker. Er... daripada perancangan, tindakan dan perbelanjaan yang disebut tadi, saya nak tanya sikit je, berapa agaknya unjuran kelompok khas daripada 22% tu makna boleh meningkat ke atau macam mana? Sebab soalan kita tadi kadar sara diri untuk kumpulan daging masih 22% jadi dengan perancangan-perancangan tindakan perbelanjaan yang dibuat tadi agak-agak berapa peningkatan jangkaan itu. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada Wakil daripada Luit yang bertanya soalan ini Dato' Sri.

Tumpuan kita Dato' Sri, pertama sekali kita lihat bahawasanya kebanyakan penternak kita, menternak lembu jenis KK ni tadi, iaitu Kedah-Kelantanlah ya ataupun kadang kadang dia... er... dijenakakan sebagai lembu kurus kering. Jadi dia punya berat lembu tu lebih kurang dalam 150... 200 kilogram dia punya karkas, dengan izin. Jadi apa yang kita mengambil pendekatan Yang Berhormat Dato' Sri ialah untuk memperkenalkan lembu-lembu yang premium termasuk lembu-lembu sado iaitu lembu er... *Charolaise, Limousine, Belgian Blue* dan lain-lain.

Jadi bila kita bekalkan lembu-lembu ini tadi kepada penternak dan juga kita kacukkan kita *crossbreed* kan dengan baka ini, maka lembu-lembu yang dapat dihasilkan ini adalah merupakan baka yang dikacukkan ataupun lembu yang sudah tentunya saiznya bertambah besar dan dijangkakan insya-Allah er... program yang dilaksanakan ini sedikit sebanyak akan dapat mempertingkatkan hasil pengeluaran daging berjumlah lebih kurang 20% daripada apa yang ada pada masa kini. Jadi ini program ini sedang dibuat dan malahan kita telah mengenal pasti seramai er... sebenarnya penternak lembu sado ya, er...

Minta maaf ni Dato' Sri Yang di-Pertua...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

...iaitu penternak lembu sado yang ada di seluruh negeri Pahang ini telah di... di... dibuat *engagement* supaya melibatkan diri dalam program ini. Insya-Allah dengan



kerjasama daripada semua pihak daripada Jabatan Veterinar daripada penternak maka dijangkakan lembu-lembu baka sado ini dapat dipertingkatkan.

Yang keduanya Dato' Sri, er... lembu-lembu premium termasuk wagyu yang ada sama ada di Bukit Kajang di Raub, sama ada di ini Tanjung Gahai di er... Lipis ataupun di er... Fazwa ini ladang Fazwa di Sungai Lembing kita akan buat *crossbreeding* maknanya wagyu ni baka wagyu... bull wagyu ni tadi akan di... di... di... apa nama dirancang supaya dia dapat er... *crossbreed* dengan *local* ataupun dengan lembu tempatan dan hasil daripada anak yang dihasilkan ini kacukan ni er... akan di... er ... diserahkan kepada penternak-penternak tempatan. Jadi maknanya kalau sekarang ni penternak tempatan ini dia menternak lembu KK sekarang ni dia akan dapat membela, memelihara dan menternak lembu-lembu premium dan dengan cara begini kita akan dapat pertingkatkan ini pendapatan penternak-penternak yang terlibat. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, baiklah. Kita pergi pada soalan berikut. Wakil dari Bukit Ibam. Sila.

YB. DATIN SAMSAH BINTI ARSHAD

Terima kasih yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Dengan ini saya mohon mengemukakan pertanyaan nombor 5.

[Ketika pembentangan bajet Negeri Pahang 2022, YAB Menteri Besar Pahang telah mengumumkan Program Anggun Pahang kepada ibu tunggal di Negeri Pahang. Sehingga kini, berapa orang ibu tunggal di Negeri Pahang yang terlibat dan apakah perkembangan program ini?]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua untuk menjawab soalan 5.

Program Anggun Niaga merupakan program bantuan khas usahawan kecil khusus untuk ibu tunggal di negeri Pahang. Semua peserta diberikan bantuan kewangan sejumlah RM1,000.00 setiap seorang bagi menambah baik keperluan perniagaan mereka. Selain itu, mereka turut diberikan latihan dan bimbingan sehingga berjaya. Sehingga kini kesemua 280 orang peserta ibu tunggal telah pun menerima bantuan khas ini yang mana penyerahannya telah dibuat pada 27 Ogos 2022, 29 dan 30 September yang baru-baru ini. Itu saja Dato' Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baik, kita pergi kepada soalan berikut. Wakil dari Teruntum. Sila.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 6.

[Peruntukan Untuk Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Daerah dan Majlis Sukan Sekolah Pahang]

1. Berapakah peruntukan yang telah diberi mengikut sukan dan daerah untuk



menganjurkan Kejohanan MSSD dan MSSP dari tahun 2019 sehingga 2022?

2. Untuk Kejohanan MSSP 2019 sehingga 2022, adakah pengurus pasukan, jurulatih dan pemain-pemain yang mewakili daerah diberi elaun makan, elaun perjalanan kenderaan dan elaun tempat tinggal peserta untuk semua sukan yang terlibat? Sila senaraikan jumlah elaun yang telah diberi mengikut kategori sukan/elaun makan/elaun perjalanan kenderaan dan elaun tempat tinggal.]

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih. Saya pun juga berterima kasih kepada Teruntum yang bertanya mengenai peruntukan untuk kejohanan Majlis Sukan Sekolah Daerah dan Majlis Sukan Sekolah Pahang. Soalan yang pertama beliau, berapakah peruntukan yang telah diberi mengikut sukan dan daerah untuk menganjurkan kejohanan MSSD dan MSSP dari tahun 2019 hingga 2022?

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memperuntukkan untuk kedua-dua sukan sekolah itu sama ada di peringkat daerah ataupun negeri sebanyak RM1,182,276.00.

Dan soalan yang kedua, kejohanan... untuk kejohanan MSSP 2019 sehingga 2022, adakah pengurus pasukan, jurulatih, pemain-pemain yang mewakili daerah diberi elaun makan, elaun perjalanan ke... kenderaan dan elaun tempat tinggal serta untuk semua sukan yang terlibat? Sila senaraikan jumlah elaun yang telah diberikan mengikut kategori sukan... elaun makan, elaun perjalanan kenderaan dan elaun tempat tinggal.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kejohanan MSSP 2019 sehingga 2022, er... semua pengurus pasukan, jurulatih dan pemain-pemain yang mewakili daerah diberi kemudahan kewangan serta elaun berdasarkan kelayakan mengikut peraturan kewangan semasa. Sebagai contoh, sehingga kini pada tahun 2022, sebanyak RM207,335.00 telah diperuntukkan, dibelanjakan bagi diagihkan kepada individu-individu yang terlibat. Pada 2019, sebanyak empat... RM492,000.00 telah diagihkan mengikut daerah-daerah dan 2020, RM469,376.00 juga telah diagihkan mengikut daerah-daerah.

2021, RM220,000.00 telah diagihkan mengikut PPD dan RM58,600.00 telah diagihkan mengikut sekolah-sekolah. 2022, RM256,000.00 dan RM207,335.00 telah diagihkan mengikut sekolah-sekolah untuk keperluan yang dipersoalkan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Teruntum. Sila.



YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Er...teme... terima kasih jawapan dari Wakil Kerajaan. Difahamkan hanya 8 sukan teras yang dapat peruntukan... perbelanjaan penuh, yang sukan lain ada bagi juga tapi tidak mencukupi dan er... jurulatih dan cikgu-cikgu terpaksa menanggung sendiri kos perbelanjaan dan juga termasuk atlet-atlet. Adakah kerajaan akan lebih adil pada masa yang akan datang, memberi peruntukan yang sama rata tak kira apa jenis sukan dan er... terutama di MSSP? Jika masalah ini berterusan, bagaimanakah sukan-sukan di negeri Pahang, di peringkat sekolah dapat dibangunkan? Terima kasih.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita ada anggaran 20 ke 22 acara sukan, macam-macam hingga masa musim PKP pun kita buat tapi secara *onlinelah* dia... dia apa... merentas desa pun secara *online*, bola sepak pun secara *online*, badminton pun secara *online*. Semua acara ini kita agih peruntukan mengikut arahan yang telah ditetapkan oleh pihak apa... berkuasa dan berwajib. Jadi yang terlibat juga harus menuntut apa namanya peruntukan itu melalui saluran yang telah ditetapkan, terima kasih Dato' Seri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, kita pergi...

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Speaker, soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, Pulau Manis, sila.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Er... yang pertama sekali sepatutnya pihak kerajaan dapat menyatakan jawapan bahawa 2019 sehingga 2020 memang tak ada... tak ada aktiviti sukan kerana kita diserang oleh pandemik COVID tapi mungkin perbelanjaan tersebut telah berlaku dalam kosong... 2022. Kemudian pertanyaan saya ialah adakah pihak pendidikan negeri Pahang membina ataupun memajukan beberapa acara sukan kepada beberapa tempat mengikut daerah supaya acara sukan tersebut boleh meningkatkan pembangunan negeri Pahang?

Saya nak tanya adakah sukan-sukan tertentu contohnya dulu kita ada Akademi Bola Sepak, sekarang dah tak ada. Adakah Akademi Kriket? Di mana berlaku? Di daerah mana? Jadi cuba nyatakan adakah perkara-perkara begitu tersebut di... dilakukan atau dilaksanakan di peringkat negeri Pahang supaya kita dapat bersainglah er... acara-acara sukan dengan negeri-negeri yang lain. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, Yang Berhormat. Sila.



YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, sahabat saya daripada apa er...Pulau Manis. Saya tak tahu dia tanya pasal sukan *online* ke ataupun nak adakan akademi sukan, ala kullihal. Cadangan nak mengadakan akademi ni baik dan mungkin kita panjangkan kepada pihak apa Kementerian supaya benda ni diambil perhatian. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, Yang Berhormat kita pergi kepada soalan berikutnya. Dijemput Wakil dari Tanjung Lumpur.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum WBT, Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon pertanyaan nombor 7.

[Kehadiran pengunjung-pengunjung Pantai Anak Air hingga ke Pantai Kempadang meningkat dengan mendadak sejak akhir-akhir ini. Kesesakan ini adalah disebabkan oleh jalan laluan pantai yang sempit. Adakah cadangan daripada pihak kerajaan untuk melebarkan jalan laluan pantai daripada Yayasan Pahang melalui Anak Air hingga Pantai Kempadang?]

YB. DATO SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Terima Kasih Dato' Yang di-Pertua, untuk memberikan ruang saya menjawab soalan yang dibawa oleh Tanjung Lumpur berkaitan dengan kesesakan jalan Pantai Anak Air iaitu jalan di antara Yayasan Pahang sehingga ke Kempadang melalui pantai. Untuk makluman Sidang Dewan jalan ini adalah dikategorikan sebagai jalan kampung di bawah sistem MARRIS ataupun *Malaysia Road Record Information System* dan bagi tujuan er... naik taraf jalan ianya tidak boleh kita menggunakan duit penyenggaraan dan sebenarnya pihak kerajaan ataupun pihak JKR sentiasa daripada semasa ke semasa membuat penilaian untuk er... naik taraf jalan di seluruh Kuantan. Sehingga hari ini jalan ini bukanlah di bawah keutamaan dan yang sebenarnya kita dah angkat 13 jalan untuk rancangan ataupun *Rolling Plan* Ke-3 bagi naik taraf jalan. Walau bagaimanapun atas perhatian Yang Berhormat berikan ini kita akan semak kembali sama ada sesuai atau tidak jalan ini untuk dinaik taraf.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Berikut jemput ADUN Wakil dari Tras.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan Speaker soalan saya soalan 8.

[Sila nyatakan statistik pengundi baru mengikut pecahan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sejak UNDI 18 diluluskan di Parlimen dan DUN.]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,



Terima kasih kepada ADUN Tras yang bertanyakan tentang pertambahan pengundi er...di negeri Pahang secara automatik baru-baru ini. Jadi keseluruhan er... angka pengundi baru berumur 18 dan secara automatik adalah lebih kurang 295,538 orang dalam negeri Pahang. Jadi kalau er... ADUN Tras ingin bertanyakan tentang satu persatu, parlimen dan juga ADUN, saya juga bersedia untuk memberi angka tersebut, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, seterusnya saya...

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

...menjemput Wakil Tanah Rata.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan Speaker, soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat saya tak benarkan lagi. Terus, Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya pohon kemukakan soalan nombor 9.

[Bekalan Elektrik di Kampung Orang Asli

a.Nyatakan kampung-kampung Orang Asli di Daerah Cameron Highlands dan daerah lain yang masih tidak dibekalkan bekalan elektrik

b.Jelaskan perancangan dan garis masa kerajaan untuk menyediakan bekalan elektrik kepada kampung-kampung berkenaan.]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya Yang Berhormat, terus kepada jawapan.

YB. DATO' ABD AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan terima kasih kepada ahli daripada Tanah Rata yang menanyakan permasalahan mengenai bekalan elektrik dan bekalan elektrik yang masih tidak dibekalkan kepada di kampung bagi daerah ini Cameron Highlands ya. Menjawab kepada pertanyaan, kampung Orang Asli di daerah Cameron Highlands yang masih tidak dibekalkan bekalan elektrik adalah 3 kampung:

1.



2. Kg. Telimau, Pos Lemoi
3. Kg. Lemoi, Pos Lemoi
4. Kg. Chenan Cherah, di Pos Lemoi

Bagi menjawab mengenai perancangan dan garis semasa, ketiga-tiga kampung ini telah pun diangkat oleh Pejabat Tanah dan Daerah Cameron Highlands bagi memasukkan perancangan di dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-12 dan pihak TNB telah juga mengadakan lawatan tapak ke kampung-kampung berkenaan sebelum ini untuk mendapatkan data dari segi bilangan ataupun jenis rumah dan akses jalan masuk bagi menyediakan justifikasi projek serta anggaran kos projek.

Dari segi laporan er... mengikut TNB hanya 2 kampung yang boleh dibekalkan kerana mempunyai akses jalan. Bagi Kampung Chenan Cherah, Pos Lemoi ianya tidak mempunyai akses ini... jalan dan kedua-dua kampung ini telah dibuat oleh TNB dengan jangkaan projek sebanyak 8... RM9.7 juta, TNB dan walau bagaimana... sementara menunggu ini bantuan ataupun bajet daripada Rancangan Malaysia Ke-12 dalam *Rolling Plan* yang seterusnya pihak kerajaan telah juga mencadangkan agar ianya mencari alternatif lain selain daripada sambungan *direct* daripada TNB.

Pihak ini... kerajaan telah meluluskan melalui KeTSA bagi mengadakan bekalan elektrik melalui mikrohidro... mikrohidro. Mikrohidro ini dilaksanakan kepada Kampung Lemoi, Pos Lemoi dan setakat ini er... projek ini adalah dalam proses oleh kerana kontraktor yang awal tu mempunyai sedikit masalah dan Pihak Kerajaan telah pun menulis surat kepada TNB untuk meminta supaya TNB sendiri untuk menguruskan er... pembangunan mikrohidro di Kampung Pos Lemoi. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kita pergi kepada...

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat jawapan tu dah jelas ya Yang Berhormat.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Er... soalan tambahan adalah berkenaan isu TNB.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

3 minit... 3 minit.



YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, 1 minit sahaja.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih dan juga jawapan daripada Pihak Kerajaan. Soalan saya seterusnya adalah berkenaan dengan projek bekalan elektrik luar bandar. Ni saya terima maklumat bahawa er... projek tersebut kita tangguh... tertangguh kerana TNB masih dalam rundingan bersama dengan Kerajaan Negeri bagi tujuan mengurangkan dan mengecualikan fi talian dan sewaan tapak pencawang yang berjumlah RM249,600.00. Oleh itu, soalan saya adalah apakah penyelesaian daripada pihak kerajaan dan bagaimanakah untuk menyelesaikan pengecualian fi tersebut? Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, terima kasih.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Soalan berkenaan ni mungkin lari sikit daripada apa soalan yang ditanyakan oleh Tanah Rata iaitu mengenai fi yang dikenakan oleh pihak kerajaan kepada penggunaan oleh ini... tanah TNB dengan kerajaan. Jadi ini kita dalam proses mencari jalan untuk meningkatkan hasil ini... negeri memang kita menengok kepada agensi dan jabatan yang menggunakan tanah-tanah kerajaan ni kita menengok supaya dapat kita mengutip sikit sebanyak hasil ni pada kerajaan. Salah satunya ialah mengenakan fi kepada projek-projek ini... TNB di tanah ni... kerajaan. Jadi apabila dikenakan fi TNB, fi tanah kerajaan kepada TNB tertentu ia telah meningkatkan kos... kos projek untuk nak menyalurkan ni apa bekalan elektrik bagi kawasan-kawasan di luar bandar. Jadi untuk ini pihak kerajaan masih lagi berunding untuk *win-win situation*lah. Maknanya pihak TNB kena bayar juga duit kerana mereka menggunakan tanah tapi dalam masa yang sama ianya telah dicaj kepada KPLB. Jadi untuk makluman Tanah Rata, isu ini masih di peringkat rundingan pihak kerajaan, TNB dengan juga KPLB. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, terima kasih Yang Berhormat. Soalan kita terakhir pagi ini, sila Wakil dari Inderapura.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mengemukakan soalan nombor 10.

[Sehingga kini pelbagai perkhidmatan kerajaan khususnya berkaitan kutipan hasil telah dimasukkan ke dalam aplikasi mobile PahangGo. Tahniah diucapkan kepada YB. Dato' Mohammad Fakhruddin.



Untuk tahun hadapan apakah cadangan perkhidmatan baru khususnya berkaitan kerajaan yang akan dimasukkan lagi atau ditambahbaik ke dalam applikasi mobile PahangGo?]

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih er... Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada soalan rakan saya daripada Inderapura. Ada guna PahangGo?

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Ada... ada.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu izinkan saya untuk di dalam Dewan Yang Mulia ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail kerana telah mencetuskan idea dan ilham untuk mewujudkan PahangGo bagi mendidik rakyat Pahang dalam untuk menguasai bidang internet dan untuk makluman yang daripada Inderapura, kejayaan PahangGo adalah kejayaan kita semua. Ini adalah ekoran daripada kerjasama daripada semua pihak yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri, Setiausaha Kerajaan Negeri termasuklah juga Ahli-ahli Dewan Negeri, kakitangan penjawat awam dan seluruh rakyat negeri Pahang.

Dan ingin di Dewan Yang Mulia ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat untuk menjayakan PahangGo. Sehingga kini jumlah pengguna PahangGo adalah seramai 270,000 orang manakala... manakala jumlah transaksi bulanan adalah sebanyak 160,000 transaksi yang berjumlah sebanyak RM1.2 juta sebulan. Di antara perkhidmatan yang ditawarkan di dalam applikasi PahangGo adalah seperti pembayaran cukai tanah di seluruh negeri, cukai pintu, cukai carian tanah, bayaran parkir di Kuantan, di Cameron Highlands, Bentong, Maran dan Jerantut, bayaran bil air di seluruh negeri, tambah nilai *prepaid*, *mobile* dan lain-lain.

Untuk maklumat... untuk makluman... makluman ADUN Inderapura, PahangGo juga merancang untuk melebarkan lagi perkhidmatan. Contohnya perancangan akhir kita adalah untuk melaksanakan *e-Wallet* Pahang. Menerusi applikasi tersebut yang akan membantu kerajaan menyalurkan bantuan dengan lebih efisien kepada rakyat agar lebih terkawal dan mudah untuk dipantau.

Saya berharap juga rakyat negeri Pahang akan terus memberikan sokongan yang padu kepada applikasi PahangGo di mana kejayaan ini adalah kejayaan kepada kita semua dan kerajaan... kejayaan kepada Kerajaan Negeri Pahang, insya-Allah. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempohkan dewan ini selama 20 minit... 20 minit kerana selepas ini kita akan mendengar Rang Undang-undang Perbekalan dan Belanjawan yang akan



dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan oleh kerana hari ini hari Jumaat juga kita cukup memerlukan masa yang secukupnya. Saya percaya Ahli Yang Berhormat dapat mematuhi arahan ini dan bersama-sama masuk semula ke dalam dewan dalam pukul 10.45 minit pagi.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa bersama -sama kita terdapat pemerhati daripada mahasiswa... siswi daripada Universiti Malaysia Pahang dan juga daripada UnIPSAS [Ahli Dewan menepuk meja] yang sama-sama kita pada pagi ini. Terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan.

Baiklah, saya bercadang mesyuarat kita dtempohkan dan masuk semula pada jam 10.45 minit pagi. Mesyuarat dtempohkan, terima kasih.

[Persidangan dtempohkan pada jam 10.18 pagi]



[Persidangan disambung semula]

RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima: Rang Undang-Undang.

Rang Undang-Undang Perbekalan (2023) 2022 DN 26/2022. Belanjawan Negeri Pahang 2023 DN 28/2022. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-Undang Perbekalan (2023) 2022.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, menyokong.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2023 dan bagi maksud memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon Rang Undang-Undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong cadangan itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2023) 2022 dibaca bagi kali yang kedua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini sukacita saya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyampaikan ucapan Belanjawan Negeri Pahang 2023.



YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur kehadiran Allah SWT kerana berkat limpah rahmatnya kita dikurniakan kesihatan yang baik serta kesempatan untuk melunaskan tugas dan tanggungjawab dalam sesi pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2023 pada hari ini. Marilah kita melafazkan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW semoga kita semua menjadi umat kebanggaan Baginda, insya-Allah.

Seterusnya, patik menjunjung setinggi-tinggi kasih kesisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang yang juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar sepanjang patik mengurus tadbir Kerajaan Negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Belanjawan Negeri Pahang 2023 yang bakal saya bentangkan ini bukan sahaja satu kerangka dan perancangan perbelanjaan serta pembangunan negeri sebaliknya ia turut membawa beberapa pengertian yang lebih penting dan besar. Pertama, ini adalah naskah yang mengandungi agenda pembangunan sosioekonomi yang mampan dan seimbang untuk negeri Pahang. Kedua, ini adalah satu pakej pembangunan yang sarat dengan pelbagai bentuk imbuhan, bantuan, insentif serta rangsangan demi memastikan rakyat menjadi fokus dalam segenap agenda negeri.

Ketiga, ini adalah satu manifestasi komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk melonjakkan Pahang ke satu kedudukan yang lebih baik, lestari serta berupaya menjadi antara penjana ekonomi terpenting negara. Bersandarkan kepada perspektif ini maka tema 'Negeri Stabil, Rakyat Sejahtera' telah dipilih menjadi pasak utama kepada keseluruhan Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2023.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Belanjawan kali ini merupakan kemuncak kepada suatu siri perjalanan yang penuh dengan latar politik yang unik dan tersendiri. PRU Ke-14 empat tahun lalu menyaksikan buat pertama kalinya dalam sejarah tanah air, Barisan Nasional tidak lagi menguasai pemerintahan di peringkat Persekutuan.



Peralihan kuasa tersebut sekalipun berlaku secara aman dan matang telah memberi banyak cabaran kepada Kerajaan Negeri. Saya masih ingat pada awal pentadbiran saya sebagai Menteri Besar kami dipandang serong dan diserang dengan pelbagai tekanan. Rakyat dimomokkan dengan kebencian oleh para pemimpin Pakatan Harapan sehinggalah Kerajaan Negeri difitnah kononnya memiliki kedudukan kewangan yang tenat pada ketika itu. Namun kuasa yang bersandarkan kepada kerakusan serta perebutan dalaman tersebut akhirnya tumbang dengan sendiri.

Benarlah firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 54 yang bermaksud, "mereka merancang Allah juga merancang, sesungguhnya Allah sebaik-baik perancang". Maka izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat Pahang kerana terus meyakini pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional di negeri ini. [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin mulakan dengan merumuskan secara ringkas pencapaian utama Kerajaan Negeri sepanjang tempoh lebih 4 tahun yang lalu terdapat empat kejayaan utama yang wajar kita sama-sama soroti dengan penuh rasa bangga dan syukur. Pertama, peningkatan kutipan hasil pendapatan negeri yang konsisten tahun demi tahun. Setakat 7 Oktober 2022 iaitu hari ini, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM1.037 bilion [Ahli Dewan menepuk meja] berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu RM1.036 bilion.

Ini bermakna kita telah berjaya mencapai melebihi 100% sasaran lebih awal daripada yang ditetapkan. Ini adalah satu pencapaian yang sangat membanggakan. Buat julung kalinya Pahang berjaya mencapai hasil mencecah RM1.0 bilion sekali gus meletakkan kita duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negeri-negeri maju yang lain seperti Johor dan Selangor.

Kedua, kejayaan menarik pelaburan berjumlah RM20.56 bilion. Pada tahun ini sehingga 30 September, negeri Pahang telah mengumpulkan pelaburan berjumlah RM20.56 bilion. Pelaburan tersebut yang melibatkan RM9.55 bilion pelaburan domestik dan RM11.01 bilion pelaburan asing telah melangkaui sasaran RM18.0 bilion yang kita sasarkan. Statistik ini adalah petunjuk jelas keyakinan para pelabur terhadap potensi serta kestabilan yang ada di negeri ini.

Ketiga, pengurangan hutang Kerajaan Negeri daripada RM3.31 bilion kepada RM952.21 juta. Sepanjang tempoh empat tahun ini suka untuk saya kongsi bahawa kita telah berjaya mengurangkan sebanyak 71.24% hutang Kerajaan Negeri. Ini bermakna secara purata kita berjaya mengurangkan 17.80% hutang negeri setiap tahun. Jika *trend* ini berjaya diteruskan dengan momentum serta kesungguhan yang dipamerkan oleh semua pihak tidak mustahil Pahang akan berjaya mengurangkan hutang negerinya, insya-Allah.

Keempat, kejayaan penyaluran bantuan dan program kebajikan kepada rakyat berjumlah RM77.95 juta. Seiring peningkatan hasil, pelbagai bantuan dan insentif kebajikan telah disalurkan kepada rakyat Pahang melibatkan jumlah keseluruhan RM77.95 juta menerusi Bantuan Prihatin Pahang, Program Kebanggaan Pahang, Program Memperkasakan Wanita dan warga emas. Yang menariknya bantuan ini disalurkan terus kepada rakyat merentasi segenap generasi daripada bayi yang baru lahir, pelajar, anak muda, pengantin baru sehinggalah kepada warga emas tanpa mengira batas bangsa, agama mahupun ideologi politik.



Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bahagian seterusnya saya akan bentangkan Anggaran Belanjawan Pendapatan, Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2023. Bagi tahun 2023, kita mensasarkan kutipan hasil Kerajaan Negeri mencecah RM1.083 bilion. Unjuran hasilnya ini adalah yang paling tinggi dalam sejarah, dengan peningkatan sebanyak 4.52% berbanding Belanjawan Tahun 2022.

Daripada jumlah ini RM1.071 bilion akan diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus yang merangkumi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaikan bayaran tetap serta perbelanjaan lain dan aset dengan peningkatan sebanyak RM40 juta atau 3.73% berbanding tahun 2022. Manakala bagi perbelanjaan pembangunan, peruntukan yang akan disediakan adalah sebanyak RM318.83 juta. Jumlah ini merangkumi projek infrastruktur sebanyak RM143.53 juta dengan pembiayaan secara langsung. Manakala RM175.30 juta atau bersamaan 54.94% adalah daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek bekalan air.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Belanjawan Negeri Pahang bagi Tahun 2023 ini akan menggariskan 5 strategi belanjawan utama:

- | | | |
|---------|---|--|
| Pertama | : | Merangsangkan kemajuan ekonomi; |
| Kedua | : | Memperkukuhkan tadbir urus; |
| Ketiga | : | Membangun infrastruktur yang mampan; |
| Keempat | : | Menjamin kesejahteraan rakyat; dan |
| Kelima | : | Membina generasi masa depan yang gemilang. |

STRATEGI BELANJAWAN PERTAMA : MERANSANG KEMAJUAN EKONOMI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Merancang dan mengurus ekonomi pasca pandemik adalah sangat sukar dan memerlukan pemikiran baru. Apatah lagi berdasarkan analisis daripada pelbagai pihak termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa atau IMF. Keadaan ekonomi global tahun depan diramalkan begitu sukar dengan risiko kemelesetan dan kadar inflasi yang meningkat. Keadaan ini diburukkan dengan kesan perubahan iklim serta bencana alam yang diramalkan sebagai luar biasa. Maka pada tahun 2023 berkemungkinan akan menjadi apa yang disebut sebagai *the year of perfect storm*, dengan izin.

Namun, Kerajaan Negeri percaya dengan kelebihan dan kekuatan yang ada pada Pahang, kita akan berupaya mendepani semua ini dengan baik. Ini adalah masa untuk kita menggunakan segala kelebihan yang ada bagi memastikan Pahang bukan sahaja berupaya berhadapan dengan *the perfect storm* tetapi mampu bangkit sebagai antara negeri paling maju di Malaysia. Sehubungan dengan itu, di bawah strategi pertama ini Kerajaan Negeri telah menyusun 7 inisiatif besar bagi memajukan ekonomi Pahang.

Inisiatif Pertama : Memaksimumkan Kutipan Hasil

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi memastikan sasaran kutipan hasil pada tahun 2023 dapat dicapai, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa strategi baru. Selaku negeri terbesar di Semenanjung Malaysia, fokus utama kutipan hasil Kerajaan Negeri sudah semestinya



kepada hasil tanah yang dianggarkan kira-kira RM675.37 juta. Jumlah sasaran ini adalah peningkatan sebanyak RM31.6 juta atau 4.91% berbanding sasaran pada tahun 2022.

Dari Januari sehingga 6 Oktober 2022, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah mencatat pungutan hasil kutipan cukai sebanyak RM105.49 juta. Jabatan Perhutanan akan terus menjadi antara penyumbang utama kepada sumber pendapatan negeri dengan jangkaan sumbangan hasil sebanyak RM137.55 juta bagi tahun 2023 melalui kutipan bayaran premium, royalti dan caj-caj lain. Di samping itu, Kerajaan Negeri akan membuat beberapa tuntutan baru.

Bagi memastikan sumber alam semula jadi Pahang yang telah diterokai akan menyumbang semula kepada pendapatan negeri. Antara tuntutan tersebut adalah, pertama, pelaksanaan Projek Hidroelektrik Ulu Jelai. Kerajaan Negeri akan menuntut bayaran terhadap kawasan takungan, kawasan tadahan, empangan, royalti air dan pendudukan tanah daripada pihak yang terlibat. Kedua, pembangunan infrastruktur telekomunikasi. Kerajaan Negeri akan menuntut permit tahunan dan cukai daripada pemilik struktur telekomunikasi.

Selain itu, dalam usaha mempromosikan aktiviti pelancongan, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Fi Kelestarian sebanyak RM3.00 satu malam bagi penginap setiap bilik penginapan di Pahang. Fi Kelestarian ini yang dimulakan pada tahun ini akan diteruskan pada tahun depan dengan sasaran kutipan sebanyak RM6 juta iaitu peningkatan sebanyak RM1 juta berbanding tahun 2022.

Bagi memastikan hasil kutipan Fi Kelestarian ini dimanfaatkan dengan sebaiknya, Kumpulan Wang Amanah Kelestarian ini akan ditubuhkan bagi menjamin hasil yang dikutip digunakan bagi tujuan membiayai pemasaran serta usaha mempergiat pelancongan ke arah menjadikan negeri Pahang sebagai destinasi pilihan pengunjung dalam dan luar negara. Bagi aktiviti mineral komersial pula khususnya emas, Kerajaan Negeri bercadang menubuhkan sebuah syarikat khas bagi menyelaras dan menguruskan semua aktiviti industri hiliran. Mandat utama syarikat ini akan bersifat serampang dua mata iaitu mencari pendekatan meningkatkan hasil negeri berkaitan mineral emas dan menyusun strategi untuk mencegah ketirisan yang merugikan negeri.

Selain itu, syarikat ini akan turut dipertanggungjawab mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk pengeluaran hasil emas, meneroka peluang perniagaan baru berdasarkan sumber mineral emas serta membuka peluang pekerjaan dalam industri ini. Bagi merancakkan industri perlombongan, Kerajaan Negeri akan membuka ruang meningkatkan penglibatan lebih ramai rakyat Pahang. Bagi mencapai objektif ini Kerajaan Negeri akan mengkaji secara mendalam pengenalan Skim Lombong Rakyat pada tahun 2023. Melalui skim ini satu kawasan strategik akan ditawarkan kepada masyarakat awam bagi tujuan perlombongan yang akan dibangunkan secara bersama-sama menggunakan mekanisme dan operasi perlombongan terbaik yang akan dikaji melalui anak syarikat negeri iaitu Pahang Mining Corporation. [Batuk]

Inisiatif Kedua : Menggalakkan Pelaburan

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pelaburan langsung asing ataupun FDI dan domestik adalah kritikal dalam melonjak pertumbuhan ekonomi negeri. Atas kesedaran ini Kerajaan Negeri serius dalam membangunkan ekosistem pelaburan yang kondusif agar Pahang menjadi destinasi



pilihan pelabur. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan gerbang *Invest Pahang* dengan memperkenalkan konsep *Location Centric Approach* atau ringkasnya LCA, dengan izin. Pendekatan LCA ini telah memberi impak langsung kepada penambahan 62% nilai pelaburan masuk daripada RM12.6 bilion pada tahun 2021 kepada RM20.56 bilion pada tahun 2022. Melihat kepada keberkesanan dalam melonjak kemasukan pelaburan maka pendekatan LCA ini akan diteruskan pada tahun 2023.

Ease of doing business index meletakkan negeri Pahang sebagai antara negeri terbaik dari segi penawaran fasiliti dan pemudah cara pelabur. Sudah pasti pencapaian ini membawa banyak kesan domino yang positif serta kewujudan peluang pekerjaan yang merupakan kesan *spill over* secara langsung kepada industri sampingan.

Pencapaian ini juga merupakan antara manfaat hasil kolaborasi Pahang bersama beberapa negara pada tahun ini. Antaranya ialah Emiriah Arab Bersatu, Indonesia, Korea, China, Uzbekistan, Jerman dan Singapura. Bagi memastikan momentum kemasukan FDI tersebut berterusan dan dapat digandakan, Kerajaan Negeri telah merancang beberapa pelan pemerkasaan infrastruktur logistik.

Paling besar antara semua perancangan adalah inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Gebeng. Pelan ini akan menyaksikan Daerah Kecil Gebeng dikelaskan sebagai hab transit pantai timur yang merangkumkan keperluan logistik udara, darat dan laut.

Bagi menjayakan pelan ini, terdapat 3 inisiatif yang akan diberikan tumpuan. Pertama: Cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan yang bernilai RM2 bilion. Kedua: Pembangunan kemudahan kuarters pekerja seluas 9 ekar di Kawasan Perindustrian Gebeng melibatkan peruntukan sejumlah RM25 juta. Ketiga: Pembinaan pelabuhan darat di jajaran ECRL dan pengukuhan fungsi Pelabuhan Kuantan.

Pada kesempatan ini, saya suka kongsi bahawa lawatan kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang ke Singapura pada 17 Februari tahun ini telah turut membawa beberapa hasil besar.

Antaranya adalah perkongsian maklumat, teknologi dan kepakaran khususnya berkaitan pemeliharaan khazanah dan kelestarian alam. Perkongsian amalan terbaik dalam sektor pentadbiran kerajaan, selain peluang kerjasama dan agenda pembangunan lestari serta peluang mewujudkan kerjasama dalam sektor *agrotech*. Keterlibatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang bagi mempromosikan Pahang sebagai destinasi pelaburan seharusnya menjadi penegasan penting kepada kita semua. Betapa setiap daripada kita mesti berganding bahu dan memberikan yang terbaik kepada negeri ini tidak kiralah dari aliran politik mana sekalipun kita wakili.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Inisiatif Ketiga : Mengembangkan Industri Pelancongan

Alhamdulillah, Pahang ini kaya dengan pelbagai tarikan pelancongan semula jadi. Pantai yang indah, pulau yang cantik, sungai yang menarik, hutan yang kaya dengan khazanah alam, gua yang unik dan kawasan peranginan tanah tinggi yang memukau. Kesemua ini bukan sahaja mampu menjana pendapatan yang baik kepada negeri malah secara tidak langsung berupaya merancakkan ekonomi penduduk setempat. Berbekalkan kelebihan ini, kita mahu terus memperkenalkan Pahang sebagai industri

pelancongan bertaraf dunia. Sebanyak 19 destinasi telah dikenal pasti di bawah tapak warisan UNESCO, UNESCO Global Park, Geopark Kebangsaan dan Geotapak.

Namun, kebanyakannya masih memerlukan kajian dan penyelidikan yang mendalam. Untuk itu, sebanyak RM20 juta akan diperuntukkan dalam tempoh 5 tahun untuk menjalankan kerja-kerja kajian dan penyelidikan. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Taman Negeri Pahang sedang berusaha menjadikan daerah Lipis sebagai UNESCO Global Geopark. Di bawah program yang berasingan, 2 tapak baru iaitu Taman Eko Rimba *Mossy Forest* dan Tasik Bera akan diangkat untuk mendapat pengiktirafan UNESCO di bawah Program *Man and The Biosphere*.

Pahang mempunyai pelbagai kelebihan dan keistimewaan tersendiri. Namun, 'jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya'. Tanpa promosi, kesemua kelebihan itu akan terus tersorok. Untuk itu, sebanyak RM3 juta akan diperuntukkan bagi menyerlahkan keistimewaan Pahang pada dunia luar melalui aktiviti promosi pelancongan.

Seiring dengan usaha strategik ini, 7 langkah utama akan menjadi tumpuan Kerajaan Negeri bagi merencanakan industri pelancongan. Antaranya, pertama: memajukan ekopelancongan Sungai Pahang dengan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi pembinaan 6 buah jeti dan papan iklan di 6 daerah persisiran Sungai Pahang. Kedua: meneruskan penganjuran pelbagai program pelancongan bertaraf dunia seperti *Pahang Ocean Paddle*, *Pahang Billfish International Challenge*, *Pahang River Cruise* dan *Pahang Barat Trail Run* dengan peruntukan sebanyak RM9.1 juta. Ketiga: mewujudkan *One Stop Centre* untuk mendapatkan data penggiat pelancongan dengan peruntukan sebanyak RM150,000.00. Keempat: melakukan pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur pelancongan dengan peruntukan RM1 juta.

Kelima: membangunkan sektor pelancongan berasaskan flora atau perhutanan dengan peruntukan sebanyak RM2.2 juta. Keenam: membangunkan Projek Perkampungan Al-Asar dengan peruntukan RM2 juta serta menganjurkan Pameran *Pahang Craft and Textile Week* dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta. Ketujuh: memberi latihan khas dan tauliah kepada penggiat industri pelancongan negeri seperti malim gunung, pemandu pelancong, jurumudi ataupun *boatman* serta jurualu dan *caving* ataupun *hiking guide* dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00 serta menyediakan perlindungan insurans kepada kelompok ini dengan peruntukan RM300,000.00.

Inisiatif Keempat : Merencanakan Ekonomi Industri Kecil Dan Sederhana

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam merencanakan ekonomi, Kerajaan Negeri tidak pernah melupakan penglibatan industri kecil dan sederhana serta usahawan mikro. Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelbagai inisiatif yang merangkumi penyediaan tapak, skim pembiayaan, persijilan serta bantuan khidmat nasihat. Dalam aspek penyediaan tapak misalnya 2 usaha khusus buat para usahawan IKS serta usahawan mikro telah digariskan. Pertama: 1 tapak akan dibangunkan di kawasan seluas 60 ekar khusus untuk usahawan IKS dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM35 juta di Bera. Kedua: mewujudkan Projek Pembinaan Usahawan di Taman Teknologi Park, Gambang dengan peruntukan sebanyak RM3.4 juta.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut berhasrat meneruskan pembiayaan usahawan mikro Skim I-PUSH bagi membantu hampir 2,500 usahawan di seluruh negeri Pahang



dengan peruntukan sejumlah RM10 juta. Dalam aspek pensijilan halal pula, satu dana secara *revolving fund* berjumlah RM10 juta akan disediakan bagi membantu mereka yang layak untuk mengembangkan skop pasaran sekali gus meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap kualiti dan kesucian produk perniagaan mereka. Bagi memastikan para peniaga dan penaja kecil baharu mendapat bimbingan serta sokongan yang sewajarnya, Unit Pemudah Cara Perniagaan di Pihak Berkuasa Tempatan akan menyediakan khidmat nasihat percuma agar perniagaan boleh dimulakan dengan terancang, segera dan mematuhi peraturan. Majlis Bandaraya Kuantan akan dijadikan perintis projek ini.

Akhir sekali, berikutan pertambahan penyertaan golongan muda yang menjadi agen *dropship*, Kerajaan Negeri akan menyediakan kursus percuma perniagaan secara atas talian melalui peruntukan berjumlah RM1 juta. Dengan rangkaian inisiatif ini kita harap negeri Pahang akan berupaya menyediakan satu ekosistem yang merangsang dan menyokong pengembangan IKS dan keusahawanan mikro.

Inisiatif Kelima : Memperkasa Bidang Kecukupan Bekalan Makanan Atau *Food Security*

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mutakhir ini, isu kecukupan bekalan makanan atau *food security* dengan izin, semakin mendapat perhatian. Pelbagai pergolakan global telah mempengaruhi peningkatan harga dan kenaikan kos logistik. Malah perubahan iklim yang mengakibatkan cuaca ekstrem seperti banjir dan kemarau telah mengganggu hasil pengeluaran makanan. Perkara ini memberi kesan langsung kepada masyarakat awam apabila harga makanan melonjak dan bekalan makanan tidak mencukupi. Justeru, saya percaya wujud keperluan mendesak untuk kita mula bertindak secara proaktif dan bijak.

Untuk tahun 2023, beberapa langkah dan strategi telah disusun mengikut sektor dan industri dengan matlamat menyuntik rangsangan kepada industri berkaitan kecukupan bekalan dan agromakanan. Sebagai pengeluar utama daging lembu di Semenanjung Malaysia, pemerikasaan sokongan terhadap warga penternak dan industri hiliran adalah prasyarat yang mesti dikukuhkan. Justeru, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM2.9 juta agar industri penternakan Pahang terus berkembang dan kekal mampan. Bagi meningkatkan pengeluaran makanan pula, Kerajaan Negeri akan memastikan para petani yang terlibat dalam pembangunan projek pertanian terancang didedahkan dengan pelbagai teknologi pertanian terkini.

Pendekatan *precision farming* iaitu konsep *smart farming* dan *Internet of Things* seperti penggunaan *drone* bukan sahaja mampu menjimatkan kos malah berupaya meningkatkan kecekapan pengurusan ladang dan seterusnya meningkatkan pengeluaran hasil. Galakan juga akan diberikan kepada orang ramai untuk bercucuk tanam secara individu atau berkumpulan. Selain itu, penanaman baru dan permulaan projek bagi tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, tanaman kelapa dan komoditi berpotensi akan diberi tumpuan.

Bagi menjayakan usaha ini, Kerajaan Negeri akan membelanjakan sejumlah RM3.35 juta bagi membantu para petani di seluruh Pahang. Malah bagi memastikan pengeluaran makanan seperti buah, sayur dan tanaman kontan menepati piawaian serta selamat digunakan, bilangan ladang berstatus MyGap yang mengamalkan *good... Good Agriculture Practice*, dengan izin, akan ditingkatkan.



Selain itu, beberapa inisiatif lain akan turut dilaksanakan. Antaranya ialah pertama, pengeluaran tanaman baru yang berpotensi seperti *sacha inchi*, vanilla dan buah tin akan dipertingkatkan dengan mengaplikasikan teknologi *green house* melalui peruntukan RM1 juta.

Kedua, merancakkan penghasilan baka ternakan premium seperti lembu wagyu dengan peruntukan sebanyak RM3.4 juta [Ahli Dewan menepuk meja]. Pada masa yang sama sebanyak RM3 juta lagi akan diperuntukkan kepada 300 induk baka yang menjayakan inisiatif ini.

Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang akan turut memperhebatkan Projek Bumi Hijau Tanaman Fertigasi bagi membantu golongan rentan menambah pendapatan. Hasil ini... usaha ini telah dimulakan dengan projek rintis tanaman fertigasi cili bara oleh penghuni di Jalan Wong Ah Jang, Kuantan. [Ahli Dewan menepuk meja]

Selain itu, Program Usahawan Tani Fertigasi akan diwujudkan dengan melibatkan 40 buah kampung di seluruh Pahang. Setiap 10 individu yang layak daripada setiap kampung tersebut akan menerima RM10,000.00. Keseluruhan projek ini akan menelan belanja sebanyak RM400,000.00.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan membangunkan satu pusat kajian dan penyelidikan atau R&D serta kilang bagi menghasilkan dedak ternakan. Sebanyak RM5 juta akan diperuntukkan untuk tujuan ini. Melalui segala inisiatif dan usaha yang telah disusun, kita berharap Pahang akan lebih bersedia untuk berhadapan dengan sebarang kemungkinan sambil memastikan kita mempunyai bekalan makanan yang mencukupi.

Inisiatif Keenam : Lonjakan Industri Asas Tani

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri dalam usaha memajukan ekonomi Pahang akan memberi perhatian yang lebih serius kepada industri asas tani. Sebanyak 4 langkah penting akan kita lakukan pada tahun hadapan.

Pertama, sebanyak RM300,000.00 diperuntukkan bagi pembangunan Industri Asas Tani. Kedua, memperkasa khidmat pembajakan Jabatan Pertanian Negeri Pahang bagi memenuhi permintaan petani. Ketiga, menumpu kepada penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan serta pertambahan kenderaan baru agar kemudahan logistik dapat ditambah baik. Langkah ini akan menggunakan peruntukan sebanyak RM665,000.00. Keempat, memudahkan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara tanah bagi tujuan pertanian tanaman singkat.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi sektor perikanan darat, Program Tambahan Pendapatan Penternak Ikan Air Tawar akan diperkenalkan berbekalkan peruntukan sebanyak RM504,000.00. Antara usaha di bawah program ini adalah bantuan input benih ikan tilapia atau patin kepada 150 penternak kecil dan sederhana yang melibatkan 10 daerah perikanan.

Bagi menjamin kelangsungan spesies ikan asal di Sungai Pahang pula, Kerajaan Negeri akan mengadakan Kempen Pembasmian Spesies Ikan Asing Pemangsa ataupun *predator* melalui peruntukan sebanyak RM100,000.00. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan berusaha membangun dan memulihara baka ikan asli Pahang seperti Patin Muncung, Patin Buah, Temelian dan Kelah dengan membeli benih induk



ini untuk menghasilkan sumber kekayaan baru melalui pengeluaran spesies bernilai tinggi. Inisiatif ini akan menerima peruntukan sebanyak RM100,000.00 sebagai kos permulaan.

Inisiatif Ketujuh : Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat Plus

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Selain memastikan pembangunan yang kita lakukan adalah lestari dan memberi manfaat kepada semua, Kerajaan Negeri akan memastikan Agenda Pembangunan Negeri Pahang adalah seimbang di seluruh negeri dan tidak hanya bertumpu di er... sesetengah kawasan. Untuk memastikan keseimbangan ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat Plus yang berperanan meningkatkan pelaburan dan pembangunan ekonomi dari 5 kluster industri utama iaitu pelancongan, pertanian, perkayuan, mineral dan perkhidmatan di 6 daerah iaitu Bentong, Cameron Highlands, Lipis, Raub, Jerantut dan Bera dengan keluasan keseluruhan 1.98 juta hektar.

Melalui pelaksanaan pelan pembangunan ini, harapan kita hanya satu iaitu memastikan Agenda Pembangunan Ekonomi Negeri Pahang akan lebih pelbagai, berkembang serta seimbang di seluruh negeri.

STRATEGI BELANJAWAN KEDUA : MEMPERKUKUKKAN TADBIR URUS

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kemajuan yang mampan hanya dapat dikecapi sekiranya sistem pentadbiran kerajaan dapat diperkukuhkan selari dengan perkembangan ekonomi dan keperluan masyarakat. Dalam konteks ini, terdapat 11 inisiatif utama akan dilaksanakan dengan sasaran memperkukuhkan tadbir urus Kerajaan Negeri dalam pelbagai peringkat dan sektor.

Inisiatif Pertama : Pelestarian Hutan Dan Alam Sekitar

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM40.94 juta bagi pelbagai tujuan pembangunan dan aktiviti perhutanan. Sejajar dengan peruntukan tersebut, Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif dalam setiap gerak usaha pelestarian hutan dan alam sekitar menerusi 7 pendekatan.

Pertama, membudayakan pemakaian prinsip ESG... ESG atau *Environmental, Social and Governance* merupakan satu prinsip di bawah *Sustainable Development Goals* ataupun SDG yang mengangkat idea pembangunan dan aktiviti ekonomi secara mampan, beretika serta mengutamakan alam sekitar.

Kedua,ewartakan hutan simpan kekal. Negeri Pahang berbangga kerana sejumlah 22% daripada jumlah keluasan hutan simpan kekal di negeri ini dengan keluasan 355,000 hektar telah diwartakan sebagai kawasan hutan tadahan air. Kerajaan Negeri komited untuk memperluaskan kawasan hutan simpan kekal di negeri ini kepada 60% daripada keluasan hutan sedia ada.

Ketika ini 1.6 juta hektar kawasan hutan di negeri ini telah dijadikan hutan simpan kekal iaitu 57% daripada keluasan negeri Pahang. Atas komitmen dan kesungguhan ini, Kerajaan Negeri berharap usaha untuk pengekal khazanah alam ini akan mendapat perhatian dan digantikan dengan pampasan yang setimpal oleh Kerajaan Pusat.



Ketiga, menjayakan inisiatif pasaran karbon. Selaku negara membangun yang mempunyai potensi pengurangan pelepasan karbon yang terhad, adalah penting untuk Malaysia mempunyai satu dasar khusus berkaitan pasaran karbon. Kerajaan Negeri sedang dalam usaha menjayakan agenda ini dengan kerjasama negeri-negeri lain. Buat masa ini, penyediaan kerangka prosedur perundangan sedang diteliti dan akan mula dibangunkan pada tahun 2023.

Keempat, melakukan kempen penanaman, '1 pokok, 1 rakyat Pahang'. Kempen penanaman 1 pokok, 1 rakyat Pahang merupakan antara salah satu ciri kempen 5 tahun. Bermula daripada tahun 2021 hingga 2025 yang dilaksanakan di peringkat negeri Pahang dan bermula tahun ini, setiap kelahiran bayi di negeri ini akan turut ditanam dengan 1 batang pokok. Usaha ini akan diteruskan untuk tahun hadapan.

Kelima, mengamalkan pendekatan pemindahan fiskal ekologi untuk pemuliharaan biodiversiti. Melalui inisiatif ini kita akan memperuntukkan sebanyak RM8.49 juta untuk diagihkan kepada jabatan-jabatan yang terlibat dalam aktiviti perlindungan dan pemeliharaan kawasan perlindungan seperti di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Negeri Pahang dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang.

Keenam, melaksanakan rangkaian program pemuliharaan hutan. Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri akan meneruskan pelbagai program pemuliharaan hutan secara mampan seperti pengekalan sijil *Malaysian Criteria and Indicators National Forest* dan Program Pemuliharaan Tasik Chini melalui Program Penghijauan dan Program *Buy Back Guarantee* bersama peserta tapak semaian Orang Asli.

Ketujuh, menubuhkan Hutan Taman Negeri Ketiga. Hutan yang terlibat adalah di sekitar er... Jajaran Gunung Berantai seluas 14,679 hektar yang meliputi beberapa kawasan menarik seperti Air Terjun Lubuk Kawah, Lubuk Yu dan Air Terjun Pelangi dengan peruntukan RM1 juta.

Inisiatif Kedua : Rancangan Kemajuan Yang Sistemik

Sekalipun kita mahu merancang agenda pembangunan di seluruh Pahang, kita perlu memastikan segala agenda tersebut adalah terancang. Kerajaan Negeri melalui Plan@Malaysia Pahang akan memberi tumpuan kepada rancangan pembangunan bandar bagi memastikan proses urbanisasi di negeri ini dilaksanakan secara sistemik. Untuk tujuan ini Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM220,000.00 bagi pelaksanaan kajian-kajian Rancangan Pembangunan Negeri Pahang serta Rancangan Tempatan Daerah di Rompin, Maran dan Bera.

Inisiatif Ketiga : Kawalan Ketirisan Hasil Kerajaan Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sehingga 30 September 2022, Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan ketirisan kutipan hasil sebanyak RM257.35 juta. Ketirisan ini dikenal pasti dengan menyemak banyak perkara termasuklah perjanjian perbekalan air mentah yang telah lama tidak dikaji semula. Justeru, bagi tujuan membasmi ketirisan hasil Kerajaan Negeri kita akan melakukan penyelarasan kadar perbekalan air mentah semasa.



Inisiatif Keempat : Pemerkasaan Penguatkuasa Undang-undang

Pada tahun 2023 sebanyak RM1.06 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan kerja-kerja penguatkuasaan dan pembelian kelengkapan aset pengurusan bagi memantapkan lagi operasi penguatkuasaan di negeri ini. Selain itu Kerajaan Negeri turut menyediakan sejumlah RM905,000.00 untuk emolumen anggota Pasukan Khas Elit Penguatkuasa Negeri Pahang bagi membanteras ketirisan hasil kerajaan. Dengan jalinan kerjasama ini, kita percaya operasi penguatkuasaan undang-undang dan pencegahan ketirisan hasil negeri akan dapat ditangani dengan lebih baik.

Inisiatif Kelima : Pemerkasaan Infrastruktur ICT dan Perkhidmatan Atas Talian

Kerajaan Negeri akan terus merencanakan pembangunan infrastruktur digital dan kemudahan asas talian dalam pelbagai sektor. Ini bagi memastikan kelancaran dan kecukupan sistem penyampaian kerajaan sekali gus menjadi langkah awal untuk kita beralih kepada sebuah Kerajaan Digital. Bagi tahun 2023, sebanyak RM3.44 juta diperuntukkan di bawah perbelanjaan mengurus untuk perolehan infrastruktur ICT dan sebanyak RM2.2 juta diperuntukkan di bawah perbelanjaan pembangunan bagi melaksanakan projek berkaitan teknologi maklumat. Antaranya pelaksanaan perkhidmatan *online* agensi kerajaan dan menaik taraf rangkaian komunikasi 1PahangNet.

Bagi tujuan pelaksanaan teras infrastruktur digital dalam Pelan Digital Negeri Pahang 2021 hingga 2025, sejumlah RM3 juta diperuntukkan pada tahun 2023 sebagai kesinambungan Program Langganan Perkhidmatan Jalur Lebar Satelit kepada kawasan yang menghadapi capaian bermasalah bagi memastikan jurang digital dapat dikurangkan.

Inisiatif Keenam : Mempelbagai Aplikasi PahangGo

Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan memudahkan para pengunjung yang melawat dan beraktiviti di rimba Pahang, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bakal melancarkan 2 aplikasi atas talian. Pertama, Modul Eko-Rimba dalam aplikasi PahangGo. Melalui aplikasi ini para pengunjung yang melawat Taman *Eco-Rimba Mossy Forest* dan membuat aktiviti pendakian di Cameron Highlands boleh membayar fi masuk dan mendapat permit memasuki Hutan Simpan Kekal secara atas talian.

Kedua, Sistem Ekopelancongan Perhutanan Pahang, iaitu aplikasi yang mempunyai fungsi serupa dengan ekorimba tetapi akan digunakan di Hutan Simpan Kekal Negeri Pahang.

Inisiatif Ketujuh : Pemantapan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung atau JPKK

Kerajaan Negeri turut menumpu kepada usaha pemantapan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung di seluruh negeri. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.3 juta bagi tujuan ini. Selain itu, sebagai menghargai JPKK, Kerajaan Negeri bersetuju menaikkan kadar elaun fungsi JPKK iaitu daripada RM750.00 kepada RM1,000.00 sebulan [Ahli Dewan menepuk meja] berkuat kuasa 1 Januari 2023. Semoga kenaikan elaun ini menjadi pembakar semangat untuk mereka terus mencurahkan bakti dan khidmat kepada masyarakat.



Inisiatif Kelapan : Pengurusan Bencana Pahang

Bercakap tentang bencana dan musibah, izinkan saya memetik serangkap pantun Melayu, Pusat Rujukan Persuratan Melayu:

*Andainya Hujan lebat mencurah,
Eloklah kita membawa payung,
Andainya kawan dapat musibah,
Eloklah kita segera menolong.*

Berbekalkan semangat itulah Kerajaan Negeri tidak akan mengalah dan menyerah jika kita diuji dengan bencana alam. Berpeluk tubuh dan menyalahkan takdir bukanlah pilihan. Justeru untuk tahun 2023 kita sudah menyusun pelbagai langkah persediaan. Antara langkah utama yang akan kita laksanakan ialah pertama, memperkenalkan Dasar Pengurusan Bencana Negeri Pahang dan *Disaster Data Bank* Negeri Pahang. Dasar ini adalah bagi membantu pembuatan keputusan yang pantas dan betul di peringkat daerah dan negeri sebagai langkah untuk berhadapan dengan bencana. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM500,000.00 untuk usaha ini.

Kedua, Program Pasca Banjir. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 4 puluh... Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM47 juta bagi Program Pasca Banjir seluruh negeri yang akan dilaksanakan pada tahun 2022 sehingga 2023. Peruntukan ini telah digunakan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan banjir di negeri ini. Misalnya pembelian bot amfibia, pembinaan pusat pemindahan banjir kekal, pembinaan landasan pendaratan helikopter, pembelian instrumen sistem amaran awal banjir serta pembelian bot penyelamat yang ditempatkan di Pejabat Penghulu-penghulu.

Selain itu, antara projek pasca banjir yang berkaitan infrastruktur jalan, saliran dan cerun yang telah diluluskan Kerajaan Negeri. Pertama ialah Projek Penyenggaraan *Monsoon Drain* di Pekan dan Kuantan sebanyak RM1.09 juta.

Kedua, kerja pembaikan cerun dan naik taraf infrastruktur jalan yang rosak akibat banjir berjumlah RM1.3 juta dan terakhir pemasangan sistem amaran awal tanah runtuh sebagai langkah pencegahan di 3 daerah yang mempunyai rekod dan risiko paling tinggi berlaku runtuh tanah atau cerun iaitu di Cameron Highlands, Bentong dan Raub berjumlah RM3.5 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bersetuju meluluskan penubuhan Unit Pengurusan Bencana Negeri Pahang bagi memperkemarkan pengurusan bencana banjir supaya lebih pantas, teratur dan cekap.

Ketiga, Peruntukan Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang ataupun KWAMP. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM7.6 juta bagi tujuan pengurusan bantuan kepada mangsa bencana di seluruh negeri selain menaikkan kadar apungan Tabung Bantuan Bencana di setiap daerah daripada RM20,000.00 kepada RM50,000.00.

Inisiatif Kesebelas : Bantuan Khas Kewangan Kepada Kakitangan Kerajaan

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya menjangkakan ramai yang ternanti-nanti pengumuman berita baik kepada 8,000 penjawat awam Kerajaan Negeri Pahang. Sesungguhnya Kerajaan Negeri tidak pernah melupakan jasa dan komitmen penjawat awam negeri Pahang dalam memastikan agenda pembangunan negeri dan masyarakat dicapai.



Sebagai penghargaan dan sanjungan... sebagai penghargaan dan sanjungan tinggi kepada kakitangan awam yang sentiasa mendokong aspirasi serta agenda kemajuan negeri Pahang, Kerajaan Negeri Pahang berbesar hati memberikan Bantuan Khas Kewangan sebanyak 1 setengah bulan gaji [Ahli Dewan menepuk meja] kepada setiap penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri.

Bayaran ini akan dikreditkan kepada mereka sebanyak 1 bulan gaji pada tahun ini dan setengah bulan gaji pada Januari 2023 yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM33 juta [Ahli Dewan menepuk meja]. Ini adalah kerana kita berjaya mendapat RM1 bilion Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, usaha keras mereka kita harus hargai dan sanjungi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, Yang Amat Berhormat.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

STRATEGI BELANJAWAN KETIGA : MEMBANGUN INFRASTRUKTUR YANG MAMPAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kemakmuran sesebuah negeri hanya akan dicapai apabila keperluan asas penduduknya dipenuhi. Sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab adalah menjadi keutamaan saya untuk memastikan setiap rakyat menerima kemudahan asas seperti bekalan air bersih, jaringan jalan raya yang lengkap dan sistematik dan kediaman yang selamat.

Pembangunan infrastruktur yang mampan ini harus bersifat menyeluruh, strategik dan berupaya memberi manfaat terbaik kepada masyarakat. Maka bagi menjayakan strategi penting ini sebanyak 4 inisiatif utama telah dirancang.

Inisiatif Pertama : Memenuhi Keperluan Bekalan Air

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bekalan air merupakan satu isu yang kompleks, menuntut perancangan rapi, bajet yang cukup besar serta tempoh masa untuk diselesaikan. Namun, Kerajaan Negeri tidak pernah berkompromi atau teragak-agak untuk memberi sepenuh komitmen bagi menyediakan kemudahan bekalan air terbaik untuk rakyat. Bagi tempoh 5 tahun dari 2001 hingga 2025, sejumlah RM2.3 bilion diperlukan untuk menyelesaikan kekurangan rizab margin di loji rawatan air, kekerapan paip pecah, kadar kehilangan air yang tinggi dan mengatasi masalah di lokasi-lokasi *hotspot* di seluruh negeri.

Alhamdulillah, saya sendiri telah mengotakan janji saya pada Sidang Dewan Negeri... saya sendiri telah mengotakan janji saya pada Sidang Dewan Negeri April lalu dengan turun padang dan menjelajah ke setiap daerah untuk meneliti Perancangan Pengurusan Air Pahang Berhad. Hasilnya sebanyak 217 projek telah dikenal pasti di seluruh negeri yang meliputi antaranya projek pembinaan Loji Rawatan Air baru di Bukit Puling di Kuantan, Karak di Bentong, Lanchang di Temerloh, Pulau Tawar di Jerantut serta menarik taraf... serta menarik taraf kapasiti beberapa Loji Rawatan Air di Lipis, Bentong, Jerantut, Temerloh, Bera, Rompin, Pekan dan Kuantan.



Bagi mengurangkan pembaziran menerusi kehilangan air ataupun NRW, *non revenue water* pula, program penggantian paip-paip *asbestos cement* secara berfasa di semua daerah melalui program pemasangan paip-paip baru sepanjang lebih 250 km telah dirancang di seluruh negeri. Seterusnya dalam menjamin sumber air mentah yang berterusan Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek-projek pembinaan *Off River Storage* ataupun ORS atau Projek Takungan Air Pinggiran Sungai di Lipis dan Pekan.

Kerajaan Negeri juga telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan 10 lagi ORS dan 16 empangan kecil. Bagi mengatasi masalah kekurangan air pula, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan projek membina *Pre-Sedimentation Tank* di 3 loji rawatan air di daerah Raub. Pada masa hadapan, Kerajaan Negeri merancang untuk turut melaksanakan projek *Pre-Sedimentation Tank* ini di kawasan lain mengikut keperluan.

Bagi tahun 2023, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM322 juta bagi pembiayaan 14 projek perkhidmatan bekalan air. Hasil hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan... kerajaan sekaranglah bukan... bukan kerajaan 22 bulan... bukan kerajaan 17 bulan, kerajaan sekarang. Hasil hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri memperolehi peruntukan daripada pelbagai agensi antaranya projek bekalan air luar bandar seperti di Kampung Chegar Perah, Kampung Dada Kering, Mela, Merapoh, Sungai Temau di Lipis, Batu Balai di Jerantut, Pulau Tioman di Rompin dan daerah-daerah lain yang dikenal pasti.

FELDA juga memperuntukkan bajet untuk tujuan penambahbaikan bekalan air di kawasan FELDA seperti di Bukit Sagu, Kuantan; Jengka Utama, Maran; Sungai Retang, Jerantut dan Jenderak Utara, Temerloh. Manakala ECERDC turut membantu menyiapkan projek penyaluran air bersih dari Kemaman ke Gebeng untuk memastikan kestabilan bekalan air di kawasan industri Gebeng, sekali gus menarik pelabur asing ke negeri ini.

Keseluruhan inisiatif dan projek-projek utama ini adalah antara langkah proaktif dan progresif Kerajaan Negeri untuk memastikan bekalan air bersih tidak lagi menjadi isu kepada rakyat. Apa yang boleh saya tegaskan ini hanyalah permulaan. Kita akan terus mencari inisiatif serta cara baru dari masa ke semasa untuk menambah baik kemudahan dan sistem yang ada.

Inisiatif Kedua : Pembangunan Luar Bandar

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pembangunan luar bandar tidak pernah kita sifatkan sebagai sekadar sisipan atau *secondary* dengan izin, sebaliknya kita sedar bahawa kawasan luar bandar Pahang mempunyai peranan, potensi dan sumbangan tersendiri dalam membina kemajuan negeri ini. Dalam hal ini salah satu strategi adalah menjalinkan hubungan baik dan mengadakan kerjasama erat dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Untuk rekod pada tahun 2012 Kerajaan Negeri telah menerima 114 projek di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM411.2 juta. Kerajaan Negeri juga telah mengemukakan permohonan 56 projek jalan luar bandar kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan anggaran peruntukan sebanyak RM2.174 bilion.



Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengemukakan permohonan sebanyak RM1.3 bilion merangkumi projek-projek jambatan luar bandar, program pemajuan kawasan dan bekalan air luar bandar. Sekiranya kesemua permohonan ini diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan ia akan menjadi sebahagian agenda luar bandar Pahang pada tahun hadapan.

Inisiatif Ketiga: Menaik Taraf Jalan

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Jalan raya bukan saja menjadi mekanisme perhubungan utama malah hadir sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan sosial negeri ini. Justeru, sistem dan keadaan jalan raya yang baik serta selesa sangat penting. Untuk memastikan perkara ini Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi melaksanakan beberapa perancangan untuk menambah baik jaringan jalan raya di negeri ini. Antaranya, perancangan membina baru jaringan jalan raya dan lebuh raya yang menghubungkan semua pintu masuk utama di negeri lain yang bersempadan dengan kita.

Permohonan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 yang dibuat pada tahun ini adalah berjumlah RM7.8 bilion yang merangkumi antara projeknya di bawah MARRIS, cadangan Projek Benta Link dan *One Way Loop* di Kea Farm, Cameron Highlands. Bagi kerja-kerja menaik taraf jalan raya pula, sebanyak 137 cadangan projek jalan telah dipohon kepada Kementerian Kerja Raya dengan anggaran peruntukan sebanyak RM35.69 juta dan sebanyak 77 cadangan projek jalan telah dipohon kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan anggaran peruntukan sebanyak RM2.54 bilion.

Inisiatif Keempat : Menaik Taraf Kemudahan Pengairan Dan Saliran

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi kemudahan pengairan dan saliran, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM2 bilion untuk pelaksanaan 10 projek tebatan banjir di seluruh negeri ini secara berperingkat. Antaranya adalah rancangan tebatan banjir daerah Lipis, Bentong dan Temerloh.

Kerajaan Negeri akan bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan projek-projek ni dilaksanakan tersusun pada tahun hadapan. Bagi tujuan menaik taraf kemudahan pengairan dan saliran, Kerajaan Negeri akan menggunakan peruntukan pembangunan sebanyak RM15.62 juta. Projek-projek ini merangkumi pelaksanaan projek tebatan banjir, pengurusan lembangan sungai dan projek pasca banjir. Jumlah peruntukan ini menyaksikan peningkatan sebanyak 50.94% berbanding peruntukan tahun 2002.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut meluluskan peruntukan sebanyak RM8.4 juta bagi pembangunan projek pemuliharaan koridor sungai dan menaik taraf sistem saliran. Berkenaan isu banjir kilat yang sering berlaku di taman-taman perumahan pula projek pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur longkang dan kolam takungan akan dipergiat dan dengan peruntukan sebanyak RM20 juta. Akhir sekali suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM5.5 juta untuk pembangunan dan menaik taraf stesen-stesen pemantauan hujan dan paras air.

STRATEGI BELANJAWAN KEEMPAT : MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Susulan pelbagai program turun padang dan sesi lawatan, Kerajaan Negeri menyedari bahawa ramai rakyat kita yang sebenarnya masih terkesan dengan impak pandemik COVID-19. Memandangkan hasil Kerajaan Negeri kini sudah mencecah RM1.0 bilion maka adalah wajar hasil tersebut dikembalikan dengan selayaknya demi manfaat rakyat di luar sana.

Maka strategi keempat yang memfokuskan kepada kesejahteraan rakyat ini akan dijayakan dengan 8 inisiatif utama yang sebahagian besarnya menyentuh aspek kebajikan dan keperluan rakyat.

Inisiatif Pertama : Kemudahan Perumahan

Salah satu sasaran Kerajaan Negeri adalah memastikan rakyat dan penduduk yang menetap di negeri ini mampu memiliki rumah. Justeru pelbagai inisiatif bagi tahun 2023 akan dilaksanakan merangkumi projek perumahan rakyat dengan penambahbaikan yang signifikan. Misalnya pertama, pelaksanaan Projek Rumah Rakyat Pahang atau RRP yang diberi percuma akan diteruskan khusus buat kelompok yang tidak mampu membeli rumah kerana pendapatan yang kecil atau tergolong dalam kategori miskin serta tidak layak membuat pinjaman.

Jika pada tahun ini kelulusan melibatkan 6 unit bagi setiap Dewan Negeri dan 1 unit setiap Parlimen seluruh Pahang namun pada tahun 2023, Kerajaan Negeri akan menambahkan jumlah tersebut kepada 8 unit untuk setiap Dewan Negeri [Ahli Dewan menepuk meja] dan 1 unit di setiap Parlimen dengan melibatkan kos sebanyak RM30.75 juta. Yang menariknya Kerajaan Negeri turut berbesar hati untuk meneruskan penyediaan barangan keperluan untuk rumah-rumah ini dengan peruntukan sebanyak RM2,000.00 bagi setiap rumah dengan nilai keseluruhan RM700,000.00.

Kedua, pelaksanaan Rumah Rakyat 1Pahang ataupun PR1MA Pahang yang dimulakan pada tahun 2012 akan kita teruskan pada tahun hadapan. Bagi tahun 2023, Kerajaan Negeri merancang untuk membina 1,000 unit Rumah PR1MA Pahang.

Ketiga, pelaksanaan Rumah Makmur Pahang akan diteruskan pada tahun depan bagi memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah. Pembinaan Rumah Makmur Pahang yang berharga RM80,000.00 seunit mensasarkan pemilikan rumah dari golongan yang mempunyai pendapatan isi rumah RM5,000.00 dan ke bawah serta masih tidak memiliki rumah.

Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri mensasarkan sebanyak 483 unit bakal disiapkan yang menjadikan jumlah Rumah Makmur Pahang pada tahun hadapan ialah 7,904 unit. Meskipun menerima pelbagai tekanan kesan dari kenaikan harga bahan binaan namun demi kesejahteraan rakyat Kerajaan Negeri memutuskan untuk tidak menaikkan harga sekali gus mengekalkan harga jualan Rumah Makmur Pahang pada kadar RM80,000.00 seunit dan Rumah PR1MA pada harga RM150,000.00 seunit [Ahli Dewan menepuk meja]. Sebarang peningkatan harga rumah akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Ketetapan ini dibuat kerana kita mahu memastikan rakyat Pahang terus berpeluang memiliki rumah mampu milik dengan harga terendah di negara ini.



Keempat, pengenalan Projek Rumah Mesra Pahang pada tahun 2023 yang diilhamkan daripada konsep Rumah Mesra Rakyat. Rumah Mesra Pahang menawarkan diskaun 20% daripada jumlah RM75,000.00 harga rumah. Projek ini melibatkan 500 unit rumah dengan jumlah kos keseluruhan RM7.5 juta.

Kelima, Pelaksanaan projek Skim Tanah Warisan ataupun STW diteruskan pada tahun 2023 melibatkan peruntukan sebanyak RM15 juta. Projek ini yang dilaksanakan tahun ini di Kuala Medang, Lipis menyediakan infrastruktur asas serta akses jalan raya, penyediaan tapak dan ukur, bekalan air dan elektrik serta fasiliti awam yang lain seperti tapak surau, kawasan lapang dan lain-lain. Peserta program ini hanya perlu membayar premium tanah pada kadar RM10,000.00 sahaja bagi satu lot tanah tapak untuk membina rumah idaman mereka yang berkeluasan 8,000 kaki persegi. Kerajaan Negeri bersetuju agar Skim Tanah Warisan ini diperluaskan ke daerah-daerah lain.

Keenam, Kerajaan Negeri bersetuju mengambil alih usaha membaik pulih 10 tapak Perumahan Generasi Baru FELDA yang terbengkalai daripada pihak FELDA. Pengambilalihan ini melibatkan usaha sama pemaju swasta dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang yang melibatkan sebanyak 1,850 unit rumah dengan harga RM125,000.00 seunit. Projek ini akan dijenamakan semula kepada Skim Rumah Pahang. Pemilihan pembeli yang layak akan diuruskan oleh LPHP melalui sistem e-Perumahan. Keutamaan akan diberi kepada generasi ke-2 FELDA dan seterusnya mereka yang menetap dan bekerja di negeri Pahang dalam gugusan rancangan yang sama.

Ketujuh, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM3.1 juta pada tahun 2023 bagi pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan untuk semua Perumahan Awam Kos Rendah termasuklah PAKR Sungai Pandan, Kuantan, Projek Perumahan Rakyat Disewa, Rumah Pangsa Pak Mahat Tanjung Lumpur, Kuantan dan PAKR lain di seluruh negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Selain mengusahakan pemilikan rumah kepada mereka yang tidak berkemampuan, Kerajaan Negeri juga tidak sesekali melupakan mereka yang sudah memiliki rumah namun memerlukan bantuan baik pulih. Oleh itu Skim Bantuan Baik Pulih Rumah di bawah peruntukan pembangunan melalui Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Pahang akan diteruskan pada tahun 2023 dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. Selain itu Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM6.3 juta bagi kerja-kerja membaik pulih 10 unit rumah yang daif di setiap Dewan Negeri di seluruh negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Inisiatif Kedua : Mengutamakan Kebajikan Warga Emas Dan OKU

Berhubung hal ehwal kebajikan warga emas dan OKU, sukacita saya umumkan bahawa pelaksanaan Program Khidmat Bantu di Rumah dengan peruntukan sebanyak RM1 juta akan dilaksanakan tahun depan.

Program yang melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang dengan kerjasama Majlis Tindakan Sosial Negeri Pahang dan gabungan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan akan dijalankan dengan cara ziarah prihatin ke atas warga emas dan golongan OKU yang telah dikenal pasti. Dalam usaha memperbanyakkan akses dan kemudahan bersifat mesra OKU, Program Anugerah Premis Mesra OKU



Negeri Pahang akan dilaksanakan pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak RM150,000.00.

Menyedari tanggungjawab besar yang dipikul oleh penyelia dan petugas Program Pemulihan Dalam Komuniti ataupun PPDK satu sumbangan *one-off* sebanyak RM250,000.00 akan diberikan kepada 300 orang penyelia petugas PDK. Sumbangan ini akan menelan belanja sebanyak RM75,000.00.

Seterusnya, kita akan turut menganjurkan Karnival Sukan OKU PPDK Negeri Pahang bagi memberi peluang kepada golongan OKU menyertai sukan dan menyerlahkan potensi mereka ke peringkat yang lebih tinggi melibatkan peruntukan sebanyak RM250,000.00. Oleh itu, kerajaan berhasrat mewujudkan Geran Pembangunan dan Insentif Khas OKU Negeri yang akan melibatkan peruntukan sebanyak RM850,000.00. Manakala peruntukan permulaan sebanyak RM1 juta disediakan untuk mewujudkan program khusus bersama Institusi Pengajian Tinggi Negeri Pahang untuk golongan OKU berkemahiran. Di samping itu, bagi memenuhi keperluan OKU penglihatan yang beragama Islam untuk membaca kitab suci Al-Quran peruntukan sebanyak RM1.2 juta disediakan untuk tujuan pembelian Al-Quran *Braille*.

Inisiatif Ketiga : Pemerkasaan Wanita

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Wanita adalah tunjang kesejahteraan keluarga dan pembangunan negeri. Peranan dan sumbangan mereka cukup besar. Berpegang kepada pendirian ini Kerajaan Negeri terus komited melaksanakan program khusus untuk wanita Pahang yang akan dilaksanakan melalui Unit Pembangunan Wanita dan Sosial Pahang. Program Anggun Niaga akan diteruskan pada tahun 2023 dengan peruntukan dinaikkan kepada RM750,000.00 untuk manfaat 700 ibu tunggal di seluruh negeri yang akan memperolehi modal perniagaan sebanyak RM1,000.00 seorang. Selain menawarkan bantuan kewangan, Kerajaan Negeri akan mewujudkan Pusat Pengembangan Keusahawanan Wanita Pahang di 4 daerah terpilih iaitu Kuantan, Maran, Temerloh dan Lipis dengan peruntukan RM1 juta.

Program Cakna Suri Tambahan dan saringan HPV DNA akan diteruskan pada tahun 2023 dengan perkhidmatan ujian mamogram percuma diberikan kepada 6,000 wanita dari dalam kelompok B40 dan M40. Program Pembangunan Keluarga akan diperkenalkan pada tahun 2023 melibatkan 2,000 ibu bapa dengan kos RM200,000.00 sebagai penyediaan sokongan bagi mengurus emosi secara efektif. Peruntukan yang disediakan bagi pelaksanaan Dasar Wanita dan Pelan Tindakan Wanita Negeri Pahang 2022 hingga 2026 adalah sebanyak RM5 juta bagi 5 tahun. Peruntukan bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM1 juta.

Semasa program *Townhall* Bajet Anak Muda Pahang baru-baru ini, seorang remaja berusia 18 tahun dari Luit, Maran, Raja Noradrina binti Raja Azmi ada membangkitkan isu kemiskinan haid remaja wanita pada wanita dari golongan B40... isu kemiskinan haid remaja wanita dari golongan B40. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi menangani isu ini yang akan diuruskan oleh Majlis Pembangunan Wanita Pahang [Ahli Dewan menepuk meja] dan yang terakhir mewujudkan jawatan kaunselor atau Pegawai Psikologi dan Pembantu Tadbir di Pusat Wanita Pahang yang melibatkan kos sebanyak RM83,000.00. Semoga dengan menghargai dan mengangkat kedudukan serta sumbangan golongan wanita maka negeri ini akan terus makmur dan maju.



Inisiatif Keempat : Menjamin Pembangunan Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pada bulan September yang lalu, sewaktu bersama-sama meraikan sambutan Hari Orang Asli Sedunia di Kuala Lipis, ucapan saya ada menzahirkan keyakinan bahawa Kerajaan Negeri adalah yang paling ke depan dalam memberi pengiktirafan kepada masyarakat Orang Asli. Penubuhan Pahang Orang Asli Corporation atau ORACO misalnya merupakan sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri yang pertama di Malaysia khusus untuk membantu menguruskan hal ehwal pembangunan sosial ekonomi masyarakat Orang Asli.

Pada tahun ini sahaja, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM12.32 juta bagi menaikkan taraf kehidupan Orang Asli dalam pelbagai aspek. Bagi tahun ini ju... bagi tahun 2023, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menyediakan sebanyak 100 unit Rumah Rakyat Pahang secara percuma khususnya kepada penduduk Orang as... Asli. Inisiatif ini menelan belanja sebanyak RM7.5 juta. Bukan itu sahaja, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta ringgit bagi membaik pulih rumah-rumah Orang Asli yang layak.

Seterusnya sebanyak RM1 juta akan diperuntukkan bagi melaksanakan Projek Pembekalan Air ke 33 kampung Orang Asli yang akan memberi manfaat kepada kira-kira 3,300 penduduk. Tidak cukup dengan itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM200,000.00 bagi melaksanakan program kebersihan di pusat-pusat pelancongan di kampung Orang Asli.

Dan bagi menaik taraf dan memperindah kampung-kampung, sejumlah RM1.21 juta akan disalurkan bagi melaksanakan program keceriaan kampung yang melibatkan 10 kampung tradisi dan satu kampung Orang Asli di 11 daerah seluruh Pahang. Selain itu, kemudahan persekitaran kampung Orang Asli dan yang berhampiran dengannya akan turut dinaik taraf. Antaranya menaik taraf Hentian Rehat dan Rawat Pos Betau dengan mewujudkan sistem pengairan yang baik, infrastruktur yang lengkap, serta kemudahan awam yang kondusif melibatkan peruntukan berjumlah RM1.5 juta.

Atas keprihatinan Kerajaan Negeri, insentif perkahwinan pertama akan diluaskan juga kepada golongan Orang Asli di mana setiap pasangan pengantin baru akan menerima sugu hati sebanyak RM300.00 [Ahli Dewan menepuk meja]. Program Peduli Orang Asli akan diperkenalkan pada tahun 2023 dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00 sambil mensasarkan 50% daripada jumlah keseluruhan pelajar Orang Asli dibantu menyambung pengajian ke peringkat universiti. Sentuhan ini akan dijayakan melalui Projek Kampung Angkat Orang Asli di beberapa kampung terpilih seperti Chemperoh di Janda Baik, Pos Betau, Lipis, Kampung Satak, Raub dan Paya Sendayan, Temerloh.

Inisiatif Kelima : Meningkatkan Tahap Kesihatan Rakyat

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kesihatan rakyat diutamakan, Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif berikut. Pertama, meneruskan Program Gerak Sihat Pahang dengan peruntukan sebanyak RM600,000.00. Kedua, memperluas Program Pemfloridaan Bekalan Air Awam di Loji Rawatan Air yang melibatkan kos sebanyak RM1 juta sebagai langkah menjamin bekalan air bersih.



Ketiga, menyediakan kemudahan klinik bersalin di 4 lagi kawasan iaitu Tioman, Selancar, Chendor dan Merapoh dengan kos RM8 juta. Keempat, memperkenalkan Program Berkhatan Anak Pahang melalui Jabatan Kesihatan Negeri untuk 3,500 anak lelaki golongan B40 yang berusia 12 tahun ke bawah dengan peruntukan RM1 juta.

Inisiatif Ketujuh : Pembangunan Institusi Agama Islam

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam usaha memastikan institusi agama Islam sentiasa berupaya menjalankan fungsinya dengan berkesan, agenda pemerkasaan institusi-institusi ini akan dilakukan seiring peredaran masa dan teknologi. Perkara ini selari dengan nilai dan semangat negeri Pahang yang mengangkat budaya hidup beragama dengan harapan syiar agama akan terus memimpin dan menyinari agenda pembangunan serta pemerkasaan kesejahteraan hidup.

Berikut adalah antara inisiatif yang akan kita jayakan pada tahun 2023. Pertama, peruntukan sebanyak RM148.23 juta disediakan bagi memperkasakan institusi agama Islam. Peruntukan ini akan memanfaatkan Jabatan Agama Islam Pahang, Jabatan Kehakiman Syariah Pahang, Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang dan Jabatan Mufti Negeri Pahang.

Kedua, peruntukan sebanyak RM1.85 juta akan disediakan bagi tujuan pembangunan yang merangkumi pelbagai usaha perolehan aset, perbelanjaan modal insan, pembinaan dewan serba guna dan bangunan akademik, penyelenggaraan dan menaik taraf bangunan di bawah pentadbiran JAIP termasuk Pejabat Agama Islam Daerah dan asrama sekolah-sekolah di bawah pengurusan JAIP.

Ketiga, pemerkasaan institusi pendidikan Islam akan turut dilakukan melalui penambahbaikan kemudahan peralatan mengajar dan ICT di 18 Sekolah Agama Rakyat melibatkan peruntukan RM900,000.00. Keempat, membina baru asrama lelaki di Sekolah Menengah Agama Pulau Tawar Jerantut dengan kos RM7 juta [Ahli Dewan menepuk meja].

Kelima, mengiktiraf 3 buah masjid untuk dijadikan masjid warisan di negeri ini iaitu Masjid Sultan Haji Ahmad Shah FELDA Sungai Koyan, Lipis, Masjid Abu Bakar, Temerloh dan Masjid Negeri Lama, Lipis. Kerajaan Negeri juga akan men... Kerajaan Negeri juga akan menempatkan 4 orang pegawai masjid bagi 3 buah masjid berkenaan dengan melibatkan kos sebanyak RM385,000.00.

Keenam, meluluskan pelantikan 14 orang Pekerja Sambilan Harian di kalangan Orang Asli bagi membantu dalam program dakwah di kawasan Orang Asli di negeri ini. Ketujuh, meluluskan peruntukan belanja pembangunan bagi pembinaan baru Kompleks Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan dengan anggaran kos pembinaan sebanyak RM200,000.00.

Kelapan, meluluskan penyelenggaraan bangunan bagi Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan Barat berjumlah RM1 juta di Jaya Gading. Kesembilan, meluluskan usaha membaiki tangki air utama di Maahad Sultan Ahmad Shah, Jengka dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00.

Inisiatif Kelapan : Bantuan Prihatin Pahang

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah kerajaan yang dipimpin dengan keprihatinan, tahun 2023 bakal menyaksikan agenda kebajikan rakyat Pahang menikmati satu gandaan yang besar. Saya mulakan dengan Bantuan Prihatin Pahang 2023 secara bersasar yang akan melibatkan RM42.4 juta. Berbanding tahun ini, peruntukan tahun hadapan meningkat sebanyak RM8 juta dan akan melibatkan seramai 218,193 orang penerima. Antara penerima bantuan ini adalah kluster pertama pelajar dan anak muda yang terdiri daripada pelajar tahun 1, akan menerima RM100.00 seorang, melibatkan 25,146 penerima dengan jumlah RM2,514,600.00. [Ahli Dewan menepuk meja]

Kedua, pelajar SPM dan STPM akan menerima RM100.00 seorang melibatkan 25,871 penerima dengan jumlah RM2,587,100.00. Ketiga, pelajar tahfiz akan menerima RM100.00 seorang melibatkan 8,000 penerima dengan jumlah RM800,000.00. Keempat, mahasiswa di IPTA, Politeknik dan Kolej Komuniti akan menerima RM300.00 seorang berbanding RM200.00 tahun ini [Ahli Dewan menepuk meja] melibatkan 29,553 penerima dengan jumlah RM8,865,900.00.

Kelima, sumbangan untuk mengambil lesen motor kepada anak muda berusia 18 hingga 21 tahun yang akan menerima RM200.00 seorang melibatkan 3,600 penerima dengan jumlah RM720,000.00. Dan anak muda *food rider* yang akan menerima RM200.00 melibatkan 5,000 penerima dengan jumlah RM1 juta [Ahli Dewan menepuk meja].

Kluster kedua, golongan B40 yang terdiri daripada 5 golongan. Pertama, anak yatim di pusat jagaan yang berdaftar dengan JKM akan menerima RM200.00 melibatkan 700 penerima dengan jumlah RM140,000.00. Ibu tunggal miskin yang akan menerima RM200.00 melibatkan 7,000 penerima dengan jumlah RM1.4 juta.

Ketiga, nelayan yang akan menerima RM200.00 melibatkan 4,500 penerima dengan jumlah RM900,000.00. Petani yang akan menerima RM200.00 melibatkan 5,000 penerima dengan jumlah RM1 juta, dan yang akhirnya pemandu teksi akan menerima RM200.00 melibatkan 928 penerima dengan jumlah RM185,600.00. [Ahli Dewan menepuk meja]

Kluster ketiga, masyarakat umum yang terdiri daripada yang pertama, Orang Asli yang akan menerima bakul makanan melibatkan 30,200 penerima dengan jumlah RM1.51 juta [Ahli Dewan menepuk meja]. Penjaja harian akan menerima RM200.00 melibatkan 10,816 penerima dengan jumlah RM2.163 juta. Pemandu bot pelancong dan Malim Gunung akan menerima RM200.00 dengan melibatkan 1,000 penerima dengan jumlah RM200,000.00.

Yang keempat, OKU akan menerima RM50.00 melibatkan 36,548 pemegang kad OKU dengan jumlah RM1.82 juta [Ahli Dewan menepuk meja]. Kelima, rumah anak yatim yang berdaftar dengan JKM akan menerima RM10,000.00 melibatkan 14 buah pusat jagaan dengan jumlah RM140,000.00. Keenam, mahaad tahfiz yang akan menerima RM2,000.00 melibatkan 183 pusat tahfiz dengan jumlah RM366,000.00. Ketujuh, masjid dan surau yang mengadakan solat Jumaat akan menerima RM10,000.00 melibatkan 674 buah surau dan masjid dengan jumlah RM6.74 juta. [Ahli Dewan menepuk meja].



Kelapan, Jemaah Haji Pahang akan menerima RM500.00 seorang melibatkan 2,000 penerima dengan jumlah RM1 juta [Ahli Dewan menepuk meja]. Kesembilan, mualaf akan menerima RM200.00 melibatkan 4,642 penerima dengan jumlah RM928,400.00 dan yang kesepuluh warga emas yang akan menerima subsidi RM3,000.00 untuk pembedahan katarak mata yang melibatkan 500 penerima dengan jumlah RM1.5 juta. [Ahli Dewan menepuk meja]

Kluster keempat, pemberian apresiasi dan penghargaan kepada golongan dan entiti berikut. Pertama, veteran tentera dan polis yang masing-masing akan menerima RM200.00 seorang melibatkan 9,000 penerima dengan jumlah RM1.8 juta. Persatuan Isteri Tentera ataupun BAKAT dan Persatuan Isteri Polis (PERKEP) negeri akan menerima RM50,000.00 bagi setiap persatuan dengan jumlah RM100,000.00. Pesara Kerajaan Negeri akan menerima RM200.00 melibatkan 4,500 penerima dengan jumlah RM900,000.00. Pengerusi JPKK, Pengerusi JPKKOA, Tok Batin dan Timbalan Pengerusi JKKR masing-masing akan menerima RM500.00 seorang manakala setiausaha akan menerima RM200.00 seorang yang melibatkan 2,186 penerima dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1,530,200.00 juta.

Yang kelima, NGO bagi kategori aktivis alam sekitar dan penggiat media sosial akan menerima agihan daripada jumlah RM50,000.00. Keenam, PIBG sekolah-sekolah di negeri Pahang akan menerima RM2,000.00 bagi setiap satu melibatkan 700 penerima dengan jumlah RM1.48 juta. Ketujuh, Majlis Kebudayaan Negeri Pahang akan menerima RM600,000.00 ribu dan yang terakhir Majlis Kebajikan Negeri Pahang akan menerima sebanyak RM600,000.00. Saya percaya kumpulan sasar saya sebutkan tadi bukan saja layak menerima sumbangan dan bantuan daripada Kerajaan Negeri namun mereka adalah kelompok yang benar-benar terkesan dengan gelombang pasca pandemik serta kelembapan ekonomi yang sedang kita hadapi ini.

STRATEGI BELANJAWAN KELIMA : MEMBINA GENERASI MASA DEPAN YANG GEMILANG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sekalipun saya meletakkan agenda pembinaan generasi masa depan yang gemilang sebagai strategi terakhir ia tidak sedikit pun mencerminkan bahawa strategi ini adalah kurang penting.

Malah sebab kepentingannyalah maka saya menyeru Dewan Yang Mulia ini untuk memberikan perhatian yang lebih serius terhadap strategi terakhir ini. Sesungguhnya kegagalan kita menyediakan generasi muda hari ini untuk menjadi pewaris masa depan yang baik hanya akan merugikan semua pihak dan kita tidak mahu melakukan kesilapan tersebut di bumi Pahang ini.

Justeru buat julung-julung kalinya Kerajaan Negeri telah melaksanakan *Townhall* Bajet khusus yang melibatkan penyertaan pelbagai kelompok anak muda bagi mendapatkan pandangan serta maklum balas mereka dan seperti yang saya janjikan pandangan dan maklum balas yang diutarakan semasa sesi *townhall* tersebut telah diperhalusi sebaik-baik sehingga ada sebahagian daripadanya dijadikan inti pati dalam belanjawan kali ini.



Yang terhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Inisiatif Pertama : Pendidikan anak Pahang

Biar apa pun bentuk rintangan serta cabaran masa hadapan pendidikan adalah benteng, aset serta senjata terbaik kita. Bagi memperkukuhkan kualiti dan akses pendidikan di negeri ini Kerajaan Negeri akan memperkenalkan beberapa skim bantuan baru di samping memperkasakan inisiatif sedia ada.

Inisiatif ini yang sebahagiannya telah dilaksanakan melalui Yayasan Pahang akan ditambah baik pelaksanaannya pada tahun 2023. Antara inisiatif tersebut ialah yang pertama menaikkan bantuan *one-off* kepada pelajar anak Pahang yang mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi di IPTA yang diiktiraf. Melalui inisiatif ini pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat asasi atau matrikulasi, diploma dan ijazah sarjana muda akan menerima RM1,000.00 berbanding RM500.00 sebelum ini [Ahli Dewan menepuk meja]. Peringkat sarjana sebanyak RM3,000.00 berbanding RM1,000.00 sebelum ini dan PhD sebanyak RM5,000.00 berbanding RM1,000.00 yang melibatkan kos berjumlah RM9 juta. [Ahli Dewan menepuk meja]

Kedua, memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi pembangunan *Pahang Islamic International School* pada tahun 2023. Ketiga, memperuntukkan pinjaman pendidikan sebanyak RM13 juta kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi sama ada di dalam atau di luar negara. Keempat, meningkatkan bilangan anak Orang Asli ke institusi pengajian tinggi dengan sasaran sekurang-kurangnya 300 orang.

Kelima, membuka 8 cawangan Tadika Tahfiz di negeri Pahang yang baru dan perluaskan cawangan Tadika Tahfiz kepada 20 cawangan di seluruh negeri dengan peruntukan sebanyak RM1.7 juta. Keenam, membuka Sekolah Rendah Tahfiz Negeri Pahang di setiap daerah dengan kapasiti 360 murid. Ketujuh, pembangunan baru Kampus Mahaad Tahfiz Profesional Cawangan Lipis dengan kapasiti 550 murid melibatkan peruntukan RM1 juta.

Kelapan, membangunkan institusi latihan kemahiran baru *Maahad Tahfiz Technical and Vocational Education and Training* ataupun TVET di Penor. Bagi melahirkan tenaga kerja mahir dengan kapasiti 100 pelajar yang melibatkan peruntukan RM1 juta. Sementara itu Kerajaan Negeri akan turut memperuntukkan RM8 juta untuk belanja mengurus dan RM450,000.00 bagi menambah baik kemudahan fizikal di UnIPSAS selaku universiti milik penuh Kerajaan Negeri malah Kerajaan Negeri juga sedang dalam rancangan mencari jalan untuk terus membantu, melonjak perkembangan universiti ini dalam segenap aspek akademik, pendidikan dan infrastruktur terbaik.

Patik menjunjung setinggi-tinggi kasih kesisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku atas komitmen, iltizam serta tekad menjadikan UnIPSAS sebagai salah satu universiti terkemuka di dunia.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bila teringat UnIPSAS ini, saya ingin mengambil kesempatan walaupun tak ada dalam teks saya. Bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang terhormat Tan Sri Dato' Sri DiRaja Dr. Haji Adnan Yaakob kerana telah dianugerahkan PhD. [Ahli Dewan menepuk meja]

Inisiatif Kedua : Pembangunan anak muda Pahang

Membangunkan anak muda bukanlah satu proses yang mudah. Ia memerlukan ketelitian serta kesediaan kerajaan untuk melabur secara besar-besaran. Semakin besar kita melabur dalam pembangunan anak muda insya-Allah semakin baiklah susuk pewaris yang akan kita lahirkan. Justeru, kombinasi pembangunan sahsiah, kemahiran dan gaya hidup anak muda Pahang akan dibentuk melalui rangkaian inisiatif berikut. Pertama, pelaksanaan Program Intervensi Sosial, Program *Youth Career*, Program *Webinar Youth Digital*, *Kursus Youth Agrotech* dan Kursus Pengurusan Organisasi yang secara keseluruhannya melibatkan peruntukan sebanyak RM375,000.00.

Kedua, memperkasakan peranan sukarelawan Pahang melalui Majlis Tindakan Sosial yang melibatkan penyertaan anak muda dari seluruh daerah di Pahang dengan menambahkan geran aktiviti kesukarelawan kepada RM500,000.00 setahun. Ketiga, menggunakan peruntukan berjumlah RM43 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk menaik taraf dan membina baru Kompleks Belia dan Sukan Pahang, menaik taraf Kompleks Rakan Muda Sukan Air Rompin, membina benteng pemecah ombak di Kompleks Rakan Muda Sukan Air Rompin, menaik taraf Kompleks Rakan Muda Maran serta menaik taraf Stadium Darul Makmur.

Keempat, pelaksanaan pelbagai program dan kursus latihan untuk membangunkan anak muda dengan peruntukan RM1 juta. Kelima, peruntukan sebanyak RM3 juta untuk program teknokrat yang meliputi... yang meliputi aspek seperti geran latihan, kursus kemahiran dan pembelajaran, *Internet of Things* dan *coding*, pembangunan aplikasi dan kemahiran digital serta *sports cameraman*.

Keenam, peruntukan sebanyak RM50,000.00 untuk meneruskan Program *Pahang Talent* iaitu program khas bagi membimbing dan melatih anak-anak muda negeri ini yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah untuk berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Pahang.

Inisiatif Ketiga : Memperkasakan Pembangunan Sukan

Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan RM500,000.00 bagi membina dan menaik taraf kemudahan sukan termasuklah mempertingkatkan cadangan pembinaan litar lumba, menaik taraf padang dan gelanggang sukan daerah di seluruh Pahang.

Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk menyalurkan RM500,000.00 bagi tujuan melaksanakan program penggalakan dan pembudayaan sukan serta program sijil dan tauliah industri sukan termasuk industri *e-sport*. Selain itu kita juga akan memperhebatkan program Hari Sukan Negeri dengan harapan ia akan menarik minat orang awam untuk membudayakan gaya hidup sihat. Sebanyak RM210,000.00 akan diperuntukkan bagi tujuan ini.

Kerajaan Negeri akan turut memperuntukkan sebanyak RM150,000.00 bagi penganjuran majlis anugerah persatuan dan badan sukan yang bertujuan memberi pengiktirafan kepada persatuan sukan yang cemerlang. Sementara itu, sebanyak RM500,000.00 akan disalurkan bagi penganjuran sukan antara jabatan peringkat negeri Pahang 2023 bagi memupuk minat bersukan serta merapatkan ukhwah antara penjawat awam di negeri ini. Ringkasnya jumlah keseluruhan yang akan diperuntukkan bagi memastikan pembangunan sukan di negeri ini terus maju dan berkembang pesat adalah sebanyak RM1.96 juta.

Inisiatif Keempat : Projek Keusahawanan Anak Muda

Kita mahu lebih ramai anak muda Pahang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Justeru, rebutlah segala peluang yang dibuka oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2023 dalam usaha menyemarakkan semangat keusahawanan di negeri ini. Usaha ini termasuklah yang pertama penubuhan Pusat Teknologi Jangka Hayat, Lestari Makanan dan Minuman yang menawarkan perkhidmatan teknologi retort makanan dan minuman. Usaha yang turut melibatkan pelaksanaan kursus dan latihan ini diyakini mampu memberikan peluang perniagaan lebih luas kepada para usahawan khususnya anak muda dalam memanjangkan tempoh jangka hayat produk makanan mereka sehingga 2 tahun tanpa menggunakan sebarang pengawet. Anggaran peruntukan bagi pelaksanaan inisiatif ini adalah berjumlah RM500,000.00.

Kedua, menerusi pelaksanaan Karnival Hari Usahawan Negeri Pahang yang beri impak besar kepada para usahawan. Anggaran kos bagi penganjuran program ini adalah RM250,000.00.

Ketiga, memperhebatkan dan meneruskan penyertaan Kerajaan Negeri ke program pameran perdagangan antarabangsa yang melibatkan keusahawanan bagi memastikan permintaan produk usahawan Pahang sentiasa mendapat sambutan di pasaran global. Ini termasuklah Malaysia International Halal Showcase ataupun MIHAS dan Halal Festival ataupun *HalFest* yang melibatkan peruntukan berjumlah RM1.0 juta.

Keempat, melaksanakan kajian berkaitan pembangunan identiti produk premium perusahaan kecil dan sederhana bagi mengenal pasti produk-produk premium yang berpotensi untuk diketengahkan. Anggaran hasil... anggaran kos kajian ialah RM300,000.00.

Kelima, melaksanakan program pengupayaan pemasaran digital melalui pelantikan Pahang Corporate Management Services, PahangGo dan Malaysia Network Information Centre bagi memberi manfaat 300 usahawan Pahang termasuk dari golongan anak muda. Inisiatif ini menawarkan tunjuk ajar dan bimbingan secara berterusan selama 3 bulan bagi memastikan usahawan muda memahami selok-belok perniagaan atas talian. Peruntukan bagi pelaksanaan inisiatif ini adalah berjumlah RM300,000.00.

Keenam, peruntukan sebanyak RM2.01 juta bagi program penggalakan produk agropreneur ini termasuklah pertama, produk agropelancongan baru di negeri Pahang seperti tanaman vanila dengan peruntukan RM800,000.00. Kedua, geran pemula agromakanan agropreneur muda pemasar produk hiliran cendawan sebanyak RM210,000.00 dan terakhir latihan *Professional Butcher* dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.0 juta .

Inisiatif Kelima : Program Kebanggaan Pahang ataupun *Pahang Pride*

Program Kebanggaan Pahang ini ada satu inisiatif khas yang diperkenalkan pada tahun ini untuk menghargai anak kebanggaan Pahang. Terdapat beberapa komponen utama dalam program ini. Pertama, *Pahang Pride Kids*. Kerajaan Negeri akan menaikkan peruntukan bagi meraikan setiap kelahiran di negeri ni daripada RM200.00 kepada RM300.00 setiap kelahiran [Ahli Dewan menepuk meja]. Ini bermakna setiap kelahiran di negeri ini pada tahun 2023 akan menerima pakej barangan bayi bernilai RM50.00, simpanan tunai sebanyak RM100.00 dan *gold bar* Anak Kebanggaan



Pahang bernilai RM150.00. Sebanyak RM7.5 juta diperuntukkan bagi inisiatif ini. [Ahli Dewan menepuk meja]

Kedua, *Pahang Pride Student* pada tahun 2022, kad diskaun 20% *Pahang Pride Student* ini akan diberikan kepada setiap pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah bagi kategori B40 dan M40. Memandangkan terdapat permintaan untuk memperluaskan lagi kategori penerima kad diskaun ini, Kerajaan Negeri bersetuju agar kad ni turut diberikan kepada pelajar Tingkatan 6 dan pelajar institusi pengajian tinggi khas untuk anak Pahang dan pelajar yang sedang belajar di negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja]. Sebagai tambahan Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM7.6 juta bagi menyediakan set bantuan awal persekolahan bernilai RM120.00 setiap satu bagi manfaat 63,376 pelajar kategori miskin dan miskin tegar di sekolah rendah dan menengah seluruh Pahang.

Ketiga, *Pahang Pride Athlete*. Insentif secara *one-off* kepada 1,000 orang atlet yang telah berjuang mengharumkan nama negeri dan negara dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00. Keempat, *Pahang Pride Orang Asli*. Pelajar Orang Asli yang menerima tawaran universiti awam mahupun institusi pengajian tinggi swasta yang diiktiraf akan diberikan sebuah komputer riba. Penghargaan ini menelan belanja sebanyak (Ahli Dewan menepuk meja) sebanyak RM750,000.00.

Kelima, *Pahang Pride Kasih*. Kita akan menambah bilangan penerima kad kesihatan warga emas sebanyak 200 orang di setiap negeri di setiap Dewan Negeri. Ini menjadikan jumlah penerima meningkat daripada 22,200 orang pada tahun 2022 kepada 30,600 penerima pada tahun 2023 termasuklah pesara KEMAS, JASA dan SERANTA, bekas Ketua Kampung, Ketua Kampung serta 15,067 OKU penerima bantuan JKM. Pertambahan ini melibatkan peruntukan sebanyak RM20 juta.

Keenam, *Pahang Pride Achiever*. Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi sagu hati kepada anak Pahang yang telah mencatat pencapaian luar biasa di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, pada tahun ini beberapa kejayaan anak Pahang turut diraikan Kerajaan Negeri termasuklah Pegawai Kadet Janusa a/p Balakrishnan Muthiah, pegawai wanita pertama negara yang berjaya menamatkan pengajian dan latihan ketenteraan di United States Naval Academy dan Sekolah Kebangsaan Kempadang, Kuantan yang tercalon sebagai finalis Anugerah Sekolah Terbaik Dunia kategori inovasi [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Demikianlah perancangan pembangunan dan perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk tahun 2023. Secara keseluruhannya, nilai peruntukan yang akan kita belanjakan adalah sebanyak RM1.071 bilion yang merupakan nilai terbesar dengan peruntukan tertinggi dalam sejarah negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja]. Hakikatnya peningkatan peruntukan belanjawan Pahang dari tahun ke tahun ini hanya dapat kita kecapai hasil pentadbiran sebuah kerajaan yang stabil. Dengan adanya kestabilan, pelbagai dasar dan inovasi baru dapat kita perkenalkan. Dengan adanya kestabilan, agenda pembangunan negeri dan rakyat dapat diterjemahkan dan dengan adanya kestabilan jugalah sesuatu dasar, program dan rancangan jangka panjang akan berkelanjutan. Begitulah kami dalam barisan Kerajaan Negeri, 'berkata sama sekata, berdiri sama sebaris, dan bergerak sama sederhana', dalam satu pasukan.

Jadi, tidak keterlaluan untuk saya tegaskan bahawa belanjawan ini adalah bingkisan akhir yang terhasil daripada segenap muafakat, kerja keras dan pemikiran progresif serta keterbukaan yang dipamerkan oleh Kerajaan Negeri. Saya mengambil



kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus mengambil ikhtiar dalam memberikan yang terbaik kepada negeri Pahang. Kakitangan Kerajaan Negeri, wakil sektor swasta, gerakan belia dan orang muda, para profesional, ahli agama, penggiat seni dan aktivis alam sekitar, pengamal media, pakar ekonomi dan warga pendidik, golongan wanita dan pelajar, mereka yang di bandar, di desa serta seluruh rakyat Pahang.

Dan kemuncaknya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sudah pastilah persembahkan ucapan setinggi-tinggi junjung kasih kesisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang yang juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah kerana telah memberi kepercayaan kepada patik untuk menggalas tugas mengurus tadbir negeri Pahang Darul Makmur ini. Ampun Tuanku.

*Lata Bujang Gunung Tahan;
Hutan Lipur Taman Negara;
Bajet Pahang penuh imbuhan;
Negeri stabil rakyat sejahtera.*

[Ahli Dewan menepuk meja]

*Hutan Lipur Taman Negara;
Tempat merimbun pohon meranti;
Negeri stabil rakyat sejahtera;
Tiada janji lihat bukti.*

[Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya menyeru marilah kita bersama-sama menanamkan tekad untuk memberikan yang terbaik bagi menjayakan segala agenda dan perancangan ini kerana saya yakin apabila segala kesungguhan ini membenihkan rasa yang baik kelak, yang untungnya ialah rakyat, yang makmurnya negeri Pahang dan marilah kita memanjatkan doa dan pengharapan agar segala usaha, komitmen serta pelan-pelan yang dizahirkan dalam belanjawan ini akhirnya... akhirnya menjadi suatu ibadat yang diterima oleh Allah SWT, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dengan kata-kata itu saya mohon mencadangkan Belanjawan Negeri Pahang bagi Tahun 2023 dan saya mohon sokongan semua [Ahli Dewan menepuk meja]. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Satu pembentangan bajet yang mantap dan jitu [Ahli Dewan menepuk meja] dan akan mendatangkan faedah kepada semua lapisan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong cadangan itu [Ahli Dewan menepuk meja].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini telah dicadang dan disokong untuk dibaca bagi kali yang kedua. Sebelum perkara ini dibuka bagi dibahaskan, sukacita saya menarik perhatian Yang Berhormat sekalian kepada Peraturan 66 (2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang bahawa perbahasan mengenai Rang Undang-Undang ini mestilah ditangguhkan sekurang-kurangnya satu jam.

Oleh itu, saya bercadang memberi ruang kepada Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini pada hari Selasa dan hari Rabu, 11 dan 12 hari bulan dan akan dibahaskan bersekali dengan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2023 yang akan dibentangkan sebentar lagi. Sekarang, mesyuarat beralih kepada Aturan Urusan Mesyuarat selanjutnya.

USUL

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keenam: Usul.

Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2023, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi,

“Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan Seksyen 14... Seksyen 9 Akta Kumpulan Wang Pembangunan Negeri yang mengikut ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air dengan ini bersetuju meluluskan Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun 2023 daripada ku... daripada kumpulan wang tersebut itu sebagaimana yang ditetapkan di dalam Rang Anggaran Perbelanjaan bahagian satu, dua dan tiga 2023 yang dibentangkan dalam persidangan ini sebagai kertas DN 28/2022”

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya berharap agar Usul yang saya bentangkan ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan Yang Mulia ini.



YB. DATO' SRI HAJI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sepertimana yang saya nyatakan tadi bahawa perbahasan ini akan dibuka pada 11 dan 12 hari bulan iaitu hari Selasa dan Rabu minggu hadapan sepertimana jadual yang telah diedarkan kepada Ahli Yang Berhormat. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mematuhi masa dan jadual yang ditetapkan bagi memberi peluang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi pandangan, idea dan sokongan kepada pembentangan tersebut.

Sebelum saya menempohkan persidangan kita pada pagi ini, saya ingin memaklumkan bahawa pada malam ini satu jamuan ADUN akan diadakan di Hotel Zenith pada jam 8.00 malam, pakaian batik dan saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menghadiri jamuan tersebut. Baiklah saya tempohkan Dewan ini dan kita bersidang semula pada 11 hari bulan Oktober, hari Selasa jam 9.30 pagi. Persidangan ditempohkan. Assalamualaikum WBT.

[Persidangan ditempohkan pada pukul 12.32 tengah hari]

**MESYUARAT KE-3
PENGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14**

HARI KE-2

**11 OKTOBER 2022
(SELASA)**



KANDUNGAN

TARIKH: 11 OKTOBER 2022 (SELASA)

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2023) 2022; DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2023	15





**MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.**

Tarikh : 11 Oktober 2022 (Selasa)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
EXCO Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
EXCO Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan



Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. EXCO Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan	- Tioman
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. EXCO Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli	- Batu Talam
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. EXCO Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia	- Bebar
Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna	- Pulau Tawar
Yang Berhormat Dato' Abd Rahim bin Muda, DSAP., AMP., PKC. EXCO Kerajaan Tempatan dan Perumahan	- Lepar
Yang Berhormat Dato' Sri DiRaja Tan Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., PSM., DSAP., DGSM.	- Pelangai
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	- Dong
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	- Inderapura
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. (Timbalan Yang di-Pertua Dewan)	- Jenderak
Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.	- Sungai Lembing
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP	- Pulau Manis
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	- Padang Tengku
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	- Peramu Jaya
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	- Kuala Semantan
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	- Bukit Ibam



Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	- Muadzam Shah
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	- Cheka
Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	- Chini
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	- Luit
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badaruddin	- Tahan
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	- Chenor
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	- Jengka
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	- Damak
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	- Tras
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	- Sabai
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	- Bilut
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	- Triang
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	- Teruntum
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	- Tanah Rata
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	- Mentakab
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	- Ketari

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II
PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:**

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.



TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman,
DIMP., SMP.

- **Kemayan**

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar

- **Tanjung
Lumpur**

Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu

- **Beserah**

Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya

- **Panching**

Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung

- **Semambu**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff @ Ahmat





SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan

Hari : Selasa, 11 Oktober 2022
bersamaan 14 Rabiulawal 1444 Hijrah

DOA

Bacaan doa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah (bacaan Al-Quran). Bismillahirrahmanirrahim (Ayat Al-Quran). Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir masalah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran kepada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua : Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta izin. Saya ingin membangkitkan *point of order*, dengan izin.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Yang Berhormat.



YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Parlimen Malaysia telah dibubarkan pada hari semalam. Saya berpandangan sidang Dewan kita ini perlu dilanjutkan sebab tidak semestinya mengikut apa yang dah diputuskan oleh pihak Persekutuan. Dewan kita hanya boleh bubar jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang selaku wakil kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang memberikan limpah perkenan setelah dinasihatkan oleh Yang Berhormat... Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membubarkan Dewan Negeri.

Saya bangkitkan hal ini sebab saya bimbang nanti ada orang terfikir menginterpretasi bahawa Sidang Dewan kita ini tidak sah dan sebagainya sebab apa yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan, oleh Perdana Menteri itu adalah di pihak Kerajaan Persekutuan. Dewan kita masih berterusan dan saya percaya Yang Arif yang er... Yang Bijaksana Tuan Yang di-Pertua ada er... interpretasi sendiri setelah berunding dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga pihak Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri. Itulah saya bangkitkan untuk dapatkan penjelasan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Pelangai.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita mengangkat setinggi-tinggi kesyukuran dan kepujian kepada Allah SWT dengan keizinan-Nya kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada pagi yang berbahagia ini. Saya suka melanjutkan sedikit sepertimana yang dibangkitkan oleh ADUN Pelangai di mana yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membubarkan Dewan Rakyat atas perkenan Yang Di-Pertuan Agong pada hari Isnin, 10 Oktober 2022 bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Ke-14 yang akan dilaksanakan nanti.

Oleh itu Yang Berhormat, urusan kita akan terus sepertimana biasa sehinggalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang bagi mendapat perkenan Pengisytiharan Pembubaran Dewan Negeri selaras dengan Fasal 2 Perkara 26 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang. Apa-apa saya akan maklumkan kepada Dewan Yang Mulia selanjutnya. Baiklah, kita akan teruskan urusan kita pada pagi ini. Saya menjemput ADUN dari Damak kemukakan soalan. Sila, Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan pertanyaan pertama.

[Memandangkan isu air masih berlarutan di DUN Damak. Mohon pihak kerajaan memberikan penjelasan:

- a) Apakah perkembangan terkini berkaitan projek menaik taraf Loji Air Batu Balai dan bilakah jangkaan projek ini dapat disiapkan?



- b) Sejauh mana projek menaiktaraf loji tersebut dapat mengatasi masalah air terutama di kawasan Mukim Ulu Cheka?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada ADUN Damak yang bertanyakan soalan berkaitan dengan isu air di dalam DUN Damak.

Yang pertama, Yang Berhormat daripada Damak ingin bertanya berkenaan perkembangan terkini berkaitan bekalan daripada Projek Menaik Taraf Loji Air di Batu Balai dan bilakah jangkaan projek ini dapat disiapkan? Soalan kedua, sejauh manakah projek menaik taraf loji tersebut dapat mengatasi masalah air terutama di kawasan Mukim Ulu Cheka? Terima kasih lagi sekali Yang Berhormat kerana sangat prihatin kepada masalah air khususnya di DUN Damak.

Sukacita saya memaklumkan di Dewan Yang Mulia ini bahawa Loji Rawatan Air ataupun LRA Batu Balai terletak kira-kira 30 kilometer dari bandar Jerantut. Loji Rawatan Air Batu Balai kini beroperasi secara maksimum iaitu 24 jam sehari dengan reka bentuk kapasiti 4.5 MLD ataupun *million litres per day* di mana kapasiti sedia ada ini didapati tidak dapat menampung permintaan air semasa. Ini realiti dan hakikat dia memang tak boleh tampung oleh sebab pertambahan penduduk, pembangunan dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Damak juga, masalah ini terjadi apabila sistem rawatan loji sedia ada ini tidak lagi sesuai di mana proses sistem agihan terganggu setiap kali proses pembersihan struktur dilakukan. Penutupan loji juga disebabkan oleh isu kekeruhan di mana Loji Rawatan Air Batu Balai hanya mampu merawat sehingga 1000... 1000 NTU, *Nephelometric Turbidity Unit* dan gangguan sering berlaku ketika hujan. Oleh sebab yang demikian, sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin, cakna kepada rakyat satu inisiatif telah diambil bagi penyelesaian jangka masa panjang dengan menjalankan satu Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Batu Balai ini yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sehingga kini, status perlaksanaan projek ini masih di peringkat awalan iaitu di fasa Rujukan Perunding oleh pihak KPLB. Ini adalah amalan biasa setiap projek yang menelan belanja yang banyak er... fasa terma rujukan perunding mesti kita laksanakan.

Anggaran keseluruhan bagi cadangan projek ini adalah bernilai RM45.4 juta. Projek ini dijangka akan dimulakan pelaksanaannya pada awal tahun 2024 dan er... pelaksanaan projek ini saya yakin dapat mengatasi masalah bekalan air dengan sepenuhnya bagi kawasan Batu Balai, Damak hingga ke Perlok dan Ulu Cheka sehingga ke Kampung Baharu, Jerantut. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Damak juga, Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menaik taraf kapasiti loji kepada 7.5 MLD hingga 12.5 MLD iaitu *million litres per day* lah MLD ni termasuk pembinaan muka sauk baharu, pam, tangki pembersih penapis, tangkiimbangan menara baharu dan lain-lain di mana ianya dapat mengatasi masalah sumber air yang tidak cukup.

Selain itu, cadangan pembinaan tangki menara berkapasiti 1 MLD bagi Kampung Baharu dan Damak yang menggunakan *inline booster* dapat mengatasi masalah ketiadaan simpanan untuk tempoh 2 hari. Cadangan pembinaan jajaran paip baru ni



juga akan dilaksanakan di dalam skop projek ini di mana jajaran ini adalah sepanjang 27.5 kilometer bagi sistem baru, sambungan jajaran dan naik taraf.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Cuma saya ingin memaklumkan bahawa penukaran paip ni untuk menaik pam, tangki air dan sebagainya mengambil masa sedikit. Jadi saya harap pihak Yang Berhormat daripada Damak dapat memaklumkan kepada penduduk di Damak bahawanya usaha-usaha kerajaan telah dibuat. Peruntukan telah pun dapat, cuma dia mengambil masa sikit. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri meminta juga supaya Pengurusan Air Pahang Berhad dapat memantau dan membantu untuk program jangka masa pendek. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan berikutnya dijemput Wakil dari Bilut.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan soalan nombor 2.

[Paip-paip air di sekitar Bentong semuanya sudah uzur, lama dan mudah pecah. Adakah PAIP mempunyai perancangan untuk menggantikan dan menukar paip-paip air ini?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Bilut yang bertanyakan berkenaan dengan paip air juga di sekitar Bentong dan apakah perancangan untuk mengganti dan menukarkan paip-paip ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Secara purata aduan paip pecah bagi daerah Bentong dalam tempoh 1 bulan adalah sebanyak 2 kali bagi kawasan DUN Bilut. Ini adalah maklumat yang saya dapat daripada pihak PAIP, maknanya dalam tempoh 1 bulan 2 kali. Daripada 28, 30 hari, 2 kali saja aduan yang kita terimalah, aduan paip pecah.

Kawalan tekanan air juga telah dilakukan oleh Unit Agihan bagi mengurangkan kejadian paip pecah ke tahap paling minima. Tindakan pembaikan dilakukan segera oleh Unit Selenggara bagi memastikan tempoh gangguan bekalan air berada pada tahap minima selain dapat mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil ataupun *Non Revenue Water* dengan izin, Yang Berhormat Dato Sri Yang di-Pertua... NRW.

Walaupun bagaimanapun, PAIP ataupun Pengurusan Air Pahang Berhad telah merancang dalam program jangka masa panjang di bawah Program NRW iaitu pelaksanaan penggantian paip di 5 buah kawasan melibatkan peruntukan sebanyak RM12.1 juta. Program ini akan dimulakan... bermula pada tahun 2023 dan dijangka siap secara berperingkat mengikut kawasan sehingga tahun 2024.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Bilut, antara kawasan yang terlibat adalah penggantian paip AC 250mm, milimeter. AC ni *asbestos cement* yang ada sekarang



ni yang agak uzur kalau *pressure* lebih sikit dia akan bocor. Iaitu dari Simpang LRA Janda Baik ke elektrik solar, Janda Baik 7 kilometer.

Yang kedua, penggantian paip AC 200mm dari tangki R2, R3 ke tangki R4 Bukit Tinggi sejauh 3 kilometer. Yang ketiga, penggantian paip AC 100 milimeter dan 150 milimeter dari simpang Loji Rawatan Air Janda Baik ke ILMU ataupun Sugeh Resort, Janda Baik.

Yang keempat, pemasangan paip MS 200mm. MS ni *mild steel*, yang ni lebih tahan... lebih jauh lebih baik daripada *asbestos cement* di kilometer 74.5 Lebuhraya Karak - Bentong. Yang kelima, penggantian paip *poly* 160mm kepada *mild steel* ataupun MS, 250 milimeter di Jalan KL Lama panjangnya lebih kurang 19 kilometer. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, 1 soalan.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mendapat aduan tentang kenaikan tarif untuk *non domestic*. Dengan ini saya mohon penjelasan Kerajaan Negeri tentang kenaikan ini dan soalan kedua adalah apakah kadar baru yang ditetapkan dan soalan ketiga, adakah ini melibatkan...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Cukup 2 soalan sahaja.

YB. CIK LEONG YU MAN

Sektor pendidikan...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

2 soalan... 2 soalan.

YB. CIK LEONG YU MAN

...dan rumah-rumah ibadat dan saya mohon penjelasan Kerajaan Negeri.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan 1 dan soalan 2 ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Kalau boleh sebab ini bukan soalan panjang. Mohon penjelasan. Okey, terima kasih. Saya mohon Yang Amat Berhormat memberi penjelasan.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tarif *non domestic* ini adalah daripada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat yang tentukan dan kita *follow* saja. Dan apa yang saya terima setakat ini dan dia buat... dibuat kajian oleh pihak Kerajaan Negeri ianya tidaklah terlalu tinggi dan masalahnya sehingga hari ini saya mendapat saya minta juga maklum balas daripada pihak PAIP saya dapati tidak ada isu besar sangat malahan pihak industri pun mereka kata tidak membebankan sangat kepada mereka. Jadi, pokok pangkalnya ini adalah arahan daripada Kerajaan Persekutuan dan kita Kerajaan Negeri kita ikut jelah. Sebab Kerajaan Persekutuan sekarang ni walaupun telah dibubarkan sebelum ini adalah hampir selari dengan Kerajaan Negeri. Jadi, saya fikir tak ada masalah sangat. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, Yang Berhormat. Soalan berikutnya saya jemput Wakil Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT, Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 3.

[Apakah perancangan Kerajaan Negeri ke arah merealisasikan Daerah Lipis dinobatkan sebagai UNESCO Global Geopark]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada rakan daripada Padang Tengku.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Mencari produk baharu untuk memastikan er... ini... industri pelancongan di negeri Pahang ini terus mendapat tempat adalah satu perkara yang sangat diperlukan. Malah kita juga nak memastikan bahawa negeri Pahang ini akan menjadi salah satu daripada destinasi pelancongan iaitu yang berteraskan kepada ekopelancongan kerana itulah Kerajaan Negeri Pahang komited untuk menjadikan daerah Lipis sebagai UNESCO Global Geopark. Sebagai prasyarat untuk menjadikan UNESCO Global Geopark, daerah Lipis perlu terlebih dahulu mendapat pengiktirafan sebagai tapak Geopark Kebangsaan. Beberapa langkah awal telah diambil termasuk cadangan pembangunan Lipis Geopark ini telah dimasukkan dalam Rancangan Tempatan Daerah Lipis 2020 dan beberapa cadangan projek berimpak tinggi telah digariskan dalam Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050. Rancangan... perancangan dan cadangan projek infrastruktur ini merupakan sebahagian daripada komponen penting dalam pembangunan Lipis Geopark.

Kerajaan negeri melalui Perbadanan Taman-taman Negeri Pahang (PTNP) telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Jabatan Mineral dan Geologi...



Geosains, Jawatankuasa Geopark Kebangsaan dan semua pemegang taruh yang berkaitan bagi menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Geopark Lipis.

Jawatankuasa ini berfungsi sebagai penggerak kepada semua usaha pembangunan, pendidikan, pemulihan, promosi dan penyediaan dokumen yang diperlukan bagi mendapat pengiktirafan sebagai Geopark er... UNESCO Global Geopark.

Selain daripada itu, Kerajaan Pahang akan mengadakan Majlis Pelancaran Aspirasi Lipis Geopark. Majlis pelancaran tersebut menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan daerah Lipis mendapat pengiktirafan sebagai UNESCO Geopark... Global Geopark Yang Berhormat Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikutnya, saya jemput Wakil Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera, soalan saya nombor 4.

[Berapa lama jangka masa yang diperlukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memproses permohonan bantuan-bantuan kebajikan dan apakah punca kelewatan bagi sesetengah permohonan?]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Yang Behormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Jangka masa yang diperlukan adalah 2 minggu untuk siasatan dilakukan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sebelum sesuatu permohonan diluluskan... permohonan bantuan ya diluluskan dan ianya akan mengambil pula tempoh 1 bulan untuk mengambil kira semua dokumen diperlukan adalah lengkap jadi sebarang kelewatan bagi sesetengah permohonan adalah kerana dokumen yang tidak lengkap dan er... kekangan permohonan yang semakin meningkat dari sehari ke sehari, Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasihYang Berhormat. Soalan berikutnya, Wakil Cheka.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Salam Sejahtera Dato' Sri Speaker, soalan saya soalan ke-5.

- [Yayasan Pahang mengeluarkan biasiswa dan pinjaman untuk mahasiswa.
- Apakah pencapaian akademik (CGPA) para penerima biasiswa dan pinjaman Yayasan Pahang sejak lima tahun yang lalu ?
 - Apakah peratusan graduan yang memperoleh ijazah kepujian Kelas Pertama atau lain-lain anugerah kecemerlangan pelbagai ketegori ?



- c) Apakah peratusan yang mengikuti kursus profesional berbanding dengan bukan profesional ?
- d) Sejauh manakah para graduan yang meminjam atau menerima biasiswa memperoleh pekerjaan selepas tamat pengajian ?]

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada sahabat saya daripada Cheka yang menanyakan tentang Yayasan Pahang telah mengeluarkan biasiswa dan pinjaman untuk mahasiswa. Apakah pencapaian akademik kepada para penerima biasiswa dan pinjaman Yayasan Pahang sejak 5 tahun yang lalu?

Er... pencapaian purata akademik penerima biasiswa dan pinjaman Yayasan Pahang adalah di antara 2.80 ke 3.00. Soalan yang ke-2 daripada Cheka, apakah peratusan graduan yang memperoleh ijazah kepujian kelas pertama atau lain-lain Anugerah Kecemerlangan pelbagai kategori? Peratusan graduan yang menerima... memperoleh ijazah kepujian kelas pertama dan anugerah-anugerah lain adalah melebihi 11% daripada keseluruhan pelajar.

Cheka juga menanyakan tentang peratusan mengikut kursus profesional berbanding dengan bukan profesional? Jumlah penajaan tahun 2022 bagi program profesional adalah seramai 210 orang iaitu 12% berbanding 1,535 orang pelajar iaitu 88% dari program bukan profesional dan soalan yang terakhir daripada Cheka, manakah para... sejauh manakah para graduan yang meminjam atau menerima biasiswa memperoleh pekerjaan selepas tamat pengajian? Hasil daripada kajian penilaian program, kursus tajaan Yayasan Pahang dan hala tuju pelan strategik oleh Institut Maklumat dan Analisa Pasaran Buruh pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

- 1) Yang telah memberi respons - 1,521 orang
- 2) Menyambung pengajian sebanyak - 44 %
- 3) Yang dapat peluang bekerja - 44 %
- 4) Yang tidak bekerja - 12 %

Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah pemberian pinjaman dan biasiswa Yayasan Pahang mengambil kira keperluan guna tenaga dan pekerjaan masa depan seperti *big data* ke, kelab teknologi ke? Soalan ke-2, gred purata 2.8 hingga 3.00 itu nampaknya kurang memuaskan. Adakah Yayasan Pahang akan mengambil tindakan susulan untuk meningkatkan CGPA? Terima kasih.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Memang kita di Yayasan Pahang menjalankan kajian dan kita membuat er... apa... dapatan daripada kajian itu iaitu mengemas kini bidang-bidang yang wajar kita taja, yang memberi peluang kepada anak-anak pelajar kita seumpama bidang farmasi, kejuruteraan teknologi, ekonomi kewangan Islam, perakaunan, persijilan profesional,



pertanian dan industri halal, pelancongan dan warisan, sains dan data kepintaran buatan, automa... automasi dan robotik dan sebagainya, Dato' Sri Yang di-Pertua.

Dalam waktu yang sama persoalan yang ke-2 di... kemusykilan daripada Cheka atas apa prestasi anak-anak kita. Sudah tentu kita dari semasa ke semasa berganding bahu dengan pihak-pihak sekolah untuk memberi motivasi kepada anak-anak kita supaya mencapai apa namanya kejayaan yang lebih cemerlang, sebab itulah Kerajaan Negeri sendiri memperkenalkan bantuan-bantuan supaya pelajar-pelajar ini lebih fokus dan lebih memberi... menitikberatkan pendidikan mereka supaya mereka mendapat keputusan dengan lebih cemerlang lagi. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan berikut, saya jemput Wakil dari Tras.

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili Tras mengemukakan soalan nombor 6.

[Sila nyatakan jumlah peruntukan telah diagihkan kepada NGO (*Non Governmental Organization*) di Pahang oleh Kerajaan Negeri Pahang?]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Sabai mewakili er... sahabat beliau iaitu ADUN Tras bertanya tentang jumlah peruntukan yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri kepada NGO ataupun *Non-Governmental Organization* di Pahang. Setakat ini, peruntukan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada badan-badan bukan kerajaan ini adalah berjumlah hampir RM1.9 juta bagi tahun 2022. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan berikut saya jemput Wakil dari... Wakil kepada Tanah Rata.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili Tanah Rata untuk mengemukakan soalan 7.

[Jalan Perhubungan di Kawasan Perkampungan Orang Asli. Sila nyatakan perancangan kerajaan untuk menjalankan projek pembinaan dan penaiktarafan jalan perhubungan yang sedang atau bakal dijalankan di kawasan Kampung Orang Asli?]



YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Bagi menjawab pertanyaan dari Tanah Rata mengenai jalan perhubungan di kawasan perkampungan Orang Asli bagi perancangan serta pembinaan dan menaik taraf yang sedang ataupun bakal dijalankan di kawasan kampung Orang Asli.

Pejabat Daerah Tanah Cameron Highlands melalui Bahagian Pembangunan Daerah telah bekerjasama dengan pihak JKR Daerah Cameron Highlands bagi mendaftarkan semua jalan-jalan di kawasan perkampungan Orang Asli di daerah Cameron Highlands kecuali Kampung Cenang Cerah, Pos Lemoi ke dalam Sistem MARRIS. Bagi Kampung Cenang Cerah, tiada jalan sedia ada ataupun jalan PLB untuk akses rangkaian perhubungan ke kampung tersebut yang menjadi prasyarat bagi pendaftaran jalan ke dalam sistem MARRIS.

Setakat hari ini, beberapa jalan kritikal serta berisiko telah dibuat pembaikan oleh pihak JKR menerusi syarikat YP Maintenance. Jabatan Kerja Raya selaku agensi pelaksana yang diamanahkan oleh pihak kerajaan untuk menjalankan projek pembinaan naik taraf jalan perhubungan melibatkan kawasan kampung Orang Asli di negeri Pahang.

Tiga (3) projek infrastruktur jalan melibatkan perhubungan kampung Orang Asli di negeri Pahang yang telah berjaya disiapkan oleh JKR sepanjang tahun 2021 sehingga September 2022. Pertama, membina dan menaik taraf jalan di Kampung Orang Asli Simpai, Pekan.

Kedua, membina jambatan baru di Kampung Orang Asli di Sungai Gabong, Bentong. Ketiga, membina jalan keluar masuk dan tempat letak kereta di bangunan ruang niaga pintu RPS Kedaik, Rompin dan sebanyak 4 projek infrastruktur perhubungan... jalan perhubungan kampung Orang Asli di negeri Pahang yang diserahkan kepada JKR sebagai agensi pelaksana oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Kemajuan Orang Asli yang masih dalam peringkat perancangan dan pembinaan.

Pertama, membina jalan dari Pos Tenau, Muallim, Perak ke Pos Senderut, Kuala Lipis. Kedua, membina jalan perhubungan dari Pos Simoi Lama ke Pos Lenjang. Ketiga, membina jalan kampung Orang Asli dari Pos Betau ke Pos Lenjang. Ketiga, menaik taraf jalan luar bandar dari Simpang FELCRA Ulu Kerut - Kampung Orang Asli Bot-Bot - FELDA Jengka 7 ke kilang sawit Jengka 18 di daerah Maran. Bagi Jabatan Kemajuan Orang Asli di negeri Pahang, untuk tahun 2022 pembaikan dan naik taraf jalan di Pos Telanok sedang dilaksanakan melalui konsesi jalan di bawah seliaan JKR. Pihak JKR juga sedang dalam tindakan untuk memohon peruntukan bagi menaik taraf jalan Pos Terisu dan Pos Baung.

Bagi projek pembaikan jalan Fasa 2, pihak JAKOA merancang untuk membina baru jalan di perkampungan seperti berikut:

- 1) Bina baru jalan konkrit Kampung Panggen ke Kampung Kuala Boh sepanjang 8 kilometer.
- 2) Membina baru jalan konkrit dalam Kampung Sungai Ruil melibatkan kos sebanyak RM100,000.00.



Sekian, terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Wakil dari Chini.

YB. ENCIK MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan pertanyaan yang ke-8.

[Sistem telekomunikasi banyak yang terganggu semasa banjir melanda Pahang pada hujung tahun 2021 dan awal tahun 2022. Apakah persediaan kerajaan negeri menghadapi musim banjir akan datang?]

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih er... Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Chini kerana telah mengemukakan soalan yang sangat baik. Untuk makluman sidang dewan, semasa banjir melanda Pahang pada hujung tahun 2021 dan awal tahun 2022, sebanyak 571 stesen pemancar di 381 infrastruktur telekomunikasi telah terjejas di seluruh negeri Pahang.

Punca utama gangguan... punca utamanya adalah gangguan kepada sistem komunikasi ini adalah disebabkan oleh pemutusan bekalan elektrik oleh pihak Tenaga Nasional (TNB) atas sebab-sebab keselamatan apabila paras air semakin naik. Daripada 381 infrastruktur telekomunikasi yang terjejas ini, sebanyak 18 infrastruktur sahaja yang tenggelam akibat dinaiki air. Sebagai persediaan untuk musim monsun yang akan datang, pihak kerajaan sentiasa melakukan penambahbaikan dan mengambil berat tentang keperluan komunikasi ketika berlakunya musim banjir. Di antaranya adalah untuk kita mengambil pendekatan dengan membina platform yang lebih tinggi, untuk menempatkan peralatan elektronik telah pun bermula di seluruh 18 lokasi infrastruktur yang terlibat, di mana 12 pun telah selesai dan 6 lagi dalam... siap dalam masa terdekat.

Untuk makluman di seluruh negeri Pahang, pihak *Telco* sejak 2014 hingga 2021 telah menaik taraf dan memperkasakan sebanyak 85 lokasi pemancar telekomunikasi. Ini termasuk 7 lokasi pemancar yang terletak di daerah Pekan dan telah siap dilaksanakan seperti berikut:

- 1) Kampung Sijau;
- 2) Kampung Padang Rumbia;
- 3) Kampung Sepaku;
- 4) Kampung Temai;
- 5) Kampung Temai Hilir; dan juga di
- 6) Bandar Pekan, di mana platformnya telah dinaik araskan.

Selain daripada itu juga antara usaha-usaha yang dijalankan yang pertama menjalankan semakan status atau kualiti perkhidmatan telekomunikasi di semua pusat pemindahan banjir... pusat pemindahan sementara yang termasuk kerja-kerja proses mengoptimalkan rangkaian dan persediaan pemasangan *Cellular-On-Wheels*, dengan izin Yang Berhormat Tuan di-Pertua dan *portable-BTS* sekiranya diperlukan.



Yang Kedua, mengaktifkan Jawatankuasa Kerjasama Khas menangani bencana di antara MCMC dan semua *Telco* di peringkat negeri. Yang ketiga melaksanakan kerja-kerja pemulihan perkhidmatan dengan kolaborasi dan penyelarasan bersepadu di antara MCMC, *Telco-Telco* dan agensi-agensi pengurusan bencana di peringkat negeri dan daerah sekiranya diperlukan.

Diharapkan dengan kerjasama erat semua pihak, yang terlibat dan langkah-langkah kesiapsiagaan yang telah diambil dan jalankan akan dapat meminimumkan lagi impak kepada pengguna sistem telekomunikasi semasa bencana banjir berlaku di negeri Pahang insya-Allah. Sekian, Yang Berhormat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan berikut Wakil Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 9.

[Berkenaan Tanah Lot FELDA yang masih kosong dan telah dicadangkan kepada generasi kedua FELDA, apakah perkembangan status di dalam Negeri Pahang.]

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih ADUN Sungai Lembing yang bertanya soalan berkenaan dengan tanah kosong kawasan FELDA. Atas usaha Kerajaan Negeri, Jabatan Aset FELDA bersetuju bagi pihak Kerajaan Negeri melaksanakan Skim Tanah Rakyat atau dengan singkatan STR kepada generasi baru FELDA dengan mengekalkan status GSA dan menggunakan seksyen 10 bagi memudahkan proses pemberian hak milik kepada anak-anak peneroka. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan berikutnya, Wakil dari Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 10.

[Bangunan Kompleks Makmur Kuantan sudah 9 tahun, saya telah membangkitkan status Bangunan Kompleks Makmur ini tetapi masih tiada jalan penyelesaian. Mohon pihak kerajaan mengemukakan cara penyelesaian bagi pemilik lot-lot kedai tersebut untuk bangunan ini dan bilakah ia dapat diselesaikan?]

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,



Terima kasih ADUN Teruntum tanyakan soalan berkaitan dengan Kompleks Makmur Kuantan. Untuk makluman Dewan, kesemua 89 pemilik lot tidak mempunyai hak milik strata kerana *Joint Management Board* ataupun Pengurusan Badan Bersama gagal ditubuhkan oleh pemaju iaitu Syarikat Abi Construction Sdn. Bhd. sepertimana tertakluk di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 Akta 757 dan walau bagaimanapun pihak Majlis Bandaraya Kuantan telah melakukan sesi libat urus bersama pemilik lot antara tahun 2013 hingga 2016. Bermula 1 Ogos 2016, Majlis Bandaraya Kuantan ketika itu Majlis Perbandaran telah mengadakan perbincangan mengeluarkan surat dan ke lokasi pemilik untuk mendapatkan maklumat dan dokumen sebanyak 76 pemilik memberi maklum balas manakala 13 gagal ditemui.

Untuk makluman, MBK telah menyediakan kertas kerja cadangan pembangunan semula sebagai tambahan kepada transformasi bandar ataupun UTC yang berada di sebelah bangunan Kompleks Makmur ni dan dibawa kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada tahun 2016 untuk permohonan peruntukan namun sehingga kini tiada dapat jawapanlah. Perincian pemilihan, penilaian... nilai dan isu tanah dibincangkan semula pada 3 Ogos 2021. Bagaimanapun kertas kerja cadangan pengambilalihan balik dan permohonan peruntukan yang telah disiapkan akan diangkat semula kepada MOF melalui Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih jawapan dari Wakil Kerajaan. Soalan tambahan saya adalah saya nampak dalam kompleks ini adakan... menjalankan perniagaan. Jika bangunan ini tidak mempunyai CF telah diluluskan, jika berlaku kemalangan atau kebakaran di bangunan kompleks ini, siapakah yang akan bertanggungjawab terhadap kes-kes seperti ini dan kepada mangsa-mangsa? Terima kasih.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Tuan Yang di-Pertua,

Er... soalan ini melibatkan dari segi aspek perundangan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 dan juga Undang-undang Kecil Bangunan Pengurusan Bersama. Jadi, saya akan bagi jawapan bertulis kerana saya tidak... jawapan yang diberikan tidak selari dengan peruntukan undang-undang. Saya akan bagi jawapan bertulis tu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai aturan mesyuarat pertanyaan dan jawapan. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan pihak kerajaan yang telah memberikan jawapan dengan jelas dan terang. Saya bercadang untuk menempatkan dewan kita untuk bersarapan pagi.

Sebelum itu, suka saya memaklumkan di dalam Dewan Yang Mulia ini, pihak dewan telah menjemput pemerhati daripada para pelajar Universiti Kolej Yayasan Pahang



(UCYP) dan juga Kolej Profesional Mara... Kolej Profesional Mara ya [Ahli Dewan menepuk meja]. Baik, terima kasih. Ada antara mereka pelajar dari negara jiran iaitu Bandar Lampung, Indonesia iaitu saudari, Salsabila Qurrati Aini Arakumara, ya itu dia. Terima kasih dapat sama-sama menghadiri dewan kita mudah-mudahan anda semua dapat mempelajari sesuatu dari sidang Dewan Yang Mulia ini dan saya tak lupa juga pemerhati daripada Bukit Ibam yang telah bersama-sama kita pada pagi ini.

Oleh itu Yang Berhormat kita akan... saya akan tempohkan dewan ini dan berharap dapat kembali ke dewan pada jam 10.45 pagi... jam 10.45. Saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat berada di dewan untuk kita meneruskan aturan mesyuarat selanjutnya. Mesyuarat dtempohkan. Terima kasih.

[Persidangan dtempohkan pada jam 10.14 pagi]



[Persidangan disambung semula]

RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2023) 2022 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2023.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah satu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2023 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk maksud tertentu; dan satu usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan Seksyen 9 Akta Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan mengikut ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air dengan ini bersetuju meluluskan anggaran perbelanjaan bagi tahun 2023 daripada Kumpulan Wang tersebut sebagaimana yang ditetapkan di dalam Rang Anggaran Perbelanjaan Bahagian I, II dan III, 2023 yang dibentangkan dalam Persidangan ini sebagai Kertas DN 28/2022.”

Rang Undang-Undang ini dan Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Jumaat, 7 Oktober 2022 dan telah pun mendapat sokongan. Rang Undang-Undang dan usul ini akan dibuka untuk perbahasan. Sukacita saya memaklumkan bahawa ruang perbahasan yang diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sepertimana biasa dihadkan masa seban... seba... sebanyak 10 hingga 12 minit sahaja untuk perbahasan.

Suka juga... sukacita juga saya memaklumkan bahawa Perintah Dewan Bilangan 3 Tahun 2022 pemberitahu... dimaklumkan bahawa Aturan Urusan Mesyuarat yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada 28 September 2022, hari Rabu yang lalu dibatalkan dan diganti dengan Aturan Urusan Mesyuarat yang akan diedarkan sebentar lagi selepas ini.

Oleh itu, perbahasan akan dibuka pada hari ini sahaja, untuk Ahli-ahli Yang Berhormat dan pagi tadi saya telah berbincang dengan wakil-wakil parti akan kedudukan ini dan mereka telah bersetuju bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih mewakili parti sahaja untuk berbahas pada hari ini hinggalah ke sebelah petang. Kerana kita akan meneruskan untuk hari esok, pihak kerajaan akan menjawab dan seterusnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan menggulung pada hari berikutnya.

Terima kasih atas persetujuan Pengerusi-pengerusi Parti yang berjumpa dengan saya pagi tadi. Oleh kerana kita tengah bersiap sedia dan menunggu saat dan ketikanya pembubaran kita, apabila di er... diisytiharkan nanti oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja. Bagaimanapun, persidangan kita ini mempunyai keabsahan, cukup dan mengikut peraturan-peraturan yang ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat jangan bimbang, boleh terus berbicara dan berbahas sehingga masa yang akan saya maklumkan kemudian. Baiklah, saya rasa jelas untuk itu saya dengan ini menjemput Wakil daripada Peramu Jaya untuk menyampaikan perbahasan. Sila, Yang Berhormat.



YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum WBT, wabihi nasta'in dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua yang memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk membahaskan belanjawan negeri Pahang 2023 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada 7 hari bulan Oktober 2022 yang lalu.

Ibarat bunyi seloka Melayu:

*Tanggam kukuh, simpulan mencengkam,
Kekuatan simpulan, tanggam bersepadu,
Dipisah sukar, terus berpadu.*

Maksudnya, sesuatu usaha yang dijalankan dengan wawasan yang jitu akan menghasilkan hasil yang terbaik. Begitu juga dengan pembentangan belanjawan tersebut yang telah mampu melonjakkan ekonomi negeri ke arah yang lebih menyeluruh dan mampan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Adam Smith di dalam bukunya yang berjudul “*The Wealth of Nations*” menggariskan ekonomi mampan berpaksikan kepada 3 elemen utama. Yang pertama ialah pendapatan melebihi perbelanjaan, yang jelas menunjukkan bahawa pembentangan belanjawan 2023 dengan anggaran pendapatan sebanyak RM1.083 billion dan perbelanjaan sebanyak RM1.071 billion.

Keduanya ialah tanggungan hutang tidak melebihi pendapatan. Ini juga jelas di mana hutang adalah sebanyak RM952.21 juta sedangkan pendapatan adalah sebanyak RM1.083 bilion. Selain daripada itu, kriteria yang ketiga ialah taburan ekonomi dinikmati oleh rakyat secara menyeluruh di pelbagai manfaat yang diterima oleh rakyat yang telah dibentangkan dalam belanjawan 2023. Natijahnya... natijahnya ialah pembentangan belanjawan bagi tahun 2023 adalah yang terbaik dalam sejarah yang pernah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini melebihi RM1 bilion. Syabas dan syabas.[Ahli Dewan menepuk meja]

Kepada kakitangan kerajaan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah tidak melupakan jasa dan sumbangan bakti di atas memperkasakan ekonomi negeri Pahang. Oleh sebab itu, kita bersyukur, kita amat bersyukur kerana bonus pun dapat 1½ bulan gaji sebagai tanda penghargaan Kerajaan Negeri kepada kita. Yalah, tak tepuk, ni sebab kalau MB umum, kena tepuklah ya [ketawa]. [Ahli Dewan menepuk meja]

Saya nak menyentuh satu aspek iaitu aspek perumahan. Kalau kita lihat Kerajaan Negeri Pahang melalui projek Rumah Rakyat Negeri Pahang (RRP) pada tahun 2023. 1 unit diberikan kepada Parlimen dan 8 unit kepada Ahli Dewan Negeri dengan kos RM30.75 juta dan ini merangkumi lebih kurang pembinaan sebanyak 350 unit. PR1MA Pahang, 1,000 unit, Rumah Makmur, 483 unit bakal siap. Projek Rumah Mesra Pahang, 500 unit dan ada juga Perumahan Generasi Baru FELDA. Secara anggaran kasarnya, pembinaan rumah di negeri Pahang pada tahun hadapan adalah antara 2,500 hingga 3,000 unit setahun.



Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam penyediaan perumahan ini, saya melihat beberapa aspek yang penting untuk kita memberi perhatian. Yang pertama ialah kos pembinaan masih dianggap tinggi meskipun kos pelaksanaan dikategorikan rendah. Tempoh siap projek juga agak panjang kerana ianya dibina secara manual. Berkemungkinan juga setengah-setengah projek terbengkalai akibat masalah kontraktor dan sebagainya dan yang paling utama ialah mutu dan kualiti tidak terjamin dan setara.

Oleh sebab itu, saya mohon mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar pembinaan rumah melalui kaedah *Industrialized Building System* ataupun IBS dapat dipelopori oleh Kerajaan Negeri kerana sistem ini membolehkan rumah pasang siap dilaksanakan dengan kos yang lebih minima, penggunaan bahan yang optima, penggunaan tenaga kerja yang kurang, kualiti yang baik, kurangkan masa pembinaan dan yang penting ianya lebih murah.

Saya ambil satu contoh iaitu Syarikat SP Setia Alam, membina sebanyak 25,000 unit rumah dan komersial pada tahun 24... 2004 dan siap 2006 sebanyak 25,000 unit. Meskipun ini berskala besar tetapi pada hemat saya memadai di negeri Pahang kita laksanakan pada skala yang kecil tetapi ianya lebih menyeluruh meliputi sasaran pembinaan rumah kita setiap tahun. Saya mencadangkan agar kerajaan boleh mendapatkan pelabur luar bagi menjadi agen penggerak IBS melalui insentif yang menarik. Nombor 2, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri boleh melantik kontraktor tempatan untuk menjadi pelaksana dalam projek pembinaan IBS dengan latihan daripada CIDB dan sebagainya.

Ketiganya, Kerajaan Negeri boleh menggalakkan industri berasaskan pasir untuk pembinaan panel IBS bagi mengurangkan kos. Saya yakin dan saya penuh yakin jika ianya dapat dilaksanakan, insya-Allah negeri Pahang adalah merupakan negeri pertama berjaya mewujudkan pembinaan IBS melalui insentif, saya ulangi melalui insentif dan dokongan Kerajaan Negeri ini.

Saya terus ingin melanjutkan perbahasan saya kepada isu kawasan. Masalah yang pertama ialah banjir khususnya di Pekan. Meskipun kita menerima ini sebagai satu lumrah tetapi ikhtiar kita di dalam pembinaan projek tebatan banjir sedikit sebanyak dapat menangani masalah banjir. Saya ingin mencadangkan bagi memastikan masalah banjir dapat ditangani dengan baik, adalah dicatat... dicadangkan agar satu dasar jelas dan dasar jelas ini perlu mempunyai insentif terbaik bagi digubal untuk memastikan bahawa masalah muara cetek dapat diatasi melalui kaedah mengekalkan kedalaman limbangan sungai agar laluan air berjalan lancar terus ke laut.

Saya ambil satu contoh yang ketara, iaitu bagaimana kita melihat bahawa kaedah *on-going dragging* dengan izin, boleh dilaksanakan seperti yang terdapat di Shanghai, China. Yang dilaksanakan oleh Shanghai, *dragging* yang melibatkan pendalaman berterusan kuala yang mana hasil daripada pendalaman tersebut *debris*nya digunakan untuk penambakan dan yang lebih penting ianya... muara tersebut boleh digunakan sepanjang tahun dan pengaliran... pengaliran air terus lancar dan risiko banjir sungai dapat diatasi.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menyentuh tentang perlombongan pasir. Tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah menubuhkan Syarikat Pasir Pahang Berhad. Saya mencadangkan agar industri perlombongan pasir tidak sahaja bergantung kepada eksport semata-mata.



Sebagai contoh, di Pekan industri perlombongan pasir begitu giat dijalankan tetapi malangnya pada saat ini pasir tidak dapat dipasarkan kerana masalah logistik yang tinggi. Saya mencadangkan agar hak penghasilan bahan binaan berasaskan konkrit dapat diusahakan dengan adanya komponen pasir ini.

Keduanya, jika usaha mengatasi banjir dengan mendalamkan sungai melalui kaedah perlombongan pasir yang terkawal, insya-Allah saya yakin manfaat pasir boleh juga digunakan secara berskala besar untuk tebus guna kawasan yang rendah dan berpayau untuk dimajukan. Saya mengambil contoh, di kawasan saya lebih kurang 50% kawasannya adalah berpayau. Saya anggap Pekan ini khususnya di kawasan saya seperti Holland, landau, tiada bukit tetapi masalahnya ialah untuk dimajukan kawasan-kawasan tertentu isu utamanya ialah berpayau. Jadi dengan adanya penggunaan pasir ni, saya yakin kita dapat bangunkan lebih banyak kawasan yang berpayau.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Sekolah Kebangsaan Pahang Tua. Sekolah Kebangsaan Pahang Tua ini terletak sekarang lebih kurang 5 meter dari tebing sungai. Hakisan pada kadar yang membimbangkan. Kawalan hakisan perlu dipertingkatkan meski... meskipun ada tindakan yang telah diambil tetapi ini tidak mencukupi kerana ianya memerlukan tindakan yang lebih lanjut agar tebing sungai tidak runtuh dan struktur sekolah tidak terganggu.

Keduanya, saya ingin menyentuh tentang kedudukan paya Pahang Tua, Langgar yang merupakan kawasan jelapang padi. Kawasan ini telah diusahakan pada tahun 1926 lagi kalau mengikut sejarahnya tetapi masalahnya di kawasan ini ialah muka sauh cetek dan fungsi pam sering rosak. Ini mengakibatkan keluasan kawasan sebanyak 1,275 hektar dan bilangan petani yang terkesan ialah sebanyak 548 orang. Jadi buat masa ini, petani di kawasan ini cuma bergantung harap kepada air hujan sahaja.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menyentuh lagi satu isu iaitu Jambatan Sultan Abu Bakar. Saya telah membangkitkan isu ini beberapa kali kerana saya amat risau bahawa kemusnahan bakal terjadi seandainya masalah pulau ini tidak diselesaikan. Saya telah jelaskan dengan teori dan dengan contoh sekali di Sidang Dewan yang lepas bagaimana jambatan ini boleh mengalami keruntuhan kerana pada ketika saya bentangkan di dewan ketika itu, paras tanah ke lantai jambatan cuma 2 meter. Sekarang ni dah jadi 1 meter. Maksudnya pulau ini bergerak.

Pulau tumbuh ni bergerak dan sekarang gerakan itu telah pun sampai ke bawah Jambatan Sultan Abu Bakar dan pengaliran air sungai cuma berjalan di sebelah kiri sahaja. Ini amat merbahaya kerana apabila sentimentasi menjadi semakin banyak di bawah jambatan pengalir... pengaliran air tertumpu di kawasan yang tiada ban dan jika paras air tinggi, kerisauan rasuk jambatan akan runtuh. Saya ulang lagi sekali, kita risaukan fenomena ini boleh mengakibatkan jambatan akan runtuh.

Meskipun ada sedikit usaha telah dibuat, saya menghargai usaha tersebut tetapi usaha tersebut tidak mencukupi untuk kita memastikan bahawa jambatan tersebut terselamat kerana kita pun dah hampir musim tengkujuh dan kita memerlukan usaha yang lebih mantap bagi mengelakkan masalah jambatan tersebut menjadi suatu musibah yang kita geruni. Saya ingin memetik... ingin memetik, memetik pula dah. Ni mood pilihan rayalah kot.

Saya ingin memetik filem Tiga Abdul. Dalam filem Tiga Abdul, watak Saddiq Segaraga bukan Syed Saddiq... Saddiq Segaraga dan watak Abdul Wahub. Saddiq Segaraga



bertanya kepada menantunya Abdul Wahub, “anakanda marah tak?” Jawab Abdul Wahub, “siapa kata anakanda marah? Bukan marah tetapi nasihat”. Begitu juga saya, saya nak gunakan konteks ini. Saya nak gunakan konteks ini kalau orang kata YB... YB ADUN Peramu Jaya marah tak? Saya bukan marah, saya tak marah. Nasihat.

Itulah yang saya nak sampaikan tentang isu jambatan ini kerana saya perlu memberi pandangan dan nasihat yang sewajarnya agar musibah itu tidak menimpa kita, insya-Allah dan langkah-langkah tertentu perlu kita ambil.

*Tanam ubi tanam selasih,
Membina pagar dengan sokongan,
Mohon berhenti, terima kasih,
Saya mohon menyokong.*

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Bilut. Silakan.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Er... salam sejahtera. Pertamanya saya ingin merakamkan terima kasih ke atas memberi kesempatan saya mengambil bahagian dalam perbahagian... perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2023 (2022) Usul Anggaran Pembangunan dan Pembekalan Air Tahun 2023 yang dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar pada hari Jumaat lepas.

Pada hari 18 haribulan Disember tahun lalu negara kita dilanda banjir paling teruk dalam sejarah tempoh beberapa dekad ini. Keadaan ini telah menyebabkan banyak kawasan di seluruh negara mengalami impak yang amat drastik. Bencana ini telah meragut berpuluh-puluh nyawa rakyat manakala ribuan rakyat hilang tempat tinggal dalam sek... sekelip mata dan terpaksa berteduh di pusat pemindahan bencana. Pahang merupakan negeri yang paling teruk dilanda banjir besar. Antara kawasan yang teruk dilanda banjir termasuk Bentong, Temerloh, Maran dan Kuantan.

Walaupun kejadian banjir sudah berlaku, mangsa-mangsa di kawasan tersebut masih dibelenggu ketakutan dan trauma dalam setiap kali hujan. Sebagai ikhtibar daripada kejadian banjir besar tahun lalu saya mencadangkan Kerajaan Negeri seharusnya membuat persiapan yang secukupnya pada setiap er... musim tengkujuh hujung tahun supaya nyawa dan keselamatan rakyat sentiasa terjamin. Daripada menyeli... menyalahkan cuaca yang tidak menentu, lebih baik jika Kerajaan Negeri mengambil tindakan yang lebih pro... proaktif dan profesional untuk menangani masalah yang mungkin berlaku semasa kejadian banjir.

Saya cadangkan Kerajaan Negeri untuk menyediakan satu talian *hotline* bantuan bencana khas di setiap daerah supaya mangsa banjir dapat meminta bantuan secepat mungkin jika berlakunya bencana. Cadangan ini adalah pengajaran daripada pengalaman yang lalu di mana ramai mangsa tidak dapat menghubungi pihak berkuasa dalam masa yang singkat dan ini juga menyebabkan anggota bomba dan



penye... penyelamat terlepas peluang keemasan untuk menyelamatkan mangsa dan menghindari kehilangan nyawa yang berharga. Selain daripada...

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua, mohon izin er... Bilut?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya ingat nak menjawab dalam penggulungan tapi elok saya jawab teruslah sebab yang pertama sekali apa yang dibangkitkan oleh Yang terhormat daripada Bilut tadi Kerajaan Negeri dah buat dah. Kita dah buat dah. Yang pertama sekali Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berjumlah RM40 juta untuk persediaan menghadapi banjir. Antaranya ialah apabila kita buat *post mortem* tidak pernah berlaku dalam sejarah, saya bersama Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan memanggil Pegawai Daerah selaku Pengerusi Pusat Khidmat Operasi Bencana.

Kita minta 3 perkara yang pertama punca banjir, semasa banjir dan cadangan dan semua Pengerusi PKOB telah mengemukakan cadangan mereka dengan dan tidak ada satu pun yang Kerajaan Negeri tolak berjumlah RM47 juta. Antaranya ialah pusat pembinaan kekal, kita buat di Pekan di Maran dan di Lipis. Kemudian *helipad* yang sempurna di mana sebelum ini kita dapati terputus bekalan makanan, tidak boleh dihantar, kita buat *helipad* kemudian kita beli bot amfibia. Kita menyediakan sedikit peruntukan untuk latihan dan lain-lain lagi.

Yang kedua, berhubung dengan *hotline* tadi. Sekarang ni bilik gerakan sedang *direnovate* untuk naik taraf. Maknanya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di Dewan Yang Mulia ini apa yang dibangkitkan oleh ADUN Luit tadi Kerajaan Negeri dah ambil tindakan. Terima kasih, Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sila teruskan.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Terima kasih Yang Amat Berhormat er... jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ini kenapa saya bangkitkan isu ini adalah pengalaman er... tahun lepas kerana er... *hot... hotline* bagi pejabat saya termasuk *handphone* saya er... berbunyi ataupun dapat *call* banyak lebih daripada 100 *call*. Masa itu, ketika itu er... ketua rakyat ataupun mangsa-mangsa tidak dapat dihubungi. Saya... saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah pun membuat persiapan. Harap-harap er... hal ini ataupun perkara ini boleh membantu dan apa tu boleh er... mendapat ada *effect* bagi kemungkinan besar banjir akan datang di hujung tahun ini.

Okey, saya teruskan ucapan saya. Selain daripada itu, kerajaan juga perlu memastikan talian ini er... okey. Selain itu, Kerajaan Negeri juga perlu menambahkan jumlah anggota pasukan menyelamatkan di kawasan merah *hotspot* banjir besar supaya lebih bersedia untuk menghadapi kejadian banjir besar. Hal ini demikian



kerana bilangan tenaga anggota penyelamat yang tidak mencukupi, sering menanggung kerja menyelamatkan dalam setiap bencana maka ini merupakan kewajipan pihak kerajaan untuk memastikan jumlah anggota penyelamat adalah mencukupi bagi memastikan kecekapan kerja menyelamatkan semasa diperlukan perkhidmatannya.

Antaranya setiap pasukan penyelamat juga perlu memastikan semua peralatan penyelamat yang dimiliki adalah lengkap dan berfungsi. Segala perat... peralatan menyelamatkan yang tidak mencukupi mesti dibeli dan dilengkapi dengan segera agar kerja penyelamat tidak tertangguh akibat kekurangan peralatan menyelamatkan seperti tahun lepas. Saya pasti semua pihak tidak ingin sejarah hitam tersebut berulang lagi. Oleh itu, saya mesti mengingatkan Kerajaan Negeri dalam Dewan Undangan Negeri ini bahawa usaha pencegahan dan er... ban bantuan bencana mesti bersiap sedia sepenuhnya untuk menghindari sebarang kehilangan nyawa.

Kedua, pada tahun lepas Bentong dan Raub juga telah menghadapi masalah jalan runtuh di beberapa jalan. Antaranya jalan utama dari Bentong ke laluan FT08, Jalan Bentong ke Gua Musang Seksyen 15 hingga 20 yang sama telah memak... memakan masa selama setahun untuk siap dibaiki manakala jalan utama dari Lurah Bilut ke Raub, jalan dari Sungai Penjuring ke Tras telah runtuh buat 2 kali dan Jalan Lama ke Bentong ke Bukit Tinggi juga menampaknya keruntuhan di beberapa tempat.

Ini menunjukkan dengan jelasnya bahawa terdapat banyak pembinaan jalan di Bentong-Raub berisiko jalan runtuh. Dengan ini saya mencadangkan Kerajaan Negeri membuat kajian menyeluruh terhadap jalan raya di Bentong dan Raub dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan yang secukupnya sebelum berlakunya kes kemalangan jalan raya. Pendekatan ini juga dapat mengelakkan kemalangan jalan raya yang serius dan juga kesulitan yang dialami yang disebabkan penutupan jalan dan kerja-kerja penyelenggaraan selepas runtuh.

Ketiga, Stesen Bas Bentong merupakan destinasi pertama yang akan menentukan tanggapan pelancong terhadap Bentong. Oleh itu Kerajaan Negeri perlu memastikan keindahan dan keselesaan stesen bas tersebut agar pelancong yang datang ke Bentong ini mendapat tanggapan yang baik. Tambah... tambahan pula disebabkan gerai penjaja di stesen bas tersebut yang semakin usang lagi mengalami kebocoran air, penjaja tidak dapat beroperasi seperti biasa apabila hujan lebat melanda. Hal ini juga sudah banyak kali dilaporkan kepada Majlis Perbandaran Bentong dan namunnya masih tiada tindakan selanjutnya untuk menyelesaikannya.

Selain itu, meter elektrik gerai dan wayar elektrik yang digigit tikus juga harus dibaiki. Penjaja semakin dibelengga... dibelenggu dan dibimbangi oleh kemungkinan kebakaran akibat kebocoran elektrik... elektrik namun sehingga hari ini kami amat kecewa dengan tiada tindakan inisiatif dari Kerajaan Negeri.

Di samping itu disebabkan bonggol laju di pintu masuk perhentian bas, maka kemalangan mudah berlaku terutamanya dengan kehadiran pemandu yang melulu. Masalah kebersihan di stesen bas yang semakin teruk juga wajar diambil perhatian terutamanya apabila burung layang-layang yang semakin membanjiri stesen bas di mana najisnya sukar dibersihkan. Kesemua hal ini perlu ditangani oleh pihak berkuasa dengan secepat mungkin. Saya pernah melawat per... perhentian bas bersama ADUN Ketari sebelum ini. Mengikut pemerhatian kami masih banyak kawasan yang perlu dibaiki dan er... di perhentian bas tersebut. Sebagai contoh, banyak kerusi kon... konkrit yang rosak dan bukan sahaja menyusahkan pengguna malah menjejaskan penampilan bandar.



Akhir sekali Yang Berhormat Tuan di-Pertua, memandangkan Dewan Negeri Pahang ini akan dibubarkan dalam beberapa hari lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada Ahli-ahli Dewan dan juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri dalam beberapa tahun kecemerlangan... beberapa tahun ini. Saya ingin mengucapkan er... terima kasih kepada seluruh kakitangan kerajaan dan penjawat awam Kerajaan Negeri. Saya juga ingin memohon maaf jika ada salah dan silap di sepanjang penggal ini berjalan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada semua Ahli Dewan yang bakal dicalonkan semula ataupun yang akan berehat selepas penggal ini berakhir dan semoga kita jumpa lagi. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Bilut. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Teruntum. Silakan.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Salam sejahtera kepada semua. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, isu pemerdagangan... pemerdagangan manusia ini bukan satu jenaka dan tidak harus dipandang enteng. Dalam berapa lawatan saya ke negara Kemboja dan Thailand, anak Malaysia telah ditipu dan dipaksa menjadi buruh paksa. Saya juga mendapati bahawa anak Malaysia telah menjadi sasaran utama sindiket pemerdagangan manusia. Anak-anak Malaysia dipuju... dipujuk dengan pelbagai tawaran kononnya gaji di sana lebih tinggi. Selepas sampai di sana, mereka diseksa hingga 3 hari diberi... tidak diberi tidur dan makan.

Salah satu kes melibatkan seorang rakyat Perak yang bernama Goh Zhan Feng yang berumur 23 tahun telah diseksa dan didera sehingga mati negeri Thailand... negara Thailand. Encik Goh merupakan seorang siswa pendidikan di industri Perguruan Malaysia dan beliau mempunyai masa depan yang cerah tetapi beliau didera dan dihantar oleh sindiket ke Hospital Mae Sot, Thailand menggunakan nama palsu dan mayatnya tidak diuruskan selepas beliau meninggal dunia. Saya telah pergi ke negara Thailand bagi menguruskan proses bawa debu tulang Encik Goh balik ke Malaysia. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan berapa bilangan kes pemerdagangan manusia telah dilaporkan di Pahang dan apakah tindakan kerajaan dalam menyelesaikan kes-kes tersebut?

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri pernah...

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya rasa ADUN Teruntum ni ada jumlah-jumlah berapa mangsa di Pahang ni. Sebab sampai di Perak pun Yang Berhormat dia boleh tuntutan... tahu. Takkan di Pahang tak tahu? Lepas itu Yang Berhormat pula selalu pergi ke Cambodia. Tunjuk video masa kita *breakfast*, kan? Jadi boleh Yang Berhormat bagi tahu terus. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih Menteri Besar. Di Pahang, saya tak tahu tapi mangsa di Kemboja ada 1,000 lebih, di Myanmar ada 1,000 lebih, di Tachiri, Myanmar ada 200 lebih, di Laos



ada 200 lebih. Jumlah lebih kurang 3,000 lagi anak Malaysia tapi orang Pahang saya tak tahu berapa. [Ahli Dewan ketawa]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang di-Pertua,

Dia... ADUN Teruntum ni, dia banyak memberi pembelaan ya kepada ini... mangsa-mangsa termasuk di Perak. Ni... ADUN Teruntum nak bertanding di Perak ke? [Ahli Dewan ketawa]

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Saya selamatkan semua anak Malaysia tak kira dari mana. Sarawak pun saya selamatkan, anak Pahang pun kita selamatkan [Ahli Dewan menepuk meja]. Itu sebab saya nak tahu berapa anak lagi terkandas di sana? Saya akan cuba selamatkan semua mereka balik. Saya sambung. Terima kasih yang... Dato' Hormat Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri telah membuat kenyataan bahawa 31 Projek Rumah PRIMA Pahang telah dibatalkan berikutan kegagalan pemaju perumahan menyiapkan projek mengikut syarat yang ditetapkan. Pada 30 hari bulan September 2022, saya telah menerima aduan daripada segolongan pembeli PRIMA yang menyatakan kerajaan dan kontraktor yang terlibat tidak dapat menunaikan perjanjian 24 bulan yang telah dibuat. Pihak kerajaan sendiri telah mengaku dalam surat bertulis bahawa projek tersebut adalah projek sakit dan mohon pembeli mendapatkan nasihat guaman.

Saya amat hairan dengan jawapan dalam surat tersebut. Pihak kerajaan sendiri yang pilih Y&S Mutiara Construction Sdn Bhd sebagai kontraktor untuk projek tersebut tetapi pembeli sendiri perlu tanggung kos guaman sewaktu kontraktor tidak dapat menunaikan perjanjian. Saya berpendapat pihak kerajaan harus membela nasib rakyat bukannya kontraktor seperti yang ditulis dalam perjanjian dan saya sendiri pun telah baca perjanjian tersebut adalah dibuat antara Y&S Mutiara Construction Sdn Bhd dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang. Saya percaya pihak pembeli pun tidak mahu dengar sebarang alasan dari pihak kerajaan. Jawapan yang mereka nak adalah apakah jalan penyelesaian yang ditawarkan oleh pihak kerajaan?

Saya juga difahamkan bahawa Pejabat Menteri Besar telah terima surat aduan daripada pembeli PRIMA Cherating tetapi saya berasa amat dukacita bagi pihak pembeli kerana pihak Pejabat Menteri Besar tidak memberi sebarang penjelasan kepada mereka. Jika Menteri Besar dan EXCO tidak tahu apa yang berlaku, jom saya ajak Menteri Besar dan untuk turun padang bersama-sama dan jumpa dengan para pembeli. Bayangkanlah jika anda merupakan salah satu seorang pembeli. Janganlah mengabaikan luahan rakyat yang ditipu oleh kontraktor yang tidak bertanggungjawab. Di sini saya juga ingin bertanya apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan terhadap syarikat Y&S Mutiara Construction Sdn Bhd dan siapakah pemilik sebenar syarikat tersebut? Sekiranya pemaju ini telah dibatalkan, bagaimanakah bayaran deposit dan Perjanjian Jual Beli pembeli. Sekira pemaju penyelamat dilantik, bagaimanakah bayaran baru akan... adakah pembeli perlu menanggung?

Saya memohon pihak kerajaan negeri supaya kaji betul-betul sebelum memilih mana-mana syarikat untuk mana-mana projek di Pahang. Berkaitan dengan PRIMA Cherating Pahang, pihak kerajaan perlu bertanggungjawab. Cukuplah sekali tipu-tipu dan kasihanlah pembeli.



Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Monsun banjir semakin dekat. Beberapa kawasan di Teruntum termasuk Lorong Seri Kuantan 27, 28, 28/1, lorong 33, 34 dan 37 perkampungan Kampung Jawa dan kawasan Bukit Setongkol sering mengalami masalah banjir sekiranya musim hujan. Sungai Galing dan longkang Kampung Jawa merupakan tempat utama air disalurkan tetapi dasar Sungai Galing penuh dengan pasir. Jikalau pasir tersebut tidak diurus, air hujan akan penuhkan Sungai Galing dan seterusnya mengakibatkan banjir. Oleh itu, saya harap kerajaan boleh mengambil tindakan segera dengan mendalamkan dasar Sungai Galing ini.

Dato' Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Dewan Yang Mulia ini juga dimaklumkan bahawa Jabatan Pengairan Saliran (JPS) telah mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi melaksanakan projek pemulihan Sungai Galing dan menaikkan taraf kawasan rekreasi di sekitarnya. Pada 15 Ogos 2021, Datuk Bandar sendiri membuat kenyataan bahawa peruntukan ini bukan sahaja untuk menaikkan taraf kawasan berhampiran tetapi juga termasuk kerja-kerja mendalamkan semula sungai sepanjang 22.7 km. EXCO Kerajaan Tempatan dan Perumahan juga turut hadir bersama. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah status terkini pelaksanaan projek tersebut?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya di sini juga ingin membangkitkan masalah kekurangan bilangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Pahang. Saya difahamkan Sekolah Jenis Kebangsaan... Jenis Kebangsaan Cina di sekitar Pahang tidak mencukupi sekurang-kurang 70 orang guru pada masa ini. Masalah ini juga telah berterusan sejak 60 tahun dahulu dan masih tidak dapat diselesaikan. Saya di sini berharap pihak kerajaan boleh membuat sesuatu bagi menyelesaikan masalah tersebut. Adakah pihak kerajaan akan membiarkan masalah ini berterusan 60 tahun lagi?

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam RMK10 pada tahun 2011, kos sebanyak RM300 juta telah diluluskan oleh Kementerian Luar Bandar untuk membina Lebuhraya Sungai Lembing-Jerantut. Dalam RMK11 pula RM640 juta telah diperuntukkan untuk projek yang sama pada tahun 2017. Lebuhraya ini hanyalah 42 kilometer dan pihak Kerajaan Negeri sendiri telah membuat kenyataan bahawa projek ini dijangka siap dalam tempoh tiga tahun sahaja. Saya berasa amat dukacita kerana saya tidak nampak sebarang proses dengan projek tersebut. Kos dianggar dalam RMK10 dan RMK11 tetapi projek tersebut masih tidak menjadi realiti. Saya memohon pihak kerajaan menjelaskan status terkini projek tersebut dan bagaimana dana sejumlah RM940 juta ini telah disalurkan. Syarikat apa yang terlibat dalam projek pembinaan tersebut?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Masalah ketidakcukupan *parkir* di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) bukanlah perkara yang baru. Pihak kerajaan telah memberi kemudahan kepada pelawat *parkir* di depan bangunan MBK tetapi ia masih tidak mencukupi. Pelawat MBK er... pelawat HTAA yang *parkir* di depan bangunan MBK perlu menyeberangi jalan besar yang sibuk. Ini akan meningkatkan risiko kemalangan dan tidak menyelesaikan masalah.



Dato' Yang di-Pertua,

Saya difahamkan cadangan membina bangunan tempat *parkir* bertingkat telah diterima oleh pihak kerajaan. Pelan untuk bangunan tersebut juga telah siap tetapi projek pembinaan masih belum mula sehingga kini. Oleh itu, saya memohon pihak kerajaan untuk memulakan projek pembinaan bangunan *parkir* ini bertingkat secepat mungkin bagi menyelesaikan masalah ketidak cukup tempat *memparkir* kereta.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Ini bukan pertama kali saya sebut dalam Dewan Yang Mulia ini mengenai anggaran hasil negeri Pahang. Setelah meneliti anggaran hasil dalam Bajet 2023 Negeri Pahang, saya mendapati jumlah anggaran hasil daripada denda dan hukuman meningkat sekurang-kurangnya 40% iaitu RM3.9 juta. Ini bukannya satu jumlah yang kecil. Daripada jumlah RM13.3 juta, sekurang-kurangnya 24% iaitu RM3.2 juta adalah daripada denda-denda dan rampasan. Saya juga mendapati kerajaan telah membuat anggaran hasil daripada denda-denda dan rampasan telah meningkat sebanyak 75% iaitu RM1.3 juta.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga sebut banyak kali mengenai masalah tersebut. Sebagaimana satu kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan patut mendidik rakyat Pahang supaya menjaga er... mengikut peraturan dan undang-undang bukannya membuat anggaran kerajaan akan menerima lebih banyak hasil daripada denda dan hukuman. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, mengapa Kerajaan Negeri membuat anggaran sebegitu? Adakah Kerajaan Negeri suka menghukum rakyat daripada mendidik? Saya ulangi, ini bukan pertama kali saya bangkit masalah ini. Saya mohon Kerajaan Negeri insaf dan membetulkan sifat sebegitu.

Jika kerajaan yakin sangat bahawa mereka akan mendapat lebih banyak hasil daripada denda dan hukuman, saya mohon pihak kerajaan untuk memperjelaskan bagaimana dan siapakah sasaran utama pihak kerajaan? Sekian, mohon menyokong, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Teruntum. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Padang Tengku, silakan.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana sudi dan membenarkan saya untuk turut sama membahaskan belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada Jumaat yang lalu. Belanjawan yang bertemakan 'Negeri Stabil, Rakyat Sejahtera' sesungguhnya satu belanjawan yang cukup menarik dan belanjawan yang memukau sehingga ada pihak-pihak tertentu menyifatkan ini belanjawan yang menyebabkan ada orang yang sakit kencing manis. Ini saya tengok pada satu *YouTube* yang sempat saya tinjau. Ini sebenarnya satu nikmat kepada kita di atas kemurahan rahmat Allah SWT, negeri kita aman damai kerana kita telah dikurniakan satu kerajaan yang stabil.



tahun 2014. Saya masih ingat lagi bersama-sama dengan Jabatan Pembangunan er... Perancang Bandar dan Desa telah dikeluarkan satu Pelan Pembangunan Ekonomi er... Pelan Pembangunan Merapoh dan yang cukup komprehensif dan di dalam pelan itu berbagai-bagai kegiatan, aktiviti, cadangan dikemukakan bagi menjadikan Merapoh sebagai bandar pelancongan. Saya nak tanya apakah statusnya sekarang sebab kita nampak agak *slow* dan tidak begitu lancar keadaannya.

Saya juga nak melihat ataupun membawa pengetahuan dewan ini Dato' Yang di-Pertua, iaitu tentang kedudukan keadaan terkini Taman Negara Sungai Relau di Merapoh. Ini merupakan satu destinasi yang menarik pelancongan dan kita apa nama sangat-sangat gembira kerana pemimpin-pemimpin utama kita daripada Duli Yang Mulia Tuanku sampai Pemangku Raja, Dato' Menteri Besar, semua dah turun ke kawasan ini tetapi ada berapa perkara yang perlu kita pertingkatkan. Umpamanya Santuari Kelah di Merapoh, Sungai Jeram yang dulu menjadi tempat yang popular, terkenal dengan ikan kelahnya tapi ikan sekarang dah makin tak ada dah. Kalau ada pun kecil-kecil kurus-kurus je. Jadi saya nak minta pihak kerajaan tengok atau adakan program pemulihan dan pembiakan semula bagi ikan kelah ini.

Begitu juga pakej mendaki gunung. Gunung Tahan daripada laluan Merapoh yang dahulunya kita ber... pakej itu 4 hari 3 malam dan 4 hari 3 malam ini merupakan pakej yang agak sesuai tetapi hari ini katanya pakej itu telah dipanjangkan tempohnya. Ini menyebabkan keresahan kepada pelancong-pelancong kerana mereka terpaksa duduk dalam tempoh yang lama di... di apa nama proses pendakian itu. Tong-tong sampah yang tidak disediakan umpama di kawasan apa nama Sungai Relau itu, tak ada tong sampah. Begitu juga dengan apa er... apa nama ni surau, bilik air yang kotor dan ini saya ingat perlu diambalkan tindakan segera.

Satu daya penarik yang baru yang ada di Merapoh inilah *Tree Top Walk* iaitu satu laluan di... di antara pokok ke pokok yang setingginya lebih daripada 40 meter dan juga laluan sepanjang 700 meter, yang ni kita nak minta sekarang ni dah... dah siap dan kita nak tunggu bilakah ianya dibuka kepada orang-orang awam kerana nampaknya ini satu daya... daya apa nama pelancongan yang menarik dan kita cadangkan supaya jangan setakat kita ada *Tree Top Walk* yang hanya sekadar melihat dan menengok pokok-pokok tetapi mungkin boleh ditambah lagi dengan beberapa perkara yang lain umpamanya pembinaan mini zoo er... kita boleh ternak landak, kita boleh ternak arnab. Kita boleh tengok di Genting tu di Bukit Tinggi tu orang datang tengok arnab pun dah... dah begitu menarik untuk kanak-kanak. Jadi saya kira ini satu daya penarik yang baru.

Begitu juga oleh kerana kita nak jadikan ini sebagai tempat tumpuan, kemudahan-kemudahan penginapan, chalet, pondok pondok dan *dorm-dorm*. Mungkin *dorm-dorm* yang apa pondok-pondok yang *simple-simple* saja. Sebagaimana yang kita tengok di... di beberapa tempat di mana pelancong-pelancong yang nak mendaki gunung dia hanya memerlukan rehat dalam waktu yang tidak begitu panjang dan dia dapat memanfaatkan kemudahan-kemudahan ini dan kita cadangkan juga di kawasan ini supaya diadakan dewan-dewan untuk tujuan seminar dan majlis-majlis keraian, keramaian dan sebagainya termasuk penganjuran majlis-majlis perkahwinan di dalam taman.

Satu cadangan yang dikemukakan oleh pihak *guide* yang ada di sana supaya dibina tandas di Kem Koi dan juga Kem Botak yang merupakan satu tempat perhentian mesti untuk kita sampai ke puncak Gunung Tahan dan kewujudan Merapoh juga boleh dilengkapi lagi dengan mewujudkan sukan-sukan ekstrem seperti *flying fox*, *abseiling* ataupun *wall climbing* dan kita tengok satu kegilaan baru yang menjadi uar-



uar, yang menjadi apa nama ni er... orang ramai ialah apa yang dibuat di Dabong. Di Dabong iaitu *Trip To Dabong* dan saya dah pergi tengok, tinjau di Dabong. Sebenarnya apa yang ada di Dabong, ada juga di Merapoh dan berapa tempat kita. Jadi kenapa orang dari seluruh negara gila... bergila-gilaan untuk pergi ke... ke... ke apa nama tu ke Dabong itu? Jadi kalau Dabong boleh memanfaatkan alam semula jadinya, saya tidak nampak Padang Tengku, Tahan, Bera semua mempunyai kemudahan-kemudahan ataupun keindahan-keindahan yang seperti ini.

Seterusnya Dato' Sri Yang di-Pertua, satu lagi kawasan yang saya kira pihak pelancongan perlu beri perhatian ialah Tasik Terenggun. Tasik Terenggun ni kalau satu ketika dulu... 20 tahun dulu er... ia merupakan satu tumpuan, tempat tumpuan sebagai kawasan riadah, rekreasi, sukan keluarga dan sebagainya bagi penduduk-penduduk di kawasan bandar Lipis sebab di kawasan Lipis ni dia tak ada tempat macam tempat orang lainlah, macam-macam kemudahan ada. Di Tasik Terenggun nilah tapi hari... kalau pada kalau pada masa dulu Terenggun ini satu kawasan yang meriah tapi hari ini Terenggun sunyi sepi.

Jadi untuk itu saya nak mencadangkan supaya Terenggun ini dilihat dan dibangunkan semula sebagai tempat untuk sukan riadah keluarga dengan aktiviti air dan berperahu dan berkanu dan juga mungkin boleh kita membuat kolaborasi dengan Jabatan Perikanan. Kita ada beberapa tasik dan kolam di situ. Jadi kalau kita lepaskan ikan er... boleh jadikan aktiviti memancing dan sebagainya. Nak menarik lagi tuan-tuan satu masa mungkin kita boleh er... buat aktiviti menangkap ikan. Di Tahan ada ni aktiviti menangkap ikan tapi di sungai.

Jadi kita nampak ini potensi-potensi yang perlu kita... kita pergunakan sebaiknya ataupun kita tengok di Sepilok, di Sandakan. Saya tengok apa ni tempat pemulihan kera apa ni buruk... buruk... Orang Hutan. Bukan dia, satu lagi yang hidung (ketawa) kan... kan buruk belanda tu kan. Jadi dia... dia... dia bukannya di kandang dan sebagainya tetapi dia letakkan makanan dan tempoh-tempoh tertentu, waktu tertentu kemudian kera, buruk ni datang. Jadi saya tengok di Padang Tengku ni di antara masalahnya ialah masalah kera dan buruk ni. Memang banyak mengacau masuk ke dalam rumah. Mungkin kita boleh tempatkan di situ. Kita guna apa ni, ambil tiket, tambang dan sebagainya ha... pukul 10.00 kita bagi makan dia datang, pukul 5 karang dia datang lagi. Ni satu cara yang saya tengok boleh mengatasi masalah buruk-buruk dan kera-kera yang banyak ini, dengan kita... wujudkan satu tempat yang khusus bagi mereka yang tidak ada gangguan.

Juga di Terenggun ni juga kita boleh buat laluan jalan kaki untuk *berjogging* dan sebagainya dan tak mustahil kalau kita... dia akan jadi daya penarik untuk kita membuat majlis-majlis keramaian, keraian ke, perkahwinan dalam taman sebagaimana yang telah disebutkan awal tadi. Dekat dengan sebelah tu ada... ada flat perguruan, flat rumah-rumah guru. Flat gurulah yang... yang terbengkalai yang tidak diaktifkan ataupun tidak digunakan, dimanfaatkan secara yang... yang apa nama maksimum. Flat-flat itu saya kira boleh kita gunakan sebagai penempatan-penempatan. Mungkin jadikan *homestay* ataupun tempat-tempat persinggahan, sewa-sewa bilik dengan kadar yang murah. Jadi ini sudah tentu akan mendaya men... men... menambahkan daya penarik di kawasan Terenggun.

Satu lagi yang saya, tadi saya dah sentuh sikit sebanyak tentang satu lagi aktiviti pelancongan yang perlu kita... kita tingkatkan atau kita galakkan ialah *Trail Tourism* iaitu apa nama ni pelancongan menggunakan keretapi. Ini memang satu kegilaan baru yang saya nampak dalam tempoh selepas COVID ini, dua, tiga bulan ni saya telah berpeluang untuk menyambut beberapa rombongan yang er... dua rombongan.



Satu datang daripada Bahau naik keretapi pergi ke Lipis lepas tu dia pergi Padang Tengku, kemudian satu lagi kumpulan yang datang daripada KL Sentral naik keretapi kemudian pergi ke Kuala Lipis dan ke apa Chegar Perah dan di situ mereka ni datang dalam tempoh yang singkat. Dia pergi pagi sampai pukul di stesen Kuala Lipis dalam pukul 3, 4 pagi. Kemudian dia berjalanlah dia melihat persekitaran, malam kang dia balik. Jadi, di... di situ kita perlu galakkan, perlu wujudkan kemudahan kepada mereka misalnya tempat makan.

Dia orang datang di Dabong tadi tuan-tuan di antara sebab mereka datang ialah nak makan mi udang tu... nak makan mi udang, nasi kerabu. Jadi, tapi dekat Lepeh, saya ingat majlis kena tengok ni dekat Lepeh nak cari makan hari Sabtu, hari Ahad memang ada kesukaranlah... kesukaran yang kita amat sangat, betul dak? Sebab orang Lepeh ni tak tahu dia tak... di mungkin *family* yang cukup erat, rapat dia duduk di rumah. Jadi nak harapkan kepada orang-orang tempatan mungkin tak ada. Jadi, kita buat *kiosk-kiosk*, buat gerai-gerai atau bangunkan gerai-gerai yang sedia ada itu dengan meletakkan makanan-makanan tradisional kita. Makanan-makanan tempatan sebab orang dia datang memang nak rasa makanan tempatan, dia tak nak rasa tempat lain. Tempat lain, tempat dia pun ada.

Begitu juga kemudahan-kemudahan yang *transport... transport* dia sebab dia datang dengan keretapi, dia perlukan *transport* dan juga bangunan-bangunan bersejarah yang ada di di Lipis itu perlu ditingkatkan. Hari ini ada 3, 4 bangunan sejarah yang telah dimasukkan ke dalam apa telah didaftarkan dengan Jabatan Warisan tetapi kita tidak nampak apakah peranan dan faedah nikmat yang didapat yang dapat kepada bangunan-bangunan ini sebab bangunan-bangunan nampak juga terbiar dan terpaksa menggunakan peruntukan dan daripada Majlis Daerah yang sudah tentu tidak dapat menyenggarakan apa nama bangunan-bangunan sedia ada, sebab orang nak datang keindahan bangunan kena jaga, kebersihan bangunan kena jaga dan dia perlukan *guide-guide* untuk menerangkan apa nama ni kenapa mereka datang dan apa keistimewaan-keistimewaan yang ada di situ.

Berikutan dengan itu, saya nak bawakan isu yang perlu kita tangani iaitu bila dah *tourism* maknanya naik keretapi, masalah keretapi tu pulak. Masalahnya tuan-tuan, stesen-stesen kereta api di Lipis ni banyak yang telah *diupgraden*. Misalnya stesen kereta api di Kuala Lipis tetapi sehingga hari... sehingga sekarang ni saya difahamkan macam tak sudah, macam tak siap, mereka terpaksa gunakan bangunan yang belum pun diserahkan kepada... kepada pihak yang sepatut menggunakannya. Jadi maknanya dia main masuk... masuk secara yang tidak tidak dibenarkanlah kerana bangunan tu tak... tak siap, stesen tu tak siap.

Begitu juga dengan Stesen Kereta Api Padang Tengku. Stesen Kereta Api Padang Tengku katanya mahal berjuta-juta perbelanjaannya, depoh dibuat tapi laluan rel ataupun *line* untuk masuknya tak siap. Jadi, bila tak siap tuan-tuan, saudara-saudara, Dato' Yang di-Pertua, dia kena hantar balik ke... ke Mentakab. Jadi, tidak dapat digunakan. Jadi, dulu saya dah menghadapi masalah, 400... 40 buah rumah telah dirobohkan kerana nak beri laluan bagi membina apa nama ni depoh ni tapi dah 2 tahun berlaku depoh tak dapat diguna...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa dah habis, lebih dah, lebih dah daripada yang ditetapkan, dah lebih 5 minit tapi saya bagi peluang kat Dato'... YB, 2 minit lagi.



YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato',

Saya ingat biasanya bunyi-bunyi loceng, ke saya tak dengar? Tak dengar ya, okey, tak apalah [ketawa]. Jadi tuan-tuan, Dato' Yang di-Pertua, Stesen Kereta Api Padang Tengku saya dah sebut kemudian stesen kereta api di Kampung Chegar Perah. Dah siap tapi tak boleh pindah pula sebab katanya semboyan tu tak dapat dipindahkan, tak masuk dalam spek kerja JKR. Jadi, sampai sekaranglah gunalah juga platform yang lama, stesen kereta yang lama walaupun bangunan sudah siap. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Padang Tengku. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Damak, silakan.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. (Bacaan dalam Bahasa Arab)

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kerana memberikan ruang untuk saya berbahas pada tengah hari ini. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang di atas pembentangan belanjawan bertemakan, 'Negeri Stabil, Rakyat Sejahtera'. Semoga ia membawa manfaat kepada seluruh rakyat Pahang dengan adil dan saksama, insya-Allah. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Maidah, ayat 8 (bacaan ayat Al-Quran) yang bermaksud, "wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang-orang yang menegakkan kebenaran kerana Allah dan menjadi saksi dengan benar dan adil dan janganlah disebabkan kebencian kamu terhadap sesuatu kaum, kamu berlaku tidak adil kepada mereka. Berlakulah adil kerana ia adalah merupakan perkara yang paling dekat dengan ketakwaan kepada Allah SWT dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah SWT maha mengetahui perkara-perkara yang halus dan *detail*".

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya pada pagi ini, pada tengah hari ini tidak mahu berbicara panjang ya kerana memandangkan Parlimen pun sudah dibubarkan dan saya yakin kita pun tak berapa nak sangat dah mendengar cakap panjang ni. Jadi oleh itu, saya mengambil kesempatan pada pagi ini. Pertama, saya mewakili Damak dan juga Tahan kerana kami berada dalam Parlimen yang sama, Parlimen Jerantut ingin mengucapkan jutaan tahniah dan terima kasih khususnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah yang bagi saya Tuanku adalah merupakan ikon yang menjadi er... menyebabkan kita bersatu, menyebabkan kita berpadu dan kami di Jerantut khususnya di DUN Damak apabila Tuanku turun, kami amat merasa cukup gembira dan kita dapat bersatu-padu, berukhwah tanpa mengira parti politik, agama dan kaum. Jadi, sekali lagi saya sangat bangga dengan apa yang telah dilakukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia PRP kita.



Yang kedua, saya ucapkan juga tahniah ya kepada kalau saya nak gelar ayahanda... ayahandalah ataupun kekanda Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang. Bagi saya di awal Kerajaan Negeri Pahang, di awal selepas PRU 14 apabila kita mewujudkan suasana muafakat, bagi saya ia adalah satu suasana yang sangat manis, suasana yang sangat harmoni dan saya yakin inilah yang menyebabkan Kerajaan Negeri Pahang berada dalam keadaan stabil dan kami daripada pihak kalau dulu mungkin sebahagian daripada kerajaan, hari ini saya tak tahu apa istilah yang boleh saya gunakan tapi kami insya-Allah akan terus mengambil sikap menyokong perkara-perkara yang baik dan insya-Allah kami akan memberikan pandangan bagi usaha-usaha menambah baik usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga seluruh barisan EXCO kerana khususnya di DUN Damak dengan kaedah... kaedah berjumpa, berbincang dengan Yang Amat Berhormat. Banyak isu-isu yang telah dapat kita selesaikan antaranya isu lombong bijih di Perlok, isu pembalakan di Kampung Baru, isu pemilikan tanah dan juga isu pencemaran dan lain-lain. Saya rasa alhamdulillah saya cukup bersyukur termasuk yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang tadi berkaitan dengan peruntukan yang cukup besar untuk membaiki... menaik taraf NRA di Batu Balai... di... di Batu Balai ni. Saya rasa cukup bersyukur dan kalau saya tidak dicalonkan untuk PRU 15 pun dan tak menang, saya rasa saya dah alhamdulillah dapat melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya, alhamdulillah.

Juga saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada seluruh pengarah-pengarah, ketua-ketua jabatan yang telah memberikan kerjasama kepada kami dan saya juga rakamkan dalam Dewan ni ucapan terima kasih saya kepada 3 orang *iron lady* saya panggil yang pernah menjawat jawatan Pegawai Daerah Jerantut. Antaranya ialah Yang Mulia... Yang Mulia Dato' Tengku Nor Asmaliza Ku Lah yang menjadi Pegawai Daerah mula-mula saya menjadi ADUN di DUN Damak.

Kemudian yang kedua ialah Yang Mulia Tengku Zahirah Tengku Kamaludin dan yang ketiga sekarang ini ialah Cik... Puan Khairun Nissa Aris dan bagi saya mereka sangat memberikan kerjasama yang baik dan alhamdulillah banyak kebaikan yang telah kita capai pada hari ini dan saya harap beri tepukan kepada mereka. [Ahli Dewan menepuk meja]

Seterusnya saya ingin mengambil kesempatan juga mengucapkan terima kasih kepada semua warga DUN Damak, DUN Tahan... mewakili DUN Tahan dan juga warga Jerantut. Alhamdulillah berkat muafakat, berkat bersatu, saya rasa tidak ada isu-isu yang kita kata tegang dalam... dalam DUN kita dan sikit jikanya timbul isu-isu yang orang kata sensitif, alhamdulillah ia dapat diselesaikan dengan cara yang baik.

Jadi akhir kalam, saya ingin juga merakamkan ucapan tahniah kepada Dato' Sri Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan kerana sepanjang kami berkhidmat di Dewan ini dan dalam perbahasan kami telah diberikan ruang yang seadil-adilnya jadi sekali lagi kami ucapkan terima kasih kepada Speaker dan Timbalan Speaker. Jadi akhir sekali saya ingin menyampaikan satu er... serangkap pantun.

*Kalau ada sumur di ladang,
Boleh kami menumpang mandi,
Kalau ada umur yang panjang dan menang lagi pada PRU15,
Boleh kita berjumpa lagi.*



Insyallah (bacaan dalam Bahasa Arab), saya er... mohon menyokong. Assalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih BY. Damak. Seterusnya saya menjemput YB. Ketari. Silakan.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat... Yang Berhormat-Yang Berhormat, yang er... Pegawai-pegawai Kerajaan. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih kerana telah memberikan ruang buat saya untuk berbahas pada petang ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Belanjawan Negeri Pahang pada hari Jumaat yang lalu. Saya kira pembentangan ini er... pembentangan belanjawan ini adalah yang luar biasa sedikit kerana ia dibentangkan lebih awal daripada bajet belanjawan pusat. Namun kita faham kerana apa.

Tuan Yang di-Pertua,

Meneliti er... belanjawan yang telah dibentangkan pada hari Jumaat lalu, Ketari ingin membangkit beberapa isu yang berkaitan dengan perkara-perkara yang disentuh dalam belanjawan yang telah dibentangkan. Pertama sekali, Ketari ingin menyatakan sokongan terhadap usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kemiskinan haid di kalangan remaja wanita dari golongan B40.

Ramai yang tidak menyedari betapa seriusnya isu kemiskinan haid ini. Ini bukan sahaja melibatkan remaja bahkan ia melibatkan semua wanita dari golongan B40. Oleh itu Ketari meminta er... pertimbangan pihak Kerajaan Negeri agar usaha dan inisiatif ini diperluaskan kepada golongan wanita bukan sahaja golongan remaja tetapi untuk semua wanita dari golongan B40.

Kemiskinan haid ini juga bukan sahaja berkaitan dengan isu kesusahan golongan wanita untuk mendapatkan tuala wanita, tetapi kekurangan air bersih untuk membersihkan diri ketika haid... didatangi haid juga antara aspek yang... yang termasuk di dalam kemiskinan haid ini. Ini membawa kepada perkara kedua yang ingin saya sentuh dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua,

Ketari meneliti semua usaha yang telah disenaraikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkaitan dengan isu air di negeri Pahang. Ketari berharap, rancangan yang dirancang ini akan siap pada waktu yang telah ditetapkan dan akan memberikan manfaat kepada rakyat negeri Pahang.

Masalah air ini adalah masalah yang sudah lama dan berulang-kali dibangkitkan dalam Dewan Yang Mulia ini. Bahkan pada April yang lalu, jika kita rekod... kita lihat pada rekod sidang... rekod sidang, hampir setiap Ahli Dewan Negeri membangkitkan isu air. Air ini adalah sumber yang paling penting buat manusia. Kita perlukan sumber air bersih untuk minum, masak, membersihkan diri dan sebagainya. Jadi ia adalah sangat... ia adalah seperti keperluan asas untuk setiap insan.



Jadi Ketari berharap dengan adanya campur tangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga perbelanjaan sebanyak RM322 juta untuk membiayai 14 projek perkhidmatan bekalan air untuk tahun hadapan, masalah ini dapat diselesaikan dengan segera. Kerajaan Negeri perlu ada *urgency* dengan izin, untuk menyelesaikan masalah air ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Satu lagi isu yang Ketari mengharapkan *urgency* dengan izin, daripada Kerajaan Negeri ialah isu berkaitan dengan pasca banjir. Sudah hampir setahun negeri Pahang yang kita sayangi ini dilanda bencana banjir namun di kawasan Ketari, saya sebagai Wakil Rakyat masih menerima aduan mengenai isu baik pulih rumah rakyat yang dilanda banjir.

Bersama-sama saya adalah senarai di sini ada lebih kurang 30 senarai penerima mangsa-mangsa banjir yang rumah mereka masih lagi belum siap dibina ataupun belum siap dibaiki dan terutamanya penduduk dari Kampung Taman Chegar Medang, Kampung Chegar Medang dan Kampung Benus. Dan mereka ini, penduduk-penduduk ini telah menunggu hampir lebih 10 bulan untuk rumah mereka dibaik pulih.

Jadi saya berharap hal ini dapat diselesaikan dengan segera oleh pihak kerajaan sama ada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat yang telah dibubarkan. Kerana ini adalah janji daripada pihak kerajaan pada... semasa selepas kejadian banjir berlaku bahawa pertolongan akan diberikan namun sehingga hari ini masih ada berapa er... lebih kurang 30 penama yang kita terima masih belum di... siap lagi baiki rumah mereka dan mereka juga risau jika bencana banjir akan berlaku, sekali lagi rumah mereka akan er... mungkin ditenggelami atau rosak akibat banjir jadi selepas 10 bulan masih lagi masalah ini belum selesai.

Selain itu juga saya mendapat aduan mengenai perihal kontraktor yang diberikan projek untuk baik pulih rumah mangsa banjir ini. Mangsa banjir memaklumkan kepada saya bahawa keadaan rumah yang telah dibaik pulih ini seperti melepas batuk di tangga. Ada juga yang mengatakan kerja baik pulih ini sebenarnya bukan untuk membantu mangsa banjir tetapi untuk kontraktor semata-mata. Jadi saya harap pihak kerajaan boleh melihat perkara ini dengan lebih serius dan menyiasat apa sebenarnya yang sedang berlaku.

Begitu juga dengan hal-hal infrastruktur yang rosak akibat banjir. Pada hari Jumaat lalu, setelah Kerajaan Negeri Pahang membentangkan belanjawan negeri, Kerajaan Persekutuan pula telah membentangkan Belanjawan Negara di sebelah petang. Saya telah meneliti er... meneliti belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan dan satu perkara yang telah menarik perhatian saya iaitu kebenaran untuk menggunakan peruntukan MARRIS bagi menggantikan... membaiki dan menggantikan jalan, jambatan dan longkang yang rosak akibat bencana banjir.

Baru-baru ini saya telah menerima balas... menerima maklum balas daripada Jutera Daerah di Jabatan Kerja Raya Bentong yang er... yang berkaitan dengan pertanyaan saya mengenai pembinaan Jambatan Sungai Kual di Janda Baik yang musnah akibat banjir dan er... jawapan balas itu mengatakan bahawa ia tidak dapat dibina pada tahun ini oleh pihak JKR.

Jadi saya rasa kalau kita lihat ini adalah gambar yang di mana jambatan yang telah musnah. Di Janda Baik ada dua jambatan. Satu, Jambatan Sungai Lampin dan Jambatan Sungai Kual. Satu saja jambatan yang dibina, satu lagi tidak tapi dan saya



merasakan kedua-dua jambatan ini amat diperlukan oleh penduduk setempat dan diperlukan oleh orang ramai yang datang untuk melancong ke Kampung Janda Baik.

Ini kerana Janda Baik adalah kawasan yang sangat-sangat terkesan akibat banjir yang berlaku. Jadi saya mohon kawasan-kawasan ini diberikan perhatian segera oleh Kerajaan Negeri untuk baik pulih pasca banjir dan kalau kita lihat ada satu jalan yang menuju ke ILMU juga sehingga kini masih rosak dalam tempoh 10 bulan ini. Jadi saya rasa demi keselamatan pengguna dan orang kampung, kita perlulah baik pulih segera sebab er... saya lihat jalan yang rosak ni tak panjang pun tapi sehingga hari ini masih dalam keadaan seperti selepas banjir berlaku, sudah hampir 10 bulan dan saya harap ia diberikan perhatian yang lebih kepada Kampung Janda Baik kerana ia adalah kawasan pelancongan dan ia adalah kawasan untuk penduduk kampung menjana ekonomi mereka dan ekonomi Kerajaan Negeri. Jadi saya mohon 2 kawasan ini tidak dipinggirkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Yang terakhir ialah Ketari ingin bawakan isu... perhatian Sidang Dewan Yang Mulia ini iaitu isu rumah atau kuarters kerajaan yang tinggal... yang tidak dihuni... dihuni oleh penjawat awam. Kuarters ini apabila di... tidak dihuni maka ia tidak dijaga dengan baik dan dipenuhi dengan semak samun. Saya banyak menerima aduan tentang hidupan liar yang masuk ke kawasan-kawasan perumahan mereka di kuarters ini dan keadaan ini memberikan gangguanlah kepada penduduk-penduduk yang tinggal, penghuni-penghuni di kuarters ini dan saya berharaplah juga Kerajaan Negeri memandang serius hal ini dan supaya kuarters-kuarters ini dibaik pulih ataupun dilakukan sesuatu supaya kerja-kerja pembersihan ada dan ia boleh digunakan dengan dengan sebaik-baiknya.

Kalau kuarters itu tidak selamat, lakukan sesuatu supaya tidak ditinggalkan terus bertahun-tahun tanpa penghuni dan akhirnya yang datang penagih dadah, hidupan liar ataupun penyakit... nyamuk aedes dan sebagainya. Kemudian er... selain itu juga Ketari ingin mengambil kesempatan untuk mengemukakan pertanyaan kepada Kerajaan Negeri berkaitan dengan projek Rumah Rakyat Pahang (RRP). Ketari berharap Kerajaan Negeri sewaktu sesi penggulangan nanti boleh memberikan jumlah pecahan penerima manfaat projek ini mengikut kaum kerana ini adalah pertanyaan dari penduduk. Mereka mahukan jawapan ini daripada pihak Kerajaan Negeri dan yang terakhir juga saya ucapkan tahniah juga kepada Kerajaan Negeri, ya...

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Silakan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya mohon izin Ketari, berhubung dengan Rumah Rakyat Pahang ni, yang pertama sekali Pengerusinya adalah Dato' ataupun Tuan Pegawai Daerah, yang mempengerusikan untuk siapa yang layak, menentukan tanpa mengira bangsa ataupun kaum. Yang terkini untuk makluman Yang Berhormat, saya pergi ke Lipis, turun padang dah bila diberitahu ada 2 buah rumah daripada kaum Cina yang uzur,



teruk sangat dah bila saya pergi, saya terus meluluskan 2 buah rumah kaum Cina di Lipis.

Maknanya kaum ni tak timbul, kita kira siapa yang benar-benar layak, sebab tu di negeri Pahang ni bila kita sebut Bantuan Prihatin Pahang, kita sebut bantuan prihatin yang bersasar. Bila kita sebut Rumah Rakyat Pahang, kita bagi kepada mereka yang benar-benar layak, malahan ada satu kes tersilap, di mana isterinya er... yang lelaki itu memang betul miskin tetapi isterinya tidak di... di disebut jawatan dan sebagainya dan apabila kita dapati tidak layak, kita tarik balik. Jadi, saya ingat benda ni tak timbullah, ini semua kecil punya hallah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Ketari membangkitkan kerana persoalan ini datang daripada penduduk setempat, jadi kita tolong menyampaikan. Jadi terima kasih kepada jawapan Menteri Besar di atas jawapan tersebut...

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sebagai ADUN Ketari yang kita tahu rajin turun padang, baru ni pun buat apa ni... bajet kena kencing manis. Eh! Kena kencing manis pulak [Ahli Dewan ketawa]. Apa bajet yang manis, baguslah, kan? Lepas tu, sila duduk Yang Berhormat.

Maknanya buatlah *research* sikit, buatlah kajian sikit. Ini siapa bagi tahu cakap, siapa bagi tahu cakap, kita kena *filter* ya Yang Berhormat Yang di-Pertua, betul tak? Ya, Yang Berhormat kena... kena kaji, tengok dulu, jangan main cakap ikut suka saja, yang... yang bab tadilah, yang lain-lain tu nampak okey sikitlah. Terima kasih Yang Berhormat [Ahli Dewan ketawa].

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Itulah Yang Berhormat, sebab tu saya bertanya er... bertanya.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kita...

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Beza bertanya dengan kenyataan...



YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat... Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tadi baru je minum dengan Yang Berhormat daripada Ketari, banyak benda kita sembang, yang tu pun tak tanya, pasal apa? [Ahli Dewan ketawa] Patut tanyalah yang tu.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Sebab nak rekod...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Nak tanya dalam Dewanlah, tak apa, sila.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Ya... dalam Dewan ada rekod. Nanti orang kata kita tak tanya. Okey baiklah, lepas ini saya nak memuji pula [ketawa].

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kali ini kerana memberikan perhatian yang lebih kepada masyarakat Orang Asli. Namun begitu, saya juga harap disegerakan pewartaan tanah-tanah Orang Asli di kawasan yang belum diwartakan lagi kerana ini menjadi kerisauan mereka juga. Walaupun dia kata ini tanah mereka tetapi selagi belum digazet ataupun diwartakan, ia seperti tidak 100% jadi mereka risau, jika tanah diambil dan sebagainya, ia untuk menyakinkan pihak mereka. Jadi kita harap ia disegerakanlah oleh pihak Kerajaan Negeri.

Okey yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Sidang DUN pada kali ini adalah Sidang DUN yang terakhir bagi Penggal Ke-14 ini, jadi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakyat negeri Pahang khususnya di kawasan Ketari kerana telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk mewakili suara mereka di dalam Dewan Yang Mulia ini. Sepanjang 4 tahun saya menjadi Wakil Rakyat di kawasan Ketari, saya telah banyak belajar dan ia satu pengalaman yang tidak mungkin saya lupakan.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada semua pegawai-pegawai kerajaan, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan sebagainya lagi-lagi pegawai-pegawai kerajaan di daerah Bentong yang memberikan kerjasama apabila kita memerlukan dan juga er... dan juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan Yang Mulia ini serta kepada Speaker berdua.

Jadi, er... saya rasa berbesar hati dengan penghormatan ini dan sebagai ADUN yang termuda di Dewan Yang Mulia ini, saya ada sedikit pantun untuk rakyat Ketari, khas untuk Ketariku:

*Bintang barat terbit petang,
Bintang timur terbit pagi,
Jika tidak melarat panjang,
Ada umur ketemu lagi.*



Sekian, terima kasih. Ketari menyokong. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Ketari. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Sungai Lembing. Silakan.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan ayat Al-Quran).

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kerana dapat memberi kepada saya bersama-sama membahaskan ucapan bajet yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Utama Menteri Besar Pahang bagi tahun 2023. Pertamanya saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar di atas bajet yang dibentangkan.

Saya percaya dalam bajet tersebut melengkap, menyentuh segala-gala aspek terutama yang bersangkutan, yang berkaitan dengan masyarakat, orang tua, orang muda, warga emas, usahawan, petani dan semua sekali juga dalam bidang keagamaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam hal ini kita berharap mudah-mudahan bajet ini akan sampai kepada rakyat kemudian rakyat juga seharusnya dapat memikirkan macam mana perkembangan kita di negeri Pahang ni, sampai ke tahap sekarang ni, kita dah mencapai pendapatan RM1 bilion.

Jadi, makna negara kita ni... negeri kita ni Tuan Yang di-Pertua, dah nak melangkah sebagai salah satu daripada kelab negeri-negeri maju di Malaysia ni. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Utama kerana bantuan kepada rakyat, bukan sahaja rakyat, malah pelajar-pelajar sekolah tak ada peringkat yang Kerajaan Negeri tak sentuh daripada pelajar Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, remaja sampai kepada mahasiswa.

Jadi, kita berharap kepada rakyat terutama sekali rakyat negeri Pahanglah supaya memandang perkara ini secara serius bahawa inilah dia kerajaan yang kita perlu bagi sokongan untuk meneruskan kepimpinan meneraju Pahang Darul Makmur ini, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, kita dah tahu ini adalah sidang yang terakhir di Dewan pada kali ini, bagi saya antara perkara utama yang saya ingin fokuskan adalah berkenaan dengan cadangan Jalan Sungai Lembing - Jerantut. Pada beberapa bulan yang lepas, tahun lepas kalau tak silap saya er... Menteri Pusat datang ke Kuantan mengumumkan bahawa cadangan Jalan Sungai Lembing ke Jerantut nanti akan dilaksanakan pada tahun 2030 iaitu dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-12.

Kemudian saya juga suka mengimbau kembali pada tahun 2018... 2017 kalau tak silap saya, masa itu Menteri Pertahanan ada mengumumkan kebetulan Menteri Pertahanan



er... merasmikan Perwakilan Bahagian Paya Besar pada masa itu, mengumumkan bahawa cadangan Jalan Sungai Lembing ke Jerantut ini akan dilaksanakan melalui Projek Jiwa Murni. Jadi itulah, kemudian satu lagi saya pun nak bertanya sebab saya mendapat maklumat daripada Kementerian Kerja Raya bahawa di Kementerian Kerja Raya masih tak ada menerima pun kertas cadangan Jalan Sungai Lembing - Jerantut buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kita tahu bahawa tak lama lagi Lapangan Terbang Antarabangsa Gebeng akan didirikan. Dengan pelaksanaan ataupun terdirinya... terbinanya Lapangan Terbang Antarabangsa Gebeng, kemajuan Kuantan, Pahang ini diharapkan akan semakin pesat dan maju. Begitulah juga dengan adanya lapangan tersebut, pelancong-pelancong yang berminat untuk pergi ke Taman Negara sudah tentulah er... kalau ada cadangan Sungai Lembing ke Jerantut ataupun Sungai Lembing ke Lepar Utara nanti er... akan memudahkan lagi... akan menambahkan... memudahkan lagi... menambahramakan lagi pelancong-pelancong yang akan er... berkunjung.

Selain daripada itu, Pahang Timur dan Pahang Barat akan bersambung. Sekarang ini antara Pahang Timur dan Pahang Barat daripada Kuantan nak pergi ke Lipis nak pergi Cameron Highlands sikit punya jauh. Dengan adanya cadangan jalan tersebut akan dapat merancakkan lagi aktiviti ekonomi dan memudahkan lagi perhubungan. Di samping itu juga, er... perkembangan Bandar Tun Razak itu sendiri akan semakin... semakin maju.

Jadi kita sangat berharap dalam ini untuk menambahkan lagi kemajuan Pahang... negeri Pahang kita ini di mana dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, kita telah menarik ramai pelabur-pelabur datang untuk melabur ke negeri Pahang. Jadi saya berharaplah bahawa cadangan ini kita perlu ambil berat. Sebab daripada tahun 1980 lagi kalau tak silap saya pada masa tu Tuan Yang di-Pertua, EXCO umumkan cadangan Jalan Sungai Lembing -Jerantut.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu juga, saya teringat titah cadangan Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang mencadangkan supaya kita buat bandar baru Sungai Lembing ni... buat bandar baru di Sungai Lembing ni. Sebab Sungai Lembing ini kita dah tahu, tahun lepas banjir sampai 4, 5 kali. Jadi dengan adanya cadangan Jalan Sungai Lembing - Jerantut, lepas tu kita buat satu penempatan baru ataupun bandar baru, ini akan memajukan lagi kawasan kita.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu juga, berkenaan dengan tarikan pelabur-pelabur datang melabur di Pahang ni saya juga membangkitkan berkaitan dengan kawasan bauksit di Bukit Goh. Sekarang ni di Bukit Goh dan juga di Bukit Kuantan, 406 orang peneroka yang terlibat yang putus sumber pendapatan hampir 7 tahun lepas terhentinya aktiviti bauksit.

Jadi ada usaha... 2, 3 hari lepas pun pelabur... wakil pelabur daripada Jerman datang ke Bukit Goh. Datang apa... ke Bukit Goh tengok kawasan sambil memberikan taklimat berkenaan dengan projek solar yang mereka telah jalankan di negeri Pahang ni. Jadi mereka juga berhasrat untuk melaburlah melalui projek Solar Farm di FELDA Bukit Goh. Kalau sekiranya segala-galanya berjalan dengan lancar dan perkara ini kita akan bawa kepada pengetahuan pihak Kerajaan Negeri. Bukannya apa Tuan Yang di-



Pertua, 7 tahun tak ada pendapatan. Jadi ada ada dualah pelabur-pelabur daripada Jerman dan Arab Saudi dan juga pelabur daripada Jepun pun turut menyampaikan rasa minat mereka dalam hal ini.

Jadi saya... bagi sayalah kemudian dengan pihak FELDA pun kita telah mengadakan kunjungan dan perbincangan, jadi saya berharap kalau di Selangor ya FELDA Bukit... asalnya FELDA Bukit Cerakah tu sekarang ni dah maju. Satu lagi er... Sungai Buaya pun di Selangor, FELDA juga, dimajukan. Jadi saya berharap kalau sekiranya segala berjalan lancar sokongan... dokongan daripada Kerajaan Negeri kita mengadakan Solar Farm di FELDA Bukit Goh. Kita tahu di Pahang ni di jalan.... di Gambang dekat *highway* pun ada solar, di Nenasi pun ada solar Tuan Yang di-Pertua, di Serandu, Pekan pun dah ada sekarang ni projek solar.

Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-ngalukanlah... saya difahamkan di kawasan saya nanti projek bekalan air ya... Loji Air Bukit Puling sebesar 400 juta akan dilaksanakan, insya-Allah. Mudah-mudahan bekalan air di Sungai Lembing dan juga di Kuantan dapat kita naikkan taraf di masa yang akan datang. Begitu juga dengan Projek Perumahan Kakitangan Kerajaan di Bukit Kuin di tanah seluas 200 ekar juga akan dilaksanakan kalau segala-galanya berjalan dengan lancar dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih banyak kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Utama Menteri Besar Pahang kerana baru-baru ini telah menyampaikan Saham FELDA kepada penduduk-penduduk di FELDA Bukit Sagu 1, 2 dan 3 selepas 12 tahun menunggu.

Jadi penghargaan terima kasih banyak-banyak saya ucapkan kepada pihak Kerajaan Negeri, pihak Pejabat Tanah dan Daerah Kuantan terutama sekali dan juga anak-anak peneroka pun datang membantu proses mempercepatkan sijil ataupun saham itu dikeluarkan. Jadi selesailah satu masalah hanya kemudian kita juga berharap saham Felcra Sungai Batu sebelum pilihan raya ini akan dapat diberi kepada mereka-mereka yang berkenaan dan mudah-mudahan dengan itu akan dapat menyelesaikan keluhan rakyat yang dah menunggu saham Felcra ni dah sekian lama.

Saya juga merakamkan penghargaan terima kasih banyak-banyak kepada Pejabat Tanah Kuantan kerana masalah RTK, Rancangan Tanah Kelompok... saya ingat lagi daripada saya mula-mula sekali jadi Wakil Rakyat masa tu, alhamdulillah dekat hujung-hujung sekarang ni, boleh katakan sudah pun selesai. Jadi Tuan Yang di-Pertua, di sinilah kita lihat betapa pentingnya pimpinan Kerajaan Negeri yang dinamik, yang berwawasan dan juga kakitangan penjawat awam yang apa er... begitu er... menunaikan amanah dan tanggungjawabnya menyebabkan banyak perkara-perkara dan juga masalah-masalah dapat kita selesaikan dan juga dapat kita merungkaikan keluhan-keluhan di kalangan masyarakat.

Jadi di kesempatan yang ada ini Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya menyampaikan rasa terima kasih penghargaan yang sangat tinggilah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Sri Menteri Besar Pahang di atas pentadbiran bantuan daripada Kerajaan Negeri kepada kami Wakil Rakyat dan juga kepada masyarakat terutama sekali di kawasan saya dan juga saya menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada semua sekalilah kalangan penjawat awam, pegawai-pegawai kerajaan, jabatan-jabatan yang sentiasa memberikan kerjasama yang terbaik untuk kami sebagai Wakil Rakyat ni menyelesaikan masalah-masalah rakyat.



Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya berdoa, saya percaya bahawasanya dalam pilihan raya, PRU yang ke-15 yang akan datang ni kita Pahang akan terus diperintah oleh Barisan Nasional malah kita akan dapat merampas beberapa lagi kerusi-kerusi sama ada DUN ataupun Parlimen di negeri Pahang ini. Saya berdoa mudah-mudahan pihak Kerajaan Negeri yang... di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar akan terus berusaha sedaya upaya dalam masa yang ada ni untuk kita pastikan rakyat akan menyokong kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Lembing. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian seramai 7 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian untuk berbahas pada pagi ini. Saya bercadang untuk menempohkan Persidangan kita sebelah pagi ini dan Persidangan kita akan disambung jam 2.30 petang. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada jam 12.52 tengah hari]



[Persidangan disambung semula]

SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Sambungan perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2023/2022 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2023.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, kita masih lagi dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul yang telah dikemukakan dan pada petang ini kita akan menyambung perbahasan atas Rang Undang-undang dan Usul Perbekalan Air ini. Saya dengan sukacitanya menjemput Yang Berhormat Muadzam Shah. Silakan.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan perbahasan di Dewan Yang Mulia ini. Terlebih dahulu, saya ingin melafazkan rasa syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya saya diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan Bajet Tahun 2023.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara pertama adalah berkaitan dengan pembentangan Bajet 2023. Jumaat lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah membentangkan Bajet kali ke-5 di Dewan Yang Mulia er... ini dan yang pastinya bajet tersebut adalah bajet terakhir bagi penggal ke-14 ini yang bertemakan 'Negeri Stabil, Rakyat Sejahtera'.

Saya amat yakin dengan rekod kerja pentadbiran Kerajaan Negeri dalam tempoh 4 tahun lebih pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, negeri Pahang berada di landasan yang terbaik dengan memperuntukkan satu perpu... RM1.071 bilion Perbelanjaan Mengurus dan RM318.83 juta Perbelanjaan Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua,

Keutamaan urus tadbir dan kecekapan kawalan ketirisan hasil Kerajaan Negeri adalah antara agenda utama di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dalam tempoh lebih kurang lim... 53 bulan pentadbiran, Kerajaan Negeri berhadapan dan melalui pelbagai cabaran. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pahang berjaya mentadbir negeri ini dalam situasi sebagai sebuah negeri pembangkang kepada Kerajaan Pusat yang diterajui oleh Pakatan Harapan selama 22 bulan.

Kerajaan Negeri juga berjaya menjalan... menjalani ujian Allah SWT bila mana seluruh negara di dunia ini termasuk negeri Pahang menerima musibah akibat wabak penyakit pandemik COVID-19 selama 2 tahun lebih. Kemudian, mampu mendepani usaha memulihkan ekonomi pasca pandemik COVID-19. Kerajaan Negeri juga mampu



mengharungi kesan ekonomi er... global dunia disebabkan berlakunya perubahan geopolitik antara er... negara seperti Amerika dan China, di Turki, di Taiwan, kesan perang Ru... di Rusia - Ukraine dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

Ibarat kata pepatah Melayu, 'yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang', 'di mana ada kemahuan, di situ ada jalan' dan 'jika tidak dipecahkan ruyung, mana boleh dapat sagunya'. Alhamdulillah, dengan pertolongan Allah SWT pencapaian peningkatan hasil negeri bertambah setiap tahun secara konsisten bermula tahun 2018 hinggalah ke tahun 2022.

Tahun 2022 ini juga telah mencatat sejarah bila mana hasil kutipan negeri berjaya dikutip melebihi RM1 bilion iaitu sebanyak RM1.027 bilion sehingga 6 Oktober lalu. Ini adalah berkat gigih barisan er... Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, kakitangan penjawat awam sama ada negeri dan persekutuan yang diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri. Sekali lagi saya mohon er... kalau boleh ya semua Yang Berhormat bangun memberikan *standing ovation* kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan MMK dan *State GLC* [Ahli Dewan bangun dan menepuk meja] yang telah menyumbang keberhasilan hasil negeri, negeri Pahang ini. Dan tidak lupa juga terima kasih kepada semua rakyat Pahang termasuk syarikat korporat, masyarakat kampung, peneroka FELDA yang telah menjalankan amanah membayar cukai tanah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Kejayaan menarik pelaburan berjumlah RM20.56 bilion ringgit adalah bukti keyakinan syarikat-syarikat pelaburan sama ada pelabur domestik dan pelaburan asing datang melabur disebabkan tawaran menarik dan kestabilan poli... politik negeri Pahang. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Pahang dalam tempoh 4 tahun lebih pemerintahan dapat mengurangkan beban hutang Kerajaan Negeri daripada RM3.31 bilion kepada RM952.21 juta tanpa membebankan rakyat adalah satu yang menakjubkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Rakyat Pahang beruntung kerana memiliki seorang Menteri Besar yang sentiasa terbuka, telus menyatakan jumlah sebenar kutipan hasil dari se... semasa negeri dari awal tahun hingga ke hujung tahun. Sentiasa ya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sentiasa *update* dalam mana-mana ucapannya, tidak pernah Yang Amat Berhormat Menteri Besar membohongi rakyat sepertimana pemimpin lain yang memfitnah menyatakan hutang negara sehingga melebihi RM1 trilion, negara nak muf... mufliis dan sebagainya, sehingga rakyat terpedaya.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Pahang juga sepatutnya beruntung kerana memiliki seorang Menteri Besar yang sentiasa sensitif kepada keperluan dan kebajikan rakyat. Sebab itulah kalau di... kita hayati Yang Amat Berhormat Menteri Besar selalu menyatakan dalam mana-mana ucapannya semua hasil pendapatan Kerajaan Negeri sel... selepas ditolak dengan perbelanjaan pentadbiran selebihnya akan dipulangkan kepada kembali kepada rakyat.



Atas dasar cakna dan sensitif kepada keperluan dan kebajikan rakyat, maka penyaluran... penyaluran bantuan dalam program kebajikan terus kepada rakyat pada tahun 2023 bertambah kepada RM77.95 juta menerusi pelbagai bantuan seperti Bantuan Prihatin Pahang, Program Kebanggaan Pahang, Program Pemerkasaan Wanita, Warga Emas tanpa mengira bangsa, agama, mahupun ideologi politik.

Begitu juga dengan pertambahan jumlah bilangan er... Rumah Rakyat Pahang kepada 8 unit di setiap kawasan Dewan Negeri. Ini adalah berita gembira kepada warga miskin tegar yang susah... yang hidup susah di ceruk-ceruk kampung, ibu tunggal yang terbeban mempunyai tanggungan anak ramai dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya adalah antara orang yang pernah memegang jawatan Pengerusi JPKK, masa tu JKKK ya selama 8 tahun. Saya tahu dan saya pernah merasa berat dengan tanggungjawab bagi memastikan kebajikan masyarakat kampung terjaga di samping menjaga keselamatan dan berusaha memajukan kampung. Ke hulu ke hilir siang malam tak tentu masa, mengharungi banjir memindahkan orang kampung, berjalan ke rumah-rumah menemui keluarga kerana ada anak-anak yang ponteng sekolah, urusan pengesahan pendapatan, pengesahan mastautin, pengesahan bujang, balu atau duda bila mana ada penduduk yang nak bernikah, menghadiri mesyuarat dengan jabatan kerajaan dan lain-lain lagi. Itu adalah sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab ketua kampung.

Sudah tentulah saya di antara orang yang berasa amat gembira bila mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang mengumumkan kenaikan elaun JPKK daripada RM750.00 kepada RM1,000.00. Dengan kenaikan ini sudah pasti akan menjadi pembakar semangat untuk terus mencurahkan bakti dan khidmat kepada masyarakat kampung.

Tuan Yang di-Pertua,

Bajet 2023 adalah bajet yang terbaik dalam sejarah negeri Pahang. Setiap... tetapi sehari selepas rakyat Pahang menerima berita gembira hasil limpahan kepa... untuk rakyat, ada pula di kalangan Ahli Yang Berhormat yang telah menjelajah cuba meracuni fikiran rakyat dengan memberi analogi belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Jumaat lepas katanya "kalau makan gula-gula boleh kena kencing manis".

Pada peringkat awal saya ingat dia memuji, tapi rupanya dia meragui. Dalam ucapannya, "boleh yakin ke Kerajaan Barisan Nasio... Barisan Nasional menunaikan janji-janji dalam belanjawan tersebut? Boleh menunaikan apa yang diperkatakan? Boleh ke kepercayaan ini diberi lagi?"

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang di bawah Barisan Nasional tidak menabur janji palsu tetapi apa yang diberi, apa yang dihulur kepada rakyat sudah terbukti. Saya berharap rakyat Pahang di luar sana jangan sesekali terpedaya dengan fitnah dari golongan terdesak ini dan saya juga percaya ada di kalangan pengundi dah muak dengan janji palsu dan berharap tidak termakan dengan fitnah untuk kali kedua.



Tuan Yang di-Pertua,

Perkara kedua berkaitan dengan isu dalam kawasan saya. Pertama, isu air. Saya mengucapkan terima kasih atas kesempatan Yang Amat Berhormat turun ke setiap daerah, mendengar sendiri taklimat tentang permasalahan air. Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah memaklumkan isu air ini dapat diselesaikan sehingga 90% dalam jangka masa 5 tahun. Sehubungan itu, saya mencadangkan pihak Pengurusan Air Pahang Berhad... Pahang Berhad (PAIP) memaklumkan jadual pelaksanaan kerja untuk memulihkan masalah air ini di setiap daerah dalam tempoh tersebut.

Sekiranya belum buat lagi, sekiranya belum adalah kalau... dan kalau dah ada jadual perancangan, saya harap dapat mohon tolong maklumkan kepada kawasan YB... kawasan Wakil Rakyat setiap kawasan, ya. Sebab kami di bawah ni yang kena menjawab dengan orang kampung. Mereka bertanya bila nak buat? Bila nak laksanakan dan sebagainya dan sekiranya ada maklumat supaya mudah untuk kami menjawab dan menenangkan isu ini kepada masyarakat... pada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara kedua berkaitan dengan Lebuhraya Kuantan-Segamat, saya mengucapkan terima kasih kepada bila mana Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah mengumumkan dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi Pantai Timur (ECRDC) Bilangan 2022... Bilangan 2/2022 bahawa pihak kerajaan meneruskan projek Lebuhraya Kuantan-Segamat Fasa 2 sejauh 51 kilometer dari Runchang ke Simpang Tiga Keratong. Ini adalah satu lagi rahmat untuk Rakyat Pahang bila mana Perdana Menteri Malaysia daripada Kerajaan Barisan Nasional. Cuma kebelakangan ini berla... kerap berlaku kemalangan maut. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan khususnya kepada Jabatan Kerja Raya supaya memperbanyakkan papan tanda amaran atau papan tanda memberi peringatan yang bersaiz besar di kawasan-kawasan kemalangan maut atau kawasan yang merbahaya.

Berkaitan dengan jalan saya juga menyentuh tentang jalan masuk ke Gugusan Selancar, jalan masuk Gugusan Selancar antara jalan tumpuan pengguna jalan raya dari arah Kuantan ke Johor Bahru melalui Felda Redong. Malangnya keadaan jalan pada ketika ini banyak yang rosak, berlubang dan amat merbahaya kepada pengguna kenderaan di laluan tersebut. Dalam media sosial seperti di *FB* menjadi platform rakyat atau netizen menyalahkan kerajaan dan juga Wakil Rakyat katanya yang tidak mengambil tahu dan sebagainya. Sehubungan itu, saya mohon isu tersebut dapat diselesaikan dengan segera. Seperkara lagi yang perlu diberi keutamaan berkaitan jalan tersebut, saya berpandangan sudah tiba masanya perlu dibuat kajian semula dari segi struktur reka bentuknya dan jalan tersebut juga perlu dinaiktarafkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan dengan Balai Polis Muadzam Shah, kali pertama saya bawa perkara ini di Dewan Yang Mulia ini pada 17 November 2020 dalam Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-3. Kali kedua pada 30 Mac 2022 dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 dan hari ini saya bangkitkan sekali lagi untuk kali ketiga di Dewan ni. Bermaknanya sudah 2 tahun... hampir 2 tahun daripada apa ni perkara... daripada kali pertama saya membangkitkan tempoh hari. Berkaitan dengan Balai Polis Muadzam Shah ni, ada dua perkara penting yang memerlukan perhatian oleh pihak kerajaan. Pertama, berkaitan dengan kekurangan anggota polis... anggota polis di Balai Muadzam Shah.



Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini kerana ianya ada hubung kait dengan jumlah penduduk yang melebihi 20,000 orang manakala kawasan pengawasannya luas. Kalau sebelah selatan hingga ke Gugusan FELDA... Gugusan Perantau Damai dan Gugusan Chanis melibatkan FELDA Keratong 6, 7, 8, 9, 10. Manakala sebelah timurnya sehingga perkampungan Orang Asli Kedaik, ini termasuklah beberapa lagi perkampungan Orang Asli, 14 ladang sawit, Bandar Muadzam Shah dan lain-lain penempatan sekitar sedangkan jumlah anggota polis di Muadzam Shah hanya ada 15 orang. Kekurangan jumlah anggota ini bukan perkara baru tetapi saya dimaklumkan dah melebihi daripada 10 tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan jumlah penduduk lebih 20,000, dengan keluasan kawasan pengawasan yang luas sudah tentulah kejadian kes-kes yang berlaku sentiasa meningkat dari tahun ke tahun namun jumlah anggota tetap sama dan tidak meningkat. Masalah ini sudah tentu memberi tekanan dan bebanan kerja kepada 15 anggota yang bertugas. Jumlah anggota 15 ini dibahagi pula kepada tiga *shift* bermakna yang bertugas dalam satu *shift* tu hanya dalam 5 ataupun 6 orang saja.

Saya juga dapat statistik jumlah anggota yang berada di balai-balai polis yang lain yang berhampiran. Contohnya di Melati - 9 orang, Kota Bahagia - 5 orang, di Bukit Ibam - 10 orang, Bandar Tun Razak - 11, Cenderawasih - 12. Bayangkan Cenderawasih tu yang yang kecil tu ada 12 orang, Muadzam hanya yang besar tu ada 15 orang, tak jauh bezanya. Jadi saya berharap perkara ini dapat diselaraskan semula.

Berkaitan dengan... dan perkara kedua berkaitan dengan jawatan Ketua Balai Polis Muadzam Shah. Untuk makluman, dari dulu hingga kini Ketua Balai Polis Muadzam Shah hanyalah pangkat Sarjan Mejar. Dengan kuasa penugasan Sarjan Mejar ini yang terhad, saya juga memohon Ketua Balai Polis Muadzam mestilah berpangkat pegawai ataupun Inspektor.

Tuan yang di-Pertua,

Saya suarakan perkara ini juga seiring dengan perkembangan pembangunan dan pertambahan penduduk selari dengan Muadzam Shah yang telah dinaik taraf sebagai Daerah Kecil Muadzam Shah.

Tuan Yang di-Pertua,

Di sini saya nak bagi sedikit ingatan mesra kepada pihak pentadbiran jabatan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, inisiatif perkembangan industri pelancongan adalah industri ke-3 daripada 7 inisiatif besar bagi memajukan ekonomi Pahang. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM9.1juta bagi memastikan kerancangan industri pelancongan dan penganjuran program pelancongan bertaraf dunia seperti *Pahang Ocean Paddle*, *Pahang Billfish International Challenge* dan lain-lain lagi satu usaha yang cukup baik.

Cuma yang saya nak bagi sedikit ingatan mesra kepada jabatan atau agensi pelaksana program kalau buat penganjuran tu jemputlah pemimpin setempat. Sebagai contohnya penganjuran *Pahang Billfish International Challenge* pada tahun 2022 baru ini yang berlangsung di Rompin, Wakil Rakyat setempat pun tidak dijemput. Saya dimaklumkan ada kalangan Ketua-ketua Jabatan, Penghulu dan kepimpinan



masyarakat setempat pun tak ada jemputan. Ini bukanlah saya... orang kata nak marah seperti yang Peramu Jaya cakap tadi, nasihat [ketawa].

Tuan Yang di-Pertua,

Bajet 2023 adalah bajet bersifat inklusif merangkumi pelbagai faktor untuk kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat Pahang. Semua ini berhasil kerana pertama kestabilan politik yang diterajui oleh Barisan Nasional dan yang kedua kerana orang Pahang tidak terpedaya dengan fitnah pembangkang. Saya percaya rakyat di luar sana juga akan melihat dan menilai bahawa politik yang class akan stabilkan negeri dan memakmurkan rakyat.

Akhir Kalam, saya dengan rasa tanggungjawab dan akan sama-sama membantu dalam memajukan ekonomi dan mensejahterakan rakyat Pahang. Muadzam Shah mohon menyokong. Sekian, WBT. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI PERTUA DEWAN

Terima kasih YB Muadzam. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Luit.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kerana beri peluang kepada saya berucap saya ini ucapan terakhir untuk penggal kali ini dan mungkin juga ucapan terakhir dalam Dewan yang banyak kayu ni. Insya-Allah, Dewan baru dia tak ada kayu, kot. Kita semua sekarang berada di hujung penggal ya, Tuan Speaker. Hujung penggal ni, macam atas papan anjal kat kolam renang tulah dah hujung-hujung ni nak sampai ke hujung makin lembut, dia mudah melambung-lambung. Jadi saya cadangkan jangan berpeluk hujung-hujung tu, takut jatuh ramai-ramai. Jadi sorang-sorang kena kat hujung. Jadi kalau jatuh sorang-sorang tak apa, insya-Allah.

Jadi saya pun tidak nak cakap panjang pada petang ni cuma saya nak mengimbuai sikit masa selepas PRU14. Daripada PAS 8 orang ni, saya 6 orang adalah Ahli Dewan Negeri yang baru. Apa saya nak kata sini, kami 6 orang ni sebenarnya Wakil Rakyat yang beruntung... sangat beruntung kerana kita ada tiga pengalaman dalam tempoh penggal ni. Pengalaman pertama kita menjadi pembangkang tulen. Tulen ini maknanya dengan Kerajaan Negeri pun kita jadi pembangkang, dengan Kerajaan Pusat pun kita jadi pembangkang.

Lepas tu... yang tu daripada bulan Mei tahun 2018 sampai bulan September tahun 2019. Lepas tahun 2021, kita jadi pembangkang manis namanya iaitu kita bersama kerajaan. Kita bangkang juga tapi kita bangkang dalam keadaan yang harmoni, dengan senyum, dengan... dengan apa ni... bersama-sama dengan kerajaan selama 2 tahun tu. Masa tu memang pembangkang yang manislah, manis maknanya kita... macam-macam faedah kita dapat. Dana-dana diperuntukkan daripada pihak kerajaan. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.



Lepas tu tahun 2022 baru lagi bulan 1, kita jadi pembangkang lagi tapi kali pembangkang masam-masam manis. Ada masa-masa masam, ada masa-masa manis ya sehinggalah insya-Allah, tak lama lagi kita nak membuang undi pilihan raya. Harap tidak bermasamlah, manis terus sampai mengundi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kami 8 orang ini sebenarnya daripada parti PAS ini, perjuangan kami mudah sahaja nak bawa kehidupan Islam dalam masyarakat itu... itu... itu matlamat perjuangan parti kami. Jadi saya ambil kesempatan pada hari ini saya nak sebut 10 perkara kenapa kita kena meletakkan apa ini dasar kerajaan ini berasaskan Islam.

Yang pertama, Islam itu diturunkan untuk semua manusia bukan untuk orang Pahang sahaja, bukan untuk Malaysia untuk seluruh manusia. Yang kedua, alam semesta ini dicipta memang daripada asas sistem Islam sendiri ya. Yang ketiga, Islam adalah sistem hidup, *the way of life* lah senang dalam maksud nombor tiga. Yang keempat, Allah memerintahkan semua jin dan manusia untuk abdikan diri pada-Nya. Jadi kita tak boleh nak lari dah. [Bacaan dalam bahasa Arab]. Betul ustaz ya? Angguk itu betullah tu.

Yang kelima, Allah memerintahkan kepada umat manusia supaya bertakwa, beriman dan mati dalam Islam. Yang keenam, Rasul mengajar anak-anak dia dan zuriatnya bertaqwa beriman dan mati juga dalam Islam. Yang ketujuh, para nabi dan rasul mengajak umat masing-masing kepada Islam.

Yang kelapan, Allah hanya menerima Islam sebagai landasan hidup dan menolak yang lain, ini kuat ini. Yang kesembilan, Islam adalah nikmat yang paling besar dan yang kesepuluh pemimpin dan rakyat akan bersama di dunia dan di akhirat atas landasan Islam. Jadi itu sepuluh perkara, alhamdulillah dapat saya sebut dalam Dewan sepuluh perkara ini.

Kemudian perkara yang kedua saya nak sebut ini nak ucapkan nak sampaikan ucapan terima kasih kepada...

YB. DATO'SRI DIRAJA TAN SRI DR HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

...Yang Amat Berhormat Menteri Besar...

YB. DATO'SRI DIRAJA TAN SRI DR HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pelangai.

YB. DATO'SRI DIRAJA TAN SRI DR HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,



Bukanlah nak mengacau atau mengganggu saudara Ahli daripada Luit, kawan baik saya juga. Ada satu yang penting itu. (Bacaan dalam bahasa Arab), itu pun penting untuk menunjukkan kepada orang-orang bukan Melayu, bukan Islam bahawa Islam untuk semua. Makna kalau kita tengok orang India susah, orang Cina susah kita orang Melayu orang Islam wajib tolong atas dasar (bacaan dalam bahasa Arab), Allah SWT tak sebut (bacaan dalam bahasa Arab), manusia... Allah SWT... manusia, terima kasih. Jangan marah ya, marah kena jual. [Ahli Dewan ketawa]

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Dato' Sri Diraja Pelangai. Jadi Tuan... Dato' Sri Tuan Speaker maknanya dah jadi sebelaslah, tadi sepuluh saya sebut [Ahli Dewan ketawa]. Terima kasih.

Seterusnya, saya nak ucapkan... menyampaikan ucapan terima kasih atas pembentangan bajet atau belanjawan Kerajaan Negeri Pahang untuk tahun depan. Cuma saya nak sentuh sikit kalau dapat macam mana kita belanjakan kewangan kita ni untuk kita tumpukan juga kepada perubahan iklim.

Kalau dapat pihak kerajaan mengambil kira secara terperinci apakah perbelanjaan-perbelanjaan yang perlu bagi kita menangani ya ataupun mengurangkan masalah menghadapi perubahan iklim yang akan datang? Kita semua sedia maklum bahawa dunia kita ni memang dah panas, tambahan satu... satu peratus... satu darjah *celcius*, 1.2 darjah *celcius* dalam tempoh 100 tahun ataupun dalam tempoh dua generasi saja. Maknanya anak kita, cucu kita dan dunia dah mula berubah ya. Jadi kalau ikut sejarahnya sepatutnya 1 darjah *celcius* ini dalam 10,000 tahun baru... baru berubah tapi dalam satu tahun, sangat cepat sekarang ini ya. Insya-Allah kita dapat menikmati cara... cuaca yang baiklah sepanjang hayat kita ini, kita pun mungkin tak lama dah ya.

Kemudian er... yalah kita tahu kesan daripada pemanasan global ini banyak sangat, kenaikan air laut sebagainya er...kualiti tanah, kebakaran ya. Saya nak kongsi sikit er...ini satu pernah dengar ceramahlah ini. Dunia ni dia stabil, bulat. Bumi ini bulat, dia stabil, tak goyang, tak bergolek. Dikatakan stabil ni kerana dia ada air batu. Kutub Utara ada air batu, Kutub Utara, lepas tu dia ada air batu di bawah, hujung bawah ini, Kutub Selatan. Ini cerita ini cerita sains metafizik. Jadi dia kata bumi ini tenang, tak goyang, tak golek sebab dia ada dua hujung-hujung dia, sejuk. Jadi saya nak kaitkan dengan ini sebenarnya dengan orang Islam.

Orang Islam ni dia ada wuduk. Wuduk ni kalau tuan... Tuan er... Yang Berhormat Speaker, cuba perhati wujud kita memang hujung-hujung itu sejuk. Sejuk hujung, sejuk muka ni, sejuk hidung, tepi ini telinga. Lepas itu tangan, sampai hujung jari kaki. Jadi maknanya kalau betul kita punya wuduk cantik mengikut teori sains metafizik ini, kita jadi orang paling tenang, kalau sahabat-sahabat bukan Islam ini boleh *try*. Balik tengok *YouTube* macam mana orang ambil air sembahyang, basuh muka, basuh tangan, telinga semua ya. Sains kata jadi inilah keterangan ni tak lama lagi akan musnah bila salji cair, air laut naik, tanah kering. Masa itu kita jangka bumi pun dah tak stabil dah.

Dan kaitan daripada perubahan iklim juga, mesti berkait dengan tanaman kita, *food security*. Jadi kita haraplah pihak kerajaan dapat meneliti, memerhati tentang program *food security* kita ni untuk penduduk di negeri Pahang, untuk Malaysia amnya dan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah terima kasih jugalah kepada pihak daerah saya pentadbiran daerah. Dato' Pegawai Daerah kita dengan Pegawai Pertanian, Puan Shuhada namanya dah wujudkan jawatankuasa *food security* peringkat daerah. Jadi nampak ada kepekaan di peringkat... peringkat



pentadbiran untuk melihat ya kemungkinan-kemungkinan yang boleh kita buat untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Er... saya kali ini saya tak bercakap lagilah tentang apa masalah tempat saya sebab saya kira dah lebih sepuluh kali sidang dah. Semua dah cakap dah, dah tulis belaka dalam itu. Jadi apa-apa saya rasa perkara sama saja cuma saya nak ambil kesempatan mengucap terima kasihlah kepada pihak Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri khususnya. saya boleh sebut beberapa perkaralah untuk di kawasan DUN saya ini er... kita dapat juga projek-projek yang saya kira projek besarlah.

Pertamanya isu air... isu air, paip air, tangki air, pam semua kita kata dah apa dimaklumkan telah dapat dan lulus ya. Insyallah, boleh menyelesaikan sedikit sebanyak masalah air di kawasan kita. Kemudian kita ada tebatan banjir dah buka tender kontraktor pun dah tengok. Tebatan banjir di Sungai Maran terutamanya di bandar Maran itu. Kemudian kita ada juga laluan jalan pinggir Sungai Pahang di Kampung Lubuk Paku. Kemudian yang terbaru hari ini saya jumpa surat khabar tadi bagus juga.

Hospital... dia tulis Hospital Maran dibina tahun depan. Ini *statement* dia keluar selepas 40 tahun. ADUN Luit minta hospital, lepas 40 tahun baru... baru keluar surat khabar. Jadi kita minta jaminan daripada kerajaanlah lepas 40 tahun ini sodok dululah. Sodok... terang... naikan tiang hospital tu. Ini selepas 40 tahun baru masuk surat khabar, *suspend* juga ini. Tak tahu jadi ke tak jadi. Jadi kita doa kita harap daripada pihak kerajaan, kalau duit Kerajaan Pusat... Kerajaan Pusatlah minta tolong beri perhatian dan jadilah apa ini kenyataan hasrat kami di... di Maran ini untuk mendapat sebuah hospital, insya-Allah ya. Dan tidak lupa juga terima kasih saya khususnya kepada er... dua orang tokoh pimpinan tempat saya ini.

Er... Dato Sri Shahaniza ya, yang selalu berkunjung ke DUN Luit dan juga Ahli Parlimen Maran ya sama-sama membangunkan Maran sejak dulu lagi dan saya... kehadiran saya dalam DUN Luit pun menyambung kerja-kerja yang mana boleh kita sambung ya, insya-Allah. Er... kemudian saya juga nak mengambil kesempatan untuk mengucap terima kasih kepada penduduk kawasan saya dan juga wakil sahabat-sahabat saya, ada yang tak datang ni.

Tanjung Lumpur, Beserah, Pancing, Luit, Chenor, Jengka, Damak, Tahan nak ucap terima kasih kepada penduduk di kawasan kami atas kebersamaan dalam mengharungi kehidupan sepanjang kami menjadi Wakil Rakyat dan juga jika ada kelemahan, sekiranya kekurangan, kekhilafan sebagainya kami mengambil kesempatan untuk mohon ampun dan maaf insya-Allah kalau naik nama bertanding dan menang lagi kita akan baiki kelemahan-kelemahan yang ada itu, insya-Allah.

Ya, ada pantun juga ini. Nak habis dah. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pantun ini khusus kepada er... rakan-rakan dalam Dewan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, er... Ahli-ahli Dewan semua dari kerajaan dan pembangkang. Pantunnya berbunyi:

*Engkaulah guru,
Engkaulah bapa,
Kami diajar banyak ilmu,
Kami kenang segala jasa.*



Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima Yang Berhormat Luit. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Tanah Rata. Silakan.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan Negeri Pahang bagi tahun 2023 yang telah berjaya dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Jumaat yang lepas. Sepanjang tempoh 4 tahun lebih yang lalu, kita telah pun menyaksikan beberapa kali peralihan kuasa di peringkat Persekutuan dari Barisan Nasional ke Pakatan Harapan kemudiannya kepada Perikatan Nasional dan akhirnya kembali semula jawatan Perdana Menteri kepada parti UMNO.

Oleh itu, dalam tempoh... sepanjang tempoh ini kita menyaksikan banyak projek... projek-projek berimpak tinggi yang telah dibentangkan ataupun diumumkan oleh ketiga-tiga kerajaan tersebut. Ada yang jadi adanya yang belum lagi. Kalau... oleh itu hari ini saya ingin mengimbas semula projek-projek yang belum lagi disempurnakan setakat ini. Iaitu yang pertama jalan pintasan Cameron Highlands yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di Cameron Highlands dan saya difahamkan bahawa projek tersebut masih di peringkat kajian kebolehlaksanaan pada jawapan yang saya yang diberikan kepada saya pada mesyuarat yang lepas

Dan yang kedua, projek menaik taraf jalan dari bulatan McDonald's ke Persimpangan Brinchang dan sehingganya Kea Farm di Cameron Highlands dengan anggaran kosnya sebanyak RM142 juta dan ini saya juga difahamkan ia akan diletakkan dalam *Rolling Plan* yang ke-2 di Rancangan Malaysia Yang Ke-12 pada tahun 2022.

Dan yang ketiga, projek pembinaan Klinik Kesihatan jenis keempat dengan kuarters di Kampung Raja, Cameron Highlands. Yang ini diumumkan pada dalam Belanjawan Persekutuan pada tahun 2020 dan Yang keempat projek menaik taraf jalan dan jambatan fasa kedua di Kampung Terisu. Projek ini juga diamanahkan oleh... kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar atau KPNLB.

Yang kelima, projek menaik taraf jalan di perkampungan Pos Lemoi juga dilaksanakan oleh JKR dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Yang keenam, usaha mencapai liputan telekomunikasi dan internet 100% untuk semua perkampungan di seluruh Cameron Highlands, yang ni sejajar dengan inisiatif Jalinan Digital Negara atau JENDELA dan saya difahamkan juga bahawa liputan telekomunikasi dan internet belum lagi mencapai 100% di seluruh daerah Cameron Highlands. Saya difahamkan ialah ada lebih kurang 50% sehingga 60%. Oleh itu, yang ni usaha yang kita perlu letak lebih banyak bagi mencapai objektif 100% liputan *telco* di seluruh daerah Cameron Highlands.

Dan yang ketujuh, iaitu juga inisiatif untuk mencapai bekalan elektrik 100% di seluruh daerah Cameron Highlands. Yang ini saya juga difahamkan pada jawapan mesyuarat pada Jumaat yang lepas bahawa di perkampungan Pos Lemoi adanya 3 lagi kampung yang belum lagi ada bekalan elektrik dan saya harap bahawa projek untuk



membekalkan elektrik ini boleh dilaksanakan secepat mungkin untuk supaya mencapai inisiatif ni 100% boleh dicapai secepat mungkin.

Dan untuk yang seterusnya, yang kelapan ini adalah berkenaan dengan juga pembaharuan atau reformasi institusi iaitu saya berharap pada Dewan Yang Mulia ini boleh mengiktiraf sebab saya sebagai Ahli Pembangkang tak kisahlah ada masam manis seperti Wakil daripada Luit. Bagi saya walaupun Pakatan Harapan pernah jadi kerajaan di peringkat Persekutuan tetapi pada saya, saya di Pahang memang pembangkang yang tulenlah. Tak kiranya masam manis yang pentingnya ialah saya menggalas amanah saya sebagai Wakil Rakyat.

Oleh itu saya di sini, saya berharap Dewan Yang Mulia ini boleh pada masa yang akan datang mengiktirafkan kedudukan Ketua Pembangkang... Ketua Pembangkang dan juga memberikan peruntukan yang setara ADUN Kerajaan kepada ADUN Pembangkang. Ini saya harap pada kerajaan penggal yang... yang selepas ni boleh melaksanakan dan untuk... supaya untuk memberikan kebajikan yang secukupnya kepada rakyat.

Dan kesembilan, saya berharap juga kerajaan pada masa yang akan datang juga boleh melibatkan ADUN Pembangkang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah atau JKTD dan juga PKOB bagi memastikan setiap ADUN, bukan saja ADUN Pembangkang tetapi juga Ahli Parlimen Pembangkang untuk memastikan setiap... setiap Wakil Rakyat tak kiranya dia dari pembangkang ataupun dari pihak kerajaan, kita boleh melaksanakan tugas kita dengan lebih berkesan dengan melibatkan kita dalam JKTD dan juga PKOB.

Dan yang kesepuluh, saya juga berharap sebab saya... saya tidak tahu kenapalah saya difahamkan bahawa pada sidang Dewan yang ini belum lagi kita menggubal undang-undang untuk anti... untuk undang-undang untuk Anti Lompat Parti dan saya berharap sidang Dewan perlu bertindak bagi meminda Undang-Undang Tubuh Negeri Pahang bagi menggubal undang-undang benar Ahli Dewan Undangan Negeri melompat parti. Yang ni juga selaras dengan pindaan RUU berkenaan di peringkat Persekutuan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mohon mencelah Tanah Rata. Undang-undang Anti Lompat Parti ini sebenarnya Kerajaan Negeri nak *table* dalam sidang Dewan ni tapi saya telah mendapat pandangan dan nasihat daripada Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang, yang pertama sekali perlu *digazettekan* dulu. Maknanya selepas dibentang, *gazettekan*, lepas tu baru kita boleh buat. Tetapi kita dah tetapkan tarikh ni lebih awal dan dia ada jangka masa tertentu untuk... untuk dibawa ke dalam Dewan ini. Ini masa tu tak suntuk... masa tu tak cukup. Jadi Yang Berhormat tak usah bimbanglah ya, memang dalam perancangan kita. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih kepada jawapan yang di... yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya haraplah kerajaan yang akan datang boleh menggubal undang-undang ini dan membawa undang-undang ni dilaksanakan di dalam Dewan Yang Mulia.



YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Mohon mencelah.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Dan berhubung...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pulau Manis. Ada...

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Izin saya mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya mendengar ucapan daripada Tanah Rata berkaitan dengan permohonan beliau untuk penggal yang akan datang supaya dibagi keistimewaan untuk berada dalam Agenda Mesyuarat, Mesyuarat Tanah, Mesyuarat Tindakan Daerah, Mesyuarat Bencana dan sebagainya. Tetapi apa yang berlaku pada hari ini saya tak nampak gambaran tersebut boleh kita perakukan kerana sebentar tadi sahabat saya daripada Muadzam mohon kita berdiri memberikan sanjungan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana kejayaan pembentangan bajet beliau tapi sedih... sedih Dato' Yang di-Pertua apabila saya memerhatikan sahabat-sahabat saya daripada pembangkang, DAP, seorang pun tak bangun.

Macam tulah baiknya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, apa saja perkara ajak makan bersama, ajak main bersama, macam-macam program kita buat bersama tapi untuk sedikit kita menyanjung apa yang Yang Amat Berhormat bentangkan bajet pun kita tak boleh nak memberikan sanjungan, sedih saya. Saya ingat saya nak cakap kalau saya berucap hari ini. Tapi saya fikir tak tahan dah saya nampak Tanah Rata dan cakap macam tu jadi saya mencelah. Terima kasih.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih celah daripada Wakil daripada Pulau Manis tapi saya ni... saya mengakui bahawa ini bukan kita tak dapat kerjasama dengan Kerajaan Negeri, saya perlu mengakui bahawa ni kekurangan saya juga sebab saya seorang yang *introvert*. Saya bukannya orang yang suka bergaul dengan orang lain. Wakil Pulau Manis boleh tanya kawan saya rakan dari PH juga, saya juga tidak berapa suka bergaul dengan mereka, saya ni seorang yang *introvert* [Ahli Dewan ketawa]. Oleh itu, jangan salah faham saya tak bergaul dengan orang lain bukannya saya tak nak bekerjasama dengan sesiapa-sempa sebab saya seorang yang *introvert*. Saya mengakui ini kekurangan saya, yang penting manfaat rakyat saya akan jaga kalau untuk perkara-perkara ataupun projek-projek yang boleh memberikan manfaat kepada rakyat saya tentunya saya akan berikan sokongan yang sepenuhnya kepada mana-mana pihak kerajaan.



YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ni Yang Berhormat...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya... ya.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Speaker...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa kita tak cukup ni.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya nampak bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 7 hari bulan itu hari bukan untuk Pulau Manis, bukan untuk apa ni Peramu Jaya tapi termasuk... termasuk untuk Tanah Rata, termasuk untuk Triang, termasuk untuk Sabai, termasuk untuk Tras, termasuk untuk Mentakab. Terima kasih saya kepada rakan daripada PAS walaupun masam manis dia sebut, tapi bangun semua, tapi dia ni semua rakyat di kawasan dia diraikan, diberikan, apa saja tak kira apa saja musim banjir, banjir la kita, bersama kita tapi itulah saya nampak tadi, memang saya panas tadi. Okey, terima kasih. [Ahli Dewan ketawa]

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Cool down Wakil Rakyat... [ketawa] Wakil dari Pulau Manis di sinilah saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak kerajaan kerana apa yang kita nak mahu ialah menjayakan semua projek yang boleh memanfaatkan rakyat kita ini yang penting dan berhubung perkara yang tadi saya kata yang saya bangkitkan tadi perkara... perkara pertama hingga perkara ketujuh yang saya bangkitkan tadi saya difahamkan itu semuanya projek-projek berimpak tinggi. Saya difahamkan bahawa tersebut... projek tersebut mungkin tidak sempat disempurnakan dalam kerajaan 1 penggal kerana atas faktor-faktor seperti kos pembinaan yang tinggi, masih dalam kajian teknikal ataupun kajian kebolehlaksanaan yang memakan masa yang amat panjang.

Saya faham er... kalau kita nak lahirkan anak pun bukannya satu bulan boleh jadi ini perlukan masa dan saya di sinilah saya berharap Kerajaan Negeri dan juga jabatan kerajaan berkenaan boleh terus berusaha mengangkat permohonan tersebut ke peringkat persekutuan untuk memastikan semua projek tersebut boleh dilaksanakan secepat mungkin ataupun dalam kerajaan yang penggal yang akan datang boleh melaksanakan semua. Dan perkara yang boleh memanfaatkan rakyat tentulah kita akan usahakan bersama-sama tanpa mengira kita dari parti-parti yang mana dan pada akhirnya saya di sini juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pegawai Daerah Cameron Highland iaitu Tuan Syed Ahmad Khairulanwar, YDP Majlis Daerah Cameron Highland Tuan Hasmir, SUMBCH Tuan Maslan kerana sepanjang tempoh saya menggalas amanah sebagai seorang Wakil Rakyat mereka telah memberikan saya kerjasama yang cukup baik selama ini.



Dan juga... saya juga, saya sebagai seorang Wakil Rakyat yang dalam... yang penggal yang pertama tentulah saya ada kekurangan banyak. Saya ada kekurangan dari segi tata tertib, tatacara, dari segi gaya cakap, mungkin saya menyakiti ataupun telah buat perkara yang... yang... yang... yang Ahli-ahli Dewan yang saya hormat ni tak seronok dan di sini saya memohon maaf kalau saya menyakiti mana-mana pihak. Saya tak nak bukan nak menentang sesiapa yang pentingnya ialah kita menggalas tanggungjawab dan tugas kita sebagai Wakil Rakyat dan di sini akhirnya saya terima kasih kepada Tuan Speaker bahawa memberikan saya peluang untuk membahas pada kali terakhir dalam penggal ini. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Tanah Rata. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Cheka. Sila.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Belanjawan 2023 Negeri Pahang Darul Makmur. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kerana berjaya membentangkan belanjawan *surplus* atau lebih selama 5 tahun iaitu mulai 2019 hingga 2023. Terbukti pimpinan baru telah membawa pembaharuan kepada negeri Pahang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana bersetuju menaikkan kadar elaun pengerusi JPKK sebanyak RM250.00 iaitu dari RM750.00 kepada RM1,000.00 sebulan berkuat kuasa 1 Januari 2023. Kenaikan elaun ini pasti akan membakar semangat Ketua Kampung untuk terus berkhidmat kepada masyarakat negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua,

Ada 62 buah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Baru Cina atau JKKB mereka juga memainkan peranan yang sama seperti JPKK Kampung Melayu tradisional sebagai pengiktirafan kepada jasa Ketua Kampung di samping elaun RM500.00 sebulan dari Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri Pahang telah mengumumkan pemberian elaun RM250.00 kepada Ketua Kampung Baru Cina atau pengerusi JKKB mulai 1 Januari 2022. Pengiktirafan ini menaikkan semangat Ketua Kampung Baru Cina. Walau bagaimanapun, Ketua Kampung Baru Cina masih belum menerima elaun ini. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri Pahang membayar elaun dengan kadar yang segera.

Selain itu, saya juga memohon pertimbangan Kerajaan Negeri agar menaikkan kadar elaun Pengerusi JKKB dari RM250.00 kepada RM500.00 mulai 1 Januari 2023 sebagai penghargaan atas perkhidmatan Ketua Kampung Baru Cina.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tidak lama lagi musim hujan dan banjir dijangka melanda membawa kerosakan dan kerugian kepada mangsa. Kerajaan Negeri telah membuat persiapan yang rapi dan kemas. Di antara usaha ialah membaik pulih Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan membekalkan bot kepada setiap Pejabat Penghulu. Usaha ini sangat-sangat baik



walaupun belum terlaksana. Saya berharap pihak yang berkenaan bertindak dengan cepat untuk kepentingan dan keselamatan mangsa banjir.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tanda-tanda menunjukkan bahawa persidangan Dewan kali ini ialah persidangan kali terakhir sebelum kerajaan mengembalikan mandat kepada rakyat. Saya mengucapkan terima kasih kepada pengundi yang telah menyokong saya ke Dewan Yang Mulia ini. Saya faham rakyat mengangkat kami ke kedudukan sekarang dan boleh menjatuhkan kami menjelang pilihan raya umum. Walau bagaimanapun bagi negeri Pahang, politik tidak bergolak, isu politik katak tidak relevan sebaliknya agenda pembangunan dan penambahbaikan mutu kehidupan rakyat berjalan lancar. Ini ialah hasil daripada pimpinan Menteri Besar yang bijaksana. Saya cukup yakin pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Negeri Pahang akan mendapat sokongan rakyat dan memperoleh kemenangan yang lebih besar berbanding PRU14.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Tuan Speaker, Timbalan Speaker, semua EXCO, Ketua Jabatan dan semua individu dan pihak yang berkenaan kerana telah membantu saya, memberi tunjuk ajar dan kerjasama kepada saya hampir 5 tahun di Dewan. Terima kasih daun keladi. Saya juga mohon maaf atas kekurangan dan kelemahan saya sepanjang tempoh saya berkhidmat sebagai ADUN Cheka. Dato' Sri Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima Kasih YB Cheka. Seterusnya saya menjemput YB Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberikan saya laluan untuk sama-sama membentang, untuk sama-sama berhujah bagi membahaskan ucapan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail pada 7 Oktober 2022 yang lalu.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya membentang Bajet 2023 Negeri Pahang dengan tema, 'Negeri Stabil, Rakyat Sejahtera' dan insya-Allah akan menjadi pasak utama kepada keseluruhan bajet ataupun perbelanjaan negeri Pahang untuk tahun 2023.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menggariskan empat kejayaan yang sangat-sangat dibanggakan. Saya dah dengar ucapan daripada rakan pada pagi tadi, jadi saya sebutlah yang ni sebab saya tak dengar yang masing-masing menyebut.

Yang pertama sekali, kita sangat berbangga apabila peningkatan hasil negeri yang konsisten dari tahun ke tahun sejak Yang Amat Berhormat Menteri Besar dilantik sebagai Menteri Besar sehinggalah pada 6 Oktober 2022, Kerajaan Negeri Pahang berjaya mengutip hasil sebanyak RM1.027 bilion dengan pencapaian 99.13% daripada yang dianggarkan untuk pencapaian 100%. Jadi maknanya, kalau 99.13% hanya kekurangan 0.87% untuk dicapai tapi perkara ini berlaku pada 6 Oktober. Ada masa lagi kalau nak sampai kepada 31 Disember tahun 2022.



Yang kedua, kejayaan menarik pelabur berjumlah RM20.56 bilion di mana RM9.55 bilion adalah pelaburan domestik dan RM11.01 bilion adalah pelaburan asing. Ini juga sangat membanggakan kita. Yang ketiga, seperti yang kita semua maklum dan kita semua ketahui bahawa pengurangan hutang negeri daripada RM3.31 bilion hanya tinggal RM952.21 juta. Insya-Allah, pada tahun hadapan hutang kita mungkin akan dapat dikurangkan lagi. Yang keempat, penyaluran bantuan kepada rakyat sebanyak RM77.95 juta menerusi Bantuan Prihatin Pahang, Program Kebanggaan Pahang, pemerkasaan wanita, kepada warga emas dan merentasi setiap lapisan masyarakat dari bayi, pelajar, anak muda, pengantin baru semuanya mencakupi dalam bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Dan seterusnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu yakin apabila menggariskan lima strategi. Nak dibelanjakan pendapatan yang diperolehi tadi telah menggariskan lima strategi iaitu merangsang kemajuan ekonomi, memperkukuh tadbir urus, membangun infrastruktur yang mampan, menjamin kesejahteraan rakyat dan membina generasi masa depan yang gemilang. Jadi sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat kerana dapat memikirkan perkara-perkara yang nak dilaksanakan untuk tahun 2023.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya tidaklah bercadang untuk bercakap pasal bajet kerana semua kita telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat dengan panjang lebar hanya setiap kita akan juga bercakap berkaitan dengan perkara-perkara yang tertentu jadi saya sebagai bekas guru sekali lagi, saya mengambil berat terhadap pendidikan. Saya memang memerhatikan agenda pendidikan yang dibawa oleh kerajaan. Yang pertama, terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana begitu cakna dengan kesusahan rakyat yang ada anak-anak masuk sekolah iaitu apabila tiba musim awal persekolahan dengan mengumumkan, meneruskan... menyalurkan peruntukan RM100.00 kepada setiap murid tahun 1 tanpa mengira kategori.

Tidaklah B40 sahaja tetapi semua murid er... seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Maknanya ada kawan dia telefon dia kata anaknya menangis sebab dia tak dapat, kawan dia dapat. Jadi akhirnya Kerajaan Malaysia juga pun bajetnya baru-baru ini yang mengumumkan pemberian sebanyak RM150.00 diberikan kepada seluruh murid tahun 1. Jadi RM150.00 daripada Kerajaan Pusat, RM100.00 dari Kerajaan Negeri... RM250.00. Saya rasa kita kena bersyukur, rakyat Pahang kena bersyukur dengan nikmat yang telah diberikan kepada kita itu tadi.

Dan seterusnya, kita juga telah dimaklumkan bahawa ya bahawa sesiapa sahaja yang mendapat tawaran selepas tamat SPM, dapat tawaran untuk pengajian di mana-mana pusat institusi pengajian tinggi bawa saja surat ke Yayasan Pahang ha... ini pun menjadi satu amalan yang sangat baik di mana er... kalau dahulunya bawa surat dapat RM500.00, sekarang ini MB umum bawa surat dapat RM1,000.00. Ini juga kebanggaan kepada kita [Ahli Dewan menepuk meja] dan bukan itu sahaja, mengejutkan kita apabila peringkat sarjana dahulu dapat RM1,000.00 tapi kali ini MB sebut dapat RM3,000.00 dan peringkat PhD daripada RM1,000.00 dapat RM5,000.00 [Ahli Dewan menepuk meja]. Ha... inilah dia... inilah dia Pahang. Sebab itulah MB selalu sebut, '*This is Pahang*' ha... seperti sahabat saya ya iaitu daripada Lanchang ha... inilah keadaannya, '*This is Pahang*' berlaku di depan mata kita.

Jadi Dato' Sri Yang di-Pertua,



Saya juga di Dewan Yang Mulia ini ingin... ingin membuat satu cadangan yang saya ternampak tak berlakulah iaitu dalam bajet kita iaitu bagaimana kita nak merangsang satu program pembangunan sukan kepada anak-anak kita di Pahang bukan kerana pasukan bola sepak kita sekarang ini sedang... sedang dalam keadaan kata di atas pun tidak, di bawah pun tidak tapi saya lihat satu ketika dulu kita ada projek. Projek melatih ya, projek melatih budak-budak yang pandai dan main bola sepak dan kemudian diserapkan kepada pasukan Pahang. Yang ada ini sekarang ini ialah Projek Mokhtar Dahari dekat Gambang. Itu bukan untuk anak-anak Pahang, itu untuk Malaysia. Jadi bila masing-masing dah pandai, dah mahir dia balik, dah balik, dia er... dia main la dengan negeri dia ataupun dibeli pula oleh mana-mana *team* yang mampu nak beli.

Jadi kalau kitalah seperti yang kita sedia maklum bahawa kita ini ada... ada satu SMK Seberang Temerloh. SMK Seberang Temerloh adalah sekolah sukan yang mendidik budak-budak sukan, semua bawa ke situ. Yang pandai hoki bawa situ, yang pandai bola bawa situ, yang pandai kriket bawa situ, yang pandai bola jaring bawa situ tapi pada saya... saya tak nampak. Jadi kalau bolehlah tumpukan sedikit pembangunan untuk sukan supaya anak-anak kita terutama kelahiran Pahang ini tadi yang kita raikan dengan *Pahang Pride Kid* dan sebagainya dapat... dapat menimba ilmu dan dapat pula mencurahkan ilmu kepada negeri dia sendiri.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya, saya juga ingin membentangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kawasan saya. Yang pertama sekali tak lain tak bukan ialah berkaitan dengan RTK, STR, Rancangan Tanah Kelompok ataupun Skim Tanah Rakyat. Saya yang pertama, nak ucap terima kasih kepada pihak kerajaan kerana dua projek RTK yang tertunggu-tunggu telah pun terlaksana dan telah pun membuahkan hasil di mana semua peserta yang telah menerima seperti RTK Bunut seramai 131 peserta dan RTK Lot 5, 241 peserta. RTK Bunut ini khas untuk penduduk setempat untuk orang kampung dalam DUN Pulau Manis. Dia dah dapat geran, dia dah dapat dividen ya tetapi RTK Lot 5 ini pula memang khas dibuat oleh kerajaan untuk anggota-anggota kerajaan yang berkhidmat di dalam Pahang, di dalam Kuantan dan Pekan.

Jadi untuk makluman, hasil daripada pemilihan tersebut maka kita telah berjaya memilih 241 peserta yang ditawarkan. Jadi untuk makluman ya masa mereka mohon itu dulu semua sanggup sebab apa? Sebab... sebab sedang berkerja tetapi oleh kerana lama sangat proses nak lulus maka berlakulah dah pencen. Bila dah pencen dapat duit gratuity ke, dapat duit pencen ke duit habis. Habis kerana sambung rumah, habis kerana pergi menunaikan umrah ya ataupun habis kerana makan angin. Jadi bila berlaku begitu tak adalah duit nak bayar. Jadi yang inilah saya berharap untuk... untuk projek-projek RTK yang akan datang janganlah terlalu panjang sangat masa ya cuba kita selesaikan seberapa segera.

Saya nampak ada berapa RTK tempat saya iaitu RTK Permatang Besar, RTK Anak Air, RTK Pamah Petai, yang ni contoh yang paling dekat di hati saya dan juga satu lagi RTK Temai Seberang. Terima kasih saya, hari ini saya nak ucap terima kasih kepada Dato' PTG apabila dia fikir yang mana satu RTK Dato' K ni nak sangat ni. Jadi saya pun... akhirnya dia tahu oh... RTK Temai Seberang, 85 peserta dah tanam semula. Barulah, alhamdulillah mudah-mudahan petang ni kalaulah dibawa dalam Mesyuarat MMK agaknya dia bawa, luluslah bajet RTK tersebut supaya dapatlah kita bahagikan kepada kumpulan-kumpulan yang sedang menunggu terlalu lama kerana ada RTK ini tadi contohnya RTK Tambahan Bukit Hijau, dia 58 peserta. 48 peserta baru, 10 peserta tambahan kerana mengganti waris yang meninggal.



Dia sebut dekat saya, malu saya. Dia sebut kat saya, "Dato' bila lagi RTK apa ni Bukit Hijau ni nak bagi?" Saya kata, "sabarlah, semua dah angkat dah. Pejabat Daerah dah tak ada dah fail tu semua dah lepas ke atas dah." Tapi dia kata, "Dato' dulu saya ganti arwah ayah saya. Saya rasa, saya bimbang saya pula mati juga." Malu, bila keluar ayat tu memang malu. Maknanya, kononnya dia menekan saya dulu ayah dia meninggal. Maka kita pilih dia sebagai waris untuk menyambung permohonan. Permohonan dia pun belum tahu lagi lulus bila masanya jadi keluarlah ayatnya. Bimbang dia juga akan mati pula.

Jadi Dato' Sri Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya perlu sebut di dalam Dewan ini ialah kebijaksanaan. Kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita apabila berlaku pertukaran kuasa pemerintahan, 22 bulan diperintah oleh PH. Maka yang berlaku pada masa itu ialah peserta-peserta FELCRA sangat terkesan. Tak ada bonus, tak ada dividen, sawit berlambak bawah pokok tak keluar. Lori masuk keluar balik, lori keluar kosong buah bertimbun macam bukit dalam kawasan. Kenapa? Kerana tak boleh bayar. Nak bayar sewa lori angkut pun tak boleh.

Ha... jadi saya pun dah memang pun dah bincang dengan Dato' Sri Menteri Besar sebab berlaku di dalam kawasan saya. Jadi MB khabar, beginilah mungkin sampai masa kita, kita carilah satu agensi yang macam mana boleh majukan. Jadi, alhamdulillah berkat daripada cadangan dan pandangan tersebut maka sekarang ni FELCRA pun bersama-sama memajukan sebab dah pulih tapi kita juga melantik agensi lain sebagai pemaju. Alhamdulillah, semua berjalan dengan lancar dan bagus. Jadi inilah caranya... maknanya yang MB sebut tadi ada masa kena berfikir di luar kotak ya kena berfikir di luar kotak.

Jadi saya bersyukur dengan perkara tersebut dan yang terakhir iaitu berkenaan dengan air. Saya terima kasih kerana MB dah umumkan air untuk Kampung Sri Makmur dah lulus 4.5 juta dan air untuk kampung apa ni Sri Gemuruh juga dah lulus 500,000 jadi semuanya dalam proses... dalam proses untuk dilaksanakan pada tahun... awal tahun 2023. Jadi mudah-mudahan projek ini akan memberi manfaat. Tapi walau bagaimanapun janji daripada JD PAIP bahawa kalau berlaku masalah air di dalam kawasan cepat-cepat beritahu, kita akan gunakan kaedah biasa sistem penghantaran dan sebagainya supaya air tersebut dapat dinikmati oleh penduduk setempat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa sudah cukup dah YB.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Yalah, terakhir ni kertas merah pulak, yang terakhir kertas merah. Kertas merah saya ini ialah berkaitan dengan rumah siap tetapi tiada penghuni. Hari ini rumah PAKR Jaya Gading, berlaku di belakang Restoran Zaman sekarang ni, dulu saya masuk. Masuk masa tu ada jaga... ada *block* oleh tong *drum*. Sekarang ini tiada apa-apa dah. Jadi saya berharaplah Pengerusi Perumahan ambil perhatian benda ini kerana memang ramai rakyat yang telah pun dipilih... dipilih hanya kita tak boleh isytihar nama sebab katanya tak dapat apa-apa hitam putih daripada pemaju. Jadi, saya pelik juga macam mana lantik pemaju, rumah dah siap cantik, yang bimbang besok habis hilang belaka. Hilang pintu, hilang tingkap, hilang cermin, hilang lektrik apa ni lampu dan sebagainya.

Jadi itu sajalah oleh kerana saya baru dapat *title* yang dikatakan pencuri masa orang. Jadi saya niat tak nak curi masa orang pun. Tercuri sikit minta maaf. Jadi dengan itu



Pulau Manis mohon menyokong. Sekian, wabillah hitaufik walhidayah wassalamualaikum WBT.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Terima kasih YB Pulau Manis. Kita ada 3 orang Ahli Yang Berhormat yang akan berucap saya nak cuba tempohkan Persidangan kita pada pukul 4.40 lebih kurang. Jadi ada masa untuk 3 orang lagi Ahli Yang Berhormat. Saya jemput Ahli Berhormat Jengka, selepas ni Yang Berhormat Ibam dan akhirnya Yang Berhormat Pelangai. Terima kasih. Sila.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Alhamdulillah (bacaan Al-Quran). Terima kasih Dato' Sri Yang di Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut sama membahaskan Belanjawan 2023 yang bertemakan, 'Negeri Stabil, Rakyat Sejahtera'. Insya-Allah, satu tema yang sangat baik yang perlu disokong oleh semua, insya-Allah ya. Saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta pasukannya yang telah berusaha keras menyiapkan belanjawan ini dengan baik dan dibentang dengan baik.

Secara umumnya saya merasakan bahawa belanjawan kali ini adalah belanjawan yang baik untuk negeri dan rakyat. Kerana ia menggariskan kerangka pembangunan negeri dan mencakupi seluruh aspek kebajikan rakyat, yang tu yang kita dengar dan kita baca bersama ya.

Dato' Sri Yang di-pertua,

Saya ulang sekali lagi yang Pulau Manis sebut tadi macam dia ambil yang saya punya je. Belanjawan ini menyatakan ada empat kejayaan yang dicapai cuma lain sikitlah saya bahas lain sikit.

Yang pertama peningkatan hasil. Jadi sepanjang Barisan Nasional memerintah negeri Pahang sehinggalah zaman Dato' Sri Wan Rosdy, Yang Amat Berhormat kita maka inilah kali pertama RM1 bilion lebih hasil itu kerana beberapa faktor yang kita fahami bersama. Mungkin dulu ada faktornya, sekarang ada faktornya. Dulu dengan kejayaan dulu, sekarang dengan kejayaan sekarang. Dia berbeza.

Jadinya itu sehingga 6 Oktober kita harap insya-Allah sehingga tutup fail 12 Disember... pada bulan Disember ni mungkin melebihi lagilah. Jadi kita syukur kita Pahang Allah anugerahkan tanah yang sangat luas yang barang kali lepas ni Allah bagi lagi idea untuk kita fikirkan bagaimana untuk mendatangkan pendapatan yang lebih daripada RM1 bilion. Sikit-sikit mungkin RM2 bilion ke, Wallahualam. Itu dengan kerja keras kita bersama, insya-Allah.

Yang kedua, dilihat di situ berjaya menarik pelaburan RM20.56 bilion. Saya kira ini satu pencapaian yang baik kepada negeri Pahang. Walaupun kalau kita tengok *ranking* berada dalam... kalau tak silap saya nombor 6 selepas daripada Sarawak yang dapat pelaburan RM25 bilion. Lepas tu adalah Kedah, Pulau Pinang, Selangor ini negeri-negeri industri ya tapi Pahang berjaya merapatkan jurang itu sebanyak RM20 bilion banyak tu ya, tahniah ya. Yang ketiga, pengurangan hutang. Walaupun daripada RM3.31 bilion hutang negeri kita dengar pun hai... nak bayar lagu mana ni? Tapi alhamdulillah hasil kerjasama daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.



Dato' Sri Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man sebagai Menteri KASA, macam MN lah ya. Makna ada satu persepakatan akhirnya ada dia panggil dihapus kira sampai RM2.1 bilion dihapus kira dan ada beberapa perkara lagi sehingga menyebabkan hutang sudah menjadi RM952 juta, tahniah ya dan yang keempat, kejayaan yang disenaraikan dalam belanjawan itu ialah kebajikan kepada rakyat. Satu jumlah besar, RM77 juta yang diberikan kepada er... rakyat RM77.95 juta. Kata YB Kuala Sentul yang penting rakyat, tak apalah YB tu tak dapat yang penting rakyat tu dapat, saya ingat boleh juga setuju ya.

Khususnya saya sangat sokong er... peruntukan yang besar diberikan kepada rakyat ini satu usaha yang sangat baik oleh mana-mana Kerajaan Negeri ataupun negara yang melaksanakan perkara ini kerana hari ini kita lihat selepas berlakunya pandemic, ada yang hilang pekerjaan. Ada yang hilang pendapatan, ada yang daripada M40 kembali menjadi B40, B40 menjadi B60. Ini berlaku kadang-kadang semua ni Wakil Rakyat, ada rakyat yang jumpa kita dia kata, "YB saya dah tak ada kerja dah. Dulu kerja di restoran sebagai apa ni pelayan restoran tapi bila berlaku PKP restoran tak boleh buka saya tak boleh kerja, duit tak ada".

Jadi golongan-golongan macam ni sangat ramai dan kita ada pimpinan masyarakat di semua tempat dan mereka melaporkan maka pihak kerajaan memberikan peruntukan. Maka yang untungnya ialah rakyat. Jadi langkah dan dalam er... belanjawan yang dibentangkan baru ini saya lihat ada langkah-langkah persiapan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah bencana.

Peruntukannya RM500,000.00 dan peruntukan RM47 juta untuk menangani pasca banjir di negeri Pahang yang diramalkan betul tak betul itu Allah tapi diramalkan tahun ni nampak besar katanya, wallahualam. Jadi persediaan itu saya kira RM47 juta tu mudah-mudahan cukuplah kecuali berlaku apa yang tak dijangka yang ni bukan kuasa kita tiba-tiba terowong dekat Genting tu runtuh. Nauzubillah... nauzubillah.

Jadi usaha seumpama ini sangat perlu dan Islam memang menitikberatkan berdasarkan hadis Nabi SAW dengan izin, (bacaan ayat Al-Quran), "siapa yang memudahkan urusan orang lain, kepayahan orang lain dia mudahkan Allah mudahkan urusannya di dunia dan di akhirat", insya-Allah. Jadi Kerajaan Negeri jangan bimbanglah kalau keluar peruntukan untuk rakyat tu, insya-Allah saya kira tak dibalas tu, insya-Allah ya.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menyentuh ish... isu air. Ada dah yang sentuh dan sebelum ini sudah sentuh kerana ia adalah isu yang kompleks, yang menuntut perancangan yang rapi, bajet yang besar dan memerlukan tempoh masa. Kadang panjang, kadang lama dan sebagainya dan ia merupakan isu keperluan utama kehidupan rakyat, sebab tu kalau berlaku air... dia ada air sebulan 27 hari, dia tak ada air 3 hari je tapi dia punya hentam YB Lanchang ya fuh... tak sedap nak dengar. Oh... bangun juga. [Ahli Dewan ketawa]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHAKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Sebab sebut nama saya, saya kena bangun. Yang Berhormat Yang di-Pertua, tak apa lepas ni kita minta je YB daripada Jengka maknanya Menteri Air tu... Menteri-menteri Air tu... Timbalan Presiden dia, kalau sekiranya terjadi apa-apa pun sedikit sebanyak ada kesan juga, makna kena doa lebih sikit, insya-Allah.



YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih Lanchang. Saya tahu dah kalau saya sentuh dia memang dia bangun. Saja saya sentuh ni sebab akhir ni tak tahu boleh jumpa ke tak lepas ni. Jadi perlukan masa dia isu yang sangat penting ya. Cuma sebelum saya teruskan *point* saya... saya nak sebut sikit er... tahniah kepada Yang Amat Berhormat yang turun padang. Jelajah di setiap daerah, mesyuarat bersama dengan PAIP, CEO PAIP pun ada sini, mesyuarat dengan PAIP, PAIP Daerah dan sebagainya sehingga dapat mengesan ada sehingga ada 217 projek yang dikenal pasti yang perlu dinaik taraf, di *upgrade* dan sebagainya untuk selesaikan masalah air.

Air ini halus, lembut bukan sebarang lembut, besi pun boleh tembus. Tahniah, cuma saya dalam bab air ni ada 3 perkara saya nak sentuh. Yang pertama dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat baru ni menyebut bahawa dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2021 hingga 2025, 5 tahun. Memerlukan RM2.3 bilion untuk selesaikan isu air di Pahang, besar tu. Persoalannya, apa jaminan kerajaan untuk dapat menyediakan sejumlah besar itu dalam tempoh 2 tahun lebih sikit yang masih berbaki ni? Yang kedua, semenjak PAIP diperbadankan kita tidak pernah dibentangkan laporan audit dalam Dewan, seingat sayalah ya.

Oleh itu, saya mencadangkan laporan audit PAIP dibuat dan dibentangkan dalam Dewan ini. Laporan ini akan menunjukkan keadaan sebenar organisasi PAIP secara menyeluruh termasuklah hala tuju, perancangan strategik dan kewangan PAIP. Yang ketiga, yang ketiga ni ialah isu TNB, api yang ada hubungan dengan air, PAIP.

Khususnya di kawasan Jengka ini saya... kawasan lain mungkin permasalahan dia berbeza tapi kawasan Jengka kekerapan berlakunya gangguan bekalan air, saya dimaklumkan bahawa gangguan itu 60% adalah gangguan daripada bekalan tenaga elektrik 60%, berbanding dengan kebocoran paip, pam rosak dan sebagainya tetapi 60% ialah daripada gangguan bekalan elektrik.

Tapi netizen ni dia kira PAIP je, yang kena hentam tu PAIP, TNB relax je maksudnya, tetapi yang kena hentam memang PAIPlah. CEO mungkin boleh setuju dengan sayalah. Justeru, saya harap supaya pihak TNB dapat memberikan perhatian serius dengan meng*upgrade* sistem bekalan elektrik dan menyediakan *backup*. *Backup* dia memang tinggi, kadang-kadang saya ingat di Batu Sawar saya kongsi dengan DUN Kerbau ni di Batu Sawar ni... di Batu Sawar ni kadang-kadang kalau api tak ada dia tak ada *generator* yang boleh *support* pam tu untuk pam air, sebab dia perlu kepada tenaga elektrik 11,000 *voltan* dia.

Jadi yang tu belum ada TNB maksudnya, dia kena *upgrade* sistem dia. Itu saya punya pandangan untuk supaya bila ada berlaku kerosakan dia ada *backup* dia jadi pam boleh pam. Jadi pengguna dia tak rasalah, dia tak mengamuklah maksudnya, insya-Allah. Er... jadi untuk... untuk pengetahuan Dewan, saya pun dimaklumkan di... di Batu Sawar tu er... kerja-kerja dan er... untuk meng*upgrade*... menaik taraf sistem api itu sedang dilakukan. Mudah-mudahan dapat disiapkan, insya-Allah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebagai akhir, tadi ramai yang akhir dengan pantun ya. Saya akhir dengan ayat Al-Quranlah surah Al-Hujurat ayat 10, dengan izin. Allah kata, (bacaan ayat Al-Quran), "sesungguhnya orang beriman itu bersaudara". Jadi jangan bermusuhan, kalau tergigit sikit tu tak ada arahlah, kita maaflah. (Bacaan ayat Al-Quran), "maka kamu kena damaikan dua saudara kamu yang bertelagah yang berkelahi".



(Bacaan ayat Al-Quran), “dan takutkan Allah, bertakwa kepada Allah”. (Bacaan dalam ayat Al-Quran), “supaya kamu berjaya di dunia dan di akhirat, insya-Allah”. Saya kira sekadar itu ucapan saya terima kasih semua. Semoga berjumpa lagi di sidang akan datang, insya-Allah. Sekian, assalamualaikum WBT.[Ahli Dewan menepuk meja].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Waalaikumussalam WBT. Terima kasih Yang Berhormat Jengka, seterusnya saya jemput Yang Berhormat Bukit Ibam. 12 minit ya.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

(Bacaan dalam Bahasa Arab), assalamualaikum WBT dan selamat petang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Terima kasih kerana mengizinkan saya sama-sama membahaskan Belanjawan Negeri Pahang bagi tahun 2023 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Jumaat, 7 Oktober 2022 yang lalu. Bukit Ibam ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan di atas kejayaan mencapai peningkatan hasil berjumlah RM1.27 bilion yang daripada target RM1.036 bilion yang merupakan salah satu sejarah bagi negeri ini.

Saya percaya ini semua merupakan hasil kerja keras serta idea dan ikhtiar dari pasukan dan semua agensi dalam kerajaan bagi memastikan ianya menjadi satu kenyataan dan ini juga, saya yakin dan percaya kerana adanya kestabilan pentadbiran bagi negeri ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Untuk itu, Bukit Ibam suka menyentuh beberapa perkara dalam Bajet 2023 ini yang kiranya mampu memberi Impak besar dalam usaha kita untuk membantu rakyat.

Pertamanya, bajet RM318.83 juta yang telah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Pembangunan dan RM143.53 juta bagi melaksanakan projek infrastruktur adalah amat penting kerana ia bakal melibatkan terutama jalan-jalan raya yang merupakan asas dalam menghubungkan aktiviti perdagangan dalam negeri ini. Atas dasar ini Bukit Ibam juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana jajaran daripada er... timur iaitu yang melibatkan Keratong er... daripada er... daripada apa ni simpang er... tu di Kuantan hinggalah kepada di Segamat dan harapan dengan peruntukan sebanyak ini ia... insya-Allah di masa akan datang dapat disambung terus kepada Jalan Keratong - Bahau kerana jalan-jalan ini bukan lagi merupakan satu jalan alternatif tetapi merupakan juga satu jalan utama terutamanya apabila melibatkan pada hari-hari perayaan dan juga ketika musim-musim banjir, antara laluan utama bagi Pantai Barat ke negeri-negeri Pantai Timur.

Seterusnya saya... dengan peruntukan sebanyak RM175.30 juta bersamaan RM54.98 dari pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi membayar membiayai projek bekalan air, Bukit Ibam percaya dengan peruntukan sebanyak ini masalah air ini, mampu diselesaikan dengan usaha dan ikhtiar jentera-jentera daripada PAIP. Untuk itu, Bukit Ibam ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri kerana telah merealisasikan harapan dan keselesaan, kesejahteraan bagi... untuk mendapatkan bekalan air bersih bagi penduduk-penduduk di Kampung Teladan, Kampung Baru Bukit Ibam dan Kampung Aur Seberang di DUN Bukit Ibam.



Terima kasih *team* PAIP yang selama ini sebenarnya telah bekerja walaupun apa jua andaian dan pandangan rakyat. Sebenarnya *team* PAIP bagi daerah Rompin telah bekerja dengan begitu hebat sekali untuk memastikan keselesaan rakyat di negeri... di DUN Bukit Ibam khususnya berjalan dalam keadaan yang sempurna. Mereka bekerja setiap malam... hingga ke malam apabila berlaku masalah di... masalah air di DUN Bukit Ibam. Tahniah saya ucapkan kepada *team* air daerah Muadzam Shah Bukit Ibam yang diketuai oleh Encik Faizal dan juga Puan Halimatul.

Bukit Ibam juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tak terhingga kerana dengan peruntukan RM1.3 juta kepada JPKK dan kenaikan daripada RM750.00 kepada RM1,000.00 kepada pengerusi JPKK memperlihatkan betapa kerajaan Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu prihatin kerana bukanlah semua Pengerusi-pengerusi JPKK ini mempunyai pendapatan yang tetap, dan alhamdulillah sekali lagi, Bukit Ibam ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana meluluskan permohonan 5 JPKK baru untuk DUN Bukit Ibam iaitu Perwira Jaya, Bandar Melati, Taman Keratong Indah, Taman Keratong Permai dan Kota Bahagia. Mudah-mudahan dengan adanya pertambahan JPKK yang baru ini, dan diterajui oleh orang-orang muda ianya mampu memantapkan lagi dan melancarkan urus tadbir Kerajaan Negeri di peringkat bawahan.

Rumah Rakyat Pahang, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dengan peruntukan RM12.3 juta DUN Bukit Ibam telah er... menerima er... peruntukan bagi rumah RRP ini, dan ini ingin merakamkan ucapan terima kasih dan menyampaikan ucapan terima kasih kepada penerima-penerima rumah RRP daripada DUN Bukit Ibam kepada Kerajaan Negeri Pahang. Untuk itu sekali lagi saya ingin... Bukit Ibam ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah berusaha untuk menyelesaikan rumah-rumah generasi kedua yang terbengkalai di FELDA-FELDA berjumlah 1,850 unit dengan peruntukan RM125,000.00 sebuah dan ini akan melegakan generasi-generasi kedua termasuklah generasi kedua FELDA Keratong 7 DUN Bukit Ibam.

Dengan peruntukan ini saya yakin dan percaya yang telah di maklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Bukit Ibam ingin merakamkan ucapan terima kasih juga kerana telah menyediakan 4 buah Klinik Bersalin di DUN Tioman... di DUN Tioman dan Bukit Ibam juga, Merapoh... di Bukit Ibam dengan kos RM8.8 juta, Bukit Ibam merakamkan ucapan terima kasih kerana ia termasuklah Selancar 1, kerana kita harap dengan adanya Klinik Bersalin di Selancar 1 ini tidak lagilah perlu penduduk-penduduknya pergi ke Segamat kecuali melibatkan masalah-masalah kesihatan ibu yang kritikal.

Bagi memperkasakan wanita, alhamdulillah Bukit Ibam juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan tentunya kepada Kuala Sentul kerana telah memberi idea untuk program-program melalui MPWP. Dalam memperkasakan wanita, Program Anggun Niaga yang diperuntukkan RM750,000.00 bagi 200 penerima ibu tunggal dengan cadangan bermodal iaitu RM1,000.00 seorang, jadi saya mengharapkan baik... mudah-mudahan di masa akan datang er... insya-Allah akan lebih ramai lagi dapat diberikan er... modal untuk perniagaan ini.

Begitu juga dengan Program Anggun Usaha, bagi pengembangan keusahaan er... Keusahawan Wanita dengan peruntukan RM1 juta yang diberikan kepada daerah Kuantan, Maran, Temerloh dan Lipis itu er... Bukit Ibam mencadangkan agar di masa akan datang, dapat diperluaskan ke daerah-daerah lain kerana hari ini di mana-mana



saja daerah, wanita juga merupakan er... tonggak ekonomi... kepada ekonomi keluarga dan mereka ini begitu ramai menjalankan perniagaan. Dengan pelbagai insentif, Bukit Ibam yakin Kerajaan Negeri Pahang benar-benar telah membuktikan bahawa ia adalah kerajaan yang prihatin.

Dalam memperkasakan pembangunan sukan, saya juga er... Bukit Ibam juga ingin mengucapkan terima kasih kerana telah memperuntukkan sejumlah RM110 juta bagi tujuan menaik taraf Kompleks Rakan Muda, er... termasuklah Kompleks Rakan Muda dan Sukan Air di Rompin. Dan untuk itu juga, dengan peruntukan RM500,000.00 untuk membina dan menaik taraf kemudahan sukan termasuklah cadangan membina litar er... lumba.

Dengan ini, Bukit Ibam ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memperuntukkan, telah menyalurkan sumbangan sebanyak RM50,000.00 untuk er... pembinaan litar penaiktarafkan litar er... *motocross* di Bandar Tun Abdul Razak, Keratong dan ianya adalah daripada usaha daripada er... peserta-peserta dan juga daripada er... Fattah Motorsport. Litar ini telah di... diakui oleh peserta-peserta er... sebagai antara litar yang terbaik er... litar *motocross* yang terbaik di er... di Malaysia.

Dan kejohanan er... sejak 2018 telah menganjurkan Kejohanan *Motocross* peringkat... bukan sahaja bagi negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak, malah melibatkan peserta-peserta dari negara jiran seperti Singapura, Thailand, Filipina dan Indonesia yang sebenarnya mampu menjana ekonomi belia serta penduduk setempat melalui *homestay-homestay* yang telah di er... tempah. Dan juga untuk itu insya-Allah, pada 12 dan 13 November 2022 ini, satu Kejohanan Antarabangsa *Motorcross* akan diadakan di litar *motocross*, Bandar Tun Abdul Razak, Keratong. Untuk itu, sidang Dewan semua, er... dijemput untuk bersama-sama dalam program... kejohanan ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Ibam juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kerana dalam bajet 2023, Yang Amat Berhormat telah mengumumkan bahawa bantuan sebanyak RM200.00 kepada *food rider*, yang akan disalurkan kepada 5,000 penerima dengan peruntukan RM1 juta. Saya... Bukit Ibam yakin, ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban ekonomi yang dihadapi oleh mereka yang terutamanya di kalangan-kalangan belia-belia.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga yakin dan percaya, pembangunan-pembangunan yang melibatkan kelestarian hutan dan juga er... kawasan-kawasan riadah, perlu kita ambilkan perhatian, terutamanya tentang er... keperluan-keperluan asas bagi kawasan-kawasan tersebut dan saya percaya, ini tentunya dalam perhatian Lanchang, insya-Allah di masa akan datang, ia akan mendapat er... tumpuan terutama di tempat-tempat yang baru.

Begitu juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat kerana er... dalam usaha untuk memastikan kesejahteraan rakyat, tidak melupakan juga mereka yang berada di FELDA-FELDA. Walaupun hari ini, kita anggap mungkin sebahagiannya telah menerima er... kata orang 'durian runtuh' hasil daripada harga buah yang begitu tinggi. Tetapi ada satu perkara yang perlu kita ingat, yang Bukit Ibam minta perhatian semua, iaitu mohon supaya peneroka-peneroka FELDA ini, bagi menjamin kedudukan dan masa depan mereka,



Bukit Ibam mencadangkan agar peneroka-peneroka ini diberikan hak milik kekal, bagi ladang-ladang dan kediamannya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat...

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Untuk...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, masa dah cukup Yang Berhormat. Pendek, ringkas sahaja.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Mohon sikit lagi, er... untuk itu, er... Bukit Ibam sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih er... dan tidak terhingga kerana ada pertanian akino, er... Syarikat Akino, untuk kerjasama ini dan mohon, supaya er... Kerajaan Negeri melihat semula bagaimanakah impak kepada er... rakyat setempat. Dan untuk kesempatan ini, sebelum Bukit Ibam mengundur diri, Bukit Ibam ingin merakamkan ucapan terima kasih dan mohon kemaafan selama ini, kerana sekiranya ada kelemahan-kelemahan daripada er... yang telah er... Bukit Ibam lakukan dalam tempoh bersama kita.

Sesungguhnya segala peringatan dan er... teguran dan permohonan adalah semata-mata dengan er... keyakinan supaya Kerajaan Negeri terus berada di landasan yang betul. Sekiranya Pulau Manis mengatakan ini adalah nasihat, tetapi Bukit Ibam beranggapan, ia adalah sebagaimana yang telah di er... sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Asr, (bacaan ayat al-Quran), "sesungguhnya demi masa, sesungguhnya manusia itu sentiasa berada di dalam kerugian, melainkan mereka-mereka yang beriman dan beramal soleh, yang berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran". Untuk itu, Bukit Ibam juga er... ingin berpantun.

*Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.*

Maka, dengan lafaz alhamdulillah ala kulli ahal, Bukit Ibam menyokong. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Ibam. Seterusnya, yang terakhir, pada petang ini, saya dengan sukacitanya menjemput Yang Berhormat Pelangai, silakan.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya bercakap pada hari ini.



Kita semua sedia maklum, Dewan Negeri Pahang akan dibubarkan, dalam sedikit masa lagi. Dan saya menganggap ini ucapan terakhir dalam Dewan, untuk saya buat, sebelum saya bersara sepenuhnya. Setelah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri selama 36 tahun, 2 bulan dan sehingga ke hari ini, 7 hari [Ahli Dewan menepuk meja]. Selama 8 penggal dan selaku orang tua kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Menteri Besar, 19 tahun.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk pertama kalinya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Sri Ishak Muhamad, yang telah menjadi *speaker* Dewan sejak tahun 2013, 9 tahun yang lalu. Saya telah amati dan saya dapati beliau penuh kelayakan dan pengalaman dan er... telah dapat memperlihatkan sikap seorang Speaker yang sebenarnya. Seorang Speaker sebenarnya mestilah kita katakan *non-participant*. Walaupun dia dari sesebuah parti tertentu tetapi apabila berkhidmat atau menjalankan tugas sebagai Speaker, dia tidak boleh berat sebelah.

Dia kalau saya gunakan Bahasa Inggeris, "*the Speaker must act fairly and judiciously*". Maknanya mesti bertindak dengan adil dan saksama dan ini Dato' Sri Ishak telah dapat tunjukkan dengan baik dan saya sangat kagum dan kita telah melihat banyak Speaker jugak tapi saya ingat Dato' Sri Ishak ini dalam kelas yang tersendiri, istimewanya dan beliau menguasai peraturan dan aturan dan kadang-kadang ada falsafahnya... falsafahnya pun tinggi, kata-kata hikmat dan sebagainya.

Saya telah menyanjung tinggi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan iaitu Speaker Dewan, Dato' Sri Ishak Muhamad tak patut kalau saya tidak menyebut sedikit sebanyak pulak tentang Timbalan Speaker yang sekarang ini sudah menjadi Tuan Yang di-Pertua dan mempengerusikan sidang Dewan kita ni.

Dato' Sri seorang yang penyabar, *temperament* bagus. Kemudian itu tidak kedekut, selalu merasa buah-buahan dihantar ke rumah tapi ni lama dah tak merasa dah [Ahli Dewan ketawa] dan seorang ahli golf yang handal dan lebih daripada itu selalu sentiasa tersenyum dan berserah segala-galanya kepada Allah SWT. Itu yang cantik. Walau apapun yang berlaku...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

5 Penggal Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

5 ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pelangai sebagai Menteri Besar bagi saya bertanding ya.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Ya... Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Memang terima kasih banyaklah. Terhutang budi tu.



YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

5 Penggal ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. 5 Penggal.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yalah sebab orang yang memilih tu 8 Penggal, ini yang kena pilih tu kenalah 5 je. Kalau milih... orang memilih kurang daripada kena pilih tu, beratlah sikit Tuan Yang di-Pertua, kan? Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan saya sangat menghargai dan saya perhatikan sangat membantu er... Speaker Dewan Undangan Negeri kita. Saya ucapkan tahniah sekali lagi [Ahli Dewan menepuk meja] dan jasa Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Timbalan Speaker semasa mempengerusikan sidang akan dikenang oleh ramai Ahli-ahli Dewan kita, insya-Allah.

Kepada Setiausaha Kerajaan, saya juga ingin mengucapkan penghargaan yang tinggi kerana dengan kecekapan pengurusan pentadbiran negeri yang diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dan ini telah dapat diperlihatkan oleh Pegawai-pegawai Daerah, Ketua-ketua Jabatan Daerah dan Persekutuan termasuklah Yang Di-Pertua Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah termasuk juga guru-guru, polis, tentera kesemua mereka telah menjalankan tugas mereka dan menyebabkan negeri Pahang dapat ditadbirkan... diuruskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan licin sekali. Kepada mereka saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan. [Ahli Dewan Menepuk meja]

Saya tidak lupa kepada Pegawai Kewangan Negeri dari dahulu sampai sekarang lebih-lebih lagi yang sekarang kerana semasa saya membentangkan Bajet 2018 dahulu kita berjaya mengutip RM647 bilion... RM647 juta. Tapi pada hari ini Pejabat Pegawai Kewangan Negeri telah berjaya mengutip RM1 bilion 38 juta, RM400 juta lebih. Ni satu angka yang sangat membanggakan dan ini adalah juga hasil kerjasama pegawai-pegawai di bawah Pegawai Kewangan Negeri yang membantu Menteri Besar.

Saya percaya Ahli-ahli Dewan tertanya-tanya disebut Speaker, Timbalan Speaker, Setiausaha Kerajaan, kemudian itu Pegawai Kewangan Negeri, saya tidak lupa juga kepada Penasihat Undang-undang Negeri. Saya bernasib baik dapat berkenalan dengan beliau walaupun penghujung perkhidmatan saya sebagai Wakil Rakyat. Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri ini adalah seorang yang sangat-sangat berpengalaman dalam bidang undang-undang. Semasa menjawat jawatan, menjalankan tugas sebagai *Deputy Public Prosecutor* ataupun Timbalan Pendakwa Raya (DPP), beliau telah mengendalikan banyak kes-kes *high profile* dan dalam kes-kes ini beliau telah berjaya membuktikan bahawa tertuduh dalam kes-kes ini telah melakukan kesalahan dan kesemua tertuduh telah mendapat balasan yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Kes Sosilawati contohnya, kes Mona Fandey contohnya, kes Kevin Morais contohnya. Semua dikendalikan oleh Yang Berhormat Pegawai Undang-undang kita sekarang ini, Dato' Saiful Edris semasa beliau menjawat jawatan DPP, sekarang ini memegang jawatan sebagai Penasihat Undang-undang Negeri. Beliau sebagai Penasihat Undang-undang Negeri bertanggungjawab merangka Undang-Undang, Rang



Undang-Undang untuk dijadikan enakmen dan menasihati kerajaan dalam banyak hal.

Last but not least Tuan Yang di-Pertua, bila kita mengatakan *last but not least* maknanya dia sebut akhir tapi yang paling penting supaya orang tak lupa. Biasanya bila kita sebut akhir ni orang tak lupa kalau sebut awal tadi orang dah lupa, *last but not least* yang terakhir tetapi terpenting saya ingin memberikan penghargaan kepada tidak lain tidak bukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja].

Kalau orang lain memberi penghargaan mungkin membodek sebab pilihan raya akan tiba, untuk jadi calon sebagainya. Tapi saya nak bodek apa? Saya telah menyatakan bahawa saya akan pencen, bersara, seterusnya. Tapi alhamdulillah bukan untuk mendabik dada, baru-baru ni saya lulus LLB di Universiti Islam Antarabangsa dan keputusan pun keputusan orang tualah, CGPanya 3.62 maknanya [Ahli dewan menepuk meja] masuk *dean list*. Kalau... kalau dulunya dikira sebagai *First Class* tapi itu tak pentinglah yang penting nak mengatakan lepas ini saya buat *Chambering*, insya-Allah dan mungkin praktis atau mungkin jadi konsultan tapi siapa-siapa nak menyaman orang lain nak menyaman sesiapa datang jumpa saya, saya bagi *free, pro bono*, tak payah bayar, insya-Allah.

Saya ingin menyatakan bahawa negeri Pahang bernasib baik mendapat hamba Allah bernama Wan Rosdy Wan Ismail. Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail, anak Lipis untuk menjadi Menteri Besar. Nyata sekali selain pengalaman, kelayakan Dato' Sri Menteri Besar ni seorang yang mempunyai *temperament* yang baik. *Temperament* ni maknanya tidak emosi, tidak marah, tidak mudah *excited* semacam sesetengah orang, kan sesetengah orang tu dia kalau dia *excited* je dia melompat, dia terbaring-barang terguling-guling, tengok keadaanlah dia tengah apa, contohnya. Oh... ya main golf ada yang berguling ya. Oh... tak tahu pulak saya macam tu. [ketawa]

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi *Emotional Quotient (EQ)*, saya bagi tahap tertinggi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar [Ahli Dewan menepuk meja]. *Emotional Quotient* ni bermakna boleh mengawal emosi dan mengatasi masalah dan juga cabaran secara positif. Dia berbeza sedikit dengan *Intelligence Quotient*. Ini satu sukatan kebolehan kita untuk *reason out* dan juga menyelesaikan masalah. Bagi Menteri Besar ini, yang ada ni Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail saya bagi kedua-duanya (*IQ*) *Intelligent Quotient* dan juga *Emotional Quotient (EQ)*, tahap cemerlang. [Ahli Dewan Menepuk meja]

Bukan senang nak cari. Beliau prihatin pada rakyat dan yang penting saya perhatikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Sri Wan Rosdy seorang yang kreatif dan inovatif. Saya ingin menyatakan di sini semua kepimpinan dahulu telah melaksanakan kepimpinan yang baik, cemerlang. Saya beri contoh sesuai dengan keadaan pada masa itu. Zaman Allahyarham Dato' Wan Aziz, Tan Sri Yahya, Dato' Sri Aziz Ahmad, Dato' Sri Mohamad Jusoh, Dato' Rahim Bakar, Tan Sri Rashid, Dato' Sri Najib, Tun Khalil, Adnan Yaakob. Boleh dikatakan kesemua perkara yang dilakukan adalah untuk rakyat.

Contoh, PKNP, LKPP, diasaskan pada zaman Allahyarham Tan Sri Yahya tapi ni saya berdasarkan pada ingatan tak buat *research* beria sangatlah sebabnya ucapan terakhir dan Yayasan Pahang diasaskan oleh Dato' Sri Najib Tun Razak, 1981. Kita yang terkemudian ini untuk menambah baik.



Dan apa yang saya lihat dari segi pencapaian Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Seri Wan Rosdy, dengan kreativiti dan inovatifnya itu maka kita dapat lihat sebagai contoh usaha-usaha untuk menambahkan hasil... hasil negeri dan er... daripada hasil negeri ini kita dapat lihat banyak strategi dan inisiatif yang dapat dijalankan seperti yang telah disebutkan dalam ucapan belanjawan beliau. Tak ada satu sektor pun, tak ada satu kelompok pun yang tertinggal. Saya tak payahlah bacakan satu persatu pula, satu bajet... buku bajet tu dibacakan tapi makna semua telah dilakukan dengan baik dan saya berharap insya-Allah, Dato' Sri akan terus mempamerkan kreativiti dan inovatif ni sebab ianya adalah sangat berfaedah, bermanfaat untuk rakyat dan negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan yang Di-Pertua,

Saya berdoa mudah-mudahan Allah SWT anugerahkan kesihatan yang baik kepada Dato' Sri Menteri Besar agar terus memimpin kita, insya-Allah dan [berdehem], minta maaf. Sebak dalam hati orang yang menengok kita bercakap sedih ni dia kang kata nak menangis janganlah bercakap, orang yang menengok kita sedih ni, dalam hati dia nak menangisnya janganlah bercakap, menangis tu duduklah di rumah, kan? Cakap dalam Dewan pula tapi saya berasa sedih, saya berdoa kehadiran Allah mudah-mudahan Dato' Sri akan sentiasa sihat, dilindungi Allah selalu untuk terus memimpin kita.

Bagi saya apa pula? Ada orang bertanya, apakah sumbangan Dato' Sri Diraja Tan Sri Dr. Adnan Yaakob? Saya khabar kat dia orang Dr tak payah pakailah sebab kalau Dr, pakai kepada saya... saya cucuk orang... orang boleh mati. Jadi *Honorary Doctorate* tak payah pakai. Jadi Long Nan, Tok Nan pun cukup. Saya kata kat dia orang, tak payah kenang jasa saya. Saya mati tanam je dulu. Kalau tak nak tanam tinggal di rumah, biar dia berulat, itu aja saya beri tahu orang.

Dato' Sri, bagaimana Dato' Sri nak dikenang? Tak payah. Tak payah kenang-kenang. Saya cuba dah buat yang terbaik, mati esok hantarlai ke kubur. Tapi ada kengkawan beri tahu, "eh, Yayasan Pahang, Maahad Tahfiz, ada nampaknya?"

Saya pun teringat sikit. Semasa saya menjadi Ahli EXCO, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sekarang pada masa itu Pemangku Raja dan juga Tengku Mahkota berkenan saya menjadi pengerusi sejak tahun 1990 sampai saya pencen... pencen jadi MB, Pengerusi Maahad Tahfiz dapatlah wujud ke Maahad Tahfiz. Semasa menjadi Menteri Besar... mula-mula jadi Menteri Besar, Yayasan Pahang ni, balak... balak... balak... balak, sampai bila akan habis? Tengok pula estet, masa tu Sumber Perindu sekarang ni (YPPH) Yayasan Pahang Plantation Holding, 1,000 ekar. Saya kata tak boleh jadi.

Jadi kita tambahkan sekarang ini adalah 75,000 ke 80,000 ekar. Walaupun target saya pada masa itu untuk menjadikan estetnya 120,000 tak tercapai lagi tapi untuk makluman buat masa ini YPPH menyumbang RM150 juta kepada Yayasan Pahang untuk bayar biasiswa anak-anak yang makan belanja sebanyak RM70 juta [Ahli Dewan menepuk meja]. Harap duit balak sekarang ni duit balak dapat ke Yayasan Pahang tak lebih RM20 juta tak banyak, tak ada dah, tak macam dulu. Nasib baik, alhamdulillah. Itulah yang dapat ditengok sikit sebanyak, Maahad Tahfiz.

Kemudian tu Kebawah Duli Tuanku menitahkan negeri Pahang ni tak pernah menang Tilawah Quran. Berbincang pula dengan guru... guru Quran di Kota Bharu tu Ustaz... Ustaz Nik Jaafar sehingga Dato' Faizul dapat memenangi Tilawah Quran



antarabangsa dan juga kebangsaan masa tu dan saya beritahu Dato' Faizul menang sekali cukup, jangan bertanding lagi takut kalah. Jadi memang rekod tak pernah kalah, bertanding sekali. Jadi sebagai akhirnya nak mengatakan inilah nasihat saya lebih kurang, minta maaf ya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Yang terhormat anu ni... Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sebelum saya terlupa, dalam Bahasa Inggeris dengan izin, *i owe the member from Lanchang an apology*. Saya kena minta maaf dengan Ahli daripada Lanchang. Semasa hari pertama dulu, saya bertanyakan tentang beberapa soalan berkaitan dengan perlombongan dan juga Menteri Besar baru Menteri Besar lama, pada masa itu. Saya ingin bertanya supaya jawapannya lombong ni dimulakan sejak tahun 65, itu maksudnya tapi jawapan tu tak keluar dan saya telah terkasar dengan Ahli daripada Lanchang, saya dengan ini minta ampun maaf dengan Ahli Lanchang atas kekasaran saya tu. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, *don't worry. Everything okay.*

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Kalau setakat "*don't worry, everything okay*", buat apa? [Ahli Dewan ketawa] Belanjalah makan ke minum ke, tahanlah sikit.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Insya-Allah, saya terima dengan baik dan er... insya-Allah nanti dalam apa namanya penggulungan saya akan jawab.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sekali lagi marilah kita bersama-sama menyokong Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail untuk terus mentadbir menguruskan negeri Pahang, insya-Allah [Ahli Dewan menepuk meja]. Kita akan menghadapi pilihan raya, nasihat saya ialah ada di antara kita akan dipilih sebagai calon, ada yang tidak akan dipilih sebagai calon sama ada barisan Kerajaan Barisan Nasional ataupun Pakatan Harapan tapi ada juga yang dipilih jadi calon akan menang. Ada juga yang akan dipilih jadi calon akan kalah.

Maknanya kita semua berserah kepada Allah SWT. Kalau kita jadi calon menang, menanglah kita, kalau kita tak dipilih jadi calon, itu yang terbaik. Mungkin kalau jadi calon, memegang kuasa, salah guna kuasa mungkin ke dalam. Minta maaf cakaplah teringat siapa yang pernah er... memikir. Seseorang itu bila masuk ke penjara contoh. Kalau kita tahulah kalau dia tahu dia tak... dia akan masuk ke penjara satu masa, dia tak nak jawatan yang dia terima, kita tak nampak.

Itulah sebabnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sedikit nasihat saya ni. Nombor satu sekali, jalankan tugas dengan jujur dan ikhlas. Kalau boleh tolong... tolong. Kalau boleh bantu... bantu, tak dapat tolong cakap terus terang tak dapat tolong, saya pernah menolong seorang. Anak dia berkhidmat sebagai guru di



Sarawak. Minta tukar balik ke Bentong. Enam kali minta tolong ni orang, dari Sarawak tukar ke Kedah, dari Kedah tukar ke Pahang, dari Kuantan... di Kuantan tukar ke Bentong, di Bentong dia minta tukar pula dihantar ke Karak, daripada Karak minta uta... tukar pula ke Benus, Karak – Benus tu 20 minit.

Saya kata kat dia, "beginilah abang, awak balik awak bina sekolah sendiri, awak hantar anak awak mengajar depan rumah." "Ha... ya... ya Dato". Itu contohlah, mana boleh tolong... tolong, tak boleh tolong tak apa dan jangan menghalang, jangan membantut, jangan menyusahkan orang. Jangan salah guna kuasa, jangan rasuah. Kemudian itu berlapang dada, bersabar penuh ikhlas, rela menghadapi setiap ujian, kesulitan dan ingatlah... perkara yang berlaku dalam kehidupan kita biasanya adalah perkara-perkara yang tidak disangka-sangka.

Things that happen in your life with your respect, dengan ini izin Yang di-Pertua, *things that happen in your life are things that you never perceive* iaitu perkara yang berlaku dalam kehidupan kita ini perkara yang kita tak pernah sangka, er... fikirkanlah, bagilah contoh-contoh lain kehidupan ha... yang kita tengok sekarang ini. Hari semalam, minggu lepas ke semua benda tetap berlaku dan orang yang menipu kita ialah orang yang paling rapat dengan kita. Menipu anak... ayah, menipu ayah... mak, menipu suami... isteri, menipu isteri... suami. Jangan terkejut, kawan baik kita, tak bayar hutang... kawan baik kita. Saya dah mengambil masa lebih kurang 20 minit ya, Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa, boleh lagi satu... dua minit lagi. Sebab bukan apa nak menghabiskan, saya difahamkan pukul 5.00 ini ada Mesyuarat EXCO.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Ya, saya bukan apa ni, nak menyebut satu aje lagi. Umur saya 72, dalam Dewan ini saya yang paling tua... paling tua sekali. Sekali lagilah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Saya berasa sangat gembira dan berasa sangat puas hati. Dengan izin, *i have no complaint being YB for the past 36... 36 years. I've done my part, i've done my best, i've tried to help as many people as possible, then everything else is up to God to judge, is not for me...* bukan saya... bukan. Ini Allah Taala yang akan menentukan.

Sekali lagilah, kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail, patut tak sebut nama tapi ini ucapan terakhir menyebutkan, ucapan terakhir dalam Dewan, luar kang bercakap lagi, insya-Allah [Ahli Dewan ketawa]. Maknanya penghargaan setinggi-tingginya Dato' Sri teruskanlah khidmat yang begitu cemerlang *and i really appreciate that you have the ability to innovate, to create new things.*

Maknanya, perkara-perkara yang sedia ada itu boleh ditambahbaikkkan dan Dato' Sri Wan Rosdy ada kelebihannya itu, nampak perkara bincang dan dengan dibantu oleh Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Daerah, Yang Dipertua-Yang Dipertua maka dapat dijalankan pentadbiran yang baik dan saya percaya insya-Allah... insya-Allah Dato' Sri Wan Rosdy akan dapat mengemudikan Barisan Nasional pilihan raya ini. Minta maaf lah ya Pakatan Harapan dan insya-Allah akan terus dapat membentuk Kerajaan Negeri Pahang, insya-Allah [Ahli Dewan menepuk meja]. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Dato' Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menghargai, terima kasih.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Pelangai.

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat terharu mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Pelangai. Dengan ini saya mewakili Pakatan Harapan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pelangai atas sumbangan yang diberikan kepada negeri Pahang dan juga tunjuk ajar yang diberikan kepada kita anak-anak muda dan orang baru di Dewan ini, terima kasih Yang Berhormat Pelangai. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Terima kasih... terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, saya sebenarnya tadi bagi tahu supaya Yang Berhormat Dato' Ishak masuk menggantikan saya sebab saya kira pujian-pujian itu dia tak ada di atas ini. Jadi saya rasa tak wajar tapi kerana beliau ada urusan sikit di luar sana, apa pun bagi pihak saya dan Yang Berhormat Speaker merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat... bekas Yang Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Pelangai kerana selama ini beliau banyak jasa bakti kepada Kerajaan Negeri Pahang. Dan saya juga melihat... bersama-sama dengan beliau sejak 5 penggal dahulu, bahawa beliau adalah seorang yang agak hebat... hebat.

Saya kira sangat hebatlah dari segi tangkasnya beliau di dalam Dewan ya, apa ni melawan hujah-hujah daripada pihak-pihak pembangkang. Saya ucap tahniah sekali lagi, syabas kepada Yang Berhormat Pelangai, tulus ikhlas di dalam Dewan ini memberikan apa ni... kata-kata nasihat terutama sekali kepada kami Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Jadi bagi saya, inilah satu yang boleh kita contohi sebagai pembesar negeri kita yang pada hari ini beliau menyatakan bahawa beliau tidak lagi ada bersama-sama dengan kita. Apa pun sekali lagilah ucap setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Pelangai, bekas Menteri Besar pada hari ini yang dapat bersama-sama kita berbahas bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih banyak-banyak.

Saya... sebelum saya menempohkan persidangan kita pada petang ini, saya mohon untuk kita sedekahkan Al-Fatihah kepada bekas Yang Berhormat, Dato' Bazain yang telah kembali ke rahmatullah pada hari ini, Al-Fatihah (bacaan ayat Al-Quran).

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempohkan perbahasan kita pada petang ini. Insya-Allah pada hari esok, Ahli-ahli bagi pihak kerajaan akan memberikan jawapan-jawapan pada hari esok jam 9.30 pagi. Persidangan ditempohkan. Assalamualaikum WBT.

[Persidangan ditempohkan pada jam 4.54 petang]

**MESYUARAT KE-3
PENGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14**

HARI KE-3

**12 OKTOBER 2022
(RABU)**



KANDUNGAN

TARIKH: 12 OKTOBER 2022 (RABU)

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2023) 2022	19
5	SAMBUNGAN MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2023) 2022	49





**MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.**

Tarikh : 12 Oktober 2022 (Rabu)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
EXCO Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
EXCO Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan



Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. EXCO Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan	- Tioman
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. EXCO Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli	- Batu Talam
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. EXCO Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia	- Bebar
Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna	- Pulau Tawar
Yang Berhormat Dato' Abd Rahim bin Muda, DSAP., AMP., PKC. EXCO Kerajaan Tempatan dan Perumahan	- Lepar
Yang Berhormat Dato' Sri DiRaja Tan Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., PSM., DSAP., DGSM.	- Pelangai
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	- Dong
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	- Inderapura
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. (Timbalan Yang di-Pertua Dewan)	- Jenderak
Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.	- Sungai Leming
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP	- Pulau Manis
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	- Padang Tengku
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	- Peramu Jaya
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	- Kuala Semantan
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	- Bukit Ibam



Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	- Muadzam Shah
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	- Cheka
Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	- Chini
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	- Luit
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badaruddin	- Tahan
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	- Chenor
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	- Jengka
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	- Damak
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	- Tras
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	- Sabai
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	- Bilut
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	- Triang
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	- Semambu
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	- Teruntum
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	- Tanah Rata
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	- Mentakab
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	- Ketari

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II
PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:**

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.



TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman,
DIMP., SMP.

- **Kemayan**

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar

- **Tanjung
Lumpur**

Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu

- **Beserah**

Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya

- **Panching**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff @ Ahmat





SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Rabu, 12 Oktober 2022
Bersamaan 15 Rabiul Awal 1444 Hijrah

DOA

Bacaan doa

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan Al-Quran]. Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir masalah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita mengangkat setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT pada pagi ini kita diizinkan masih lagi berada di dalam Dewan Yang Mulia ini bagi meneruskan persidangan kita seterusnya.

Baiklah, untuk urusan soalan selanjutnya. Saya menjemput....

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat... Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah untuk penjelasan sikit. Dengan izin.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Satu minit Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Berapa minit? Seminit?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya setengah siap.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey. Terima kasih. Sila.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua,

Semalam saya menyampaikan sedikit ucapan, ucapan terakhir atas keizinan Tuan Yang di-Pertua juga. Saya ingin membetulkan sikit. Saya terlupa untuk menyatakan di akhir ucapan itu, saya menyokong. Sebab pada hari Jumaat yang lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar membawa Usul mengenai belanjawan saya menyokong, tapi tidak dapat berbahas kerana masa suntuk. Jadi semalam saya menyampaikan ucapan maka saya ingin membetulkan. Saya sudahi ucapan saya semalam sepatutnya dengan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, Yang Berhormat. Saya telah menyemak *handsard* pada hari semalam, ucapan Yang Berhormat Pelangai. Memang betul, tak ada ayat menyokong. Hanya terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Saya sangat-sangat menghargai. Terima kasih. Jadi amat wajar sekalilah ucapan itu. Terima kasih Pelangai. Baik, kita jemput Wakil dari Cheka untuk soalan.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya soalan pertama.



[Kerajaan Negeri Pahang telah memperuntukkan sebanyak satu juta ringgit untuk Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat Plus.

- a) Apakah pencapaian usaha ini?
- b) Apakah usaha susulan jangka pendek dan jangka panjang yang akan dijalankan dan apakah impak yang diharapkan?]

YAB. DATO'SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, selamat sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih ADUN Jengka yang bertanya apakah pencapaian usaha bagi Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat PLUS dan juga apakah usaha-usaha susulan jangka pendek dan jangka panjang yang akan dijalankan dan apakah kesan atau impak yang diharapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, Pelan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat Plus telah disediakan seperti jadual dan telah mencadangkan 46 cadangan program intervensi yang merangkumi lima kluster industri utama. Pertama Kluster Pelancongan, kedua Kluster Pertanian, ketiga Kluster Mineral, keempat Kluster Perkayuan dan kelima Kluster Perkhidmatan termasuk Pembangunan Modal Insan. Pelan Pembangunan Ekonomi Pahang Barat Plus ini telah diluluskan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat Plus pada 3 Jun 2022.

Dan seterusnya pada 9 Ogos 2022 telah dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Penyelarasan Industri ataupun JBI, di antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri ataupun MITI dengan Kerajaan Negeri, iaitu kehadiran saya sendiri dan Yang Berhormat Datuk Seri Azmin Ali, Menteri Kanan, MITI dan alhamdulillah telah diterima dengan baik cadangan lima kluster industri yang menjadi keutamaan bagi Pahang Barat Plus.

Berikut adalah senarai projek pelaksanaan *quickwin* mengikut kluster industri utama yang sedang dilaksanakan oleh agensi peneraju dan dipantau oleh Pahang Barat Plus:

Pertama, Kluster Pelancongan. Terdapat 3 Zon Pelancongan Utama Pahang adalah Zon Tanah Tinggi, Zon Semula Jadi dan Zon Persisiran Pantai dan Pulau. Dua daripada zon pelancongan ini berada di Wilayah Pahang Barat iaitu Zon Tanah Tinggi dan Zon Semula Jadi dan ditambah dengan keberadaan masyarakat Orang Asli di keenam-enam daerah dengan keunikan budaya kraftangan, kesihatan dan potensi yang dipamerkan oleh masyarakat ini. Apabila digabungkan akan menjadi satu pakej menarik yang boleh ditawarkan kepada pelancong dan sekaligus menyumbang kepada peningkatan ekonomi penduduk di Pahang Barat Plus ini. Intervensi yang diketengahkan sebagai projek-projek *quickwin* adalah untuk membangunkan Kompleks Perkampungan Budaya Orang Asli di Pos Batau, Lipis.

Kluster Pertanian, kluster kedua. Dua intervensi seperti sebagai *quickwin* yang dicadangkan iaitu pertama, Projek Pembangunan Lembu Wagyu dan Lembu Pedaging dan Lembu Tenusu di Wilayah Pahang Barat Plus. Pertama, Cadangan Pembangunan Lembu Wagyu dan Lembu Pedaging di Tanjung Gahai, Lipis. Kedua, Cadangan Pembangunan Lembu Tenusu di Kampung Jeransang, Lipis. Kedua, Pembangunan Halal Hub sebagai hub pemasaran di Bandar Gelanggi, Jerantut.



Ketiga Kluster Perakayuan, industri perakayuan merupakan satu komoditi yang berpotensi untuk diperkasakan sebagai sumber pendapatan negeri Pahang khususnya dalam Wilayah Ekonomi Pahang Barat Plus melalui kegiatan eksport dan sebagai pembekal input atau bahan mentah kepada keperluan industri dalam negeri yang berorientasikan perakayuan.

Bagi melestarikan bekalan bahan mentah dan dalam industri perakayuan, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang yang telah melancarkan program *Buy Back Guarantee* iaitu penglibatan masyarakat Orang Asli bagi semaian pokok balak yang mana kemudiannya dibeli balik oleh Jabatan Perhutanan dan menjadi projek serampang dua mata, di mana...di mana selain dapat menghasilkan benih pokok balak bagi penghasilan sumber huluan yang tidak putus ianya juga dapat memberi sumber pendapatan baru kepada masyarakat Orang Asli di Pahang.

Kluster keempat, Kluster Mineral iaitu Pembangunan Taman Teknologi bersepadu Lipis. Cadangan pembangunan Taman Teknologi bersepadu Lipis akan dibangunkan di Sungai Temau, tanah milik PKNP kerana sumber mineral berada di kawasan ini. Pembangunan Taman Teknologi bersepadu Lipis merangkumi komponen Kawasan Perindustrian Pemprosesan Mineral dan Akademi Mineral Negara yang bakal menempatkan pusat penyelidikan dan Pembangunan mineral negara.

Kluster yang terakhir adalah Kluster Perkhidmatan. Ianya bertujuan mewujudkan hub lokasi Perkhidmatan Perniagaan Global atau *Global Business Services* di Genting Highlands. *Global Business Services* di Genting Highlands ini bakal menarik pelabur dan syarikat multinasional kerana persekitaran yang baik dan mempunyai pelbagai tarikan pelancong bertaraf antarabangsa selain daripada kedudukannya yang strategik berdekatan dengan Lembah Klang dan bakal dihubungkan dengan laluan ECRL. Itu saja Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikutnya. Jemput Wakil dari Semambu.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 2. Dengan sedikit pembetulan, Skim Tanah Warisan dan bukan skim warisan tanah. Sekian terima kasih.

[Apakah syarat yang dikenakan kepada mereka yang memperolehi Skim Warisan Tanah (SWT) baru baru ini dan bilakah ia akan diperluaskan ke daerah yang lain?]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,



Terima kasih kepada ADUN Semambu bertanyakan Skim Tanah Warisan (STW). Ini sebenarnya adalah produk baru Kerajaan Negeri Pahang dan ianya adalah tambahan daripada usaha-usaha untuk memberi ataupun rakyat negeri Pahang dapat memiliki rumah selain daripada Rumah PR1MA Pahang, Rumah Makmur, Rumah Rakyat Pahang dan lain-lain, Kerajaan Negeri juga membuat lagi satu produk dan *pilot* projeknya ialah di daerah Lipis iaitu di Kuala Medang.

Tujuannya ialah sepertimana yang saya katakan tadi untuk memberi peluang kepada rakyat negeri Pahang untuk memiliki rumah dan syaratnya yang seperti yang ditanya oleh ADUN Semambu ialah yang pertama sekali sudah tentulah kepada penduduk setempat. Maknanya kalau buat di... di Semambu, maknanya penduduk di Semambu diberi keutamaan. Kita tak bagi kepada penduduk daripada Pekan, daripada Damak, daripada Peramu Jaya, Kuala Semantan, itu syarat yang pertama. Dia ada *circle* dia.

Peserta yang berpendapatan rendah dan sederhana, adalah kita punya sifir dia dan mana-mana pemohon yang diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilihan. Peserta yang dipilih perlu mematuhi syarat-syarat berikut. Yang pertama sekali membayar premium tanah berjumlah RM10,000.00 sahaja dan mereka dikehendaki membina rumah di atas tanah tersebut dalam tempoh 5 tahun selepas mendapat surat tawaran. Maknanya kita bagi tapak rumah 10,000 ekar sepertimana yang di Kuala Medang, Lipis dan kena buat dalam tempoh 5 tahun.

Yang ketiga ialah kita kenakan moratorium ataupun sekatan tanah milik untuk tempoh 10 tahun. Sebabnya kita tak nak kita bagi tapak tanah, tapak rumah tiba-tiba dia jual pula tapak tersebut kepada orang lain. Kita tak nak berlaku macam itu. Jadi, tak boleh jual dalam tempoh 10 tahun. Kalau dia nak jual kena tunggu 10 tahun. Ini mandatori, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Dalam keadaan macam mana sekalipun tak boleh ya, sebab kita nak *protect* supaya kita tidak *beat the purpose*, hasrat kita tercapai. Skim Tanah Warisan juga akan insya-Allah akan dipanjangkan kepada daerah-daerah lain tertakluk kepada peruntukan Kerajaan Negeri. Bagi tahun 2023, Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan Skim Tanah Warisan di daerah Pekan iaitu di Kampung Cik Limah, Mukim Bebar, Nenasi dengan keluasan 100 ekar. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baik, kita pergi kepada soalan berikut. Dijemput ADUN Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mewakili ADUN kawasan Kemayan mengemukakan soalan nombor 3.

[Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan bahawa jumlah hasil pertanian yang dikeluarkan adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan penduduk Pahang dan seterusnya harga pertanian asas tidak meningkat dengan mendadak.]



YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan nombor 3 daripada ADUN Kemayan, pihak Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah-langkah dan tindakan serta merangka perancangan untuk terus memperkasa sektor pertanian di negeri Pahang dan pendekatan yang diambil antara lainnya ialah untuk mewujudkan kerjasama dengan Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pertanian, Industri Asas Tani iaitu dari segi tanaman padi. Mewujudkan kerjasama dengan Kerajaan Pusat melalui IADA (*Integrated Agriculture Development Agency*), dengan izin, IADA Rompin dan IADA Pekan dalam memperluaskan program yang dinamakan sebagai Program SMART Sawah Berskala Besar. Maknanya SBB di kawasan luar jelapang dan program ini merupakan program bersepadu, tujuannya untuk meningkatkan lagi hasil padi dengan diterajui oleh pihak kementerian dan juga pihak industri iaitu BERNAS.

Yang keduanya kita memperkasa hasil pengeluaran melalui projek yang dinamakan sebagai TKPM iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Pahang merupakan negeri yang paling banyak sekali mempunyai TKPM. Kita mempunyai er... sehingga tahun 2019 er... 2022, 19 kawasan TKPM telahpun diwujudkan di negeri Pahang. Malahan tahun-tahun 2022 ni kita mewujudkan TKPM Tanjung Putus dengan keluasan 90 hektar dan peruntukan yang diperuntukkan ialah RM1.45 juta. Seterusnya tahun hadapan kita akan mewujudkan TKPM Merapoh dengan peruntukan daripada Kerajaan Pusat berjumlah RM2 juta.

Ketiganya ialah mempertingkatkan produktiviti melalui pelbagai program di bawah Jabatan Pertanian sama ada program pengembangan teknologi tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan, program pengembangan teknologi tanaman industri dan tanaman berpotensi dan juga memperkasa TKPM.

Yang keempatnya pendekatan yang diambil adalah untuk memperkasakan lagi aspek myGAP ini iaitu Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik atau *Good Agricultural Practices*, dengan izin, di mana petani akan dibimbing dan diberikan pengiktirafan kerana mengamalkan pertanian berkonsepkan mesra alam dengan mengeluarkan produk berkualiti dan selamat dimakan. Dan sehingga kini, Pahang telah berjaya mempersijilkan sebanyak 1,026 ladang yang merangkumi seluas 7,022 hektar dan di samping itu juga, pihak kerajaan melalui Jabatan Pertanian telah juga mempromosi dan menggalakkan supaya petani melaksanakan projek yang dinamakan sebagai myOrganic iaitu di mana terdapat 43 ladang telah dipersijilkan melibatkan keluasan 154 hektar.

Tidak kecuali juga kita membangunkan usahawan industri tani bagi melaksanakan nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian yang sudah tentunya dapat memberikan pulangan pendapatan tambahan kepada petani-petani khususnya dalam aktiviti pemprosesan tanaman mereka dan di samping itu juga, kita membangunkan kumpulan sasar melalui program pembangunan sumber manusia.

Malahan untuk pastikan bahawasanya agenda jaminan makanan peringkat negeri ini diberikan perhatian utama, satu Jawatankuasa *Food Security* ataupun Jaminan Makanan Peringkat Negeri telah diwujudkan dengan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Manakala Jawatankuasa Pemantau er... di Pahang diwujudkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri dan kita juga mewujudkan Jawatankuasa Jaminan Makanan di



peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Yang Berusaha Tuan-tuan Pegawai Daerah di daerah masing-masing.

Dan sepertimana yang kita sedia maklum, bahawasanya keperluan teknologi dalam sektor pertanian ini amat penting. Lantaran itu, pihak Kerajaan Negeri telah juga menyediakan peruntukan dan memperkasakan juga, termasuk pemerkasaan perkhidmatan pembajakan di negeri Pahang. Malahan semalam kita telah melihat majlis penyerahan jentera ya... traktor 22 buah traktor daripada Kerajaan Negeri yang telah diserahkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kepada Jabatan Pertanian supaya dapat membantu petani-petani dalam mengusahakan tanah masing-masing dan sepertimana yang telah dizahirkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri, kadar sewaan yang dikenakan amat berpatutan berbanding dengan kadar yang dikenakan oleh pihak swasta di luar sana.

Malahan pihak Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mempermudah kelulusan bagi tanah-tanah ataupun Lesen Penempatan Sementara (TOL) untuk aktiviti tanaman kontan dan sebagainya. Ini di antara pendekatan yang diambil dan dalam konteks seumpama ini juga kita menggalakkan *agropreneur* muda melibatkan diri dalam sektor agromakanan ini. Malahan program usahawan tani er... menggunakan pendekatan fertigasi telah juga dirangka dan peruntukkan sebanyak RM400 juta er... RM400,000.00 telah disediakan sebagai projek perintis ke arah untuk pastikan bahawasanya aktiviti pertanian di peringkat kampung... kampung tradisi khususnya dapat di er... digerak dan diaktifkan semula.

Dalam er... kita mendakapi atau *embrace*, dengan izin, teknologi ataupun apa yang dipanggil sebagai *precision farming*, dengan izin. Itu konsep perladangan pintar ya, *smart farming* dengan menggunakan *Internet of Things* ya iaitu *drone* dan sebagainya. Kita... Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM3.35 juta untuk tahun hadapan untuk kita melaksanakan. Jadi kalau kita lihat misal contohnya pendekatan yang diambil sudah tentu ianya jelas dan ketara sekali bahawasanya agenda memperkasa sektor agromakanan dan juga memastikan jaminan makanan yang di negeri Pahang ini dapat dilaksanakan secara tuntas. Jadi, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Berikut dijemput Wakil dari Chini.

YB. ENCIK MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Yang terhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan pertanyaan yang ke-4.

[Sejauh mana persediaan Kerajaan Negeri menggembeleng sukarelawan dalam menghadapi bencana banjir?]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Wakil daripada Chini yang mengemukakan soalan berkaitan dengan persediaan Kerajaan Negeri menggembeleng tenaga sukarelawan dalam menghadapi bencana banjir.



Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sudah mempunyai kumpulan sukarelawan yang berdaftar, sama ada dengan pertubuhan sukarelawan kebajikan di daerah-daerah yang keseluruhannya berjumlah 1,146 orang dan juga badan-badan bukan kerajaan, NGO-NGO yang bermodalkan kebajikan di seluruh negeri Pahang dan kita juga ada Sukarelawan Pahang yang diterajui oleh Majlis Tindakan Sosial Pahang. Yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri adalah pengerusi kepada MTSP dan menggerakkan kerja-kerja sukarelawan ini. Dan antara langkah-langkah Kerajaan Negeri yang telah pun dan masih kita lakukan juga ialah meningkatkan kemahiran sukarelawan dalam menghadapi bencana seperti menganjurkan kursus dan taklimat berkaitan pengurusan sukarelawan sebelum, semasa dan selepas bencana.

Inilah... ini termasuk baru-baru ini wakil daripada Chini juga mengikuti program jangka pendek di Jepun, di dua buah universiti termasuk Universiti Tokyo. Bagaimana kita belajar Jepun menguruskan bencana, Dato' Sri Yang di-Pertua dan Wakil daripada Semantan juga ada bersama mengikuti kursus-kursus pendek tersebut. Dan kita juga menganjurkan program simulasi berkaitan tugas sukarelawan di pusat pemindahan sementara, PPS. Kita juga menganjurkan kursus pengenalan etika dan profesionalisme sukarelawan. Dan kita juga menggalakkan sukarelawan berkolaborasi dengan syarikat korporat yang melakukan CSR, sumbangan bantuan dan tenaga bagi membantu mangsa-mangsa bencana.

Ini termasuklah program bersama dengan ROS sendiri dan juga insya-Allah tak lama lagi Kerajaan Negeri juga akan menandatangani MOU dengan Yayasan TM, yang mana Yayasan TM ini akan memberikan latihan percuma kepada sukarelawan kita, Dato' Sri Yang di-Pertua. Selain itu, suka juga saya menyebut sukarelawan Pahang juga telah... selain daripada membantu mangsa banjir er... bencana di negeri kita, kita juga telah menghantar pasukan di... ke Segamat ya, ke Terengganu dan juga ke Baling, Kedah baru-baru ini. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. DATIN SAMSAH BINTI ARSHAD

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila.

YB. DATIN SAMSAH BINTI ARSHAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita tahu sukarelawan terutama telah er... Kuala Sentul telah memaklumkan bahawa ia melibatkan banjir. Soalan saya, bagaimanakah er... kedudukan kebajikan bagi sukarelawan-sukarelawan kita ini, contohnya adakah mereka diberikan insurans? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih kepada Muadzam Shah... eh Bukit Ibam, yang mengemukakan soalan yang sangat baik dan sememangnya kita menjaga kebajikan para sukarelawan kita dan kita juga membuat pengiktirafan dan saya bersama rakan saya, Pengerusi



Jawatankuasa NGO, juga wakil daripada Tioman, ya sentiasa melaksanakan program-program pengiktirafan kepada sukarelawan kita ini untuk bukan sahaja memberi penghargaan kepada mereka, tetapi juga dapat memberi pendedahan kepada masyarakat tentang bagaimana peranan sukarelawan kita ini.

Dari segi insurans, ini sebenarnya kita telah pun mengambil langkah ada NGO-NGO yang berkaitan, dia mengambil insurans kelompok, ada yang tidak ada, tapi insya-Allah kita akan seragamkan dalam masa akan datang. Terima Kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, Padang Tengku. Sila.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 5.

[Maahad Tahfiz Negeri Pahang yang beroperasi di Tanjung Lumpur, Kuantan merupakan antara Maahad Tahfiz yang terbaik di negara ini namun tidak mampu menampung permintaan pelajar yang meningkat pada masa ini.

i) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membina kampus-kampus cawangan baru di luar Daerah Kuantan bagi memenuhi permintaan pelajar khususnya di kawasan Pahang Barat.

ii) Jika ada, nyatakan penekanan khusus dan kurikulum baharu yang bakal dilaksanakan agar Maahad Tahfiz yang baharu dapat memenuhi keperluan modal insan selari dengan tuntutan semasa negara dimasa akan datang.]

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Padang Tengku yang mempersoalkan tentang hasrat adakah Kerajaan Negeri berhasrat ataupun bercadang membina kampus-kampus cawangan baru di luar daerah Kuantan dan apakah kurikulum yang akan disediakan bagi setiap Maahad Tahfiz.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Maahad Tahfiz ini adalah salah satu daripada institusi pengajian Kerajaan Negeri yang sangat kita bangga. Semalam, kita sendiri telah dengar bagaimana apa... ucapan daripada Pelangai menyatakan pembinaan dan pembukaannya dan Kerajaan Negeri memang terus istiqamah untuk memastikan Maahad Tahfiz ini sentiasa diperkasakan dan diperluaskan dari semasa ke semasa. Cuma kita tak bolehlah serupa nak membina sesuatu benda. Mimpi, tidur malam, hari esok terus buat.

Kerana ini adalah satu mas'uliyah. Tanggungjawab yang besar untuk melahirkan para... para huffaz yang benar-benar berkualiti dan mampu bertanggungjawab dengan apa yang mereka hafalkan daripada ayat-ayat suci al-Quran itu sendiri. Dan ini juga satu kerja yang sangat besar dan berat tanggungjawabnya kepada kita. Kita kena fikir daripada segenap sudut.



Walaupun demikian, Kerajaan Negeri telah mengadakan perancangan seperti membina satu lagi cawangan di Kuala Lipis dan dalam Bajet baru ini pun Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah menyebutkan bagaimana kita akan cuba untuk mengatur dari satu daerah ke satu daerah mengikut keupayaan dan er... kesediaan kita untuk membina Maahad Tahfiz itu. Ada pun dari sudut kurikulum, kita ada tiga bentuk Maahad Tahfiz ni, Dato' Sri Yang di-Pertua.

Yang pertama sekali, dinamakan Maahad Tahfiz Profesional. Di sini, kita mengajak anak-anak kita hafal al-Quran dan dalam waktu yang sama mereka akan mengikuti kurikulum arus perdana. Mungkin mereka mengambil bahagian perubatan, mungkin mereka mengambil bahagian apa *engineer* dan sebagainya, Dato' Sri Yang di-Pertua.

Yang kedua, kita ada namanya Maahad Tahfiz Turath. Maahad Tahfiz Turath ini, kita nak melahirkan para mufassirun atau er... mujtahid di dalam agama dan sebagainya. Ini dia lebih kepada ilmu-ilmu yang berkaitan dengan keagamaan. Fiqah, Tauhid dan sebagainya.

Dan yang ketiga, kita ada namanya Maahad Tahfiz TVET. Di sini kita menawarkan pelajar-pelajar untuk mengikuti kelas Tahfiz dalam waktu yang sama mereka akan dididik ilmu-ilmu kemahiran seperti pertukangan er... apa namanya baikpulih kenderaan, apa itu... memasak dan sebagainya. Apabila mereka keluar daripada Tahfiz berkenaan, mereka bukan sahaja telah menghafal beberapa surah ataupun juzuk yang kecil daripada al-Quran tetapi mereka mempunyai kemahiran. Itulah 3 kurikulum utama yang menjadi teras di dalam Maahad Tahfiz Kerajaan Negeri, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Soalan tambahan, Dato' Sri.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Pertama sekali saya nak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana telah menetapkan satu Maahad Tahfiz akan dibina di Kuala Lipis dan saya difahamkan di kawasan sayalah. Soalannya bila yang di Lipis itu nak dibuat? Sebab uar-uar yang saya dengar err... bulan lapan hari itu, tapi kita tak nampak lagi err... kerja-kerja perlaksanaannya, yang pertama.

Yang keduanya, kita memahami bahawa Maahad Tahfiz ini mempunyai kepakaran-kepakaran tertentu. Soalan dan juga permintaanlah, kalau boleh di Lipis tu, kita adakan juga kursus-kursus jangka pendek yang boleh memberikan manfaat kepada penduduk-penduduk setempat berkaitan dengan ilmu-ilmu err... ilmu-ilmu al-Quran seperti apa ni er... tarannum, tajwid dan sebagainya. Juga, apa ni... ilmu berkaitan dengan bahasa-bahasa antarabangsa seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Mandarin supaya kepakaran yang ada itu dapat dimanfaatkan oleh penduduk-penduduk setempat. Terima kasih.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,



Atas ucapan terima kasih Padang Tengku, saya jawab sama-sama. Atas dia tanya bila masa, bila bercacak tiang itu, itulah masanya. Insya-Allah, duitnya dah diperuntukkan sebanyak RM15 juta. Doakan agar benda ini dapat dibina tahun 2022. Kita perlu kepada bantuan jabatan teknikal, apa namanya... kita perlu kepada JKR bantu kita, kita perlu kepada apa er... pihak-pihak yang ada kepakaran untuk bantu membina ini, Insya-Allah, bila siap benda tu semua akan binalah. Saya nak sebutkan tarikh, nanti saya menipu jer Dato' Sri Yang di-Pertua, tapi duit tu dah ada insya-Allah, tapak pun dah ada. Padang Tengku akan ada Maahad Tahfiz. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Insya-Allah Yang Berhormat. Baiklah seterusnya saya jemput Wakil Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya pohon kemukakan soalan nombor 6.

[Projek pembinaan Klinik Kesihatan jenis 4 dengan Kuarters Kampung Raja, Cameron Highlands yang diumumkan dalam Belanjawan Persekutuan 2020.

- (a) Apakah status terkini dan siapakah kontraktor yang telah dilantik untuk menyempurnakan projek tersebut?
- (b) Bilakah tarikh jangka siap dan kos pembinaan keseluruhannya?

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Tanah Rata. Tanah Rata bertanyakan soalan berkaitan dengan Klinik Kesihatan (jenis 4) yang telah diluluskan dalam Belanjawan Persekutuan Tahun 2020. Sebelum saya menjawab soalan Tanah Rata, izinkan saya berkongsi dengan Sidang Dewan beberapa maklumat penting berkaitan dengan latar belakang pelaksanaan projek ini.

Klinik kesihatan (jenis 4) Kampung Raja berserta kuarters di Cameron Highlands bukan projek yang telah diluluskan semasa Rancangan Malaysia Ke-11 Rolling Plan Ke-4, iaitu pada tahun 2020. Tapak projek ini terletak di Lot PT 2393, Mukim Hulu Telom, Cameron Highlands dan berkeluasan 1.2 hektar atau 2.965 ekar dan merupakan tapak hak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan merupakan tapak har... ataupun PTP.

Kos siling peruntukan yang diluluskan untuk projek ini adalah sebanyak RM 47.2 juta. Projek ini merupakan projek di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan Cawangan Kerja Kesihatan, Jabatan Kerja Raya Malaysia telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa Projek dan JKR Daerah Cameron Highlands sebagai Pegawai Selia Tapak.

Projek ini masih dalam proses reka bentuk dan belum mula pembinaan buat masa ini. Pihak Kementerian Kesihatan masih belum menerima maklumbalas mengenai cadangan pelan susun atur tapak baru daripada JKR. Berdasarkan keputusan



mesyuarat penetapan hala tuju projek pada 28 Julai 2022, status terkini projek adalah “tangguh” di skala JKR.

Untuk makluman Sidang Dewan Yang Dimuliakan, kita memang sedih dengan kelewatan yang terpaksa dihadapi ini, tapi bagaimanapun err... latar belakang bagi projek ini harus kita faham bahawa Klinik Kesihatan di Kampung Raja sedia ada sebenarnya, asalnya merupakan satu bangunan Pusat Bersalin Berisiko Rendah ataupun (ABC) yang dinaik taraf. Premis ini sangat sempit dan tiada langsung ruang tambahan untuk kerja pembangunan. Premis ini juga sentiasa berdepan dengan risiko banjir kerana terletak bersebelahan dengan sungai kecil.

Projek Klinik Kesihatan (jenis 4) Kampung Raja beserta kuarters di Cameron Highlands amat diperlukan disebabkan keperluan mendesak dengan beban kedatangan kes yang semakin meningkat dan keperluan perkhidmatan seperti radiologi, makmal dan perkhidmatan rehabilitasi bagi penduduk sekitar. Jadi secara ringkasnya Tanah Rata, status terkini adalah “tangguh”, jadi tidak ada kontraktor yang dilantik. Kemudian bagi tarikh dijangka siap, pun tidak dapat kita berikan buat masa ini dan kos pembinaan keseluruhan projek dengan kelulusan sebanyak RM47.2 juta ini, buat masa ini. Itu sahaja Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Solan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih. Soalan saya adalah, adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memperuntukkan tanah yang baru sebagai gantian untuk menjayakan projek Klinik Kesihatan tersebut? Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pelaksanaan projek-projek kesihatan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan. Sekiranya... sememangnya projek ini tidak bersesuaian, pihak Kerajaan Negeri sedia menerima permohonan berdasarkan skala-skala yang memenuhi keperluan pembinaan sebuah Klinik KK (4) ini. Tidak pernah lagi kita tidak memberikan tanah untuk keperluan apa... Kerajaan Persekutuan apatah lagi untuk tujuan kesihatan Yang Berhormat.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Triang dulu... lepas tu baru Tahan.



YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, setelah lebih 10 tahun menunggu, akhirnya Hospital Bera sudah siap dan mula beroperasi, akan tetapi perkhidmatan ambulans di Klinik Kesihatan Triang telah berhenti. Saya mohon penjelasan kerajaan dan adakah kerajaan sedar bahawa bandar Triang mempunyai kepadatan penduduk yang paling tinggi di daerah Bera tetapi tiada ambulans.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya jawab soalan Triang bersekali dengan soalan berkaitan dengan Hospital Bera hari esok.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik. Tahan, sila. Tambahan.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih. Saya nak mengemukakan... nak kemukakan yang berkaitan. Berkaitan dengan er... Kuarters Kesihatan di Kuala Tahan yang telah siap berapa tahun yang lalu. Isu yang berlaku ialah masalah bekalan air yang mengganggu penghuni-penghuni di Kuarters Kesihatan Kuala Tahan yang menyebabkan kakitangan setengah itu terpaksa menumpang mandi di Klinik Kesihatan. Isu ini, bila saya kemukakan kepada pihak er... PAIP, dia sebut ada kaitan dengan JKR ketika pembinaan. Jadi, saya mengharapkan agar perkara ini dapat diselesaikan demi penyelesaian kakitangan kita, insya-Allah. Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Boleh saya dapat penjelasan. Adakah klinik yang dimaksudkan Klinik Kesihatan (jenis 4), Kuala Tahan?

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Ya, kuarters... kuarters Klinik Kesihatan.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebenarnya untuk Klinik Kesihatan Kuala Tahan ini pihak Kerajaan telah mengangkat untuk cadangan binaan baru dalam rancangan ataupun dalam *Rolling Plan* Ke-3 Rancangan Malaysia Ke-12. Saya percaya perkara ini akan diambil kira dalam apa er... pembinaan baru itu nanti. Walau bagaimanapun, sekiranya ada keperluan segera, bolehlah Yang Berhormat jumpa saya, kita cari jalan macam mana nak menyelesaikan masalah itu secara segeranya.



YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Err... Dato' Sri Yang di-Pertua, err... yang nak... nak dibina baru tu adalah klinik. Sekarang ni saya sebut berkenaan kuarters yang baru dibina beberapa tahun dan telah diduduki sepenuhnya oleh kakitangan, yang... isunya masalah air. Kadang-kadang sampai tiga minggu tak ada air di... di kuarters tersebut.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Baik. Terima kasihlah di atas makluman diberikan oleh Tahan, ya. Saya pun tak dapat spec pembinaan cadangan baru itu. Sekiranya kuarters ini tidak termaktub dalam apa ni... dalam cadangan yang akan datang, akan dikekalkan. Jadi, kita err... pastinya kita kena apa... segerakanlah, ini satu keperluan asas Yang Berhormat ya. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan berikutnya, jemput Wakil dari Ibam.

YB. DATIN SAMSAH BINTI ARSHAD

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya mohon mengemukakan pertanyaan nombor 7.

[Berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Belia di Pahang dalam membantu pembangunan ekonomi mereka khususnya DUN Bukit Ibam

(a) Sila nyatakan dalam sektor apa dan di manakah peruntukan itu disalurkan.]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada ADUN Ibam, satu-satunya ADUN yang mempunyai tasik berwarna-warni. Tasik biru, tasik merah dan tasik hijau, ya. Soalan yang dibangkitkan pada hari ini iaitu berhubung kait dengan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada belia di Pahang dalam membantu pembangunan ekonomi termasuk juga di DUN Bukit Ibam serta nyatakan sektor er... apakah peruntukan disalurkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan secara khusus peruntukan pembangunan kepada belia ya, di negeri Pahang. Bahkan apa-apa peruntukan yang melibatkan pembangunan fizikal er... adalah disalurkan melalui sama ada er... melalui MBK sebagai contoh ya, Taman *skateboard* di Bandaraya Kuantan ini.

Begitu juga kalau melalui KBS ya, disalurkan *direct...* terus sebagai contoh Kompleks pembangunan... err... Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pahang yang sedang dalam pembinaan. Ini merupakan peruntukan-peruntukan yang menjurus kepada pembangunan-pembangunan ya. Justeru itu apa yang Kerajaan Negeri buat setakat ini adalah menyalurkan peruntukan untuk pentadbiran dan juga pengurusan serta aktiviti-aktiviti kepada belia di negeri Pahang melalui Majlis Belia Negeri dan disalurkan pula kepada Majlis Belia daerah-daerah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,



Peruntukan yang disalurkan oleh jabatan ini adalah secara menyeluruh mengikut daerah dengan menggunakan peruntukan sedia ada jabatan. Program pembangunan ekonomi belia yang dilaksanakan pula adalah secara maya dengan menggunakan platform yang disediakan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan melalui program webinar daripada Akademi Pembangunan Belia Malaysia serta Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan. Program ini adalah dilaksanakan secara terbuka untuk semua menggunakan aplikasi *Facebook live* dan *Zoom*. Manakala bagi pelaksanaan secara berfokus mengikut daerah-daerah, Kerajaan Negeri dalam keadaan sedia ada sehinggalah kepada masa-masa akan datang, akan meneruskan kursus-kursus sebagaimana yang dirancang dan yang juga telah dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Untuk makluman ADUN Ibam juga, program ekonomi belia yang dilaksanakan adalah mengikut keperluan semasa dalam membantu menggerakkan ekonomi belia dan dilaksanakan secara atas talian. Manakala modul program adalah mengikut kumpulan semasa. Ianya banyak difokus kepada pembangunan ekonomi dalam bidang pertanian. Sebagai contohnya... sebagai contoh kita libatkan Majlis Belia Negeri Pahang dengan penanaman *roselle* di Rompin, yang mana melibatkan peserta-peserta anak muda dari seluruh daerah-daerah dalam negeri Pahang.

Dan terbaru ini melalui JKPTD daerah Rompin telah meluluskan seluas tanah 45 ekar untuk memberi laluan kepada anak-anak muda dengan kerjasama MARDI, Jabatan Pertanian, Majlis Belia Negeri dan juga pihak konsultan daripada universiti tempatan, membangunkan tanaman *roselle* secara berkelompok dengan penduduk Kampung Perpat seluas 45 ekar. Dan dalam hari ini juga, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM45,000.00 kepada Majlis Belia Negeri... Majlis Belia Daerah Rompin untuk program tersebut. Ini adalah salah satu dari inisiatif Kerajaan Negeri untuk memberi ruang dan peluang kepada anak-anak muda belia ini berkecimpung dalam pertanian untuk ekonomi mereka.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri juga... saya amat berterima kasih melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Kalau ikut peruntukan Kerajaan Negeri kepada Majlis Belia Negeri ya... sangat banyak ya. Kalau tengok hampir RM1 juta lebih yang mana kalau ikut pentadbiran dan pengurusan tersebut, Majlis Belia Negeri sahaja hampir RM250,000.00, manakala Majlis Belia Daerah RM20,000.00.

Berbalik kepada di DUN Ibam, antara perkara yang diselaraskan peruntukan kepada ADUN kawasan iaitu peruntukan RM50,000.00 ya... RM50,000.00 untuk penganjuran *motocross* yang dibangkitkan tempoh hari oleh ADUN Ibam dan termasuk juga *court takraw* yang dibina secara bergotong-royong oleh penduduk dan juga anak muda di Kampung Lubuk Batu. Ini adalah beberapa perkara yang boleh saya salurkan kepada pengetahuan er... Yang Berhormat ADUN Ibam. Termasuk juga bukan Rompin... termasuk juga di Paya Besar, yang mana Geran Perintis Anak Muda melalui peruntukan yang disalurkan kepada TKPM melibatkan satu ekar kepada anak-anak muda. Ini juga antara perkara yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat untuk membantu anak-anak muda kita di negeri Pahang. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya jemput Wakil dari Semantan.



YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin mengemukakan pertanyaan nombor 8. Terima kasih.

[Dunia digital pada hari ini sangat penting kerana bukan sahaja untuk tujuan perhubungan tetapi juga satu sumber menjana pendapatan. Apakah usaha kerajaan negeri bagi memastikan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dan dapat mengambil bahagian dalam dunia digital?]

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih kepada rakan saya daripada Semantan. Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dan dapat mengambil bahagian dalam dunia digital?

Bagi memastikan masyarakat luar bandar tidak terpinggir dan dapat juga terlibat sama dalam dunia digital, Kerajaan Negeri bersama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, telah mewujudkan sebanyak 111 Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia iaitu kita namakan dia PEDi seluruh negeri Pahang dan Pusat Digital ini... Pusat Ekonomi Digital cerita ini terletak di kawasan luar bandar dan bukan sahaja menyediakan capaian internet secara kolektif tapi juga menyediakan tenaga pengajar yang profesional... yang profesional dan menawarkan pelbagai kursus dan latihan berasaskan ICT, keusahawanan multimedia dan sebagainya dengan matlamat menggalakkan lebih ramai masyarakat di luar bandar untuk terlibat sama dalam aktiviti ekonomi digital. Sekian Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya jemput Wakil dari Sungai Lembing. Sila, Pulau Manis bantu.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya mewakili ADUN Sungai Lembing mohon mengemukakan soalan nombor 9.

[Mohon pihak kerajaan negeri untuk menambahkan lagi bilangan permohonan Skim I-PUSH untuk membantu lebih ramai lagi anak muda yang ingin bergiat aktif dalam bidang usahawan.]

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih kepada Yang di-Pertua. Terima kasih kepada ADUN Sungai Lembing yang bertanyakan tentang permohonan status Skim I-PUSH usahawan bagi Kerajaan Negeri Pahang. Skim I-PUSH merupakan satu inisiatif Kerajaan Pahang yang diumumkan dalam belanjawan 2022 dengan peruntukan sebanyak RM20 juta.

Ini bukan janji manis, “tiada janji, lihat bukti” di mana fasa pertama telah diberi kelulusan kepada 751 usahawan kecil yang melibatkan peruntukan sebanyak RM7.15 juta. Penyampaian Skim I-PUSH yang pertama ini akan disampaikan oleh Yang Amat



Berhormat Menteri Besar Pahang kepada pemohon yang berjaya pada 17 Oktober 2022. Bakinya... di mana bakinya akan dibuka permohonan Skim I-PUSH ini pada 1 November 2022. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat, seterusnya soalan terakhir kita pagi ini. Jemput Wakil dari Tanjung Lumpur. Ya, Tahan.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua, mewakili Tanjung Lumpur, saya kemukakan pertanyaan nombor 10.

[Banjir kilat kerap terjadi di beberapa tempat di Kempadang Makmur, Kampung Anak Air dan Kempadang Sejahtera apabila hujan lebat beberapa jam sahaja walaupun kawasan ini terletak berhampiran laut. Antara puncanya adalah disebabkan tambun tanah pembangunan perumahan baru yang tinggi yang berada di sekitarnya. Apakah usaha kerajaan negeri untuk mengelakkan banjir kilat?]

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Yang Hormat Yang di-Pertua. Oleh kerana demi menjimatkan masa... Wakil daripada Tanjung Lumpur pun tidak ada saya akan memberi jawapan secara bertulis kerana ini akan lebih cepat dan banyak agenda lain lagi kita akan bincang. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya... sila.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Saya walaupun EXCO tak jawab, saya nak menyelit sedikitlah. Saya ini tak dapat peluang berucap. Jadi antara benda yang saya nak ucap... adalah isu-isu berkaitan banjir dalam DUN saya. Kalau sebelum ini, dalam DUN Tahan ni bila berlaku musim banjir ni...Taman Ria dan juga PR1MA Paya Gunung banjir.... hujan lebih sikit... pukul 1.00 pagi... 2.00 pagi... kita turunlah. Orang kampung... penduduk beritahu banjir kilat. Tapi selepas daripada kerja-kerja yang dilakukan oleh pihak JPS, alhamdulillah kira-kira tahun lalu, alhamdulillah banjir lebat macam mana pun setakat hari ini, hingga hari ini dua taman tu tidak berlaku banjir kilat.

Cuma satu lagi, saya ucap terima kasih kepada JPS. Satu... satu lagi laluan er... di... menghala ke Felde Padang Piol. Ada satu selekoh yang kami kenali dengan *Chicken Corner*, Selekoh Ayam. Sebab dulu dia ada gerai menjual ayam segar situ. Bila berlaku hujan lebat air akan penuh atas jalan. Hujan lebat, air akan penuh atas jalan. Tak tahu apa punca. Cumanya ada yang mengatakan punca sebab di sana ada kilang *sawmill* yang mungkin awal pagi sisa-sisa dibuang, mungkin menutup... menutup aliran



sungai. Cumanya saya mengharapkan agar perkara ini dapat diatasi sama ada jangka masa pendek atau panjang, kerana isu ini bila dia akan menyebabkan jalan rosak. Dah ada kejadian motor tumbang, apa tu... apa tu pancit... tayar pancit bila berlaku hujan yang berterusan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat atas....

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Saya nak menjawab bagi pihak Kerajaan Negeri iaitu pada tahun lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama saya, bersama ADUN Tahan pergi melawat di kawasan *Corner Ayam*. Dulu ada jual ayam situ dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah bersetuju bersama Puan DO Daerah Jerantut mohon peruntukan kepada kementerian untuk pastikan kenaikan aras di kawasan tersebut sehingga daripada *Corner Ayam*, sampai ke atas bukit di Jalan Garuk.

Kalau ini dapat peruntukannya dalam Rancangan Malaysia Ke-12, mungkin kita dapat menyelesaikan masalah banjir, sikit je banjir tu. Saya selalu lalu jalan tu. tetapi kadang-kadang selekoh je terus ada air. Sebab tu Yang Berhormat ADUN Tahan dia sentiasa pakai kereta besar-besar supaya selekoh itu apabila banjir Yang Berhormat selamat. Insha-Allah dalam masa terdekat, kalau Kerajaan Malaysia diperintah oleh Barisan Nasional pasti peruntukan tersebut diberikan RM9.07 juta akan dapat dilaksanakan dan menyelesaikan masalah *Corner Ayam*. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, terima kasih pihak Kerajaan. ADUN daripada Pulau Tawar yang telah memberi jawapan yang cukup jelas ya, kepada ADUN Tahan. Saya harap perkara tu dapat diterima dengan baik.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai soalan dan jawapan. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian pada sesi pagi ini. Saya bercadang untuk menempohkan Sidang kita untuk kita sama-sama menikmati minum pagi dan kita akan mendengar pula selepas ini pihak Kerajaan akan memberi pandangan atau jawapan seberapa ringkas yang boleh ya atas segala pandangan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sebelum itu suka saya memaklumkan bersama-sama kita pada pagi ini urus setia telah menjemput para pelajar daripada IPTA, IPTS iaitu pagi ini pelajar daripada... mahasiswa daripada Universiti Islam Antarabangsa seramai lapan orang [Ahli Dewan menepuk meja]. Sila. Ada? Di mana? Ha... terima kasih dan juga Kolej Komuniti Kuantan seramai sebelas orang [Ahli Dewan menepuk meja]. Terima kasih dapat hadir dan mengikuti persidangan kita pada pagi ini.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tempohkan Dewan ini dan kita masuk kembali dalam Dewan pada pukul 11.00 pagi. Persidangan ditempohkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan pada jam 10.30 pagi]



[Persidangan disambung semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Menimbang Rang Undang-undang Perbekalan (2023) 2022.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli... Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terima kasih kerana dapat bersama-sama berada dalam Dewan... Yang Mulia ini untuk kita meneruskan aturan kita mesyuarat selanjutnya, Rang Undang-undang Perbekalan (2023) 2022 telah dibentang pada 7 Oktober 2022 dan telah dibahas pada 11 Oktober 2022. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbincangan tersebut.

Pada hari ini, pada pagi ini saya meminta pihak kerajaan untuk menjawab, memberi pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut masa yang telah ditetapkan. Sekiranya ada perkara-perkara yang tak sempat untuk disampaikan, pihak kerajaan bolehlah menjawab secara bertulis. Baiklah, untuk itu saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang untuk membuat pengumuman. Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

*Berlayar malam menyusur bahtera,
Cerah haluan cahaya pelita,
Negeri stabil rakyat sejahtera,
Tok Wan pemimpin kesayangan kita.*

[Ahli Dewan menepuk meja].

Pertamanya saya ingin mengucapkan bersyukur ke hadrat Allah SWT, dengan izin dan kurnia-Nya dapat saya berada di sini pada ketika ini, walaupun hampir saya... hampir... hampir enam bulan saya tidak dapat menjalankan tugas rasmi kerana masalah kesihatan. Alhamdulillah dengan berkat doa-doa sahabat-sahabat, doa-doa Yang Berhormat sekalian telah er... Allah makbulkan dan pada ketika ini saya dapat berada bersama dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Di kesempatan ini juga saya merakamkan penghargaan di atas pembentangan Bajet 2023 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar di atas penyediaan peruntukan bagi portfolio saya khususnya dan negeri Pahang am... amnya. Portfolio saya telah menerima jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM64.64 juta iaitu kenaikan sebanyak tiga kali ganda berbanding tahun 2022. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sangat mengambil berat terhadap kesejahteraan rakyat di dalam memastikan pemilikan rumah dan kemudahan awam yang terbaik untuk rakyatnya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,



Isu berkaitan Kerajaan Tempatan. Sehingga 30 September 2022, Pihak Berkuasa Tempatan telah berjaya membuat kutipan sebanyak RM320 juta iaitu sebanyak 74.76% dari anggaran yang disasarkan. Kita masih ada lagi beberapa bulan untuk mencapai sasaran kutipan bagi semua setiap PBT di negeri Pahang. Manakala untuk peruntukan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang telah menerima peruntukan sebanyak RM2 juta bagi membina dan membaik pulih fasiliti awam dalam kawasan PBT di negeri Pahang melibatkan 20 projek dan peruntukan MARRIS bagi menyenggara dan menaik taraf jalan-jalan di kawasan PBT sebanyak RM1.4 juta.

Manakala untuk peruntukan Kerajaan Persekutuan, melalui hubungan baik antara Kerajaan Negeri Pahang dan pihak persekutuan, sejumlah RM27.8 juta telah disalurkan melalui Pihak Berkuasa Tempatan bagi melaksanakan projek baik pulih fasiliti awam, Program ke... Pembasmian Kemiskinan Bandar, itu baik pulih rumah, projek pembangunan dan naik taraf taman-taman awam, membina dan menaik taraf gerai serta menaik taraf kemudahan pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bawah portfolio saya telah melaksanakan beberapa rancangan terutamanya Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan Rancangan Kawasan Khas ataupun RKK. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pengumuman bahawa Kerajaan Negeri yang akan... akan memperuntukkan sebanyak RM220,000.00 melalui Belanjawan Negeri Pahang 2023 bagi melaksanakan Kajian-kajian Rancangan Tempatan Negeri Pahang serta Rancangan Tempatan Daerah di Rompin, Maran dan Bera.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun ini sebanyak satu draf Rancangan Tempatan Daerah dan dua draf Rancangan Kawasan Khas akan diwartakan setelah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Kerajaan iaitu RTD Bentong 2035 (Penggantian), RKK Teluk Gading dan RKK Gugusan Pulau Tioman, Rompin.

Manakala untuk menerima anugerah peringkat antarabangsa, saya ingin mengucap... mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan meluahkan rasa bangga kerana Majlis Bandaraya Kuantan telah menerima anugerah di peringkat antarabangsa iaitu Anugerah *The Buildings Green Apple Award 2022* yang telah diterima pada 30 Mei 2022 di Waldorf, London. Anugerah Ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada semua pihak di atas usaha-usaha membantu pemeliharaan dan pemuliharaan dalam... alam sekitar. MBK telah mengangkat projek mural di lorong belakang Jalan Mahkota dan Jalan Besar bagi tujuan pertandingan ini. Mana-mana Yang Berhormat yang masih belum lagi melawat kawasan ini, dipersilakan sebelum kita habis Dewan ini, percuma tak payah bayar ya... tak payah bayar.

Manakala untuk status Projek Menaik Taraf Stesen Bas Bentong yang telah dibangkitkan oleh er... YB Bilut, er... Majlis Perbandaran Bentong telah mengadakan cadangan untuk menaik taraf Stesen Bas Bentong dalam peringkat pelantikan perunding dan juga akan dilaksanakan dalam tahun 2023.

Manakala... manakala dalam aspek perumahan... ini kita dah biasa dengarlah, Rumah PR1MA Pahang, Rumah Makmur, Rumah Rakyat Pahang, di mana Kerajaan Negeri telah komited untuk menyediakan Rumah Mampu Milik kepada rakyat negeri Pahang meskipun berdepan dengan cabaran dengan peningkatan harga rumah yang melambung tinggi di seluruh negara susulan kenaikan harga barang binaan yang mendadak.



Sebagaimana Persidangan Dewan yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan bahawa harga Rumah PR1MA Pahang masih kekal dengan... dalam harga RM150,000.00 kerana ini akan memberi peluang kepada rakyat-rakyat yang berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah. Apabila kenaikan kita berikan, menyebabkan harga rumah ini akan meningkat dan ini menyukarkan rakyat untuk memiliki rumah. Ini adalah satu keprihatinan... keprihat... keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menjaga kebajikan berkaitan dengan pemilikan rumah oleh rakyat-rakyat negeri Pahang ya.

Sehingga hari ini Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 138 projek PR1MA Pahang dan masih aktif melibatkan pembinaan sebanyak 44,803 unit rumah. Daripada jumlah ini, sebanyak 6,564 unit telah siap dibina dan diserahkan kunci kepada pembeli. Jangkaan saya pada akhir tahun ini kita akan mencapai sasaran rumah siap sebanyak 7,000 unit.

Manakala bagi Rumah Makmur Pahang sebanyak 25 projek telah diluluskan melibatkan 7,904 unit rumah. Kerajaan Negeri akan terus mengekalkan dasar pelaksanaan kedua-kedua Rumah Mampu Milik ini pada tahun hadapan untuk memastikan... er... bagi memastikan rakyat yang berpendapatan rendah akan tetap dapat memiliki rumah sebagaimana yang mereka idamkan.

Ini ada soalan berkaitan dengan PR1MA Cherating ni. Saya jawab bertulislah kerana YB dia tak ada kat sini. Oh ada? Ada ya YB Sim, baru masuk. Minta maaf YB Teruntum. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat ADUN Teruntum, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan notis penamatan kepada pemaju iaitu Syarikat Y&S Mutiara Construction Sdn. Bhd. susulan kegagalan pihak syarikat melaksanakan dan menyiapkan 108 unit rumah fasa satu er... Rumah cera... PR1MA di Cherating, Mukim Sungai Karang, Kuantan.

Dengan penamatan perjanjian ini Kerajaan Negeri boleh melantik pemaju menyelamatkan bagi meneruskan baki projek yang terbengkalai. Pembeli boleh meneruskan urusan jual beli rumah tersebut dengan pihak pemaju baru. Dalam masa yang sama pembeli berhak menuntut bayaran ganti rugi melalui Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR). Tuntutan yang boleh dibuat adalah... ialah deposit yang dibayar kepada pemaju, ganti rugi kelewatan penyerahan pemilikan kosong dan lain-lain tuntutan yang berbangkit dengan Perjanjian Jual Beli.

Kerajaan Negeri tidak terikat untuk apa-apa pampasan kepada pembeli sebaliknya ia merupakan tanggungjawab pemaju. Kerajaan Negeri adalah pihak yang memiliki tanah tersebut dan sebenarnya pihak Kerajaan Negeri, Bahagian Perumahan sendiri telah memanggil pemaju dan juga pembeli untuk mebincang perkara ini. Tetapi setelah NOD, *Notice of Demand* dikeluarkan kepada pemaju, nampaknya pihak pemaju masih lagi gagal menjalankan projek ini dengan alasan masalah pekerja dan juga kos kenaikan barang.

Manakala bagi Rumah Rakyat Pahang ataupun RRP ya, adalah menjadi agenda utama Kerajaan Negeri untuk membela nasib golongan miskin dan daif dalam pemilikan rumah. Sehingga kini Kerajaan Negeri telah menyiapkan dan menyerahkan sebanyak 231 rumah kepada peserta. Manakala bagi sebanyak 343 unit rumah sedang dibina dalam perancangan. Rumah RRP ini meliputi semua kaum tidak pada sesuatu kaum sahajalah. Setakat ni kita dapat ke semua semua kaum yang ada termasuk juga orang asal kita ya, mendapat rumah.



Manakala bagi cadangan penggunaan IBS untuk Rumah Rakyat Pahang, kerajaan negeri mengalu-alukan mana-mana pembekal atau pengilang yang ingin membuka kilang melabur dalam Negeri Pahang bagi memudahkan kontraktor-kontraktor tempatan untuk memanfaatkan teknologi IBS dalam dalam pembinaan. Manakala kenaikan harga rumah yang mana diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada RM65,000.00 pada tahun ini kepada RM75,000.00 sebuah pada tahun hadapan 2023.

Manakala kita ada satu program baru itu dikenali sebagai Program Rumah Mesra Pahang ataupun RMP yang diadaptasi daripada Rumah Mesra Rakyat SPNB ya. Dalam Dialog Anak Muda bersama Menteri Besar yang diadakan bulan lepas, ada berapa perkara yang telah dibangkitkan salah satu ada golongan muda untuk memiliki rumah. Jadi dengan satu produk baru yang diperkenalkan iaitu Rumah Mesra Rakyat Pahang pada tahun hadapan yang berharga RM75,000.00, pemohon akan diberi pembiayaan kerajaan negeri sebanyak RM15,000.00, yang akan dibina di atas tanah milik sendiri manakala baki bayaran boleh dibuat atas... mohon melalui duit skim pinjaman yang dikenali sebagai SJKP, Skim Jaminan Kredit Perumahan yang diuruskan oleh KPKT dan juga MOF ya. Ini adalah satu kaedah yang kita nak mengatasi masalah pembeli-pembeli yang tidak layak untuk buat pinjaman dengan bank.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Rumah Pahang atau Generasi Baru. Sebanyak 1,856 unit rumah dari Projek Perumahan Generasi Baru FELDA yang terbengkalai telah diambil alih oleh kerajaan negeri untuk membaikpulih dan dibina sebanyak di 10 lokasi yang berikut iaitu di FELDA Kota Gelanggi 2 sebanyak 1044 unit, FELDA Jengka 1; 120 unit, FELDA Jengka 11; 180 unit, FELDA Sungai Retang; 400 unit, FELDA Bukit Tajau; 100 unit, FELDA Bukit Sagu; 300 unit, FELDA Jengka 12; 50 unit, FELDA Kampung Awah; 56 unit dan FELDA Keratong sebanyak 7 unit dan projek ni akan jangka siap dalam tempoh tiga tahun yang akan datang.

Untuk makluman Ahli Dewan semua permohonan untuk memiliki rumah baru atau Rumah Pahang Generasi Baru, diuruskan oleh Lembaga Perumahan Hartanah Pahang dan tidak boleh memohon melalui pegawai, orang-orang yang lain, pengurus FELDA dan sebagainya. Ya, yang bertanggungjawab adalah di bawah pendaftaran Lembaga Perumahan Hartanah. Ini berlaku di beberapa kawasan baru-baru ini dan Yang Berhormat Pulau Tawar sendiri telah dapat selesaikan dan terima kasih Yang Berhormat kerana Yang Berhormat Pulau Tawar sendirilah yang bertanggungjawab untuk melaksanakan... untuk mendapatkan projek ini daripada pihak FELDA yang tidak ada kemampuan kewangan untuk membuat.. untuk membaik pulih Rumah-rumah Generasi Baru FELDA.

Manakala untuk bantuan rumah banjir merujuk kepada Yang Berhormat Ketari. Bantuan baik pulih rumah banjir adalah di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui ke KPKT, KPLB dan Pejabat Pembangunan Negeri. Kerajaan Negeri turut memantau kemajuan pelaksanaan baik pulih rumah melalui semakan laporan yang dikemukakan oleh agensi-agensi tersebut. Sekiranya terdapat mana-mana mangsa banjir yang masih belum menerima bantuan baik pulih yang... boleh mengemukakan semula melalui Pejabat Daerah dengan verifikasi kerosakan yang disahkan oleh agensi-agensi teknikal. Ini berapa perkara yang sentuh tentang berkaitan dengan rumah banjir yang untuk membantu rakyat yang terlibat dengan ada yang rosak dan sebagainya



Dan akhir sekali saya memohon ampun dan maaf sempena Sidang DUN terakhir pada penggal kali ini mungkin ada salah silap salah dan silap semasa saya...

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Yang di-Pertua, mohon menceleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pulau Manis. Satu minit Yang Berhormat.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Setelah saya mengamati pembentangan daripada pihak kerajaan saya tak nampak bahawa pihak kerajaan menyentuh tentang Perumahan Awam Kos Rendah.

Jadi perkara-perkara yang dinyatakan tadi baguslah. Makna nak bina baru, dah lulus dan sebagainya. Tetapi sekarang ni rumah yang dah siap, rumah dah siap macam bentuk taman dan pemilihan peserta dah dibuat dalam bulan Februari dulu dan saya dah bangkitkan dalam mesyuarat yang... pada sebelum ni. Tetapi saya bangkitkan semula semalam. Jadi saya tak nampak apa ni... apakah keputusan terhadap rumah tersebut? Satu.

Yang keduanya bagi Rumah Rakyat Pahang yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun memberikan watak baru-baru ini, dekat dengan hotel di Tanjung Lumpur. Jadi saya rasa kalau kita nak ambil kesempatan, strategi kitalah untuk menghadapi pilihanraya maka dua perkara ni tadi memang perlulah. Rumah yang dah siap patut diserahkan, ditawarkan dan kemudian kemudian watak yang dah dapat pun apa lagi jalan lah. Sebab itu kita dah terima watak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey Yang Berhormat. Ya. Jelas soalan.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Jadi saya minta ulasan lah sikit daripada pihak EXCO. Terima kasih.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih sahabat saya Pulau Manis. Jiran saya ya.

Untuk makluman Pulau Manis, rumah dia panggil PAKR ataupun Rumah Kos Sederhana Rendah adalah projek daripada KPKT. Empat lokasi telah dipilih iaitu di Cherating sebanyak 100 unit, di Inderapura 100 unit, di Sungai Kemap, Maran 100 unit dan di Jaya Gading 100 unit.

Untuk makluman Yang Berhormat Pulau Manis bulan lepas saya telah mengadakan mesyuarat bersama dengan agensi dan difahamkan rumah ni tidak dapat diserahkan lagi. Projek-projek di... *Federal*... dilaksanakan kontraktor *Federal* tidak dapat diserahkan Kerajaan Negeri kerana terdapat beberapa kerosakan. Tak akan lah kita nak serah rumah yang rosak kepada pembeli. Jadi pihak KPKT dalam proses untuk membaikpulih dan jika ada semua baikpulih, dia akan diserahkan sebab senarai nama tu ada. Sekarang ni kita nak serah rumah pada rakyat mestilah rumah yang sempurna



kalau rumah tak sempurna takkan rakyat nak terima nak serah rumah yang tak siap. Ada empat projek. Itu yang saya ambil maklum.

Yang kedua berkaitan dengan di *Swiss-Bell* baru ni adalah penyerahan RRP untuk 2023. Jadi insya-Allah pada tahun depan tapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar memaklumkan bahawa jika mana-mana kawasan Yang Berhormat tidak menyiapkan rumah yang fasa yang ada, iaitu fasa 2A dan fasa 2B pada 2022 ini, selagi dia tidak siap, projek untuk tahun depan tidak akan di diluluskan sehinggalah projek yang ada di siapakan dulu. Itu sahaja Yang Berhormat.

Untuk saya mengakhiri ucapan saya...

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, minta maaf Yang Berhormat Tahan. Duduk. Sila duduk Yang Berhormat, Yang Berhormat EXCO Kerajaan. Masa penggulungan ini, kita seharusnya memberi penghormatan kepada pihak kerajaan menjelaskan segala hujah-hujah, isu-isu yang penting. Jadi oleh kerana, saya faham oleh kerana Dewan kita yang terakhir sidang hari ini seboleh-bolehnya kalau nak bertanya pun soalan yang ringkas padat dan memerlukan jawapan yang segera untuk kepentingan rakyat. Tapi kalau Yang Berhormat bertanya soalan yang terlalu panjang berjela-jela dan juga barangkali melangkaui seolah-olah perbahasan pula, saya tidak akan izinkan.

Jadi saya minta maaf atas isu itu. Ini masa untuk kita mendengar dan meneliti apa-apa hujah yang disampaikan oleh pihak kerajaan. Jadi okey lah saya rasa jelas kalau sekiranya Yang Berhormat nak bertanya juga, jangan lah terlalu panjang soalan itu dan terus kepada isu yang dibangkitkan. Mungkin penting untuk kepentingan rakyat. Jadi untuk Tahan saya nak dengar, apakah soalan yang nak dibangkitkan?

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak perlu memberi ulasan terus sahaja kepada soalan.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Ya, ya. Saya nak merujuk kepada pembinaan Rumah Generasi Baru di FELDA Sungai Retang. Daripada 400 unit saya ada difahamkan telah siap 104 unit walaupun tidak... belum lagi masuk api. Cuma saya nak tahu dari sudut penjualannya, adakah keutamaan diberikan kepada generasi baharu FELDA Sungai Rentang, memandangkan dari sudut cara penjualannya secara umum. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.



YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Saya nak menjawab bagi pihak sahabat saya

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ADUN Pulau Tawar nak menjawab. Ha, kawasan FELDA. Okey.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Kerana ini kawasan FELDA. Kawasan FELDA. Kawasan saya dan kawasan FELDA

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Tahan, sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk dulu. Kalau sekiranya berkaitan dengan *portfolio* Yang Berhormat dan kawasan Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat boleh menggulung sekali lah dalam... dalam ucapan penangguhan.

Boleh... Boleh saya jemput Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat?

Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Pahang.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Sempena... nak jawab?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Atau...nak jawab? Okey, Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.

Terima kasih kepada Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan semua. Alhamdulillah di sini saya mengambil bahagian, kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana bentangkan Belanjawan Negeri Pahang Darul Makmur 2023 yang bertemakan *Negeri Stabil, Rakyat Sejahtera* selari dengan...

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya tak dan nak menggulung yang akhir belum. [Ahli Dewan ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Duduk...duduk

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Minta maaf...minta maaf.



YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Kira habislah tu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Duduk Yang Berhormat.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Saya nak maklum satu sahaja.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Minta maaf...minta maaf. Yang Berhormat...Yang Berhormat Tahan. Yang Berhormat Exco Kerajaan. Duduk...duduk

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Sebab diganggu oleh soalan-soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Jadi beginilah ya. Saya memberi masa yang secukupnya. Jadi Yang Berhormat apa ini? Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan boleh membuat penggulungan untuk dua minit atau tiga minit. Sila.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan sekalian hari ini merupakan sidang DN terakhir bagi penggal ini dan saya mahu ampun dan maaf jika ada salah dan silap semasa saya diamanahkan sebagai Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan bermula 2018 sehinggalah pada hari ini.

*Mencari timba si anak dara,
Di bawah sarang burung tempua,
Mohon maaf kata bicara,
Di lain masa kita bersua.*

Sebelum mengakhiri ucapan penggulungan ini saya memohon RUU Perbekalan 2022/2021 dan usul pembangunan yang Perbekalan... dan Perbekalan Air 2022 yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dengan ini menyokong ucapan Usul yang diumumkan. Sekian wabillahi assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Saya juga juga menyambung ucapan penggulungan saya.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat sabar, Yang Berhormat.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Yang diganggu sebentar tadi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Hormat Tahan. Sabar er... Pulau Tawar tenang. Ambil nafas, tarik nafas. Ya saya akan bagi peluang, jangan bimbang. Yang Berhormat jangan tergesa-gesa. Izinkan sedikit masa kepada Yang di-Pertua untuk memberi sedikit penerangan penjelasan. Kalau main bangun... bangun... bangun ini saya pun tak tahu macam mana nak menguruskan Dewan nanti. Saya tahu, Yang Berhormat ada terlalu ghairah bangkali ataupun terlalu bersedia untuk menyampaikan apa perkara yang perlu dibangkitkan mengikut portfolio.

Saya tahu ADUN Pulau Tawar memang seorang Wakil Kerajaan yang cukup apa... mantap memberi ucapan yang telus. Contohnya bila Tahan tadi bertanya dia terus nak bangun tanpa meminta izin daripada rakannya sebelah. Walaupun portfolio perumahan, tapi dalam kawasan FELDA. Saya faham, ini satu... melambangkan kerjasama yang baik muafakat yang cukup erat antara satu sama lain. Baik, sekarang saya menjemput Pengerusi jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Koperasi Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Pahang membuat penggulungan. Silakan. [Ahli Dewan tepuk meja]

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua, saya menyambungkan mukadimah saya tadi. Alhamdulillah rabbil alamin amin Assalamualaikum warah...

YB. YANG DI-PETUA DEWAN

Bukan menyambung, memulakan baru dah.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Memulakan baru.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Alhamdulillah dah dua kali.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Sebab saya diganggu oleh Yang di... Speaker Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bukan mengganggu Yang Berhormat.



YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Alhamdulillah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya menegur, saya perlu menegur bukan mengganggu. Sila.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Alhamdulillah di sini saya mengambil bahagian kesempatan untuk merakam penghargaan ucapan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana membentangkan bajet prihatin yang layak. Saya juga ingin mengucapkan syabas tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya meningkatkan kutipan hasil RM1 bilion. Selari sebaris dengan negeri-negeri yang maju seperti Johor dan Selangor.

Yang Berhormat Dato Sri Yang di-Pertua,

Setinggi penghargaan dan ucapkan terima kasih juga saya kepada semua Ahli Dewan yang mengemukakan pertanyaan pelbagai isu-isu berkaitan dengan portfolio saya. Oleh kerana mood pilihanraya, semua Wakil Rakyat nak balik kawasan. Nak bersedia dengan jentera-jentera pilihanraya. Saya ucap terima kasih terutama ADUN Ibam, Pulau Manis. Saya akan jawab secara bertulis apa kemusykilan secara bertulis, ada bukti hitam putih, lagi bagus daripada secara lisan. Saya akan ambil tindakan segera.

Akhir kata sama kita bersepakat. Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat. Dengan ini saya menyokong RUU Perbahasan 2... Perbekalan 2022 dan Perbekalan air 2023 yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Wabillahaufik walhidayah Assalamualaikum warahmatullahi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Tawar. Pihak kerajaan memberi jawapan yang cukup jelas, padat, pendek. Ibarat kata dengan izin *short and sharp*. Tapi saya berharap pihak urus setia mengambillah ingatan supaya soalan-soalan itu dapat dijawab secara bertulis. Baiklah, seterusnya saya jemput Pengerusi Jawatankuasa Sains Teknologi Inovasi Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang. Silakan Yang Berhormat.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan usul belanjawan yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada Jumaat yang lepas. Saya di sini ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana telah membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2023 bertemakan "Negeri Stabil, Rakyat Sejahtera".

Syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana sehingga 7 Oktober 2022, Kerajaan Negeri



telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM1.037 bilion berbanding dengan sasaran sebanyak RM1.036 bilion iaitu melebihi 100% sasaran yang telah ditetapkan. Ini telah membuktikan bahawa jentera Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dalam menguruskan belanjawan Negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Sidang Dewan, sepanjang saya berkhidmat sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak pernah menolak setiap permohonan bantuan dan sumbangan oleh rakyat negeri Pahang yang memerlukan. Pelbagai inisiatif dan bentuk bantuan telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kepada seluruh golongan sasar di negeri Pahang seperti orang perseorangan yang bermula daripada bayi baru lahir, kanak-kanak, remaja, belia, warga emas, persatuan-persatuan, NGO, PIBG sekolah dan lain-lain.

Seperti juga kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tiada janji lihat bukti dan jika berbelanja janganlah sampai boros dan jika berjimat janganlah sampai kedekut. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kepimpinan Kerajaan Negeri yang telah memperuntukkan sejumlah RM26.4 juta bagi inisiatif berkaitan ICT, teknologi dan pendigitalan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Menyentuh tentang pencapaian dalam bahagian komunikasi bagi projek pembinaan menara telekomunikasi baru bermula tahun 2018 sehingga 2022. Sebanyak 392 menara telah dibina di negeri Pahang, di mana 150 menara telah siap beroperasi dan 242 masih dalam pembinaan di bawah Projek JENDELA 2020 dan dijangka siap berperingkat sehingga pertengahan tahun 2023. Manakala bagi projek penaiktarafan 902 stesen pemancar sedia ada di seluruh negeri Pahang telah pun selesai sepenuhnya dia naik taraf ke... ke rangkaian 4G.

Bagi projek penaiktarafan Rangkaian Jalur Lebar Tetap, sehingga kini sebanyak 88,144 premis telah selesai dinaiktaraf manakala baki sebanyak 30,116 premis sedang dalam peringkat pelaksanaan dan akan selesai dinaiktaraf pada penghujung 2022. Bagi Projek Internet Jalur Lebar Teknologi Satelit pula, kesemua 69 kampung Orang Asli telah selesai sepenuhnya dipasang teknologi satelit ini pada bulan April 2022. Bagi perkhidmatan internet yang lebih baik dalam bangunan, sama ada premis kediaman mahupun komersial, usaha masih diteruskan bagi menambah bilangan premis kepada sasaran 220,236 premis di Pahang yang dirangkaikan dengan gentian optik pada penghujung tahun 2022.

Kadar liputan lebar... kadar liputan jalur lebar mudah alih 4G untuk negeri Pahang kini telah meningkat daripada 65.6% pada suku kedua 2018 kepada semua 93.59%. Pada suku kedua 2022 iaitu peningkatan sebanyak 28%. Perincian adalah seperti berikut; di Kuantan 98%, Pekan 95%, Rompin 89%, Maran 93%, Temerloh 96%, Bentong 95%, Raub 90%, Cameron 87%, Bera 94%, Lipis 79%, Jerantut 86%. Semalam Cameron ada kata tak capai internet di Cameron Highlands 50% sahaja. Saya tidak tahu di mana dia dapat angka 50% itu di sini menyatakan bahawa di Cameron Highland 87%.

Kadar ini dijangka akan terus meningkat apabila semua Projek JENDELA Fasa 1 yang dilancarkan pada tahun 2020 bagi pembinaan menara baru dijangka akan siap secara berperingkat bermula penghujung tahun 2022 hingga pertengahan tahun 2023 dan akan mencapai sasaran sebanyak 96.9%. Kerajaan Negeri Pahang juga telah turut



serta membiayai projek perkhidmatan internet menggunakan teknologi satelit di 50 kampung luar bandar dan pedalaman. Projek yang dikenali sebagai PRISMA Pahang Yang Berhormat Yang di-Pertua, dengan izin *Pahang Rural Internet Services & Multimedia Access* yang bernilai RM3 juta akan memberikan perkhidmatan internet secara percuma untuk tempoh 12 bulan di lokasi berkenaan yang bermula pada bulan Oktober 2022. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana telah meluluskan peruntukan ini bagi memastikan masyarakat luar bandar turut sama tidak ketinggalan dalam agenda pendigitalan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang juga memainkan peranan penting dalam usaha untuk menambahbaik perkhidmatan komunikasi dengan memperkenalkan polisi dan pendekatan baharu bagi memastikan pelaksanaan dan pembangunan infrastruktur komunikasi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Antaranya telah meluluskan yang pertama, mengiktiraf komunikasi sebagai utiliti awam ketiga selepas air dan elektrik. Yang kedua, pemakaian syarat penyediaan infrastruktur komunikasi dalam Kebenaran Merancang berkuatkuaa dari 10 Mei 2022. Yang ketiga, bersetuju untuk memberi hak konsesi kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang (PSK) untuk perolehan tanah bagi kegunaan tapak pembinaan menara komunikasi baru.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menyentuh PahangGo. PahangGo yang ditubuhkan pada 26 Mac 2019 adalah merupakan anak syarikat milik Kerajaan Negeri yang terus memainkan peranan penting sebagai peneraju utama ekonomi digital dalam negeri Pahang. Ianya merupakan cetusan idea Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang sedang akan... yang sedar akan kepentingan ekonomi digital, selari dengan perkembangan ekonomi negara dan dunia. Kerajaan Negeri berhasrat ingin menjadikan aplikasi ini sebagai aplikasi *super apps* pertama di Malaysia yang menawarkan pelbagai perkhidmatan berkaitan kerajaan dan menjadikan aplikasi *mobile* berkaitan negeri yang terbaik di negara ini.

Aplikasi PahangGo ini telah mencatat bilangan pengguna seramai 270 ribu dengan purata nilai transaksi mencecah... mencecah kutipan sebanyak RM1.2 juta sebulan. Jumlah keseluruhan kutipan yang diuruskan oleh PahangGo sejak penubuhannya adalah sebanyak RM37 juta. Beberapa inisiatif digital dilaksanakan semenjak penubuhannya adalah seperti, yang pertamanya *parking* digital di lima daerah, yang kedua sistem penguatkuasaan PBT, yang ketiga pembayaran cukai tanah, keempat carian hakmilik, kelima pembayaran kompaun semua 11 PBT, keenam bil utiliti, ketujuh *top-up* prabayar telco, delapan baucer pelancongan dan eksport e-sport, kesembilan zakat, kesepuluh cukai taksiran di semua 11 PBT.

Di sini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar kepimpinan Kerajaan Negeri dan rakyat negeri Pahang yang telah memberikan sokongan yang padu kepada PahangGo dalam pelaksanaan inisiatif digital yang telah kita rancang. Juga diucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan Negeri, kakitangan awam telah banyak membantu dan bekerjasama dalam menyelesaikan misi pendigitalan negeri serta pihak-pihak industri yang telah menjalinkan usahasama dengan pihak PahangGo.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,



Pelan digital negeri Pahang yang juga dikenali sebagai Pahang Digital 2021 hingga 2025 telah dilancarkan pada 31 bulan Mei 2022 adalah merupakan sebuah inisiatif perancangan lima tahun Kerajaan Negeri bagi mewujudkan ekosistem digital yang komprehensif dan berintegrasi antara sektor awam dan sektor swasta. Pelan ini melibatkan empat teras utama dengan 10 strategi, 50 inisiatif digital, 94 solusi digital serta melibatkan enam fokus industri. Dengan adanya peruntukan-peruntukan yang telah dilulus oleh kerajaan negeri kejayaan pelaksanaan inisiatif-inisiatif digital ini akan mewujudkan ekosistem digital yang komprehensif dan terbaik bagi menjadikan negeri Pahang kita sebagai negeri digital *ready*.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Mengakhiri ucapan penggulungan saya, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam perbahasan kali ini terutamanya yang telah mengemukakan soalan-soalan Dewan berkaitan portfolio saya iaitu ADUN Tanah Rata, ADUN Chini, ADUN Bukit Ibam, ADUN Inderapura, ADUN Muadzam Shah, ADUN Semantan, dan Ahli-ahli Dewan Negeri yang turut sama memberikan soalan-soalan tambahan, pandangan dan idea terhadap portfolio Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada Bahagian Teknologi maklumat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, pegawai-pegawai Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan, pihak media, syarikat-syarikat telekomunikasi dan pihak-pihak yang berkaitan atas kerjasama erat dan komitmen yang padu diberikan kepada saya sepanjang saya memegang portfolio Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia negeri Pahang.

Saya juga ingin mengambil kesemp... saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah dan Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas sokongan dan dorongan tiada berbelah bagi bagi Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang bak kata pepatah "raja dan rakyat berpisah tiada" dan juga kepada saya, selama saya berkhidmat sebagai ahli Majlis Mesyuarat kerajaan negeri.

Dengan segala peruntukan-peruntukan dan perancangan-perancangan yang telah disediakan dan akan dilaksanakan nanti, sudah tentu akan lebih memajukan menyejahterakan dan memakmurkan lagi negeri Pahang insya-Allah. Maju Terus Pahang, Pahang1st, *This is Pahang*. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong wabillahitaufik walhidayah Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya menjemput, Yang Berhormat... minta maaf. Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Luar Bandar Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Sila Yang Berhormat Dato'.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang



Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Hormat Ahli-ahli Dewan Negeri. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala dengan izin dan limpahnya pada pagi ini dapat kita bersama dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Sidang Dewan Negeri Pahang Yang Ke-14 yang telah bermula pada Jumaat yang lepas.

Mengambil kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail atas pembentangan Belanjawan Negeri Pahang tahun 2023 pada Jumaat lalu. Saya ingin menzahirkan ucapan syabas juga kepada semua yang terlibat dalam pertabalan negeri Pahang yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas kejayaan kutipan hasil sebanyak RM1 bilion.

Dalam belanjawan tersebut juga, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membentangkan pelbagai perancangan yang strategik dan inisiatif yang begitu baik yang telah dirangka dan bakal dilaksanakan termasuk jugalah perancangan-perancangan yang berkaitan dengan portfolio saya iaitu Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli. Dengan kerjasama dan komitmen dari semua pihak, saya berharap perancangan yang telah dirangka dapat dilaksanakan dengan lancar insya-Allah.

Seperti biasa dalam sidang Dewan kali ini dan juga sidang Dewan lepas, persoalan, isu, cadangan dan hasrat berkaitan portfolio saya iaitu Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli di negeri Pahang sentiasa menjadi tumpuan utama yang diketengahkan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Saya selaku pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuhnya portfolio saya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian yang serius dalam menumpukan usaha-usaha ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup dan memperkasakan modal insan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di negeri Pahang. Alhamdulillah, seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dalam ucapan belanjawan tahun 2023, kita dapat lihat dalam strategi belanjawan keempat, menjamin kesejahteraan dan menjamin pembangunan Orang Asli dengan pelbagai perancangan projek dan program yang komprehensif dirangka untuk masyarakat Orang Asli di negeri Pahang. Antaranya ialah Rumah Rakyat Pahang Orang Asli (RRPOA) sebanyak 100 unit.

Kedua, Program baikpulih rumah Orang Asli yang layak dengan sasaran sebanyak 100 buah rumah. Ketiga, Program Pembekalan Air ke Kampung Orang Asli yang akan memberikan manfaat kepada 3,300 masyarakat Orang Asli di 33 Kampung Orang Asli di negeri Pahang. Keempat, Program Kebersihan di pusat-pusat pelancongan Orang Asli dengan peruntukan sebanyak RM 200,000.00.

Kelima, inisiatif perkahwinan pertama sebanyak RM300.00 bagi setiap pasangan yang diluaskan dan memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli. Maknanya, setakat ini Kerajaan Pusat telah pun bersama dengan kita, yang mana meluluskan RM500.00. Jadi mungkin masyarakat Orang Asli pun akan mendapat RM800.00 lah. Mana mungkin lah boleh Masyarakat Orang Asli bekerja dengan lebih keras lagi. Jangan sampai siang sudahlah, malam cukuplah.



Keenam, Program Kampung Angkat Orang Asli bagi usahawan tani fertigasi di tiga Kampung terpilih dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM300,000.00. Program Peduli Orang Asli mensasarkan 50% dari jumlah keseluruhan pelajar Orang Asli dibantu menyambung pengajian ke peringkat Universiti dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00. Insya-Allah dengan kerjasama semua pihak seperti Orang Asli, Yayasan Pahang, Pejabat Daerah dan Tanah serta lain-lain jabatan yang berkaitan, diharapkan semua program dan projek ini dapat dilaksanakan dengan jaya. Selain itu juga Kerajaan Negeri dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang turut bekerjasama dengan melaksanakan... yang melibatkan masyarakat Orang Asli di negeri Pahang.

Antara projek-projek terlibat ialah Pembangunan Infrastruktur dan Ameniti Sosial, Projek Jalan Perhubungan, Program Pembangunan Usahawan dan Ekonomi serta Program Pembangunan Modal Insan. Ada di antara program ini telah selesai sepenuhnya dan ada juga projek yang masih dalam pelaksanaan. Saya sebagai Pengerusi Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli di Pahang sentiasa menyusul projek-projek ini dengan JAKOA supaya dapat dilaksana dengan tanpa ini... masalah.

Yang Hormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kemudahan prasarana utiliti dan ameniti sosial yang berkualiti adalah amat penting untuk meningkatkan keselesaan, kesejahteraan dan menggerakkan pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar. Kerajaan Negeri Pahang tidak pernah meminggirkan keperluan dan pembangunan bagi kelompok masyarakat luar bandar terutamanya dalam penyediaan prasarana yang yang selesa. Kerajaan Negeri sentiasa menjalin hubungan kerjasama yang baik dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta agensi-agensi di bawahnya untuk memastikan kelompok- kelompok masyarakat luar bandar di negeri Pahang tidak ketinggalan dalam perancangan pembangunan.

Oleh itu seperti yang dibentangkan... dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Jumaat lalu, Kerajaan Negeri Pahang dalam belanjawan telah mengemukakan permohonan projek-projek luar bandar sebanyak RM3.47 bilion yang terdiri daripada empat kumpulan utama iaitu Jalan Luar Bandar, Jalan Jambatan Baru Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar dan juga Projek Kemajuan Kawasan. Semoga semua atau sejumlah besar projek- projek yang telah dimohon ini diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Hal ini adalah penting untuk memastikan Pembangunan Kelompok Luar Bandar dalam pelbagai sudut seiring perkembangan di bandar memandangkan mereka juga mempunyai peranan besar dalam menyumbangkan kepada peningkatan ekonomi negara.

Yang Hormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung atau JPKK merupakan sebuah organisasi yang berperanan mengurus tadbir kampung serta menjadi medium penghubung antara pentadbir peringkat negeri dan daerah bersama penduduk kampung. Sebagai menghargai khidmat cemerlang Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Negeri Pahang, seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dalam ucapan Belanjawan tahun 2023, Kerajaan Negeri telah menaikkan elaun bulanan Pengerusi JPKK daripada RM750.00 kepada RM1,000.00 sebulan berkuat kuasa 1 Januari 2023.



Adalah diharapkan ia dapat menjadi pendorong kepada Pengerusi JPKK untuk menunaikan tanggungjawab dengan lebih berkesan dan berusaha untuk membawa imej JPKK sebagai sebuah institusi yang berprestij dan disegani rakyat. Saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas keperihatinan beliau dalam menzahirkan penghargaan kepada Pengerusi JPKK.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Agenda pembangunan kampung juga tidak dipinggirkan dalam Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2023. Sebanyak RM1.21 juta akan diperuntukkan kepada 11 kampung terpilih, 10 kampung tradisi dan satu kampung Orang Asli bagi setiap daerah di negeri Pahang. Untuk Program Keceriaan Kampung, program keceriaan ini akan meliputi... meliputi aspek kebersihan, tanam-tanaman bunga dan projek-projek pertanian di kampung. Sekali lagi, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas inisiatif ini. Baru-baru ini juga KPLB telah melancarkan Program Aspirasi Kampung Sejahtera yang mana program ini mengetengahkan satu konsep yang ikonik dan komprehensif melibatkan lima aspek.

Pertama, Tadbir Urus Berkesan Inovasi dan Ekspirasi. Kedua, Ekonomi Berdaya Saing. Ketiga, Modal Insan. Keempat, kesihatan dan persekitaran serta prasarana dan kemudahan masyarakat. Dalam usaha untuk menzahirkan inspirasi Kampung Sejahtera ini, JPKK dilihat sebagai satu organisasi penting untuk memimpin masyarakat di peringkat kampung ke arah kampung sejahtera negeri Pahang.

Dan negeri Pahang telah mengemukakan sebanyak tujuh... sebanyak tujuh pencalonan kampung tradisi dan tiga pencalonan Kampung Orang Asli di mana pentadbiran ini diketuai oleh JPKK dan JPPKAOA ke Pertandingan Inspirasi Kampung Sejahtera dan insya-Allah sesi penilaian telah diadakan pada Ogos dan September dan insya-Allah, keputusan bagi pertandingan ini akan diumumkan pada masa terdekat oleh KPLB.

Yang Hormat Dato' Yang di-Pertua... Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menjawab mengenai soalan-soalan tambahan yang telah dibangkitkan khususnya daripada ADUN Ketari, menyuarakan pandangan supaya Kerajaan Negeri memberi perhatian dan menyegerakan pewartaan tanah Orang Asli di negeri Pahang. Pewartaan tanah Orang Asli adalah merupakan antara perkara penting dalam perancangan kemajuan masyarakat Orang Asli oleh Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dan JAKOA sentiasa bekerjasama untuk mengangkat keperluan kewangan bagi menyelesaikan kerja pengukuran kawasan Kampung Orang Asli secepat mungkin kepada Kerajaan Persekutuan.

Secara dasarnya semua baki tanah Orang Asli yang belum diwartakan telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk diwartakan di bawah Akta 134, Akta Orang Asli 1954 dan Kanun Tanah Negara. Baki tanah tersebut adalah seperti berikut; Pewartaan 76 buah kampung seluas 8,958 hektar yang telah mendapat kelulusan MMK sebelum ini, di bawah rizab tujuh, rizab orang Melayu, rizab Orang Asli.

Sebenarnya di Pahang ni kita ini Orang Melayu dengan Orang Asli ini sebenarnya sama je, lebih kurang. Saya menganggap Orang Asli ini kira orang Melayu lah orang Melayu itu Orang Asli. Dan pewartaan 139 buah kampung... pewartaan 139 buah kampung seluas 38,242 hektar yang telah mendapat kelulusan MMK selepas tahun 2006 di bawah Seksyen 6, Kawasan Penempatan Orang Asli. Ketiga, pewartaan dua buah kampung, Kampung Bechah Kelubi dan Prosdet Pantos seluas 517 hektar di



daerah Lipis di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara di mana telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2001.

Kesemua 139 buah kampung yang akan diwartakan di bawah Seksyen 6 Akta 134 Orang Asli telah dimasukkan di dalam perancangan permohonan Rancangan Malaysia Ke-12, yang telah diselaraskan oleh Kerajaan Negeri dan JAKOA bagi mendapat peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kerja mengukur kawasan perkampungan tersebut, bagi membolehkan permohonan warta diangkat kepada Kerajaan Negeri.

Maksudnya kita di peringkat Kerajaan Negeri menunggu... menunggu kerja-kerja pengukur dari pihak JAKOA dan selepas itu barulah kita boleh wartakan. Isunya, pada tahun 2021, JAKOA Pahang telah menerima kelulusan untuk mengukur 14 buah kampung yang melibatkan daerah Lipis, Pekan, Rompin, Temerloh, Jerantut, Bera, Bentong dan Cameron Highlands dan sedang dalam tindakan kerja ukur oleh juru ukur yang telah dilantik oleh JAKOA.

Manakala baki 125 kampung akan dimasukkan bajet dalam rancangan... Rancangan Malaysia Ke-12 dan seterusnya mendapat peruntukan kewangan yang secukupnya bagi kerja-kerja mengukur. Soalan... Pertanyaan yang kedua daripada ADUN Tanah Rata memberi cadangan supaya Kerajaan Negeri mengemukakan semula permohonan projek pembangunan luar bandar di Cameron Highlands yang telah diluluskan namun belum... belum dilaksanakan... belum dilaksanakan iaitu projek menaik taraf jambatan kedua di Kampung Teriso projek menaiktaraf Jalan Pos Lemoi, projek bekalan elektrik... elektrik Orang Asli di Pos Lemoi.

Untuk makluman Ahli Tanah Rata berdasarkan semakan terkini ketiga-tiga projek tersebut masih belum mendapat kelulusan bagi *rolling plan* yang pertama, kedua atau ketiga. Sekarang ni pun tak tahu kita kedudukan sebab Parlimen telah dibubarkan, ke-4, ke-5 pun tak tahu dah. Kerajaan Negeri bersama-sama dengan KPLB Negeri Pahang mengambil maklum dan akan menyelaraskan projek-projek tersebut untuk diangkat di dalam *rolling plan* Ke-4, Rancangan Malaysia Ke-12 kepada ni... Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Walau bagaimanapun, saya dimaklumkan bagi projek elektrik kampung Orang Asli di Pos Lemoi yang telah dihantar bajet oleh TNB dengan peruntukan sebanyak RM9.7 juta. Oleh kerana kekangan kewangan, pihak kerajaan telah bersetuju untuk mengambil inisiatif awal dengan membina Mikro Hidro.. Mikro Hidro dan hari ini kita dalam proses dengan ni... pihak TNB, sebenarnya syarikat daripada TNB untuk melaksanakan Mikro Hidro di Pos Lemoi. Ini kita tunggu ini... TNB.

YB. Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan serta cadangan penambahbaikan yang melibatkan kumpulan sasar di bawah portfolio saya. Saya menghargai segala cadangan dan teguran serta akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan input yang diterima. Saya bersama jentera-jentera di bawah portfolio saya, dari masa ke semasa sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memastikan hak dan kepentingan penduduk luar bandar dan Orang Asli terpelihara.

Justeru, kami sentiasa mengalu-alukan cadangan penambahbaik dan sebarang bentuk kerjasama daripada semua pihak. Saya juga sekali lagi menzahirkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar



Pahang di atas segala strategi dan inisiatif yang telah dibentangkan dalam ucapan belanjal... Belanjawan 2023. Akhir kata, saya mohon menyokong Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2023 yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Wabillahi taufik wal hidayah assalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana kita masih lagi ada masa 10 pagi, saya cadang untuk meminta seorang lagi wakil kerajaan sebelum saya tempohkan Dewan ini. Dengan itu, saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang untuk membuat penggulungan. Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HAJI HUSSAIN

Bismillahirrahmanirrahim, alhamdulillah rabbil alamin washolatu wassalamu ala asrofil ambiya iwal mursalin wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya pada kali ini untuk menggulung dalam sesi pembentangan Bajet 2023 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang kita pada masa yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Dewan yang dikasihi sekalian,

Sebelum saya meneruskan sesi penggulungan izinkan saya menjawab beberapa pertanyaan lisan yang dibangkitkan oleh sahabat ADUN semalam. Untuk makluman ADUN Teruntum, Kerajaan Negeri tidak hanya menumpukan kepada sukan teras sahaja dalam memberikan peruntukan ini. Ini kerana Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Pahang memberikan tumpuan kepada semua 40 jenis sukan berprestasi tinggi yang digazetkan dalam atas pembangunan sukan.

Peruntukan kepada sukan dan Persatuan berkaitan sentiasa diberikan dari semasa ke semasa termasuk untuk penganjuran dan penyertaan kejohanan sukan. Sebagai contoh, peruntukan bagi pembangunan sukan dan anak muda pada tahun 2022 meningkat sebanyak 53.3% iaitu dengan jumlah yang diterima RM15,630,660.00 berbanding RM8,331,700.00 pada tahun 2021.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Berhubung dengan cadangan ADUN Pulau Manis yang membangkitkan, mencadangkan supaya Kerajaan Negeri merangsang pembangunan sukan di peringkat sekolah bagi mencungkil bakat baru, suka saya memaklumkan bahawa perkara ini telah terkandung dalam pelan pembangunan sukan berprestasi tinggi negeri Pahang oleh Majlis Sukan Pahang. Ini dapat dilihat oleh salah satu inisiatif yang terkandung dalam pelan tersebut iaitu meningkatkan kerjasama carian bakat di peringkat sekolah bersama Jabatan Pelajaran Negeri.

Melalui inisiatif ini, pemerkasaan kerjasama strategik antara Majlis Sukan Pahang dengan Jabatan Pelajaran Negeri dalam mengenal pasti bakat sukan di peringkat sekolah dan merangka formula berkesan untuk melahirkan keseimbangan prestasi akademik dan sukan. Sebagai contoh, pada tahun 2022, beberapa siri pencarian bakat sukan telah dilaksanakan bersama sekolah bagi sukan olahraga, menembak, memanah dan berbasikal. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada *team* bola sepak Piala Presiden dan Piala



Belia, yang mana kedua-duanya baru ini melakarkan kejayaan yang cemerlang. Kerajaan juga sentiasa meningkatkan penyaluran peruntukan dari semasa ke semasa agar pembangunan sukan di negeri ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli Dewan yang dihormati sekalian,

saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang kita, yang telah berjaya membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2023. Dengan membawa tema 'Negeri Stabil, Rakyat Sejahtera', sememangnya bertepatan dengan pengumuman yang menggembirakan rakyat Pahang.

Kejayaan negeri Pahang yang berjaya mengutip hasil sebanyak RM1.027 billion, berbanding sasaran yang ditetapkan sebanyak RM1.036 billion telah meletakkan Pahang sebaris dengan negeri-negeri yang maju di Malaysia ini. Syabas dan tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kita. Lima strategi belanjawan utama yang menjadi asas belanjawan 2023, antaranya strategi kelima yang memfokuskan membina generasi masa depan yang gemilang yang saya ingin tekankan. Sebanyak lima inisiatif yang telah dibentangkan di bawah strategi yang kelima ini.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, yang sentiasa memberi fokus dan cakna serta perhatian kepada keperluan pembangunan belia di negeri ini. Sebanyak RM375,000.00 peruntukan bagi pelaksanaan Program Intervensi Sosial, Program *Youth Career*, Program Webinar *Youth Digital*, Kursus *Youth Agrotech* manakala sebanyak RM1 juta pula disalurkan melalui pelaksanaan pelbagai program dan kursus latihan untuk membangunkan belia di negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Tidak sekadar itu, peruntukan sebanyak RM3 juta untuk program teknokrat yang meliputi aspek seperti geran latihan, kursus kemahiran dan pembelajaran *Internet of Thing* dan *coding*, pembangunan aplikasi dan kemahiran digital serta *sports cameraman* merupakan bukti Kerajaan Negeri serius bagi meningkatkan taraf profesionalisme belia di tanah air ini. Penerusan Program Pahang Talent juga suatu perkara yang harus dipuji dengan memperuntukkan khas sebanyak RM50,000.00 bagi membimbing dan melatih serta menyelaras anak-anak muda negeri ini yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah untuk berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Pahang pada ketika ini, dan program ini haruslah diteruskan dari semasa ke semasa bagi memberi peluang kepada kepimpinan pelapis kita pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua,

Sidang Dewan yang dihormati sekalian, pembangunan sukan di Negeri Pahang sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan rakyat di negeri ini sentiasa kekal aktif dan menjalani cara hidup yang sihat. Sepanjang tahun 2022, kita telah melihat pencapaian cemerlang atlet-atlet Malaysia di peringkat Sukan Malaysia, Sukan SEA dan Sukan Komanwel. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada atlet-atlet kita yang telah berjaya di Sukan Komanwel dan juga Sukan SUKMA baru-baru ini. Warga sukan Negeri Pahang juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada kepimpinan Yang Amat



Berhormat Menteri Besar Pahang atas pemberian *one-off* sebanyak RM300,000.00 bagi anak muda yang mengharumkan... RM300.00 ya, bagi anak muda yang mengharumkan nama Negeri Pahang dalam bidang sukan. Melalui pemberian tersebut adalah diharapkan dapat menyuntik semangat kepada semua atlet untuk terus mengharumkan nama negeri dan negara dalam sukan yang disertai.

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua,

Saya ingin membetulkan bukan RM300... RM300,000.00 maaf ya. Iaitu er... berhubung kait dengan *Pahang Athlete* yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang baru-baru ini. Bagi meneruskan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap penggiat sukan 2023, Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengaktifkan semula sukan ekuestrian di Negeri Pahang Darul Makmur. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang telah berkenan untuk mengadakan Majlis Pemasyhuran Kompleks Ekuestrian Tanjung Lumpur sebagai Kompleks Ekuestrian Tengku Mahkota.

Justeru adalah diharapkan supaya peruntukan berjumlah RM1.5 juta akan disalurkan melalui Majlis Sukan Pahang bagi tujuan baik pulih kompleks, mengadakan majlis pemasyhuran dan juga penganjuran kejohanan ekuestrian peringkat kebangsaan. Yayasan Pahang pula akan terus melaksanakan program-program bersama masyarakat Orang Asli dan golongan B40 di kompleks tersebut. Selain itu, untuk makluman Sidang Dewan sekalian, Pemasyhuran Akademi Bola Sepak Mokhtar Dahari juga akan dimasyhurkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua,

Seterusnya, pada tahun 2023 juga akan menyaksikan Stadium Darul Makmur akan mencapai usia 50 tahun iaitu kita akan menyambut Jubli Emas. Justeru, sebagai sebuah bangunan bersejarah dan ikonik di tengah Bandaraya Kuantan adalah wajar supaya fasiliti dan persekitaran stadium dibaik pulih sewajarnya. Justeru peruntukan tambahan sejumlah RM2.35 juta akan diberikan kepada Stadium Darul Makmur bagi mengadakan Sambutan Jubli Emas serta menaik taraf peralatan serta persekitaran Stadium Darul Makmur itu sendiri, yang ketika ini Stadium Darul Makmur telah... yang sedang dibaik pulih dengan kos RM5 juta.

Bagi memastikan sejarah akan terus diingati, sebuah buku yang memperlihatkan sejarah dan transformasi stadium akan dibukukan iaitu sejarah perbadanan atau pun sejarah Stadium Darul Makmur. Ini bertujuan supaya peristiwa bersejarah sejak mula Stadium Darul Makmur ditubuhkan dapat dirasai oleh generasi sekarang khususnya anak muda.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya akan cuba ringkaskan lagi. Berbalik kepada usaha *Pahang Labour Council* dan juga PERKESO amat berterima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri, atas sikap cakna dan prihatin terhadap kepentingan dan perluasan perlindungan... perlindungan keselamatan sosial khususnya buat rakyat di negeri ini. Tahun ini sahaja menyaksikan sebanyak RM723,000.00 telah diperuntukkan bagi menggerakkan agenda tambahan Kerajaan Negeri melalui aktiviti pemprofilan atau pun *filing system* er... data pencari kerja, karnival pekerjaan dan geran padanan skim insuran pekerjaan sendiri.



Bagi mengekalkan keterlibatan secara aktif, peranan Kerajaan Negeri Pahang terhadap perluasan perlindungan keselamatan sosial dan perkhidmatan pekerjaan terutamanya bagi golongan anak muda, sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan dalam Bajet 2023, bagi pengurusan agenda dan pelaksanaan pelbagai program dan kursus latihan seperti berikut, pertama bengkel kebolehpasaran peserta sebagai Program *Return To Work* PERKESO Negeri Pahang, Geran Bantuan Khas Usahawan Program *Return To Work*, insentif tambahan kebolehpasaran golongan kehilangan pekerjaan, program baucar tunai kebolehpasaran kerjaya graduan, Siri Jelajah Program Jom Cari Kerja Anak Muda Negeri Pahang, Karnival Kerjaya Peringkat Negeri Pahang, Anugerah Tangan Emas dan Kebolehpasaran Pekerjaan Negeri Pahang, Geran Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri, Geran Caruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah.

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua,

Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kerana memberi ruang dan ruang kepada saya untuk menggulung pada petang ini dan er... saya mengharapkan mudah-mudahan Negeri Pahang Darul Makmur sentiasa aman, makmur dan sentosa dan sekali lagi ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana telah berjaya membentangkan bajet yang mana menjadi sejarah dan kita rakamkan sejarah ini bersama ya melepasi RM1 bilion pada kali ini.

Yang Berhormat Dato Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat er... Dato' Sri Pertua sendiri dan juga rakan-rakan ADUN, EXCO. Terima kasih juga kepada semua ketua-ketua jabatan, pegawai kanan, para pegawai dan juga penjawat awam dan juga anak-anak muda ya, yang berada dalam negeri Pahang ini dan juga luar negeri Pahang serta mahasiswa dan mahasiswi di Negeri Pahang Darul Makmur dan juga yang berada di luar negeri Pahang.

Dan terima kasih untuk akhirnya kepada Majlis Sukan Pahang, Perbadanan Stadium Darul Makmur, Jabatan Belia dan Sukan dan kepada semua rakyat negeri Pahang yang menerima berita gembira tentang pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kita. Dengan kata itu, saya memohon menyokong Belanjawan 2023 [Ahli Dewan menepuk meja] yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat masih boleh menunggu lagi ya supaya kita dapat menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang pada sesi pagi ini. Jadi di sebelah petang nanti bolehlah ya, kita mendengar empat lagi pihak kerajaan akan menjawab di waktu petang. Jadi boleh saya er... jemput Yang Berhormat Jawatankuasa... Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang. Boleh Yang Berhormat? Sila.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli-ahli Kerajaan yang lain er...



berbahas untuk er... menyokong Usul Belanjawan 2023 Negeri Pahang yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar... yang lalu.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan khususnya yang menyentuh portfolio Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan. Secara umumnya kita seluruh Ahli Dewan jelas bahawa Kerajaan Negeri Pahang sangat komited dan serius dalam membangunkan ekonomi dan memberikan kesejahteraan kepada seluruh rakyat Negeri Pahang ini. Jadi dalam belanjawan dibentangkan baru-baru ini terdapat pelbagai manifestasi kerajaan dalam nak menyampaikan kesejahteraan hidup itu melalui infrastruktur dan... infrastruktur, kesihatan dan juga pengangkutan.

Walaupun kita tahu bahawa portfolio kesihatan dan pengangkutan ini bukanlah di bawah bidang Kerajaan Negeri Pahang. Sidang Dewan Yang Dimulikan, di bawah Inisiatif Kelapan Pengurusan Bencana Pahang, dalam strategi kedua Belanjawan dibentangkan baru-baru ini, untuk memperkukuhkan tadbir urus, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM5.73 juta bagi pelaksanaan projek pasca banjir melibatkan kerja penyenggaraan infrastruktur jalan, serta langkah preventif dengan pemasangan sistem amaran awal di... sistem amaran awal tanah runtuh di tiga daerah iaitu Cameron Highland, Raub dan Bentong, di mana kawasan-kawasan ini berisiko tinggi berlaku runtutan tebing sama ada jalan persekutuan mahupun di jalan negeri.

Sebenarnya sepanjang tahun ini sahaja, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai projek, 11 projek besar laksanakan dalam nak mengatasi masalah yang berkait akibat bencana baru-baru ini. Seterusnya, pembangunan infrastruktur jalan luar bandar juga turut kita beri perhatian. Jadi di bawah Jawatankuasa Kerja Raya, pihak JKR selaku agensi pelaksana bagi sebahagian Projek Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Kemajuan Orang Asli sentiasa meningkatkan usaha untuk mendokong inisiatif kedua yang dimasukkan dalam belanjawan iaitu Pembangunan Luar Bandar dalam strategi ketiga, membangunkan infrastruktur yang mampan.

Untuk rekod, 13 projek KPLB, JKO di bawah JKR, yang dalam peringkat perancangan dengan anggaran kos sebanyak RM854 juta dan 18 projek KPLB JKO di bawah JKR yang masih dalam pembinaan dengan anggaran kos sebanyak RM961 juta.

Kerajaan Negeri juga telah mengemukakan sebanyak 77 permohonan projek cadangan menaik taraf dan bina baru infrastruktur jalan kepada KPLB dalam Rolling Plan Ke-3 Rancangan Malaysia Ke-12. Dengan anggaran peruntukan sebanyak 2.535 bilion. Permohonan cadangan projek naik taraf ataupun bina baru infrastruktur luar bandar ini adalah sejajar dengan Bajet 2023 yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan, di bawah fokus kedua, infrastruktur luar bandar strategi ketiga, pembangunan inklusif agenda ketiga, bajet reformis. Sekiranya diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan ini akan menjadi sebahagian daripada agenda luar bandar negeri Pahang untuk tahun hadapan.

Seterusnya, naik taraf infrastruktur jalan utama dari inisiatif ketiga menaik taraf jalan bawah strategi ketiga membangun infrastruktur yang mampan sepertimana belanjawan Pahang tahun 2023. Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan sebanyak 137 projek cadangan naik taraf atau bina baru infrastruktur jalan kepada Kementerian Kerja Raya dalam Rolling Plan Ke-3 Rancangan Malaysia ke-12 dengan anggaran peruntukan sebanyak RM35.691 billion. Permohonan cadangan projek naik taraf dan bina baru struktur jalan ini sejajar dengan Bajet 2023 Kerajaan Persekutuan



di bawah fokus pertama peruntukan pembangunan strategik kedua pembangunan infrastruktur negara dan agenda yang tiga bajet reformis.

Daripada 137 senarai cadangan pembinaan projek yang dikemukakan oleh... dikemukakan kepada Kementerian Kerja Raya, berikut adalah antara beberapa projek keutamaan negeri selaras dengan perancangan membina baru serta melancarkan jalan-jalan raya dan lebuh raya menghubungkan semua pintu masuk utama ke negeri lain yang bersempadan dengan kita. Antaranya di Lipis Projek Benta Link, yang menghubungkan jalan Central Spine Road, pakej 4B dan jalan FT08 Lipis dan juga cadangan menaik taraf laluan Raub Sungai Koyan - Ringlet Pahang Fasa 2. Menaik taraf Jalan Brinchang ke Sungai Koyan, Kuala Lipis. Di Cameron Highlands, Projek membina *One Way Loop*, dua lorong sehalu di Kea Farm dan menaik taraf jalan dari bulatan McDonald's ke persimpangan Brinchang atau *Time Tunnel* sepanjang 100 meter dari jalan berkembar, 4 lorong dua hala.

Di Bera kita mencadangkan untuk menaik taraf Jalan Gemas - Temerloh Fasa 2. Di Kuantan, pembinaan persimpangan bertingkat Bukit Rengin Seksyen 327, Jalan Pintasan Kuantan FT03. Dan satu lagi di Kuantan, pembinaan persimpangan bertingkat Pancing Jalan Kuala Lumpur - Kuantan dan banyak lagi Yang... Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, yang saya fikir kalau hendak dibacakan makan masa yang panjang. Untuk rekod, 4 projek Kementerian Kerja Raya di bawah Jabatan Kerja Raya dalam peringkat perancangan anggaran kos RM258.6 juta dan 20 Projek KKR di bawah JKR yang masih dalam fasa pembinaan dengan RM2.733 billion. Dan senarai-senarainya juga seperti mana saya katakan, bolehlah saya berikan pada Ahli-ahli Berhormat jika diperlukan.

Seterusnya saya beralih kepada penyelenggaraan Jalan Negeri di bawah Sistem MARRIS. Inisiatif ketiga menaik taraf jalan strategi ketika membangun sesuatu yang mampan sepertimana dalam Belanjawan 2023 ada nyatakan berhubung permohonan peruntukan di bawah MARRIS. Untuk makluman pemberian peruntukan penyelenggaraan jalan negeri oleh Kementerian Kewangan akan diagihkan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan panjang Jalan Negeri yang berdaftar dan telah diperakukan oleh JKR dalam Sistem MARRIS. MARRIS bermaksud *Malaysian Road Records Information System*.

Untuk makluman usaha berterusan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi JKR, JPS dan PBT telah berjaya mengesan dan mendaftarkan jalan-jalan MARRIS melebihi sasaran 5,000 setiap tahun bermula daripada tahun 2019 hingga tahun 2022. Dan sehingga kini jumlah panjang negeri err..., jumlah jalan panjang negeri yang berdaftar di dalam Sistem MARRIS adalah sebanyak 43,052.5 kilometer. Kerajaan Negeri menerima peningkatan peruntukan MARRIS dalam anggaran 3 hingga 18% setiap tahun berikutan pertambahan jalan... pendaftaran jalan di negeri ini.

Untuk makluman Sidang Dewan yang dimulakan, jalan-jalan di negeri Pahang ini untuk makluman Dato' Sri Yang di-Pertua, Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri kita adalah negeri yang mencatatkan panjang jalan yang paling panjang sekali. Dan sehubungan dengan itu, apa... kita mendapat peruntukan yang err... seiring dengan pertambahan ini. Dan dalam tempoh lima tahun pada penggal ini, tak sampai lima tahunlah, Dato' Sri Yang di-Pertua, kita telah meningkatkan pendaftaran Jalan Negeri di bawah Sistem MARRIS ini lebih 100%. Maksudnya dalam tahun 2022 berbanding dengan rekod pendaftaran jalan pada tahun 2018, jadi kita menunjukkan peningkatan lebih 100%.



Jadi wajarlah kita berikan penghargaan kepada seluruh ataupun ketiga-tiga jabatan yang menjayakan inisiatif ini Dato' Sri Yang di-Pertua, iaitu JKR, JPS dan PBT-PBT kita.

Ini penting Dato' Sri Yang di-Pertua, bagi sesetengah orang melihat mungkin ini soal projek jalan semata-mata. Tetapi ramai kita tidak sedar khususnya pendaftaran jalan-jalan di peringkat kampung, di peringkat luar bandar seperti jalan pertanian sebenarnya kerja-kerja pembinaan jalan ini bukan sahaja kita memudahkan pengeluaran hasil negeri untuk dibawa pergi tujuan pemprosesan dan pemasaran. Tetapi sebenarnya kerja-kerja inilah antara lain yang merangsang ekonomi penduduk di luar bandar di sinilah kita tengok kadang-kadang, di ceruk-ceruk kampung ada gerai-gerai restoran-restoran boleh hidup Dato' Sri Yang di-Pertua kerana kerja-kerja jalan seumpama ini. Jadi sebab itulah saya katakan tadi, alhamdulillah dan tempoh 5 tahun ini, kita lihat JKR, JPS dan PBT telah membuat kerja yang cukup hebat.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Diharapkan dengan pertambahan pendaftaran jalan ini peruntukan MARRIS diterima oleh Kerajaan Negeri...

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, nak tanya pasal *last*... Speaker.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kalau kita tengok di Thailand Yang Berhormat di-Pertua, jalan-jalan... walaupun dia nya jalan-jalan kampung, tetapi saiz jalan tersebut ianya besar dan ianya boleh er... dilalui oleh err... kontena. Maksudnya dalam besar macam kita jalan kampung, kalau jalan apa namanya PLB ini, maknanya kereta nak berselisih pun kita kena satu kena *slow* sikit.

Apakah, saya nak bertanya pada Wakil daripada Kerajaan, walaupun saya boleh tanya dalam EXCO tetapi saya nak tanya sini supaya apa, supaya didengari oleh ADUN-ADUN semua. Kalau tanya dalam EXCO kami 10 orang aja yang tahu. Apakah kerajaan mempunyai perancangan di masa hadapan untuk mengkaji balik MARRIS ini jalan kampung supaya jalan tersebut mengikut spesifikasi, yang mana nanti ianya akan memudahkan err... tuan-tuan tanah ataupun penguasaha-pengusaha pertanian untuk mereka membawa hasil pertanian dia keluar. Dan dalam masa yang sama juga ianya akan mengurangkan apa yang kita sebut sebagai tanah-tanah yang terbiar ni. Dia *problem*... antara *problemnya* kita ni kerana infrastruktur tu... infrastruktur..

YB. YANG DI-PERTUAN DEWAN

Yang Berhormat soalnya? Soalnya apa? Apakah soalan tadi?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Ini...ini

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ini menghuraikan soalnya.



YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Apakah?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha, apakah itu baharu soalan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tadi Yang Berhormat menerangkan...

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita ni dah *last* dah ni.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Laluan... apakah tu soalan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Saya... saya sebut tadi Yang Berhormat Yang di-Pertua. Minta maafah Yang Berhormat Yang di-Pertua tak dengar tadi. Apakah kerajaan mempunyai perancangan masa hadapan untuk memastikan bahawa jalan-jalan MARRIS ini mengikut spesifikasi yang membenarkan kontena-kontena untuk membawa hasil masuk daripada luar bandar ke bandar. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ini soalan yang baik contoh kepada Ahli Yang Berhormat. *Direct dan* terus. Sila, Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er... sebenarnya pihak Jabatan Kerja Raya Negeri ataupun Jawatankuasa Kerja Raya melalui JKR Negeri, JPS, dan PBT, kita sentiasa mendengar er... pelbagai masalah keluhan dan juga cadangan-cadangan er... para pengguna termasuklah antara yang *diviralkan* cuma masalah kita sebahagian besar daripada rakyat ini ada kalanya dia lebih suka mengadu melalui sosial media kerana bila dia *blast* melalui sosial media ini, nampak cepat sikit kita respon. Itu bagi pandangan mereka. Tapi adakalanya er... kita terlepas pandang juga apa yang dilaporkan di dalam atau apa yang di viralkan di sosial media itu, kerana kakitangan kerajaan Kita bukan hari-hari membelek sosial media, mereka menghadap kerja mereka.

Sebenarnya untuk apa... masalah kualiti jalan ini ada 15 saluran, Dato' Sri Yang di-Pertua, 15 saluran aduan yang boleh digunakan. Jadi yang mengambil kira cadangan yang dikemukakan oleh Lanchang ni sebenarnya er... pihak jawatankuasa bersama



JKR memang er... sedang er... dalam apa ni... rancangan untuk kita tengok bagaimanakah boleh kita tingkatkan kualiti pembinaan dan penyenggaraan jalan khususnya di peringkat negeri Pahang ini, kita cuba tengok dengan sekurang-kurangnya negeri-negeri er... yang berjiran dengan negara Malaysia ini. Kalau kita bandingkan jalan kita dengan negara-negara maju seperti di Eropah, di Amerika, di Jepun, kadang-kadang ramai orang merasakan apa... ekonomi geografi nya dan juga cuacanya, iklimnya berbeza. Antara lain yang kita tengok, menyebabkan kerosakan buka jalan ni kerana *premix* yang kita apa... gunakan itu seringkali dia alah kepada air hujan khatulistiwa ini.

Jadi... tapi kita tengok sebenarnya DUN Lancang wakil Lanchang tadi kalau pergi ke Thailand nampak kualitinya boleh tahan ya, mungkin berapa dari segi beberapa aspek lebih baik. Jadi sebenarnya pihak apa... JKR sedang mengemukakan cadangan untuk membuat satu apa lawatan sambil belajar, sambil ataupun lawatan kerja, sama ada ke Thailand ataupun ke Indonesia. Dia akan pilih jalan yang terbaik dan kita buat kajian kes. Sebenarnya ini pun belum lagi dibentangkan kepada mesyuarat apa... MMK, tapi pihak JKR telah membuat satu belanjawan sejajar dengan apa... kejayaan yang kita capai tu Dato' Sri Yang di-Pertua saya rasa eloklah kita beri peluang kepada apa petugas-petugas kita untuk membuat tinjauan dan kajian ini.

Izinkan terus, izinkan saya...

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Mohon celah, mohon celah.

Er... terima kasih er... saya... jawapan dari wakil kerajaan hebat juga. Er... boleh minta wakil kerajaan buka, *open* lah *you* punya *phone number* bagi orang buat aduan macam belajar dekat Datuk Bandar Kuala Lumpur.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua, kita apa ni... bila...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Teruntum, soalan itu, boleh dibawa di luar sahaja, berbincang. Tak perlu dalam Dewan ini. Tapi tak apa lah, sila kerajaan. Sila EXCO.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya fikir Wakil Teruntum ini, er... sudah 2 penggal di Dewan ya? Semalam pun saya masa Wakil Teruntum mencelah berkaitan dengan *parking* bertingkat tu, ada juga fakta yang salah Wakil Teruntum kata dia yang mencadangkan *parking*, *parking* bertingkat. Sebenarnya itu adalah cadangan daripada pihak hospital daripada Kementerian Kesihatan dan sayalah yang membacakan jawapan itu 2 penggal yang lalu.

Tapi malangnya apabila saya sendiri pergi panjat sampai ke UKAS apa... tengok PFI yang dicadangkan itu nampaknya tidak mendapat respons yang baik lah daripada kerajaan. Jadi berbalik kepada cadangan ini Teruntum, kita kena membezakan diri kita dengan orang awam ya, dengan NGO, dengan Agensi Kerajaan, kita adalah Wakil Rakyat. Saya betul seorang Wakil Rakyat menjadi Wakil Kerajaan dan saya bukanlah



seorang eksekutif di dalam kerajaan. Kadang-kadang orang ramai kurang faham Dato' Sri Yang di-Pertua dia kata *you are Executive Councilor* ..kan.. *EXCO, Executive Council*. Ya.. saya *Executive Councilor* Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, tetapi yang ada *Executive Power*nya *is the council, not the member, not the counselor*. Jadi apabila saya pula buat kerja tu saya belum tentu lagi Yang Berhormat, kalau saya viralkan nombor telefon saya, Yang Berhormat, ya.. Saya tak tahu mungkin kita ni tah esok lusa bubar DUN tak tahu kan. Kalau tak bubar pun *one day*, mungkin pastinya akan terbubar dan belum tentu lagi saya menjadi calon Yang Berhormat. Kalau saya menjadi calon, belum tentu lagi saya menang bertanding Yang Berhormat walaupun dah 3 penggal menang dengan kenaikan majoriti. Kalau saya menang pun Yang Berhormat, belum tentu saya menjadi Kerajaan Negeri ini kekal.

Minta maaf Dato Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pihak kerajaan jangan dibagi nombor yang dia minta... payah macam tu.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Cadangan Yang Berhormat, dia bukannya dia nak nombor telefon saya, dia selalu telefon saya, dia selalu mesej, dia nak dia mencadangkan seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, yang jaga bab jalan ni bertindak lebih daripada Pengarah JKR lagi. Pengarah JKR pun sebagai eksekutif sebagai pentadbir pun tak menghebahkan nombor telefon dia. *Let me finish* ya..

Jadi kalau esok Barisan Nasional insya-Allah menang lagi pun, belum tentu kan saya pun tak tahu bertanding tidak, hantar bertanding Parlimen atau bertanding DUN, kerusi mana saya tak tahu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat saya setuju... setuju.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Jadi ke tak jadi ntah ntah jadi Senator. Yang Berhormat. Inilah masalah kita sekarang ni Yang Berhormat semua. Kita ni berebut nak memegang kuasa berebut nak me... apa... menjadi kerajaan tapi kita tak faham pun kerajaan. Kita menjadi macam orang buta yang nak berdebat soal macam mana rupa gajah. Ada yang pegang belalai dikatanya panjang...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Guai dah jauh sangat menyimpangnya payahlah. Saya ingat eloklah Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Jauh atau dekatnya Dato' Sri Yang di-Pertua, bukan soalnya, soalnya ini satu perkara pokok yang merosakkan negara kita ini. Seringkali perkara-perkara kecil kan,



dipolitikkan. Takkan *port hole* pun kita nak suruh Menteri tengok. Kita ada satu sistem penyampaian yang...

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Minta celah.. minta celah..

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey. Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Menteri pun boleh keluarkan nombor dia, apa lagi dengan EXCO. Bolehlah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa.. Sabar YB Teruntum.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya minta maaf kerana ingkar Dato' Sri Yang di-Pertua baiklah apa er... saya akan cuba meringkaskan tapi izinkan saya terus untuk mengkuliahkan sedikit [Ahli Dewan ketawa]. Yang Berhormat Menteri adalah seorang eksekutif Yang Berhormat. Yang saya sebut berjela-jela ni saya bantu Menteri menjelaskan, ini peruntukan dia. Sebahagiannya masuk dalam kantung apa ini... Kerajaan Negeri sebahagiannya dilaksanakan sendiri. Jalan macam-macam Yang Berhormat. EXCO ini... itu yang saya kata tadi, dengan izin *we are not Executive The Government, The Council of Executive Council*. Kita membuat keputusan secara bersama dalam MMK.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang terhormat *is not Executive*.

YB. DATO' SRI NORO AZALI BIN SULAIMAN

Jadi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua bersetuju ke? Saya masukkan nombor saya semua, adu pada saya. Minggu depan, saya nak pakai telefon macam mana dengan yang sekarang pun kampung mesej...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tukar nombor baru pula Yang Berhormat, senang [Ahli Dewan ketawa].

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya nak tanya, Teruntum masih nak mencadangkan cadangan yang bijak itu?



YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Saya *open*.. terpulanglah kepada EXCO, nak buka ke tak nak buka.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Saya tidak pernah menyembunyikan nombor telefon saya, tapi saya minta maaf dengan izin, saya *trying hard to put things in order* ya. Kita... NGO buat kerja NGO, jabatan buat kerja jabatan, wakil rakyat buat kerja wakil rakyat ya.. kerajaan buat kerja kerajaan. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya tak tahu nak start di mana dah.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang di-Pertua, sekejap ja.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

ADUN Tioman ada apa.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

ADUN Teruntum ni, dia kan pergi Cambodia, pergi mana lagi Thailand, dia bagi tak nombor *handphone* pada orang sana?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Ya. *Phone* saya terbuka untuk semua rakyat Malaysia.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita ingatkan Teruntum kalau terbuka sangat pun dia tumpah ya. Ada masa kita kena tutup.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat teruskan.. Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er.. saya rasa panjang kalau nak cerita pasal jalan kerana panjang jalan kita pun memang yang terpanjang. Er.. beralih saya kepada portfolio Kesihatan. Alhamdulillah, Kerajaan Persekutuan kita tahu perkhidmatan kesihatan disampaikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan. Jadi belanjawan untuk tahun 2023 telah dinaikkan sebanyak 11.51% ataupun RM3.729 bilion, menjadikan jumlah keseluruhan RM36.1 bilion antara yang terbesar yang dicatatkan.

Ini tandanya kerajaan kita sayang kepada rakyat, tapi malangnya sebahagian daripada kita ni Dato' Sri Yang di-Pertua, kita sendiri tak berapa sayang kepada diri kita. Sebahagian besar... sebenarnya masalah bebanan kesihatan yang terpaksa... terpaksa ditanggung oleh kerajaan, berkaitan dengan penyakit tidak berjangkit. Yang masalah



kita ini masalah penyakit tidak berjangkit tapi ada orang bantah. Dia kata, YB. dalam tempoh apa 3 tahun yang lepas tengok kes-kes COVID sangat banyak, ramai orang mati kerana COVID. Tapi betul, elok juga kita tengok statistik yang dipaparkan itu, walaupun nampak tajuknya kematian akibat COVID, berpunca masalah COVID, tapi sebahagian besarnya adalah *comorbid*. Maksudnya orang yang sihat ye, orang yang *Immune System* nya baik ya, walaupun dia terkena jangkitan virus ini, alhamdulillah dia boleh pulih.

Jadi berbalik kepada apa yang saya katakan tadi masalah dia adalah masalah penyakit tidak berjangkit. Ia berpunca daripada gaya hidup kita. Sebab itulah Dato' Sri di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita cukup faham, cukup prihatin dalam soal ini. Sebab itu bagi 2 tahun berturut-turut tahun untuk tahun 2020 dan 23, kita beri peruntukan lebih RM1 bilion untuk Gerak Sihat Negeri Pahang. Jadi wakil apa... Jabatan Kesihatan Negeri pun ada, Timbalan Pengarahnya Timbalan Pengarah Perubatannya, jadi saya harap Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, kita sama-samalah laksanakan agenda sihat ini, walaupun tak banyak tapi kita percaya, melalui peruntukan ada ini kita boleh mender... membudayakan gaya hidup sihat di kalangan rakyat kita ni.

Masalah pemakanan ni Dato' Sri Yang di-Pertua bukan soal masalah orang makan, masalah orang masak dan menghidangkan. Kalau kita pergi ke restoran-restoran, kita kata suku-suku separuh nak cari sayur, nak cari buah, kadang-kadang tak ada. Jadi itu antara cabarannya.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya fikir itu sajalah yang saya ingin apa kongsi dalam hujah saya menyokong usul Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini. Saya dengan sekali lagi ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu menjayakan agenda kerajaan dalam hal Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang. Saya dengan ini menyokong usul Belanjawan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima Kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekian, saya bercadang untuk menempohkan sidang, sidang pagi ini dan kita akan menyambung semula di sebelah petang. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan yang setia menunggu dan berada di Dewan ini, alhamdulillah. Jadi... saya percaya kita akan berjumpa semula pada petang ini jam 2.45 petang. 2.45 petang. Mesyuarat di Dewan ditempohkan, terima kasih.

[Persidangan ditempohkan pada jam 12.41 tengah hari]



[Persidangan disambung semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan Menimbang Rang Undang-undang Perbekalan (2023) 2022.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera, selamat petang. Persidangan kita disambung semula. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi atas perkara menimbang Rang Undang-undang Perbekalan (2023) 2022 dan pada petang ini, pihak kerajaan akan menyambung menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas.

Saya dengan sukacitanya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Pahang. Silakan.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT. Alhamdulillah [Bacaan dalam bahasa Arab] salam bahagia dan selamat petang. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan laluan kepada saya untuk mengambil bahagian bagi sesi penggulungan di sidang DUN pada kali ini. Saya juga sangat-sangat menghargai dan mengucapkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, negeri Pahang Darul Makmur sebagaimana yang kita perhati dan kita lihat sendiri, pelbagai usaha murni yang telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Utama Haji Wan Rosdy Wan Ismail di dalam memacukan soal pendidikan dan juga agama kita di negeri Pahang, supaya ia di... menjadi sa... sebuah institusi yang benar-benar dapat memberikan er... modal insan yang sesuai dan seimbang di negeri kita Pahang Darul Makmur.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengucap... mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, yang telah memberi perha... perhatian yang begitu tinggi kepada pendidikan dan juga institusi agama supaya ia dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Namun demikian dalam melaksana... melaksanakan er... kerja pendidikan ia er... terpaksa dilaksanakan secara kombinasi di antara kita, Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Sudah tentu lah ada beberapa perkara yang perlu kita rundingkan dan kita laksanakan bersama agar ia mendapat er... dapat mencapainya matlamat sebagaimana yang dihasratkan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di dalam memartabatkan agama Islam, seumpama kata sebanyak 14 Rang Undang-undang semenjak tahun 2015 sehinggalah 2020, dapat kita bentangkan dan mendapat kelulusan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Ia termasuk di dalam hal-ehwal pentadbiran



Undang-undang Islam, er... dan juga wasiat, kawa er... tu Undang-undang Kawalan Sekatan Pengembangan Agama, Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah, Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah, Undang-undang Keluarga Islam, Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah Pindaan Kali Kedua 2018, usul penubuhan Kumpulan Wang Amanah Sekolah Agama, dan juga penubuhan Kumpulan Wang Amanah Takmir dan Undang-undang Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam serta Undang-undang Murtad yang telah kita perkenalkan di dalam Dewan Yang Mulia ini dan telah mendapat persetujuan.

Ini adalah bukti komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi memastikan agama ini dapat kita laksanakan dengan sebaik-baiknya. Dan agama Islam ini, dia bukan untuk menitik beratkan kepada sesuatu individu dan puak serta kumpulan, tetapi ia mengambil kepentingan kepada masalah semua masyarakat dan individu supaya terjaga, terpelihara dan juga dapat dibantu dengan sebaik-baiknya. Seumpama kita mengambil contoh tentang soal jenayah syariah, sesungguhnya jenayah syariah yang telah kita bentangkan itu untuk memastikan kedamaian, kemakmuran, keharmonian rakyat di negeri Pahang ini dapat kita pelihara dengan sebaik-baik mungkin.

Ini sesuai dengan Firman Allah [Ayat al-Quran]. Di dalam perundangan jenayah itu, ada kehidupan yang penuh harmoni.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Begitu juga, hal ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya apabila Jabatan Kehakiman dapat kita operasikan dengan apa jenteranya yang se... sebaik mungkin. Apabila Mahkamah Syariah telah dapat dibina di daerah-daerah seumpama di Maran, di Bera, bahkan di peringkat negeri, baru-baru ini telah dirasmikan sendiri dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dan juga kita telah dapat menyelesaikan... bukan sekadar dengan mendirikan bangunan-bangunan yang gah, kita dapat menyelesaikan banyak isu, kes-kes yang telah didaftarkan seumpama 7,000 kes yang telah didaftarkan dan kita dapat selesaikan sebanyak 4,000 kes dan sebanyak 2,000 kes masih lagi di dalam prosedur er... urusan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita juga mengambil menitik berat soal pendidikan agama. Apabila pelantikan guru DG41 seramai 100 perjawatan di Sekolah Menengah Agama melibatkan kos sebanyak RM3 juta, telah dilaksanakan. Pembinaan bangunan baru SMAN termasuk Asrama Sekolah Menengah Agama Ehsan, bangunan kelas dan er... Dewan Sekolah Menengah Agama Padang Tengku, Dewan Makan Sekolah Menengah Agama Guai dan Asrama Sekolah Menengah Agama Chenor insya-Allah di dalam er... proses pembinaan di dalam waktu yang terdekat ini.

Sumbangan khas kepada 2,680 orang Guru KAFA, melibatkan RM818.00 telah juga di apa selaraskan bersama dengan apa guru-guru KAFA yang telah di er... lantik. Peruntukan khas kepada pondok dan tahfiz serta guru-guru yang melibatkan RM400,000.00. Sumbangan RM1,000.00 kepada pelajar-pelajar yang berjaya di sekolah-sekolah menengah agama dan juga di sekolah-sekolah menengah kebangsaan.



Projek Asrama Sekolah Agama Chenor telah diluluskan pro er... merujuk kepada projek Sekolah Menengah Agama Chenor ini sebenarnya telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12, dan insya-Allah dia akan dibina dengan kos sebanyak RM6 juta. Projek tersebut akan dilaksanakan insya-Allah dalam waktu yang terdekat, dianggarkan pada awal 2023, projek ini bolehlah dilaksanakan insya-Allah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita juga er... di dalam institusi agama ini memproseskan banyak hal-hal yang berkaitan dengan er... pemakanan, penyediaan halal dan haramnya. Alhamdulillah, Jabatan Agama Islam Pahang telah memproseskan lebih 200 er.. pe... dua pengesahan Sijil Halal kita keluarkan kepada agensi-agensi dan apa hotel-hotel dan tempat-tempat yang menyediakan makan-makan... makanan dan minuman. Dan pelaksanaan pemantauan semula kelulusan sijil pengesahan yang telah kita berikan. Pelaksanaan audit pemantauan permohonan persijilan Halal, Program Kesedaran Halal kepada industri dan kursus penyembelihan dilaksanakan sebaik mungkin kepada kumpulan sasar kumpulan sasar yang telah ditetapkan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita juga di dalam hal apa ini er... Undang-undang Syariah ini kita melaksanakan bagaimana untuk er... Pejabat-pejabat Agama ini dapat menyelesaikan permohonan-permohonan nikah-kahwin dan juga melatih mereka di dalam kursus-kursus yang telah ditetapkan. Alhamdulillah, kita dapat melaksanakan ini dengan sebaik mungkin. Pelbagai kursus diadakan, sama ada kepada mereka yang OKU, mereka yang er... sihat dan mereka yang apa namanya memerlukan er... urusan secara segera dan sebagainya.

Begitu juga sewaktu PKP, kita telah melaksanakan dengan sebaik mungkin agar perkara ini dapat dila... dilunaskan dengan sebaik-baiknya. Jabatan Agama Islam Pahang juga kita telah pastikan, untuk menyediakan dokumen nikah cerai dan rujuk yang berkualiti tinggi dan bersekuriti tinggi. Apabila peruntukan telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM300,000.00 bagi memastikan apa nama... kad ini dapat dikeluarkan dan dilaksanakan. Dan kursus perdana kepada belia-belia yang ingin mendapatkan kebenaran dan sijil perkahwinan, juga telah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam dengan peruntukan yang telah disediakan oleh Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha juga telah dilaksanakan di dalam memastikan hal-hal yang berkaitan dengan rujuk ataupun cerai-berai ini, dengan kaunselor dan juga pengurusan penghakiman dan sebagainya, sehinggalah sebanyak 30,000 kes telah dapat dilaksanakan pada tahun ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pencapaian demi pencapaian telah kita laksanakan juga di dalam soal penyelidikan di Jabatan Agama Islam Pahang. Program penerapan akidah serta penelitian ajaran-ajaran yang menyeleweng daripada landasan agama yang sebenarnya telah dapat dilaksanakan di setiap daerah di Negeri Pahang Darul Makmur ini melalui Pejabat Agama Islam Pahang dan masjid-masjid yang telah kita kenal pasti.

Dato' Sri Yang di-Pertua,



Kita juga telah mengimarahkan masjid sehinggakan kita dapat melaksanakan pelbagai usaha murni bagi memastikan instit... institusi masjid ini diimarahkan dengan sebaik-baiknya. Tak kiralah dikira kala er... kita senang ataupun di kala kita ditimpa musibah dan ujian daripada Allah SWT, kita gerakkan institusi masjid ini untuk sama-sama bangkit membantu. Seumpama program penyampaian sumbangan pasca banjir er... yang dilaksanakan melalui masjid dan surau, kita dapat agihkan kepada masjid yang terlibat dengan banjir sebanyak... dengan pengumpulan hasil daripada ahli jemaah sebanyak RM1 juta kepada masjid-masjid yang terlibat.

Program taklimat AJK masjid dan perlantikan jawatankuasa yang baru 14 siri taklimat telah kita laksanakan. Majlis er... apa... pemasyhuran masjid-masjid yang dinaik taraf daripada masjid kariah kepada masjid daerah, seumpama yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pahang di dalam belanjawan baru ni seumpama Masjid Lipis Lama, Masjid Temerloh, Masjid Benta, masjid er... apa namanya Koyan dan juga usaha ini kita akan teruskan lagi di masjid-masjid yang er... terlibat di dae... di Negeri Pahang Darul Makmur. Menjadikan dua buah masjid baru disebut sebagai masjid daerah ini telah memperuntukkan aaa... melibatkan peruntukan sebanyak 100... 100... RM100,000.00 dan bagi pega... bagi pembayaran pegawai-pegawai yang dilantik serta khidmat aaa... keselamatan dan pembersihan masjid berkenaan.

Insha-Allah, hal ini akan terus kita laksanakan dengan sebaik mungkin bagi memastikan institusi masjid sentiasa dimakmurkan dan diimarahkan sebaik mungkin dapat memberi manfaat kepada masyarakat, insya-Allah. Begitu juga di dalam hal dakwah dan tarbiyah, pelbagai usaha kita laksanakan bersama masyarakat setempat sama ada kursus-kursus, seminar-seminar rehlah dakwah dan sebagainya bagi memastikan ahli kariah dapat maklumat yang tepat serta pendidikan yang sebenarnya di dalam soal akidah dan keagamaan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Hal ini diteruskan lagi dengan memastikan pendidikan agama dapat dilaksanakan dengan sebaik-baik mungkin melalui adanya Yayasan Pahang, apabila terbinanya tiga buah Tahfiz iaitu Tahfiz Turath, Tahfiz profesional dan Tahfiz TVET sebagaimana yang sebut... saya sebutkan di awal pagi tadi bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh sahabat saya daripada apa... Padang Tengku.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menjawab beberapa persoalan yang dikemukakan oleh rakan di dalam dewan yang mulia ini pada hari...

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat, Dato' Sri Yang di-Pertua boleh mohon menceleh? Tadi pihak kerajaan menjelaskan beberapa projek telah diluluskan. Saya ingin mohon penjelasan pihak kerajaan apakah status permohonan Dewan yang amat diperlukan oleh Sekolah Menengah Agama Dong? Terima kasih.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dewan Sekolah Menengah Dong telah mendapat perhatian Kerajaan Negeri dan kita telah meminta Majlis Agama Islam Pahang meneliti dan membuat kos agar ia dapat



dibinakan. Mudah-mudahan buat kali ini dapat diatasi dengan secepat mungkin insya-Allah dengan kerjasama setiap pihak.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin meneruskan lagi ada persoalan yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Teruntum yang berkaitan dengan kekurangan guru di sekolah-sekolah agama Cina. Sebenarnya kekurangan guru ini bukan sahaja di sekolah Sekolah Kebangsaan jenis... Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, ia adalah perkara yang selalu berlaku. Kerana apa? Apabila adanya berlaku persaraan, sudah tentu sekolah itu akan berlaku kekurangan guru dan ini memerlukan sedikit masa untuk menampung kembali ataupun mengganti kembali perjawatan-perjawatan yang kosong itu tadi. Keseluruhan guru kementerian di Pahang...

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Minta celah sedikit. Terima kasih wakil Kerajaan er... sebab perkara ini berlaku dalam 60 tahun dah. So tiadakah kerajaan ada satu apa *planning*, berapa orang berasara dan berapa orang akan ganti? Kalau tidak perkara ini tak akan selesai. Dah 60 tahun. Terima kasih.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua

Memanglah, bila ada orang nak bersara tu memang kita akan menyediakan orang yang menggantinya. Tetapi tidak se... tidak se... tidak... tidak selalunya kita berlaku perkara itu berlarutan. Banyak yang kita telah buktikan bahawasanya sekolah-sekolah apabila berlaku persaraan ada penggantian segera. Tetapi ia merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Teruntum, er... untuk maklumat Dato' Sri, daripada 69 buah sekolah Cina, sebahagian besar adalah sekolah-sekolah kurang murid. Jadi kelas dicantumkan er... Tahun 1 dan Tahun 2, guru pilihan bahasa Cina lebihan sebanyak 40 orang sebenarnya.

Oleh itu, pihak Jabatan Pendidikan sedang membuat pemilih er... guru er... men.. mengatur guru ini untuk disusun atur supaya mereka dapat memenuhi sebagaimana yang sewajarnya di sekolah-sekolah berkenaan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Antara sebab kekurangan guru di sekolah-sekolah di negeri Pahang ini khususnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina adalah seperti berikut; Tiadanya bekalan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dari awal tahun 2022. Perkara ini telah diusahakan sebaik mungkin oleh pihak Jabatan Pendidikan sebagaimana yang disebutkan awal tadi untuk menampung dengan adanya guru-guru lebihan er... sebagaimana yang disebutkan di awal tadi.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Begitu juga aaa... merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh sahabat saya daripada Padang Tengku, mengenai pembukaan Sekolah Tahfiz di apa namanya... Padang Tengku, insya-Allah perkara ini kita akan atasi dengan sebaik mungkin dan sedaya mungkin kerana peruntukan pun dah siap tapak pun dah, ada cuma kita perlu kepada penelitian bagaimana untuk kita membuat pembinaannya dengan sebaik



mungkin supaya tidak berlaku kecelaruan dan tidak berlaku kekurangan dan kelemahan setelah terbinanya sekolah berkenaan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merasa kesyukuran ke hadrat ilahi apabila belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri menunjukkan usaha pendidikan dan usaha untuk memartabatkan agama Islam ini adalah satu usaha yang besar apabila jumlah keseluruhan untuk institusi agama sebanyak RM159 juta telah diperuntukkan di dalam belanjawan baru-baru ini, sudah tentu ia akan dilaksanakan sebagaimana yang telah di *detailkan* oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Begitu juga di dalam pendidikan Yang Amat Berhormat telah mengumumkan bahawasanya sebanyak RM36.15 juta telah diperkenalkan... telah diperuntukkan di dalam belanjawan, ini juga sudah pasti akan memberi kekuatan dan keupayaan kepada warga didik untuk mengatasi sedikit sebanyak apakah kekurangan, kelompondan, bagi ia dapat dilaksanakan kepada warga didik dan anak-anak pelajar di Negeri Pahang Darul Makmur.

Begitu juga bantuan dan er... insen... Bantuan Prihatin Pahang yang banyak menyentuh soal kebajikan pelajar anak-anak didik kita di Sekolah Rendah, di Sekolah Menengah sehinggalah sampai ke peringkat Universiti sebanyak er... 2... 2... RM 22,873,600.00 telah diperuntukkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Ini sudah tentu akan memberi ruang juga kepada kita di apa... di dalam Jabatan Agama dan Jabatan Pendidikan dan soal memartabatkan agama dan pendidikan di negeri Pahang. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah mengumumkan belanjawan ini dan ia akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan sedaya mungkin walaupun barisan dan senarai perkara yang perlu dilaksanakan agak besar dan banyak, tetapi memerlukan kepada ketekunan dan fokus kepada kita sebagai jabatan yang melaksanakan amanah rakyat di negeri Pahang Darul Makmur.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya rasa itulah sedikit sebanyak penggulangan daripada saya. Setinggi-tinggi penghargaan daripada saya kepada Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih saya kepada semua jabatan-jabatan yang terlibat bagi menjayakan misi kerajaan di dalam institusi pendidikan ini dan di dalam institusi agama ini. Mudah-mudahan ia mendapat keberkatan inayah dari daripada Allah SWT. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat bagi pihak kerajaan. Seterusnya saya menjemput EXCO Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, silakan.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.



Alhamdulillah, tiba giliran saya untuk membuat sedikit penggulungan bagi sesi Dewan kali ini yang saya kira sudah pastinya mempunyai sejarah yang tersendiri, bukan sahaja kepada diri saya tetapi juga kepada Ahli-Ahli Dewan yang lain dan saya kira sudah pasti sidang kali ini adalah sidang yang terakhir untuk penggal ini, dan saya juga ingin seperti sahabat-sahabat yang lain mengambil kesempatan Dato' Sri Yang di-Pertua, untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terutama kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga mantan Menteri Besar yang banyak saya kira membimbing, banyak memberi panduan, begitu juga rakan-rakan EXCO, rakan-rakan daripada jabatan-jabatan dan juga Ahli-ahli Dewan yang lain.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk bajet kali ini saya kira satu bajet yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata, bagaimana ia begitu menyeluruh dan yang pada saya, paling penting ialah ia tidak mengabaikan satu pihak sekalipun. Seperti mana yang selalu disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ianya daripada anak yang baru lahir, sehinggalah kepada yang meninggal dunia. Semuanya diberikan perhatian dan tiga pendekatan utama yang diberi iaitu bagaimana kita menjurus kepada kebajikan rakyat di seluruh negeri Pahang dan kebetulannya sebagai EXCO yang menjaga portfolio kebajikan sudah pastilah saya merasa sangat terharu dengan peruntukan yang telah diberikan begitu besar sekali jumlahnya, bukan sahaja untuk tahun ini tetapi juga untuk tahun 2023.

Dan kita lihat juga bagaimana peruntukan ini menumpukan, belanjawan ini menumpukan kepada masalah bekalan air dan juga tentang alam sekitar. Sehingga setiap anak yang lahir di negeri Pahang ini juga diberi sebatang pokok ya, sebagai bukan saja kita menyokong membina alam sekitar yang lebih baik, tetapi juga untuk menghargai anak-anak Pahang yang lahir di bumi Pahang ini, Dato' Sri Yang di-Pertua.

Saya tidak ingin mengulas satu persatu, saya rasa kita semua pun sudah tahu apa yang telah dibentangkan. Cuma saya nak respons dengan izin Dato' Sri Yang di-Pertua, kepada dua perkara, yang lain-lain tu saya kira *very straight forward*. Pertama daripada Cheka yang membangkitkan tentang elaun Pengerusi JKKB. Insya-Allah tunggakan ini akan kita berikan pada 19 haribulan Oktober ini. Ada satu majlis yang akan dibuat untuk kita menyerahkan tunggakan Pengerusi JKKB ini dan juga ada beberapa peruntukan untuk rumah ibadat bukan Islam yang diberikan melalui Kementerian Perpaduan yang turut akan kita sampaikan.

Dan yang keduanya Dato' Sri saya tertarik dengan wakil dari Ketari. Tak ada pula wakil Ketari dalam Dewan ini, tak apalah. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh wakil daripada Ketari ya, berkenaan dengan kemiskinan haid ya Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya mengambil ruang yang ada ini untuk menjelaskan sedikit tentang kemiskinan haid ini yang mana telah dimasukkan di dalam Belanjawan 2023 ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Mungkin ramai yang tak faham apa yang dimaksudkan dengan kemiskinan haid ini, ataupun dalam bahasa Inggerisnya dengan izin Dato' Sri Yang di-Pertua ialah *period poverty*, ya.

Kita telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 untuk mengatasi isu kemiskinan haid remaja wanita B40 yang mana Ketari meminta supaya ia diperluaskan kepada golongan wanita dewasa juga. Dan untuk ini saya menjelaskan bahawa situasi ini apabila ada golongan wanita Dato' Sri Yang di-Pertua, yang tidak mampu memiliki tuala wanita. Ini satu perkara yang sebelum ini tidak dibicarakan secara terbuka tetapi



tidak ada berpencen, kita bagi juga kepada pemegang-pemegang kad OKU. Kemudian dibangkitkan dia kata tak yakin Kerajaan Negeri ini boleh menunaikan janji-janji. Saya tak faham kenapa kalau ada lagi masih sangsi? Kerana Kerajaan Negeri sebelum ini dah buat pun, kita hanya tambah dan kita tahu kita buat kerana kita mampu Dato' Sri Yang Di-Pertua.

Kalau sebelum ini kita berbelanja mengikut kemampuan kita. Oleh kerana tahun ini kita telah mencapai hasil RM1 bilion dan kita tunaikan janji kita untuk kembalikan kepada rakyat. Tidak perlu ada kesangsian sebenarnya ya, tidak perlu menyebut bahawa 63 tahun Barisan Nasional memerintah ya, tidak tertunai janji-janji. Ini dah pasti dah. Berapa ramai warga emas? 22,000 warga emas dah pun menerima faedah daripada kad kesihatan. 23,000 anak-anak masuk darjah 1 tahun 2022 telah pun menerima wang RM100.00. Siswa kita, telah 43,000 siswa-siswi kita menerima RM200.00. Rumah Rakyat Pahang tadi disebut oleh rakan saya, dah hampir 300 lebih terbina, secara percuma Dato' Sri Yang Di-Pertua.

Jadi saya tak boleh fahamlah kalau orang kata tak yakin Kerajaan Negeri boleh tunaikan janji. Kita dah pun tunaikan. Jadi cakap dalam Dewan, dengan cakap kat luar tu kena selarilah Dato' Sri Yang Di-Pertua ya. Kemudian kata, isu air menggesa supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyelesaikan isu air. Dia tak baca ke, tak dengar ke belanjawan. Saya rasa Wakil, rakan-rakan Ahli Dewan semua dengar. RM322 juta, Dato' Sri Yang Di-Pertua, yang diperuntukkan untuk menyelesaikan masalah air di Negeri Pahang. Ada, betul yang kata dah 63 tahun, tak selesai selesai juga. Takkan selesai Dato' Sri. Kita pun hidup, saya rasa... Dato' Sri, berapa umur Dato' Sri? Dato' Sri Yang di-Pertua, berapa umur Dato' Sri?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Hah, tanya umur.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Umur, umur?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

39. [Ahli Dewan ketawa]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

70

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Umur 39 tahun tak selesai. Masa remaja keperluannya berbeza, betul Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Betul.



YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Umur 20an berbeza. Sekarang umur 39 tahun pun berbeza. Jadi kita dalam kita melalui kemajuan negeri kita ya, jadi memang sentiasa dia takkan selesai. Dia selesai dunia ini bila kiamat dia selesai Yang di-Pertua, baru selesai. Perkara dengan haid pun tak selesai juga masalah dia Dato' Sri Yang di-Pertua. Dia ada masalah lain pula. Kemudian, yang orang lelaki pun dia ada juga Dato' Sri Yang di-Pertua. Kalau orang perempuan Dia *menopause* lelaki dipanggil *andropos*. Hah, Dato' Sri Yang di-Pertua ya, sama je sebab Allah Taala ini ciptakan kita lelaki perempuan ini kita dengan izin, Dato' Sri Yang di-Pertua, *compliment each other*.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dia kalau orang ni lelaki ni boleh bawa buah kelapa dua biji tu kira okey lagi.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Ada juga yang tak boleh bawa Dato' Sri. [Ketawa] Hah, separuh tu nak angkat sebelah nyiur pun tak lepas Dato' Sri. Hah ya. Dato' Sri Yang di-Pertua. Jadi saya rasa perkara ini tak perlu dipertikaikan, kita kena bagi sokongan. Masalah air kalau saya tengok di Maran sendiri, Wakil daripada Luit semalam pun menyebutkan telah diberikan peruntukan yang banyak. Ini adalah komitmen, bukan janji. Ini adalah komitmen yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Dato' Sri Yang di-Pertua, dan dikatakan juga dia kata “moh kita tukar Pahang ni jadi macam Selangor”. Ini pun satu hal jugak, durian dengan rambutan tak sama Dato' Sri Yang di-Pertua. Mana boleh kita samakan Pahang dengan Selangor. Pahang jauh lebih baik daripada Selangor, Dato' Sri Yang di-Pertua. *This is Pahang* [Ahli Dewan menepuk meja]. Kenapa saya kata Pahang lebih baik jauh lebih baik daripada Selangor. Keluasan kita, hutan kita, luas 57% daripada keluasan negeri Pahang. Selangor 31% je. Dia ada pendapatan satu bilion, kita pun dah satu bilion. Kita semua *the best*. Apa pula kita nak jadi... dah jauh lebih bagus baik, kita nak jadi yang sebaliknya. Jadi tak perlu, tak perlu kita nak jadi Selangor, kita nak jadi Sarawak. Kita jadi Pahang. Kita sebagai anak Pahang, saya anak Pahang jati, saya begitu bangga menjadi orang Pahang. Sebab itulah kita mewujudkan Program Anak Kebanggaan Pahang.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Minta maaf. Dia itu masalah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ni bukan lahir dan berasal daripada Pahang. Jadi dia tak dapat menjiwai bagaimana nak jadi orang Pahang. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih sahabat saya daripada Lanchang. Betul, dia tidak ada er...Dato' Sri Yang di-Pertua, izinkan saya tak ada *sense of belonging* kata orang kampung saya. Tidak ada *sense of belonging*, tidak ada rasa kekitaan, tidak ada rasa sayang dan cintakan tanah air ya. Jadi sebab itulah ajak jadi orang sana, ajak jadi orang sini. Sebab tu saya rasa Program Kebanggaan Pahang itu memang suatu program yang sangat baik dan



seharusnya mendapat sokongan daripada seluruh rakyat negeri Pahang Dato' Sri Yang di-Pertua.

Jadi Dato' Sri Yang di-Pertua,

Banyak dah cakap ni. Sebabnya mungkin yang terakhir tadikan, jadi kena, kena cakap Dato' Sri Yang di-Pertua. Kena garang jugalah. Jadi sekali lagi Dato' Sri Yang di-Pertua, saya pun tak nak cakap panjang. Saya rasa sahabat saya daripada Benta dan Lanchang juga banyak yang nak diperkatakan sebab mereka lagi lama di Dewan ni daripada saya. Kalau saya ini penggal ketiga, mereka lagi *super senior* Dato' Sri Yang di-Pertua ya. Mungkin banyak yang nak dikongsikan tapi bagi saya, banyak kenangan-kenangan manis di Dewan ini ya. Walaupun mungkin saya terpilih lagi saya tak tahu sebagai Ahli Dewan ni tapi Dewan ni mungkin kita dah ke dewan yang baru nanti Dato' Sri Yang Di-Pertua. Ya, jadi untuk Dewan ini saya kira ini adalah kali terakhir kita berada di sini dan Dato' Sri Yang di-Pertua sendiri sebagai lima penggal, sudah pasti punya...enam penggal. Sejarah. [Ketawa] Penggal yang keenam Dato' Sri ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Nampak, nampak Dato' Sri hari ni bersemangat. Bersemangat benar.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, berapa penggal tu, hah, itu macam umur juga jangan ditanya. [Ketawa].

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Tapi betul Dato' Sri Yang di-Pertua, memang nampak macam berapa 39. [Ketawa].

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Jadi saya dah menyentuh saya rasa segala perkara yang nak saya sampaikan. Sekali lagi saya rasa bajet kali ini harusnya mendapat, bukan harus, semestinya mendapat sokongan bukan sahaja daripada kita, Ahli-ahli Dewan saya kira sahabat saya Damak kata Kerajaan Negeri dah buat yang terbaik dalam ucapannya dan saya bersetuju dengan beliau. Jadi kalau dah tahu yang terbaik itu, tak perlulah kita tukar dah ya. Kita kekal yang terbaik ini. Dan kalau Luit semalam dia kata mengibaratkan seperti bapak, seperti guru dia katakan Yang Amat Menteri Besar tu, jadi jangan dilawan, pasal lawan bapak dengan guru ni, 'tulah' Dato' Sri Yang di-Pertua.

Jadi saya mengingatkanlah. Jadi kita pun [Ketawa], kita pun Dato' Sri Yang di-Pertua *election is around the corner*, dengan izin ya. Saya mengharapkan bahawa kerajaan yang ada pada hari ini yang telah terbukti begitu cakna begitu prihatin kepada rakyat terus akan diberi kepercayaan dan mandat oleh rakyat selepas PRU Yang Ke-15 ini.

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

*Bangun Melur Bangun Melati,
Kembang Bunga Petang dan Pagi,
Biar Lebur Biar Mati,
Rakyat Pahang Tetap Disantuni.*



*Bangun Melur Bangun Melati,
Kembang Bunga Pagi Dan Petang,
Pilihan Raya Kini Menjelang Lagi,
Pastikan Barisan Nasional Menang Cemerlang.*

Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan saya sekali lagi terima kasih kepada semua jabatan-jabatan yang berkaitan. Terima kasih kepada semua penjawat-penjawat awam di negeri Pahang. Terima kasih kepada semua pegawai-pegawai daerah yang ada di atas sana ya, yang banyak memberikan sokongan, pandangan dan bimbingan dan terima kasih juga kepada penghulu-penghulu. Terima kasih juga kepada ketua-ketua kampung kita. Terima kasih kepada semua pihak. Terima kasih saya kepada netizen-netizen di media sosial yang saya kira banyak juga memainkan peranan memberikan kritikan-kritikan dan pandangan yang membina kepada Kerajaan Negeri Pahang khususnya.

Jadi dengan kata-kata itu Dato' Sri Yang Di-Pertua, saya dengan ini menyokong. Sekian, wabillahaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dengan izin, Bulan Februari Bulan Mac, *Thank You Very Much*. Seterusnya saya menjemput EXCO Pertanian Industri Asas Tani dan Bioteknologi Negeri Pahang. Silakan.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah rabbil alamin. [Bacaan dalam Bahasa Arab].

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya merakamkan kepada Yang Berhormat Dato' Sri kerana telah memberi izin kepada saya untuk terlibat sama dalam ucapan penggulungan di Sidang Dewan Yang Mulia ini, Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-5 DUN Ke-14 yang berkisar mengenai Bajet 2023.

Ya, alhamdulillah telah selamat dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar pada 7 Oktober yang lalu dan ia merupakan bajet yang cukup istimewa kerana julung-julung kalinya Pahang Darul Makmur ini telah mencecah hasil negerinya melebihi pada RM1,000 juta, 1 bilion, dengan izin. Dan sekarang ni yang kita sedia maklum dengan adanya peningkatan dari segi hasil, maka Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar yang juga merupakan pencetus, *the schemer*, dengan izin, yang telah berjaya dalam usaha untuk mempertingkatkan hasil Kerajaan Negeri dengan kerjasama daripada semua pihak, termasuk organisasi struktur jentera pentadbiran kerajaan, yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah. Pentadbir Tanah, Pegawai Daerah, Yang Dipertua-Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan dan semua warga perkhidmatan awam Pahang yang merangkumi atau berjumlah lebih kurang dalam 8,000 kesemuanya.

Maka sudah tentulah ia memberi ruang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri selaku peneraju negeri untuk merangka perancangan dan inisiatif bagi melonjakkan lagi kewangan Negeri Pahang Darul Makmur yang tercinta ni.



Sehubungan dengan itu Yang Berhormat Dato' Sri, sektor agromakanan atau sektor pertanian tidak terkecuali mendapat peruntukan-peruntukan yang dapat memperkasakan lagi sektor agromakanan negeri Pahang.

Sebab itu, terima kasih kepada warga agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan atau MAFI yang telah berusaha segigihnya dalam memastikan bahawasanya agenda sekuriti makanan di peringkat negeri terus dapat diperkasakan agar rakyat jelata dan seluruh masyarakat di negeri yang tercinta ini tidak akan dinafikan hak dan juga peluang untuk menikmati makanan yang sihat, yang selamat demi meneruskan kehidupan. Pelbagai insentif telah pun dirangka dan pada umumnya, saya kira saya tidak perlu memperincikan setiap aktiviti yang terlibat dalam pemerkasaan sektor pertanian kerana sektor pertanian ini ialah merupakan satu sektor yang antara terawal dalam sektor ekonomi tamadun manusia.

Pelaksanaan aktivitinya sama, kurang lebih iaitu nak mengeluarkan makanan untuk *survival* Malaysia, tetapi pendekatan dan kaedahnya berbeza. Dalam era yang er... abad ke-21 ini tentunya pendekatan dia menggunakan kaedah-kaedah yang, yang canggih, dinamakan IR 4.0 - Industrial Revolution 4.0, dengan izin. Teknologi-teknologi *Internet of Things* dan sebagainya kerana ini adalah merupakan kaedah yang terbaik, strategi yang mantap, untuk memastikan industri makanan di negara kita ni dapat terus berada sama tinggi, berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara maju dunia.

Sebab itu dalam pendekatan yang dilaksanakan, pihak Kerajaan Negeri juga telah merangka beberapa kunjungan dan lawatan teknikal ke luar-luar negara memperincikan, memperlihatkan bagaimana kaedah-kaedah dan teknologi ini dapat diaplikasikan di Negeri Pahang Darul Makmur ini khususnya, dan amnya di negara Malaysia yang tercinta. Beberapa siri lawatan teknikal telah diadakan. Malahan kita telah berjaya mengadakan persefahaman kerjasama untuk terus dapat menggunakan teknologi ini dalam memugarkan lagi setiap aspek industri di bawah agromakanan ini.

Contohnya kita telah pergi ke *Germany*, ke Jerman dan juga berbincang serta menjalin kesefahaman dengan pemain-pemain dan peneraju-peneraju ternakan di Jerman, yang mewakili persatuan yang dinamakan sebagai *Wagyu Association of Germany* iaitu pertubuhan atau Persatuan Wagyu Jerman dan mereka telah bersetuju untuk membekalkan *embryo* dengan izin, dan juga *semen* wagyu untuk kita... kita gunakan. Alhamdulillah, sebab wagyu ini adalah merupakan... Ini YB Lanchang tau apa itu wagyu? Wagyu...

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Wagyu... wahyu tahu. Wagyu ni sejenis lembu yang dipelihara di Jepun, yang dia diurut-urut, dibagi sake kemudian dagingnya ada *marbling* dia 987. Dan dia Dato' Sri Yang di-Pertua, kalau kita makan masuk dalam mulut dia *melting* daging dia, boleh cuba, terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tepat sekali, tepat sekali. Ini adalah kerana fenomena yang berlaku sekarang ini sebahagian besarnya ingin mendapatkan makanan yang bertaraf premium. Kalau dulunya kita hanya melihat semata-mata makanan ini. Kita... misal contohnya kalau kita makan nasi. Ini ADUN Semantan ya, kita makan beras yang biasa je dulu. Tetapi sekarang ni, saya lihat generasi yang ada ini dia dah mula dah memilih. Dia nakkan beras wangi, dia nakkan beras yang berkualiti tinggi. Dan malahan anak-anak kita,



mereka tidak asing lagi dengan memakan makanan misal contohnya nasi daripada Jepun, daripada Korea dan beras dan komoditi ini mempunyai nilai yang tinggi. Sebab tu dalam konteks seumpama ini. Ini sebagai contoh ya, Dato' Sri Yang di-Pertua, lembu wagyu ini kita perkenalkan di Pahang. Kita wujudkan projek di Tanjung Gahai dengan kerjasama daripada pihak swasta, Farm Fresh. Kita berikan pajakan tanah seluas 300 ekar untuk dimajukan dengan ternakan wagyu di Bukit Kajang misal contohnya 700 ekar dibahagikan kepada syarikat MIG Dairy untuk menternak wagyu dan kita juga nak *cross-bred*kan dengan izin, dengan baka tempatan, KK. Kita mengharapkan anak ini nanti akan jadi *cross-breed wagyu* yang boleh kita namakan sebagai wagyu Malaysia dan insya-Allah kalau usaha ini berjaya, maka kita juga boleh menjadi pengeluar.

Pengeluar daging yang boleh dieksport hingga ke luar negara. Ini di antara beberapa pendekatan yang kita ambil. Malahan bukan itu saja, kita juga telah bekerjasama dengan syarikat di Norway untuk kita kembangkan industri akuakultur. Baru-baru ini kita telah melihat dan juga meneliti bagaimana kaedah teknologi yang boleh digunakan untuk kita perkenalkan kepada ikan tropikal. Dan sepertimana yang kita sedia maklum, ikan tropikal kita mempunyai nilai yang cukup baik. Sebab itu kalau misal contohnya ada yang mengatakan Dato' Sri Yang di-Pertua, mohon izin, "Kita nak jadi macam Selangor", *cannot be*. Sebab Pahang kita ada ikan patin, kita ada ikan krai, kita ada ikan kelah, kita ada ikan jelawat, ikan-ikan yang hebat.

Jadi ikan-ikan ini merupakan ikan-ikan yang ada di sungai-sungai Pahang yang besar. Sungai-sungai Lipis, sungai-sungai Jelai, yang sekarang ini kita sedang mengusahakan supaya dapat kita perkasakan. Sebab itu Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah peruntukan untuk kita tangani ikan-ikan asing, *predator* seperti baung merah, yang makan ikan-ikan tropikal, ikan-ikan kita yang ada di sungai-sungai.

Sebab itu, insya-Allah usaha akan dibuat untuk kita menangani isu ini termasuk... kita akan meminda enakmen dan juga peruntukan yang ada untuk memastikan usaha pembanterasannya ikan-ikan asing ini dapat dilaksanakan secara lebih berkesan. Malahan Dato' Sri Yang di-Pertua, beberapa usaha sedang dilaksanakan sekarang dan akan diteruskan dari masa ke semasa dengan penglibatan daripada petani-petani muda yang dinamakan sebagai Agropreneur Muda di semua lapangan, insya-Allah. Dan usaha ini sebenarnya kalau kita lihat dari segi pembentangan bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, kita akan dapat perincian. Dan saya tidak berhajat untuk memperincikan satu demi satu perkara-perkara yang berkaitan dengan sektor pertanian.

Hanya, saya merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri dan kepada Kerajaan Negeri yang telah memperuntukkan sejumlah yang besar untuk kepentingan pemain-pemain di sektor agro-makanan. Insya-Allah, sebagai pengiktirafan kepada pemain-pemain ini, di bawah Bantuan Prihatin Pahang (BPP), kluster agro-makanan, seramai 3779 pemain ini akan diberikan pengiktirafan dan diberikan sumbangan tanda penghargaan Kerajaan Negeri kepada mereka semua.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya amat tertarik tadi apabila membicarakan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan dalam Dewan Yang Mulia ini dan di antaranya sepertimana yang rakan saya daripada Kuala Sentul zahirkan, saya tertarik dengan... tadi er... rakan saya daripada Kuala Sentul kata dia tertarik dengan wakil Ketari. Saya pun nampaknya saya tertarik dengan wakil Ketari. Kerana beliau selalu membangkitkan perkara-perkara yang luar biasa. Sedangkan saya nak maklumkan,



kebetulan amanah yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kepada saya untuk menjaga dua kawasan iaitu Bilut dan Ketari di Bentong.

Sepanjang penglibatan saya hampir lebih pada 4 tahun Dato' Sri Yang di-Pertua, kadang-kadangnya Bentong ini, dia tak besar sangat. Ketari apatah lagi, misal contohnya. Waima Bilut sekalipun. Jarang sekali saya bertemu dengan wakil daripada Ketari ini. Baik masa banjir, baik masa rumah terbakar, baik apabila kita merasmikan atau mengumumkan kemudahan-kemudahan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan.

Misal contoh, banjir, YB Ketari sebutkan pasal banjir. Banjir, bila berlaku banjir sebenarnya, agensi-agensi kerajaan tampil membantu dengan kerjasama daripada pihak-pihak NGO, sukarelawan dan lain-lain. Masing-masing membantu. Tetapi sebenarnya kita tidak mendabik dada mengatakan kita yang membantu dia. Malahan ada yang wira-wira yang tidak didendang. Yang apabila berlaku bencana seumpama ini, mereka tampil ke depan menyelamatkan, membantu mangsa-mangsa dengan kudrat dan pelbagai. Malahan ada yang menggunakan Pajero hingga tenggelam Pajero. Kerana air naik dengan begitu mendadak.

Tetapi mereka tidak mendendangkan, merekalah jaguh dan memberi pembelaan kepada mangsa-mangsa bencana ini. Sedangkan mereka bergadai nyawa. Sebab itu dalam Dewan Yang Mulia ini, saya nak zahirkan bahawasanya terdapat wira-wira yang seumpama ini, yang tidak menggunakan platform-platform, pentas-pentas untuk mengwar-warkan merekalah jaguh, merekalah yang sebenarnya yang bertindak lebih daripada pihak-pihak lain dan setiap usaha menyelamatkan mangsa ataupun menangani masalah bencana.

Namun, sudah tentulah tanpa penglibatan daripada mereka ini sendiri, tidak mungkin kita dapat menangani situasi dengan lebih baik. Pihak Berkuasa Tempatan, misal contoh di Bentong, Majlis Perbandaran Bentong, Yang Dipertuanya, ada setiap masa. Maklum kepada anak-anak buah, ada kakitangan Majlis Perbandaran Bentong yang rumah mereka ditenggelami air tetapi mereka di barisan hadapan menyelamatkan mangsa kerana amanah dan tanggungjawab [Ahli Dewan menepuk meja]. Namun mereka tidak diberikan pengiktirafan tetapi mereka juga tidak melaungkan "kamilah yang sebenarnya meranduk air, pergi menyelamatkan dalam saat waktu dingin pagi". Tidak, mereka tidak pernah. Saban hari tanpa mengenal penat lelah, dilaksanakan. Begitu juga dengan pihak-pihak berkuasa. Polis, Bomba, RELA, ATM, Tok Penghulu, Pengerusi JPKK, Ahli-Ahli Majlis, malahan ramai lagi yang tak boleh saya sebut satu persatu.

Yang kita nak maklumkan bahawasanya mereka sebenarnya yang banyak membantu. Dua kali banjir di Bentong, Chegar Medang dan sebagainya, mereka terus membantu. Malahan Kerajaan Pusat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri, Ahli Parlimen Bera, Naib Presiden UMNO, datang, turun, bantu. Kerajaan Pusat pun bantu. Tapi oleh kerana terlampau banyak perkara-perkara yang ditangani, perlu ditangani, ada setengah-setengahnya mungkin tidak dapat ditangani sepantas itu.

Rumah dinaiki air, tapi apa tindakannya? Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan baiki rumah. Yang tak pernah sebenarnya, Yang Berhormat Dato' Sri sebelum tu pernah banjir. Di kawasan saya sendiri saya katakan pernah banjir. Peruntukan yang diberikan hanya RM500.00 tapi di bawah kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri, selaku Perdana Menteri... Perdana Menteri yang mengarahkan. Bantuan demi bantuan diberikan sebenarnya.



Sebab itu dalam konteks ini, saya lihat tadi... saya bersetuju dengan wakil, sahabat saya daripada Kuala Sentul menyatakan bahawasanya Wakil Ketari ini, saya ingat ada masalah. Baru-baru ini, apabila kita buka jalan yang runtuh daripada bandar Bentong Laluan 8, atas sikit daripada er... Kilang Lee Rubber tu, yang terpaksa dibaik pulih tapi Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar secara rasminya membuka penghadang itu sebagai permulaan penggunaan jalan tersebut. Tidak ada kelibat beliau, dengan izin. Tidak ada kelibat.

Baru ini perasmian, saya *soft launching* Kompleks Renang Bentong yang menelan belanja pembaikannya RM 750,000.00. Kita buat *soft launching*, dengan izin. Tak ada pun kelibat ADUN Ketari, yang mana kompleks ini berada dalam kawasan dia. Saya boleh namakan satu persatu. Malahan projek yang dilaksanakan oleh JKR berderet. Yang dibangkitkan Jalan Lampin di Janda Baik.

Senarai jalan je, sikit punya banyak, saya boleh namakan satu persatu, satu persatu yang diambil oleh pihak JKR, baiki. Tentulah tidak adil kalau kita katakan kerajaan tidak memberi perhatian kepada penduduk misal contoh di Janda Baik. Hanya semata-mata kerana terdapat sebahagian daripada jalan itu yang tidak elok. Gambaran diberikan kecuali kalau dia kata okey terima kasih pihak JKR tapi sebahagiannya perlu ditambah baik, itu saya akui.

JPS mendalamkan sungai, Sungai Benus, saya pergi tengok, Tok Empat dia di... di kawasan tu pergi tengok, kalau boleh nama Tok Empat Zaharah dia pergi, kita lihat... bagaimana kita tengok jajaran yang terbaik untuk kita dalamkan Sungai Benus tu supaya dapat mengurangkan sikit kesan banjir. Tak ada kelibat. Usaha yang dibuat oleh JPS. Malahan kita telah mengusahakan insya-Allah, alhamdulillah terima kasih pada pihak JPS kita telah dapat RM 400 juta Rancangan Tebatan Banjir Bentong yang akan dilaksanakan insya-Allah, awal tahun depan.

Ini bukan main kita petik-petik gitu jer tetapi gambaran yang diberikan tu seolah-olah macam tidak ada langsung peranan input yang diberikan oleh Pihak Kerajaan mahupun Wakil Rakyat, mahupun Wakil Kerajaan. Saya yang bertanggungjawab juga di kawasan Ketari itu, tak bertemu bahu pun. Di mana kemudahan-kemudahan yang diberikan. Majlis Perbandaran betapa banyaknya. Sistem amar... Awal Amaran Banjir JPS telah dapat dipulihkan, malahan kita meletakkan banyak juga sistem-sistem amaran banjir, nak maklumkan kita prihatin.

Pejabat Daerah, rumah dibaiki sikit punya banyak bantuan-bantuan, malahan kalau kita tengok Majlis Perbandaran, deret gerai Saidina, selalu saya mengeteh kat situ petang-petang makan roti... roti canai dengan pisang goreng, hah... tosei. Yang... banjir pada ketika tu, sekarang ni dibina, Majlis Perbandaran memperuntukkan berapa juta, tambak, taruk gerai baru, surau, hebat. Ada pintu gerbang "*This is Bentong*" sebab kita takut orang ingat Selangor ke ni, Selangor ke. Hah... itu masalahnya. Tetapi tak ada.

Mungkin ada kawan-kawan dia kata "ah, tak dijemput". Hah ini sedap ni. Saya ingat tunggu sudi ni, tak ada orang sambut. "Ha... tak jemput, macam mana kita nak datang?" Tak dijemput, macam mana kita nak datang? 5 haribulan sepuluh - Pembukaan Laluan 8, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dekat Lee Rubber, tak datang. 10 haribulan sepuluh - Perasmian Pra Pembukaan Kompleks Renang Bentong - 10 haribulan, tak datang. Owh... tak jemput. Tetapi saya pelik ya, 1 haribulan sepuluh, ADUN Ketari pergi ke kawasan saya, Kampung Peruang bersama dengan Ketua PEMUDA DAPSY, Wakil MP Kuching, datang kampung saya, kawasan saya Kampung Peruang, apa jadinya pergi, siapa yang menjemput dia. Saya tak



jemput dia, tapi dia datang. Tidak ada alasan, kalau dia sebagai ADUN Ketari, bila ada projek yang nak dilaksanakan, dia sewajarnya kena datang. Mengapa perlu ada jemputan sedangkan di tempat saya, DUN Benta N5 dia boleh gatal-gatal datang bersama dengan MP Kuching.

Kemudian apabila saya jumpa dia, mana dia YB Ketari? Kereta ada, orang tak ada. *Gentlemen* sikit tapi bukan *gentlemen lah* (kurang jelas). Saya jumpa dengan YB Kuching saya kata 'YB terima kasih datang, datang sebab saya'. *Thank you very much, you come to my place*. Saya khabar gitu YB, Dato' Sri. Tetapi you datang, you telefon saya, kita teh tarik, kita makan juadah daripada gula kabung. Kawasan Peruang itu hebat gula kabung dia, makan. Tetapi *you* jangan datang 4 tahun sekali, jangan datang 5 tahun sekali, *you* datang kalau boleh tiap-tiap minggu. Kalau tak boleh, dua minggu sekali. Tak boleh, sebulan sekali. Tak boleh, dua bulan sekali. Tetapi jangan datang 4 tahun, 5 tahun sekali, sebab saya pening kepala.

Saya pening kepala sebab apa? Nanti orang tanya YB Dato' Sri, mana YB Kuching ini? Mana YB Ketari ni? Saya nak jawab macam mana? Saya tak tahu dia di mana. Jadi saya kata, saya pun tak boleh nak jawablah. Saya cakap dengan YB, *you* datang sekali, sekali *you* kena cakap dengan saya, di mana *you*. Sebab nanti orang tanya, saya boleh cakap dia pergi sini, dia pergi ke sini, dia pergi ke sini.

Tetapi jangan datang sesekali, datang selalu-selalu, selesaikan masalah masyarakat. Kalau tidak, mereka akan cari muka buruk ini. Dia akan cari muka buruk ini untuk menyelesaikan masalah masyarakat, dan kita tembak owh... pembangunan tak ada, ini tak ada. Ini yang sebenarnya saya nak beritahu, bukan itu. Sebagai Wakil Rakyat yang beretika, kita kena akui yang baik tetap baik, yang tak baik tetap tak baik. Jangan kita tertipu, *not the form but resumption*. Kita tentang Shamsiah Fakeh bukan kerana dia Shamsiah Fakeh, kita tentang dia kerana dia membawa ideologi komunis sebenarnya.

Kita tentang Abdullah Sidi bukan kerana dia Abdullah Sidi, tapi pembawakan falsafah ideologi yang dibawa itu yang merosakkan. Kita tentang ADUN Ketari bukan kerana nama dia gitu, tapi dia bawak ideologi ataupun budaya yang tidak sihat. Tidak memperakui apa yang baik dan apa yang tidak baik. Sewajarnya sebagai Ahli Dewan Yang Mulia ini akan mengatakan bahawasanya sumbangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan 'hebat', tetapi ada perkara-perkara yang perlu ditambah baik oleh JPS. Ada perkara-perkara yang perlu ditambah baik. Pembaikan rumah, ada perkara-perkara yang perlu di... dibaiki, ditambah baik bukan dia rasuk, bukan dia ada hanya menggunakan kesempatan untuk membakar hati dan semangat orang ramai.

Rancangan Tempatan Bentong, *Local Plan*. *Bentong Local Plan* adalah satu rancangan yang baik, ianya sudah lama tidak diperkasakan. Saya ingat tahun 2005 tak silap saya, kita bentangkan. Mengapa? Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya nak maklumkan ini supaya dapat dizahirkan bahawasanya budaya yang dibawa tidak sihat. Kita nak bangun dan jaga penduduk di Janda Baik dengan satu perancangan pembangunan yang hebat. Belum apa-apa dah... okey Kerajaan Negeri akan mengambil alih... akan mengambik... buat pengambilan tanah kepada tanah tuan-tuan. Rumah kamu akan diroboh. Jalan ini akan dibesar.

Oleh kerana membakar semangat hinggakan penduduk sebahagiannya di Janda Baik ini menjadi emosi. Kita sebenarnya nak merancang sesuatu yang baik untuk Janda Baik. Dalam Dewan Yang Mulia ini, kita mesti perkasakan Janda Baik, kita mesti pastikan ia merupakan destinasi pelancongan yang hebat yang orang menjadi



tumpuan. Wah kata dia... apa kita boleh melaksanakan pembangunan dengan hanya air liur basi je. Kita kena ada komitmen.

Kita kena ada komitmen... ada perancangan yang hebat. Tidak berlakunya sesuatu itu tanpa satu perancangan yang hebat dan tuntas. Bagaimana kita nak melaksanakan sedangkan peringkat perancangan sudah dihalang. Ini yang sebenarnya yang saya zahirkan bahawasanya kita akan tentang budaya seumpama ini. Kita akan menjelajah, memaklumkan ingatlah pengundi-pengundi, penduduk-penduduk di Ketari, kenal pasti siapa pembela kamu.

Selama saya empat tahun lebih berada di sana, sebenarnya banyak perkara yang telah kita laksanakan. Tetapi wakil kita... pada hari ini dia tak ada. Saya ingat saya dah memang dah *ready* dah... bawa air botol ni. Tak... bukan apa, saya kalau... mabuk air sejuk...

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Air botol tu kalau dah habis, saya boleh tambah lagi. [Ketawa]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Saya nak mohon mencelah Dato' Sri Yang di-Pertua, saya nak bagi wakil daripada Benta *cool down* sambil dia minum air sejuk. Tadi sebut muka buruk... muka buruk kan, tadi memang nak mencelah tapi masa itu tengah agresif sangat. Tapi saya nak bagitahu, tapi nak bagi tahu tak buruk muka ni, manis orangnya *handsome* lagi Yang di-Pertua. Boleh lagi Dato' Sri Yang di-Pertua...

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Steady... steady.

YB. DATO SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Panjang lagi YB. Kalau tidak saya bagi masa...

YB. DATO SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tidak... tidak. Saya kira nak menggulung dah ni... dalam sejam lagi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa hari ini kita yang terakhir.

YB. DATO SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tahu... saya tengok tadi, sebab apa... bila ADUN Lanchang kata, ADUN Lanchang ye... Ketua Whip Dato' Sri... dia kata, *I give u one hour*. Saya ingat lagi Dato' Sri, saya berada di sana. Masa itu ya. Dato' Sri Lanchang sebelah. Saya Benta, tahun 1999. (tidak jelas) ye duduk kat situ. Kami di situ. Dato' Sri ingat ya...



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya...

YB. DATO SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Orang muda masa tu... bercakap...

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Ini nak ingatkan saya... di sebelah kiri Dato' Soffi... eh sebelah kanan Dato' Soffi. Di belakang kita Timbalan Presiden PAS sekarang ini. Yang sekarang ni Timbalan Presiden PAS. Kemudian siapa lagi, ADUN Kuala Semantan masa tu... Haji Idris er... Timbalan Mursyidul. Pastu... ha tu... maknanya kita orang berdebat dengan dia orang masa ketika itu. Dato' Sri apa nama... Dato' Yang di-Pertua ada masa itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Memang hebat. Yang Berhormat berdua memang hebat.

YB. DATO SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri,

Saya teringat wakil daripada Triang, ayahanda beliau berada di kawasan wakil Sabai sekarang ini, tapi kita *gentleman*. Bila bahas dalam Dewan Dato' Sri ya, kita berbahas secara oo... Lepas itu kita boleh main bowling *partners*, minum-minum sama. Pandangan pun memang kira tidak liciklah. Tapi kita orang muda masa itu. Sebab tu saya mengimbau kembali... melihat *just like yesterday*...

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Sebab itu Yang Berhormat Yang di-Pertua, masa tu dah ada MN dah sebenarnya. Masa itulah lagi naik sekereta, pergi rumah MB sekali. Saya masih ingat lagi, saya *drive* kereta Dato' apa... ADUN PAS... ADUN Semantan sebelah saya ketika itu. Maknanya kita dah apa... adab (*tidak jelas*) kita dah belajar dah. Adab berbeza pandangan dari dulu lagi, dengan izin.

YB. DATO SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebenarnya dato' Sri, itu kehebatan. Bila sakit, saya ingat lagi arwah ini... ADUN Tahan, Haji Malik. Pergi ziarah, kita pergi ziarah, tengok semua, bincang... dalam Dewan. Memang licik, dia memang seorang... arwah ni seorang seorang pendebat yang licik. Saya akui. Tapi kita hormat sebagai *somebody* yang... malahan saya... *I feel offended*, dengan izin. Sebab apa... ini saya bukan nak mengungkit ni, Dato' Sri.

Saya pergi ke Ketari masa ke Mempaga sebagai Wakil Kerajaan, Dato' Sri. Wakil Ketari ini ada, saya jemput dia duduk sebelah saya. Dia kata okey. Wakil Ketari... *no... no... I'm very gentleman... You take care and she takes care*. Okey. Dato' Sri, saya pelawa dia duduk sebelah. Hormat sebagai anak. Itu beberapa siri... apa nama majlis yang kita buat. Itu caranya. Buat begitu, *effect* er... bekas ADUN Triang juga sama.



Dato' Sri sekejap... [minum air dan batuk]. Tapi saya rasa juga. [batuk]. Dato' Sri, sebab ni kira ni Dewan yang penggal akhir.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Bolehlah sikit lagi sikit.

YB. DATO SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sikit dalam 5 minit lagi... [batuk]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sikit. Batuk pula tu...

YB. DATO SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

[Batuk] Dato Sri, *sorry*. Sebab itu saya melihat, ada beberapa perkara yang... saya tahu di kalangan wakil-wakil yang ada di sebelah sana, ada yang *very accumulative*... Saya dengar kawan-kawan... ada yang telefon wakil Sabai misalnya contohnya...

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, ini air. Saya bawak air dua. Biar lama sikit. Saya sekejap. [ketawa]

YB. DATO SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sorry Dato' Sri. Ada yang telefon untuk menyelesaikan masalah. Saya tahu ada yang *mereport*, saya kata *go ahead*. Sebab Ahli Pentadbiran kita ni *very profesional* Dato' Sri. Bila ada wakil rakyat minta tolong, mereka akan bantu. Kerana kita tahu kesan daripada bantuan itu adalah manfaat yang diperolehi oleh wakil rakyat. Kita buat projek tambah baik bekalan air di Karak, walaupun wakil Karak ini merupakan wakil daripada pihak pembangkang.

Kawasan saya sendiri di Benta, di Benta kawasan saya, baru sekarang kita buat. Alhamdulillah, saya... saya tak dengki. Saya EXCO Infra... tempat kita... (tidak jelas). Kita *gentleman*, kita tengok, itu cara kita. Tapi saya nak zahirkan di sini bahwasanya apa yang dizahirkan oleh rakan saya daripada Kuala Sentul terhadap berapa Ahli-Ahli Dewan ini memang *to me*, agak *unbecoming*.

Hanya saya bimbang generasi akan datang ini dia akan terpengaruh. Dengan karektor-karektor tertentu yang nampaknya hebat, tetapi sebenarnya motifnya, cukup berbeza. Cukup berbeza. Bukan motif yang sebenarnya. Semuanya macam seolah-olah nak *depride*. Tolonglah kawasan saya, jangan dinafikan. Bukan, kita tidak nafikan. Tetapi dalam perancangan, kita ada juga aturannya, *prioritynya*, kerana peruntukan yang terimanya sedemikian rupa. Dia terpaksa diagihkan dengan kekangan Itulah sebabnya kadang kalanya Ia memerlukan sedikit masa untuk dilaksanakan.

Sebab itu dalam Dewan Yang Mulia ini saya kiranya liputan ada, pegawai kerajaan ada saya nak merakam setinggi penghargaan. Kepada semua rakan-rakan yang kadang-kadangnya dicemuh, kadang-kadangnya mungkin ada yang dihina, dikecam tetapi tidak dapat membela diri dalam Dewan Yang Mulia ini. Mereka tidak boleh bersuara, waima ini... Setiausaha Kerajaan Negeri ataupun barisan pegawai yang ada



di sini mereka tidak boleh menjawab. Saya berada di sini untuk mempertahankan yang hak. Mereka telah memberi sumbangan yang hebat kepada kemajuan negeri, bertungkus lumus tanpa mengenal penat lelah untuk pastikan kita berjaya dalam setiap perancangan.

Perancangan boleh kita laksanakan, boleh kita bentang, tetapi pelaksanaan itu memerlukan komitmen yang tinggi dan kesungguhan dan kebijaksanaan penggunaan pendekatan yang hebat. Sebab itu barisan yang ada dalam galeri yang menjadi pemerhati ini adalah wira-wira yang tidak didendang. Mari kita bagi satu penghormatan pada semua ni [Ahli Dewan menepuk meja] kepada mereka yang selama ini telah meletakkan *finger print*, *foot print* dengan izin mereka dalam mencatur lonjakan kemajuan negeri yang tercinta ini. Saya nak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan selama ini atas jasa dan kesungguhan mereka dalam menangani isu ini.

Marilah sama-sama, bukan semata-mata kita mengharap berusaha ke arah supaya dapat kita wujudkan sebuah kerajaan yang stabil, yang boleh memberikan impak besar kepada kesejahteraan negeri dan rakyat yang tercinta. *This is Pahang*. Inilah Pahang. Ini kome ni Pahang, memang inilah sebenarnya Pahang. Dan kalau boleh kita lihat kan, kalau ada orang lain tu bukan orang Pahang minta maaf saudara-saudara ya sahabat-sahabat saya, kalau bukan begitu pilihlah di kalangan kita yang terdiri daripada orang-orang Pahang. Bukan... bukannya maknanya 'asabiyyah, tidak. Tetapi maknanya patriotik. Bukan 'asabiyyah, tapi patriotik.

Insyallah, dengan hasrat itu, saya sekali lagi merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar beri ruang kepada saya menggalas tanggungjawab sebagai EXCO Pertanian. Juga rakan-rakan yang banyak berkongsi di sini. Sebenarnya rakan-rakan ni, saf kepimpinan ni, kalau macam inilah dalam Dewan, sebenarnya Mesyuarat EXCO, sebenarnya... kadang-kadang lebih berapi lagi. Betul, sebenarnya. Tetapi ini semua dah masak maknanya kita ni duduk kalau tengok macam ni yang ni kalau 0 ke 10 tu Dato' Sri, mungkin baru 5 je ni, baru 5 je.

Ini kadang-kadang saya dengan Lanchang ni, dia hujung sini, saya hujung sini. 0 ke 10 itu, kadang-kadang dia pergi sampai 8, nak kona baring dah. Tetapi kita mengemukakan dengan penuh rasa kesungguhan, kerana tidak lain dan tidak bukan niatnya demi untuk kemajuan negeri dan rakyat yang tercinta. Itu yang sebenarnya.

Terima kasih pada rakan-rakan daripada saf kepimpinan barisan BN, *backbencher* yang telah banyak membantu memberi idea dan memberikan kerjasama. Begitu juga dengan rakan-rakan daripada saf barisan Dewan Yang Mulia ini, yang juga memberi pandangan. Walaupun kita berbeza dari segi er... ni wadah perjuangan itu, tetapi hasrat tu sebenarnya tidak lain dan tidak bukan insya-Allah niat yang murni kecuali beberapa ahli yang saya tengok, saya perhati memang tidak ikhlas dalam mengenengahkan motif.

Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua yang begitu sabar sekali, hebat. Saya tabik insya-Allah. Terima kasih banyak kepada semua mohon maaf saya dengan ini mohon menyokong. Sekian wabillahaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja].



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Semangat sungguh YB. Terima kasih banyak-banyak. Hari ini luar biasa nampak. Seterusnya saya menjemput yang... Yang Berhormat EXCO Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang. Silakan.

YB. DATO'SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Pertamanya saya ingin mengucapkan syukur pada Allah SWT kerana kita dapat lagi berada di dalam Dewan Yang Mulia ini bagi sesi penggulungan dan selalunya begitulah, kalau tanya soalan saya nombor dua ya, selepas Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tapi kalau menggulung, saya yang nombor dua akhir. Tapi kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar beliau sekarang ni berada di... di Kuala Lumpur kerana tugas-tugas. Kita pun tahu sekarang ini kita berada di dalam ambang pilihan raya, maka insya-Allah Yang Amat Berhormat akan menggulung esok.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya juga bersama rakan-rakan yang lain ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga kepada semua ya. kesemua anggota apa namanya penjawat awam, Dato' Sri SS, SFINO dan lain-lain lagi yang berusaha bersungguh-sungguh sehingga kita berjaya mencapai pencapaian kita iaitu sebanyak RM1 bilion dari segi kutipan hasil negeri. Ini kita kena ucapkan tahniah. [Ahli Dewan menepuk meja].

Saya nak bagi tahu nak *share* sedikitlah. Setiap kali EXCO, ini kawan-kawan EXCO boleh er... apa namanya... ini... *confirmkan* sahkan. Berapa. Setiap kali Exco tu yang pertama lepas agenda, ucapan Yang Amat Berhormat er... ucapan beliau dan pesanan-pesanan yang nak disampaikan, perkara kedua beliau akan bertanya, bukan kepada Dato' Sri SS, Setiausaha Kerajaan Negeri, atau kepada Dato' LA atau kepada saya sebagai apa namanya yang sebelah dia atau Dato' Soffi, eh Dato' wakil daripada Benta atau wakil daripada ini Kuala Sentul. Tetapi kepada Dato' SFINO berapa *collection* kita. Setiap kali. *Because our target is* dengan izin *to achieve one billion* dan alhamdulillah kita telah capai er... apa namanya apa yang kita pastikan iaitu RM1 bilion.

Untuk mencapai kali pertama mudah. Tetapi untuk kita *to maintain* dengan izin untuk mengekalkan 1 bilion ini bukan satu perkara yang mudah. Jadi sebab itulah ya, sebab itulah Kerajaan Negeri perlukan kepimpinan yang mampu untuk meneruskan agenda ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Selaku EXCO Pelancongan Kebudayaan Alam Sekitar Perladangan dan Komoditi, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan yang menyentuh tentang alam sekitar, tentang er... Pelancongan tentang portfolio saya. Walaupun pada kali ini kita lihat bahawa *mood* agak berbeza kerana kita mengadakan persidangan kita selepas er... sehari sebelum dan kemudian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumkan bahawa Kerajaan Pusat telah pun bersedia untuk mengadakan Pilihan Raya Umum, akan mengembalikan semula mandat kepada rakyat, maka *mood* kita agak berbeza.



Kerana saya yakin dan percaya bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan bersama-sama seperti yang akan... yang telah... akan juga mengumumkan tentang pembubaran Dewan Undangan Negeri. Kerana apa? Kerana kita memikirkan biarlah kita buat pilihan raya ini bersekali. Kalau kita buat pilihan raya ini tidak bersekali, kita merugikan duit rakyat. Kalau kita buat sekali Yang Berhormat Yang di-Pertua, belanjanya sama, cuma yang kita akan tambah adalah kita *print* satu lagi kertas iaitu kertas Dewan Undangan Negeri.

Kita Yang Berhormat Yang di-Pertua, kadang-kadang kita bercakap soal *good governance*, kita bercakap soal ketelusan, soal mesti jimat cermat dan sebagai tapi bila sampai pada kita tak apa. Ha... ini dia. Bila sampai kepada kita tak apa kita buat beza tak apa, sedangkan belanjanya besar. Kita terpaksa adakan semua apa namanya ini... ini petugas-petugas pilihan raya. Berbilion-bilion, ber... berjuta-juta duit rakyat. Yang kita bezakan sedangkan perkara itu boleh kita buat sekali. Ha ini sebenarnya rakyat memerhati Yang Berhormat Yang di-Pertua. Sebab itulah kita saya difahamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa insya-Allah ya, kita akan bersama-sama dengan er... Kerajaan Pusat untuk mengadakan pilihan raya pada kali ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tiga rakan yang telah menyebut tentang pertanyaan tentang portfolio saya iaitu Beserah, Luit dan Padang Tengku. Dan mereka menanyakan tentang... pertamanya Beserah. Beserah dia mesyuarat ya? Dia tak ada ya, sebab dia pergi untuk ini mesyuarat pilihan raya agaknya. Er... tentang apakah kekangan utama dalam me... memenuhi keperluan atau kehendak daripada pihak UNESCO supaya tapak bios... biosfera di Tasik Chini tidak berdepan dengan berbagai masalah selepas ini.

Saya ingat kita pun dah jawab, secara umumnya kita telah pun sebenarnya pergi ya, menghantar wakil kita diketuai oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri ke UNESCO untuk kita menyerahkan dan kita bertanyakan kepada mereka, apakah lagi keperluan-keperluan yang diperlukan supaya apa? Supaya kita nak memastikan bahawa sta... status *Man and Biosphere* itu dapat kita kekalkan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Soalan kedua daripada Wakil daripada Padang Tengku. Dia banyak soalnya tiga, empat tapi saya jawablah satu. Yang lain saya akan jawab bertulis. Memohon penjelasan Kerajaan Negeri mengenai status pengiktirafan Merapoh sebagai bandar pelancongan yang pernah diisytiharkan satu ketika dahulu.

Merapoh adalah salah satu daripada destinasi pelancongan utama di Lipis. Namun begitu tiada sebarang pengiktirafan rasmi okey er... kepada Merapoh. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri komited untuk menjadikan daerah Lipis sebagai UNESCO Global Geoparks. Ha... ini satu usaha yang akan dijalankan dan Kerajaan Negeri saya ucap terima kasih kepada er... Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20 juta, untuk kita mengkaji, kemudian dalam masa yang sama untuk kita er... melakukan beberapa er... penambahbaikan supaya kita akan mencapai status er... er... ini geo... Global Geoparks ini dalam masa lima tahun.

Dan yang ketiga soalan daripada Wakil daripada Luit, menyebut tentang apakah perbelanjaan bajet er... perbelanjaan dan bajet yang telah... yang telah dan perlu



diambil kira oleh Kerajaan Negeri dalam persediaan menghadapi perubahan iklim yang akan datang. Kerajaan Negeri dalam tindakan bagi mengambil kira faktor persediaan menghadapi perubahan iklim dalam pembangunan Pelan Pengurusan Strategi Alam Sekitar dan kita telah lancarkan. Malah seperti yang dinyatakan oleh Wakil daripada Benta tadi bahawa negeri Pahang saja menerima hampir RM2 bilion ya, dari segi tebatan banjir ini. Termasuklah Sungai Semantan, Bentong, Temerloh, Bera, Maran, Lipis, Kuala Krau, Kuantan, Sungai Lembing, serata.

Serata negeri Pahang ini, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sebanyak RM2 bilion iaitu untuk tebatan banjir supaya apa? Supaya kita pastikan bahawa kita dapat mengurangkan banjir yang akan kita hadapi. Itu sebahagian daripada usaha kita dan Wakil daripada Luit pun dah balik dah. Dia tak... dia sebelum sembahyang Asar lagi dan er... insya-Allah kita akan sentiasa berusaha ke arah er... apa nama memastikan bahawa kita bersedia.

Dalam masa yang sama Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita juga akan mengikuti apa namanya *conference-conference* tentang *climate change* ini. Antaranya kita pernah ke Glasgow bersama dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja pun berangkat juga er... walaupun waktu yang berbeza, tetapi kita ke Glasgow itu COP26 dan kita akan mengadakan COP27 ya, iaitu di Cairo iaitu United Nations Climate Change Conference ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya nak menyentuh sedikit tentang portfolio saya iaitu pelancongan. Saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah pun meluluskan Belanjawan sebanyak... sebanyak RM40 juta kepada er... apa namanya ini portfolio pelancongan ini, dan saya sangat gembira. Katalah kalau kali ini penggal saya yang terakhir, saya telah meletakkan batu asas. Supaya kalau dulunya er... ini portfolio pelancongan ini tidak ada *income* sendiri.

Tetapi alhamdulillah kita Kerajaan Negeri telah pun meluluskan enakmen iaitu Enakmen Hotel 2020 di mana kita mengenakan sedikit fi iaitu Fi Kelastarian sebanyak RM3.00 setiap satu... er... setiap bilik yang dihuni. Dan ini perkara biasa dilakukan di seluruh dunia ya. Maknanya negeri Pulau Pinang, kita ikut Pulau Pinang sebenarnya. Yang ini kita ikut Pulau Pinang, Wakil daripada Benta. Pulau Pinang telah lama laksanakan dan er... dengan... dengan ini sahaja kita akan berpendapatan sebanyak kita ada 38,000 bilik yang berdaftar. Dan kita ada lebih kurang... lebih daripada 5,000 bilik lagi yang tidak didaftar seperti Air BNB dan sebagainya.

Ini Kerajaan Negeri akan... sedang melaksanakan program pendaftaran kepada bilik-bilik ini. Kita ada 40,000 bilik dan kita... kita, kita jangka bahawa kita akan mendapat pendapatan lebih daripada RM20 juta. Campur pendapatan RM9 juta daripada er... ini *tourism tax*, daripada Kerajaan Pusat, kita ada lebih kurang RM30 juta saja cukup untuk portfolio pelancongan ini untuk mereka, bukan sahaja untuk kita mempromosi di dalam negeri, tetapi juga di luar negeri dan juga program-program yang kita buat yang bertaraf arabangsa... antarabangsa.

Sebagai contoh baru-baru ini kita telah mengadakan Pahang Ocean Paddle. Yang mana ini adalah satu-satunya acara yang tidak pernah kaedah begini dila... di.. dijalankan. Maka kita adalah merupakan *the IP Holder* lah dengan izin, yang memegang, seperti F1 sebagai contohnya, ataupun er... lain-lain seperti *Billfish* sebagai contohnya, kita pegang apa nama *the rights* untuk melakukan ini.



Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya juga er... nak maklumkan, selain daripada itu Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya juga nak... nak berkongsi bahawa kehadiran pelancong ke negeri Pahang ini selepas sahaja kita dibuka, iaitu kita ambil awal tahun je lah. Sehingga sekarang kita telah menerima 6.6 juta pelancong iaitu seramai er... 1.9 juta yang pergi, mereka pergi ke pantai dan juga ke pulau, 1.9 juta. Maknanya Wakil daripada Tioman *you have... you must be very busy* la dengan izin. Maknanya melayani pelancong-pelancong yang pergi ke Pulau Tioman.

Kemudian ke tanah tinggi. Ini paling tinggi, 4.2 juta. Kerana apa? Kerana semua tanah tinggi berada di negeri Pahang. Cameron Highlands berada di negeri Pahang, Fraser's Hill berada di negeri Pahang, Genting Highlands pun berada di negeri Pahang. Negeri lain ada nama tanah tinggi tapi rendah. Seperti di... di er... bukan tanah tinggi, bukit tinggi. Ha bukit tinggi, dia rendah macam di... di Klang sebagai contoh, yang nak diikuti daripada kita lah, Selangor. Ha... Bukit Cherakah, bukit tapi rendah.

Kemudian, kembara atau alam semula jadi, *ecotourism*, seramai lebih daripada setengah juta orang. 6.6 bilion er... 6.6 juta ini Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya nak bagitahu bahawa ini daripada Januari hingga September, peningkatan sebanyak 544.53%. Ini bukannya cemerlang, ini lebih daripada cemerlang, gemilang, terbilang Yang Berhormat Yang di-Pertua, dengan ha ini penting, perbelanjaan pelancong atau *expenditure... tourist expenditure* sebanyak RM5.58 bilion. Ha, ini sebenarnya yang kita nak. Kerana apa Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita kena ingat, daripada segi pendapatan *KDNK kita, the revenue... our revenue* dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, sebahagian ya, apa namanya... kita 50% daripada KDNK kita adalah daripada perkhidmatan. Dan kita kena ingat bahawa pelancongan adalah industri perkhidmatan.

Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua sebab itulah industri ini penting. Kalau kita tengok Yang Amat... Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun sebut dalam membangunkan Pahang Barat, yang pertama adalah soal pelancongan kerana orang akan berbelanja duit. Duit tersebut akan dibelanja di hotel, di restoran, di tempat-tempat lain, stesen minyak, membeli barang-barang dan sebagainya. Kemudian duit tersebut akan berputar ya. Mereka pula apabila ramai orang, mereka terpaksa ambil orang untuk bekerja lagi, pekerja lagi, kemudian dia... apa yang disebut sebagai *the multiplier effect* dengan... dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, *cycle* itu menyebabkan industri ini er... ekonomi ini akan berkembang dan terus maju.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Secara perbandingan ya, secara perbandingan Yang Berhormat Yang di-Pertua, tahun 2021 kita hanya menerima dua pe... dua... 2.2 juta. Yang Berhormat Yang di-Pertua tahu tak sebab apa? Sebab kita banyak sangat apa... Perintah berkurung ni orang panggil apa? Bukan... perintah ber... *curfew... curfew...* dengan izin. Ha darurat... Perdana Menteri Darurat... sahabat... sahabat dari Chenor ketika itu. Perdana Menteri tak ada dia darurat, darurat, darurat jadi orang tak boleh keluar rumah. Ini yang dapat 2.2 *million* sahaja. Tapi... tapi tahun 2020, kita menerima 7.3 juta dan pada tahun 2019 sebelum COVID kita ada lebih kurang 14 juta dan sekarang ini 6.6 juta dan kita yakin sehingga hujung tahun ni unjuran kita adalah seramai mungkin dalam 9-10 juta, inshallah.

Yang Berhotmat Yang di-Pertua,



Saya juga nak sebut tentang alam sekitar. Ini satu... kerana isu alam sekitar ini adalah merupakan isu penting. Kerana kita selalu sebut bahawa kita meminjam apa yang ada ini daripada generasi akan datang, maka kita kena jaga dia. Dia ada empat Yang Berhormat Yang di-Pertua ada dua Enakmen penting yang kita telah luluskan. Satunya adalah Perbadanan Taman Negeri Pahang, satu. Yang keduanya, Majlis Biodiversiti Pahang 2021.

Kedua-dua ni Yang Berhormat Yang di-Pertua adalah untuk kita mengawal alam sekitar ini dan kerana itulah Yang Berhormat Yang di-Pertua saya nak maklumkan kita sangat apa namanya Jabatan Alam Sekitar memainkan peranan penting. Satunya Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita sebagai contohnya dari segi pencemaran sekitar ini, kita telah pun mengenal pasti ada lapan kilang yang beroperasi secara haram dan menjalankan aktiviti peleburan tanpa kawal dan kita ambil kes ini dan kita... satu kes pelupusan haram buangan terjadual. Kita jangan mengingati bahawa ini di Bukit Kelulut dan kita telah pun selesai kan perkara ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Isu alam sekitar kita jangan melihat ianya hanya di... di... di kawasan hutan ataupun kawasan... kawasan-kawasan alam semulajadi sungai tetapi juga alam sekitar ni banyak terdapat di bandar-bandar sebenarnya seperti di Sungai Kim Kim di Johor bagaimana ia menyebabkan kematian.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kerana itu Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah melancarkan Pelan Pengurusan Strategik Alam Sekitar Negeri Pahang dan kita telah pun er... apa nama bekerjasama dengan Universiti Kolej Yayasan Pahang iaitu... yang telah menubuhkan *Pahang Ecology Research Centre* Yang Berhormat Yang di-Pertua, yang menjalankan kegiatan alam sekitar. Dan sebab itulah dengan... dengan kita mengadakan ataupun dengan kita melaksanakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar ini maka kita nak ingin memastikan bahawa apa yang disebut sebagai sekarang ini orang sebut ya ESG, SDG, *Sustainable Development Goal* yang mempunyai tujuh... tujuh belas matlamat itu dapat kita laksanakan dan untuk *for private entity*, mereka mesti melaksanakan ESG, *Environment, Social and Governance*

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya juga nak maklumkan bahawa kita... apa namanya ini... *Tiger National* ini ataupun dalam ini... *Malayan Tiger Conservation* di Lanchang telah pun siap dan insya-Allah akan beroperasi. Ini sebahagian daripada usaha kita untuk kita menjaga alam sekitar apa namanya flora dan fauna.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingin menyebut sedikit tentang perladangan walaupun sebenarnya pelan perladangan dengan telah pun siap tetapi oleh kerana kita ini *election* dengan pilihanraya, saya harap sesiapa selepas ini mereka boleh teruskan. Walau bagaimanapun kita telah melancarkan e-Ladang, di mana untuk kita memastikan setiap perladangan kita ada data dia. Sekarang ni kita tak berapa lengkap, tetapi dengan ada e-Ladang ini kita boleh mengetahui berapa keluasan ladang, berapa pekerja, kemudian berapa rumah yang ada, berapa kapasiti pengeluaran pokok-pokok dan lain-lain lagi buah-buahan dan sebagainya. Maka kita boleh *monitor* dan dalam masa yang sama kita boleh membuat unjuran untuk ini... Ini data-data ini supaya kita



dapat buat unjuran tentang *progress* ataupun tentang *planning* ekonomi kita di masa hadapan. Kita juga telah mengadakan Pahang Plantation dan *Commodities Festival Symposium* iaitu pada... iaitu komoditi sawit dan masa depan yang kita adakan dan alhamdulillah mendapat sambutan dan insya-Allah saya harap selepas ini ianya akan diteruskan.

Yang di-Pertua,

Politik Malaysia ni Yang Berhormat Yang di-Pertua, kegawatan yang kita warisi ini dia bermula pada tahun 1999 apabila UMNO, Mahathir dan Anwar Ibrahim yang berpecah. Ini bermulanya, satu. Dan yang keduanya Yang Berhormat Yang di-Pertua dan ianya bermulalah berlakulah tertubuhnya parti PKR, kemudian tertubuhnya parti yang lain-lain lagi lah. Kalau kita tengok dari segi *track record* Yang Berhormat Yang di-Pertua, pembangkang ini, PAS dan juga DAP ketika itu yang... yang... yang dominanlah, yang ada sebelum 1999, mereka sebenarnya mereka sebagai pembangkang tidak banyak. Kita akan mendapat 80% 7...85%, 78% daripada undi Barisan Nasional ketika itu. Kalau kita boleh lihat PRU ke...1982, 1986, 1990, 1995 tapi PRU 1999 sebenarnya mengubah landskap politik Malaysia ini dan kita warisi ini hinggalah sekarang.

Jadi sebab itulah Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya kira pilihanraya pada kali ini rakyat mesti bijak, rakyat mesti tahu memilih manakah parti yang mempunyai *track record* dan manakah parti yang hanya tahu membuat janji. Rakyat masih ingat lagi Yang Berhormat Yang di-Pertua, bagaimana manifesto dipermain-mainkan. Ini soal janji Yang Berhormat Yang di-Pertua. Janji mesti ditepati, kata mesti dikota. Saya tak nak sebut lah. Dalam Islam kalau orang berjanji ni dia tidak tunaikan apa kita sebut tak baik. Jadi apa pun Yang Berhormat Yang di-Pertua janji. Jadi sebab itulah kalau di Malaysia rakyat dah tahu dah, rakyat boleh dapat bezakan. 22 bulan selepas PRU-14 ini, Pakatan... Pakatan Harapan yang memerintah. Mereka boleh tahu, mereka boleh rasa bagaimana pemerintahan Pakatan Harapan yang dikombinasi nya oleh apa? Oleh PKR, AMANAH dan juga di DAP.

Dan mereka kita boleh ingat lagi apakah tindakan yang dilakukan oleh Pakatan Harapan kepada rakyat ketika itu. Kemudian, rakyat juga boleh merasakan bagaimana Perikatan Nasional, walaupun UMNO sebagai daripadanya, itu gabungan kerajaan tetapi UMNO tidak mendokong. Sebab itu UMNO tidak masuk di dalam Barisan Nasional tidak masuk dalam Perikatan Nasional. Rakyat dapat rasakan bagaimana pemerintahan ketika itu. Sebab tu kehadiran pelancong pun 2.2 juta, pasal kita banyak apa tadi? Darurat, darurat.

Maknanya apa sebab darurat tu ini kita semua tahu sebab apa. Jadi rakyat boleh membezakan dan rakyat boleh membezakan bagaimana Malaysia yang diperintah oleh Barisan Nasional selama 61 tahun. Apakah kita tidak maju? Kalau kita tidak Maju Yang Berhormat Yang di-Pertua saya selalu sebut ini, tak akan lah rakan-rakan kita daripada Indonesia, daripada Bangladesh, daripada daripada Myanmar, daripada Nepal datang ke sini. Kerana apa mereka datang kemari? Untuk bekerja. Kerana mereka tahu di sini ada masa depan. Kita tak akan pergi ke negara yang tidak ada... yang tidak kita tak... tak dapat cari sesuap nasi.

Kita boleh lihat bagaimana hebatnya Malaysia ketika itu. Tetapi ini masalah dia Yang Berhormat Yang di-Pertua. Apabila sosial media ini tidak dapat dikawal dan kemudian kita boleh lihat sendiri bagaimana ya, kita ni Yang Berhormat Yang di-Pertua macam



tadi lah, Wakil daripada Benta saya nak pinjam sikit saya tak nak sebut pasal Ketari ni pasal dua orang dah sebut dia, tak baik, kesian dia, dia pun tak tidur malam.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Antara *selfie* dan realiti. Ini *politician* dia tu. Kita tak nak macam tu. Kita ini realiti, bekerja pagi petang siang malam. Macam wakil... Ahli Parlimen saya. Sekarang ini Wakil daripada Mentakab baru ajak dia nak berceramah. Itu pun kesian tengok dalam hujan. Itulah tak berkat, sebab itu dalam hujan. Baru sekarang dah 5 tahun, tiba-tiba orang terkejut, encik ni siapa? Dia lupa itu Ahli Parlimen. Kalau dia saja... bagi tahu dia sakit, kalau sakit Yang Berhormat Yang di-Pertua, hantarliah wakil. Kita ada wakil tapi tak, tidak... tidak berlaku.

Jadi ini antara *selfie* dan realiti hanya apabila ada masalah kita *selfie* kemudian kita letak dalam Facebook kita. Saya telah pergi ke sini tetapi masalah tak selesai. Kita hanya apa kita hanya datang untuk mendengar masalah tetapi tidak menyelesaikan masalah. Malah kita curah lagi... api itu tengah menyala, maka kita curah minyak patut kita curah air, supaya apa? Supaya politik kebencian ini dapat dibina Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Cukuplah, *enough is enough* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk kita. Kita ini kena ada rasa kasih sayang. Ssebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut Keluarga Malaysia ya.

Keluarga Malaysia ini maknanya kita ini satu keluarga. Di sinilah kita dilahirkan, di sinilah kita akan dikebumikan. *So we had to take care of this nation* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Sebab itulah Yang Berhormat Wakil daripada Pelangai dia bagi tahu, mesyuarat semalam apa namanya... hari tu dia cakap *last but not least*. Tapi saya bagi tahu saya pula, *save the best for last*. Maknanya kita mesti apa... *save the best for last* ini apa Wakil daripada Benta? Dia pandai sikit cakap orang putih. Pasal dia belajar di Glasgow.

Save the best for last. Kita maknanya kita simpan yang terbaik itu untuk diakhir-akhir Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang ini kita tak nak ini. Politik *selfie* dan realiti ya. Mereka pergi sebab orang orang melihat er... sosial media tengok gambarnya sangat cantik, pergi macam-macam sekejap tetapi kemudian hilang. Kemudian pakai filter pula itu. Jadi yang ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya harap supaya kita terangkan kepada rakyat tentang *selfie* dan realiti ini politik yang hanya *selfie* kemudian tetapi realitinya mereka tidak melaksanakan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua

Sebab itulah saya yakin dan percaya bahawa PRU pada kali ini kalau kita lihat. Saya pelik pembangkang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dia bagi tahu Kerajaan Pusat ini kerajaan tebuk atap, kerajaan tak sah, kerajaan pintu belakang tapi dia orang tak nak buat pilihanraya. Ha, ini pelik sikit. Ha, banjir. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tak pernah ada banjir bulan November ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kalau disebut banjir saya ni dibesarkan di tepi sungai Pahang. Kalau pun banjir sikit di Temerloh sebagai contoh ataupun di Pahang, tapi negeri lain tak banjir. Kita pernah ada banjir... banjir Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya nak bagi tahu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, banjir ini, saya nak *check* sikit Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebab... saya sampai pukul berapa Yang Berhormat Yang di-Pertua?



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh, boleh.

YB. DATO'SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Boleh ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

5 minit lagi.

YB. DATO'SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Saya nak sebut sikit saya baca ini bilakah Malaysia tanpa banjir. Kalau ikutkan... ikutkan sejarah, Kelantan pernah berlaku banjir besar antara Disember 2014 hingga Februari 2015. Perak, antara Februari hingga Mac, April dan Jun. Kalau kita nak buat lepas raya Cina, Jun banjir juga. Perak cakap tak boleh, ini musim musim banjir. Kedah dan Perlis pernah berlaku pada Jun dan Julai tak apa kita buat bulan Julai. Julai tak boleh, orang Kedah cakap tak boleh, ada banjir, tak boleh banjir juga. Ayak. Tapi di Pahang tak banjir. Yang ini bukan saya cakap, saya EXCO Alam Sekitar. Meteorologi itu bawah saya kaji cuaca.. saya (tidak jelas) tanya dia, apa dia.

Kemudian Pahang, Johor, Pahang, Terengganu antara Ogos ataupun... antara pernah berlaku. Antara Ogos hingga September. Oktober-November tak ada ya. Pernah berlaku, itu Johor mungkin di Johor er... malah pernah berlaku Februari hingga Mac di Johor. Bagi Sabah dan Sarawak pula pernah berlaku antara Januari, Februari, Mac dan April. Manakala Selangor, Melaka, Negeri Sembilan pernah berlaku pada bulan Januari hingga Februari, Jun hingga Ogos, Julai, Ogos dan September malah apa namanya... Disember pun pernah berlaku. Jadi bulan apakah di Malaysia ini yang tak pernah banjir? Saya nak tanya banjir, banjir, banjir.

Sebabnya Presiden UMNO cakap masa di pelancaran pemuda itu. Dia cakap dalam banjir pun *election* pilihanraya kita akan pastikan ia berlaku. Itu saja. Jadi mereka nak *divert* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tentang banjir, banjir. Kita pun terikut banjir, banjir. Pernah ke banjir bulan November tak pernah banjir lagi. Setakat ini lah, itu tak tahu tahun ni. Setiap bulan ada sejarah banjir antara 14 negeri ini. Kemudian sedangkan Parlimen akan dibubarkan secara automatik dalam bulan Jun.

Kalau ikut sejarah Kedah dan Perlis termasuk Melaka, Negeri Sembilan hingga ke Selangor pernah berlaku. Jadi nanti orang Selangor ini cakap tak boleh buat bulan ini pasal bulan ini bulan banjir. Wakil daripada Benta ya. Jadi bila masa kita tak boleh buat ini banjir ini buat jelah. Sedangkan tahun lepas, hari penamaan calon di melaka 5hb ya. Kemudian hari mengundi 20hb. Begitu lebih kurang macam itu November, aman saja tak banjir.

Jadi sebab itulah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua bab banjir ini... ini sebenarnya mencari alasan kita jangan doalah ya. Ya mencari alasan tapi kalau banjir pun Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, logiknya Barisan Nasional untung pasal kita Kerajaan. Kita bagi bantuan, macam mana... kita bagi dia, cakap "jangan lupa undi kita" sebagai contoh.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya nak ucap terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana bagi peluang saya jadi EXCO lagi.



Rakyat terjemah next PRU.

*Pucuk pauh delima batu,
Ikan sembilang di cicah budu,
Dua kolam pilihan untuk bersatu,
Tak boleh biarlah rakyat jadi penentu.*

Sorry, sorry, saya berpantun, janganlah terasa ya.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya sekali lagi ucap terima kasih banyak-banyak dan ucap tahniah juga terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua, dan juga Speaker kita, Speaker dan Timbalan Speaker yang menjalankan tugas dengan baik. Tak lupa juga kepada setiausaha kita. Saya ingat lagi *first* kali pertama ini Speaker kita ni... setiausaha kita daripada Pekan,... tak, Temerloh Anuar, Anuar, Anuar daripada Temerloh. Ini apa Setiausaha kita dulu yang pertamanya Encik Nasa daripada... Nasaruddin daripada Pekan. Tapi dia cakap tu dia leweh betullah. Yang Berhormat Yang di-Pertua, orang Pekan.

Masalahnya, dia leweh betul. Ingat lagi. Yang Berhormat Yang di-Pertua. Sebab dia cakap Pahang ni dia ikut sungai dia bagitaulah. yang di hulu cakap laju, Pahang Temerloh ni dia okey sikit tapi yang paling *steady* yang tengah tu lah kat Temerloh titik tengah semenanjung. Kemudian bila sampai ke Kuala tu dia *slow*. Ha, itu jadi tu. Kalau Pulau Jo... wakil dari Tioman kita tak tahu macam mana dia cakap orang putih.

Insya-Allah Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya sekali lagi ucap terima kasih kalau kita tak berjumpa, mungkin ini sajalah ya, apa namanya... jodoh kita. Kita jumpa di tempat lain. Kalau besok saya, manalah tahu lepas lepas raya mungkin ada di kalangan ADUN-ADUN ni pula jadi EXCO dan sebagainya, kalau kita buat buat permohonan, janganlah ditolak-tolak ya. insya-Allah kita jumpa lagi, kita jumpa Padang Mashsyar ini kita tak berjumpa lah Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita masuk sekali ke syurga Insya-Allah.

Dengan kata-kata ni saya menyokong Saya mohon menyokong RUU Perbekalan 2023 yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Sekian wabillahirahim walhidayah Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima Kasih Yang Berhormat

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Tuan Yang di-Pertua, mintak izin satu minit, terima kasih Tuan Yang di-Pertua

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Nak berucap ke nak apa ni?



YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Bukan saya nak beritahu sesuatu sahaja. Mengulas ucapan Dong, Yang Berhormat Dong. Saya faham sangat *sorry*, Benta, Benta minta maaf. Saya faham sangat beliau telah meluahkan isi hati beliau. Dalam politik memang berlakulah benda begini. Tetapi terguris hati saya mendengar satu perkataan, di mana kita ada EXCO Wanita *beside* Benta. Beliau telah mengeluarkan satu ayat “gatal-gatal dia datang ke kawasan saya”. Dia telah mengatakan tentang Ketari. Saya tak tahu kalau perkataan itu boleh digunakan di Dewan Yang Mulia ini memang saya tak tahu. Kalau perkataan itu tidak sewajarnya digunakan di sini, saya kembalikan *responsibilities* ini kepada Dewan Yang Mulia, tarik balik ataupun minta maaf sajalah ya.

Memang terguris hati saya. Memandangkan EXCO wanita *beside* Benta tapi tidak dimaklumkan. Tapi tak tadi tentang *selfie* dengan filter bolehlah beritahu Lanchang tadi tapi perkara begini kita tak pula *did not advised, i think not a good thing. I live to the Dewan. If it is wrong just, say sorry thank you so much.* Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, what dust u mind by dia cakap orang putih saya kena cakap orang putih juga, kalau tak saya cakap tamil. ulur kem, wanekam. *What does it mean by selfie and filter, what dust it mean?*

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Apa-apa...

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

I just want to know.

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

ya..ya apa yang apa yang saya maksudkan

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Maksudnya, itu okey

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Apa yang saya maksudkan tadi ialah bila Lanchang *was looking for a word, our* Kuala Sentul telah katakan *said a filter*, dia bantu dengan perkataan begitu. *I mean it is a good thing she helping her friends but when* Benta said “gatal-gatal dia datang ke pejabat, ke kawasan saya”. Apa yang saya maksudkan tadi ialah tak pun beritahu Benta yang perkataan itu tidak sewajarnya digunakan di Dewan Yang Mulia ini. Itu sahaja

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey YB



YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kalau kita pergi ke Sabah Yang Berhormat Yang di-Pertua, ada satu tempat nama dia Menggatal. Nama tempat tu Menggatal. Awak nak ke mana? Saya nak ke Menggatal. Sungai Miang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian...

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Boleh nak jawab sikit? Sebabnya nama saya disebut kan. Jadi kenapa saya rasa itu satu *expression* yang biasa dan tidak membawa maksud yang seksis ataupun membawa maksud yang menjurus kepada gangguan seksual. Kerana dalam bahasa Melayu ini YB ya, gatal-gatal ni macam suka suka, suka suka hati je. Dia tidak sampai kepada maksud yang lebih daripada itu lah, lebih yang... yang... yang Serong ya Sebab tu saya tidak la tu ada perkataan yang biasa dalam Leman ataupun masyarakat Melayu yang biasa dan bahasa pasarlah kiranya, Bahasa Pahang

YB. ENCIK MOHDF SOFIAN BIN ABD JALIL

Pengerusi

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat

YB. ENCIK MOHDF SOFIAN BIN ABD JALIL

Sikit je dia benda tu jemaah oleh syarak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik-baik. Terima kasih, terima kasih semua. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Saya mengucapkan terima kasih kepada 10 orang ahli daripada pihak kerajaan yang telah memberikan jawapan-jawapan dan penjelasan-penjelasan di atas permasalahan yang dikemukakan oleh ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan mahupun penjelasan semasa pihak kerajaan menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya juga ambil kesempatan selaku manusia yang kerdil di Dewan Yang Mulia ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan terima kasih tidak terhingga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah-bagi semasa saya mengendalikan sidang selama ini. Dan saya juga mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penjawat awam daripada peringkat tertinggi sekali SS, Dato' Sri SS hinggalah kebawah yang sentiasa cakna, yang sentiasa memberikan kerjasama yang tidak berbelah bagi juga kepada ahli-ahli Yang Berhormat termasuk saya lah dan



kerana saya melihat selama saya jadi wakil rakyat ini kerjasama yang sangat baik daripada penjawat-penjawat awam [Ahli Dewan menepuk meja]. Kerana kita selaku Wakil Rakyat sebenarnya kadang-kadang banyak bercakap tapi yang melaksana pelaksana dalam penjawat awam Terima kasih banyak-banyak kepada penjawat awam.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya sukacita untuk peringatan Ahli Yang Berhormat, hari besok bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita ada sesi foto Ahli-ahli Yang Berhormat akan diadakan pada hari esok 13 Oktober Khamis bertempat di perkarangan Dewan Negeri. Jadi mohon Ahli-ahli Yang Berhormat berada di lokasi jam 9.00 pagi pakailah lawa-lawa, cantik-cantik hari *last* untuk kita bergambar. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya bercadang untuk menempohkan persidangan kita untuk hari ini dan persidangan akan disambung besok hari pukul jam... pukul 9.30 pagi. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada jam 5.03 petang]



**MESYUARAT KE-3
PENGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14**

HARI KE-4

**13 OKTOBER 2022
(KHAMIS)**



KANDUNGAN

TARIKH: 13 OKTOBER 2022 (KHAMIS)

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	SAMBUNGAN MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2023) 2022	20
5	RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2023) 2022	
	- DALAM JAWATANKUASA	32
	- BACAAN KALI KETIGA.	47
6	MENIMBANG USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR TAHUN 2023	48
7	RANG UNDANG-UNDANG WAKAF PAHANG 2022. DN 27/2022	
	- BACAAN KALI PERTAMA	49
	- BACAAN KALI KEDUA	49
	- DALAM JAWATANKUASA	52
	- BACAAN KALI KETIGA	53
8	USUL PENUBUHAN KUMPULAN WANG AMANAH KELESTARIAN NEGERI PAHANG.	54
9	URUSAN-URUSAN AM	55
10	PENANGGUHAN	56





**MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.**

Tarikh : 13 Oktober 2022 (Khamis)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
EXCO Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
EXCO Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan



- | | |
|---|-----------------------------|
| Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain,
SSAP., DIMP., PPA.
EXCO Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan | - Tioman |
| Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram,
DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.
EXCO Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli | - Batu Talam |
| Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff,
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia | - Bebar |
| Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah,
DSAP., DIMP.
EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna | - Pulau Tawar |
| Yang Berhormat Dato' Abd Rahim bin Muda,
DSAP., AMP., PKC.
EXCO Kerajaan Tempatan dan Perumahan | - Lepar |
| Yang Berhormat Dato' Sri DiRaja Tan Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob,
SDSA., SSAP., PSM., DSAP., DGSM. | - Pelangai |
| Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT. | - Dong |
| Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif,
SSAP., DSAP., DIMP., SMP. | - Inderapura |
| Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar,
SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK.
(Timbalan Yang di-Pertua Dewan) | - Jenderak |
| Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah,
DIMP., AMP. | - Sungai
Leming |
| Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud,
DIMP., SMP | - Pulau Manis |
| Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long,
DIMP. | - Padang
Tengku |
| Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali,
SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC. | - Peramu Jaya |
| Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin,
DIMP. | - Kuala
Semantan |
| Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN | - Bukit Ibam |



Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	- Muadzam Shah
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	- Cheka
Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	- Chini
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	- Luit
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badaruddin	- Tahan
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	- Chenor
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	- Jengka
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	- Damak
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	- Tras
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	- Sabai
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	- Bilut
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	- Triang
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	- Semambu
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	- Teruntum
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	- Tanah Rata
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	- Mentakab
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	- Ketari

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II
PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:**

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.



TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman,
DIMP., SMP.

- **Kemayan**

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar

- **Tanjung
Lumpur**

Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu

- **Beserah**

Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya

- **Panching**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff @ Ahmat





SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Khamis, 13 Oktober 2022
bersamaan 16 Rabiulawal 1444 Hijrah

DOA

Bacaan doa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Yang Maha mengasihani kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli- ahli Dewan Negeri bagi mentadbir masalah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan amin Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dapat meneruskan Persidangan pada hari ini dan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada kali ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Ketari. Silakan Yang Berhormat.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera soalan saya nombor 1.

[Berapakah jumlah terkini rumah mangsa-mangsa banjir pada Disember 2021 lalu yang telah dibaik pulih dan siap yang masih dalam proses baik pulih dan



yang telah menerima bayaran tuntutan baik pulih daripada kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, Selamat pagi, Salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh ADUN Kawasan Ketari.

Soalan Yang Berhormat adalah berkaitan dengan berapakah jumlah terkini rumah mangsa-mangsa banjir pada Disember 2021 yang lalu yang telah pun dia baik pulih dan siap ataupun yang masih dalam proses baik pulih ataupun yang telah menerima bayaran balik tuntutan baikpulihan daripada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Peruntukan sejumlah RM39,845,630.56 telah disediakan bagi bantuan yang melibatkan rumah-rumah rosak akibat banjir pada Disember 2021. Peruntukan ini meliputi projek pembangunan bina baru rumah yang diberi peruntukan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun KPKT dan juga daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar KPLB dan juga kita punya bantuan daripada UAE. Yang ni kita menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Agong kerana telah berusaha mendapatkan bantuan daripada UAE.

Seterusnya ialah baik pulih rumah bawah RM5,000.00 serta baik pulih kediaman bawah RM200,00.00, yang ni daripada ICU Pahang manakala daripada segi *detail* nya untuk makluman Yang Berhormat daripada Ketari daripada *detailnya breakdown* pecahan nilai rumah yang diperuntukkan jenis bantuan rumah yang melibatkan bina baru rumah, sumber daripada KPKT RM952,000.00, Daripada KPLB bina baru rumah juga RM225,000.00. Daripada UAE, RM12,175,000.00. Baik pulih rumah bawah RM5,000.00 sebanyak RM4.9 juta, baik pulih kediaman... baik pulih kediaman yang diperuntukkan daripada ICU Pahang fasa pertama bawah RM200 ribu berjumlah RM8.5 juta.

Dan baik pulih kediaman daripada ICU fasa kedua bawah RM200,00.00 juga bernilai RM13 juta. Jadi jumlah keseluruhan RM39,845,630.56. Manakala daripada status pelaksanaan yang melibatkan bina baru rumah dan baik pulih kediaman adalah seperti berikut; Jenis bantuan yang bina baru rumah daripada KPKT jumlahnya 17. Dalam pelaksanaan 16, dalam pelaksanaan maknanya sedang buatlah. Yang telah siap satu.

Manakala daripada KPLB bina baru rumah juga jumlah tiga, dalam pelaksanaan tiga. Dalam pelaksanaan ini, maknanya bila-bila masa boleh siaplah Yang Berhormat. Tapi kita selagi kita tak serah kita takkan tak siap sepenuhnya. Tapi benda ni semua dah lebih daripada 60 peratus 30 peratus. Manakala sumber daripada UAE, bina baru rumah 123 buah rumah, dalam pelaksanaan 111, yang telah siap 12. Baik pulih rumah di bawah RM5,000.00 berjumlah 1,839, dalam pelaksanaan pembinaan 606, yang telah siap 1,233. Manakala baik pulih kediaman ICU fasa pertama bawah 441 siap... telah siap kesemuanya.

Cuma yang fasa kedua, ada 750 buah dalam pelaksanaan 46. Yang telah siap 706. Maknanya jumlah semua sekali 3,135. Dalam pelaksanaan 782 yang telah siap 2393. Daripada segi perbelanjaan bagi peruntukan yang terlibat adalah seperti berikut; Bina baru rumah daripada KPKT RM952 er...ribu. 26970 juta. Yang dah belanja



RM26,800.00. Peratus perbelanjaan 2.8 daripada KPLB RM225,000.00 belum belanja lagi. Bina baru UAE 12 juta telah belanja RM10.77 juta, 88% baik pulih rumah bawah 5049 juta telah belanja 33.67%. Baik pulih kediaman fasa pertama bawah ICU Pahang RM8.5juta telah belanja RM...6.576.90%. Fasa kedua peruntukan RM13 juta sebanyak RM10 juta. Peratus perbelanjaan 80%.

Itu sajalah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingat jawapan saya cukup *detail* lah berkenaan dengan soalan yang ditanya oleh ADUN Ketari. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Baik seterusnya saya menjemput...

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan, soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, ramai mangsa banjir masih tidak dapat terima wang bantuan dari pihak Kerajaan selepas permohonan-permohonan dihantar. Bagaimanakah Kerajaan akan menolong mangsa-mangsa ini dan macam mana nak urus selepas ni? Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada YB Teruntum. Lain daripada kepekaan Yang Berhormat sampai ke Cambodia mencari mangsa-mangsa yang dilarikan, Yang Berhormat juga peka juga kepada agihan. Untuk makluman Yang Berhormat, ketua isi rumah yang belum dia ada yang belum diagih ada rekod dengan saya. Kuantan 280, Temerloh 2358 akan dibuat penyerahan pada minggu depan. Bentong 318 ketua isi rumah, pekan 348.

Antara kelewatannya ialah yang pertama sekali ada di antara mangsa-mangsa banjir ni tidak datang semasa kita buat penyerahan. Yang keduanya ada maklumat-maklumat yang tidak lengkap. Jadi sebab ini duit kerajaan, kita harus perhalusi walaupun mereka itu mangsa banjir. Kita tidak mahu tersilap bagi. Mana yang tak yang tak sepatutnya dapat, dapat. Yang sepatutnya dapat tak dapat. Itu je.

Walau bagaimanapun agihan secara keseluruhannya berjalan dengan lancar dan baik cuma ada lagi yang bukan tak dapat tapi belum dapat lagi dalam proses pengagihan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Kemayan.



YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHMED SHAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili ADUN Kemayan pertanyaan nombor 2.

[Kerajaan Negeri telah melancarkan Sistem Pengkalan Data Perladangan (e-Ladang) baru-baru ini.

a) Mohon jelaskan tujuan sistem ini dibangunkan dan manfaatnya kepada pemain-pemain industri perladangan.

b) Apakah jenis maklumat yang dikumpulkan melalui sistem e-Ladang]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih, Yang Berhormat Yang di-Pertua, er... saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada Bahagian Teknologi Maklumat bawah BPEN yang telah menyediakan sistem e-Ladang ini. Er... yang paling penting sekali pada kita, kita tak perlu bayar apa-apa ini adalah di atas kepakaran yang kita ada sendiri dan ini diakui sendiri oleh MPOB bahawa negeri Pahang adalah merupakan negeri yang pertama sebenarnya er... untuk kita, apa nama mengadakan e-Ladang ini melancarkan Sistem Pengkalan Data Perladangan er... atau e-Ladang ini, iaitu bertujuan untuk mengetahui lokasi.

Yang keduanya, keluasan ladang dan ketiganya jumlah pekerja perumahan dan lain-lain kemudahan yang ada di ladang tersebut. Dia agak komprehensif dan juga umur pokok tersebut. Maksudnya kita kena tahu, contohnya kelapa sawit di Negeri Pahang ni kita kena tahu berapa umur, kita tak boleh nak terbang sekali semua dia mesti ada *stages* dengan izin maknanya tahun ini terbang sejumlah ini, tahun depan terbang sejumlah ini, tahun depan terbang sejumlah ini supaya apa, supaya pengeluaran tersebut ianya dapat kita kawal er... tujuannya untuk membantu kerajaan untuk merangka dan merancang Dasar Sektor Perladangan.

Membantu kerajaan menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan lagi. Seperti kita tahu, dari segi pekerja dan sebagainya, memudahkan capaian maklumat perladangan mengikut jenis tanaman. Kita nyatakan memudahkan urusan pemantauan dan penyediaan laporan dapat dibuat dengan cepat dan sistematik dengan data tersebut kerajaan dapat merangka dasar dan program yang sesuai bagi memajukan lagi sektor perladangan di negeri Pahang. Selepas itu *Internet of Things* dan sebagai yang disebut oleh Wakil daripada Benta semalam semuanya boleh diaplikasikan.

Er... Yang kedua sistem e-Ladang merupakan satu data... pengkalan data yang berpusat mengumpulkan maklumat syarikat, maklumat ladang, maklumat pekerja dinyatakan hasil pengeluaran sektor perladangan di negeri Pahang. Sebanyak 10 jenis komoditi yang dilaporkan dalam Sistem e-Ladang dan 7 Jabatan yang bertanggungjawab, adalah seperti berikut. Apa saja tanaman yang ianya lebih kepada 100 ekar atau 40 hektar kita tafsirkannya sebagai ladang.

Jenis komoditi dan agensi contohnya Pahang bagi sawit, Lembaga Sawit Minyak Sawit Malaysia ataupun MPOB, getah, Lembaga Getah kemudian kayu getah, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia er... atau MPIB, Koko, Lembaga Koko Malaysia, Jabatan Pertanian Pahang, Kenaf, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara hasil hutan ataupun Ladang Hutan di Jabatan Perhutanan, kemudian kita ada juga teh yang kita ada teh



kita di Cameron Highlands. Jabatan Pertanian, durian Jabatan Pertanian, kelapa, Jabatan Pertanian dan apa-apa tanaman sahaja yang dimaksudkan tadi dan ditafsirkan sebagai ladang yang lebih daripada 100 ekar. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Chini.

YB. ENCIK MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua saya kemukakan pertanyaan yang ketiga.

[Sejauh manakah tindakan dan langkah yang telah diambil oleh pihak berwajib untuk menangani spesies ikan asing di Sungai Pahang seperti Ikan Baung Merah?]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Chini bertanyakan tindakan dan langkah yang telah diambil oleh pihak berwajib untuk menangani spesies ikan asing di Sungai Pahang seperti ikan baung merah, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Dato' Sri Yang di-Pertua, ikan baung ekor merah ini ataupun dipanggil BEM (baung ekor merah) dengan nama saintifik Hemibagrus Wyckioides yang berasal daripada Sungai Amazon ini agaknya ini sebutan dari bahasa Portugis dan sebab-sebab Brazil ini bahasa Portugis. Mampu membesar berukuran hingga 130 cm ataupun 51 inci dengan berat maksimum mencecah 80 kg dan ikan spesies ini dilaporkan jenis ikan keli yang terbesar di Asia.

Jabatan Perikanan Negeri Pahang telah menyedari kehadiran spesies ikan asing ini di perairan perikanan darat Negeri Pahang melalui pendaratan ikan yang ditangkap oleh nelayan darat. Untuk makluman Dato' Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, nelayan darat perlu melaporkan kepada Jabatan Perikanan sekiranya hasil tangkapan yang mereka perolehi terdapat ikan asing terutama sekali termasuk baung ekor merah.

Sewaktu dalam konteks ini Jabatan Perikanan telah mengetahui kehadiran spesies tersebut di Sungai Pahang iaitu dalam tahun 2021 sebanyak 22.3 tan metrik, manakala hingga Ogos tahun 2022 ini bilangannya, jumlahnya makin meningkat hingga 38 metrik tan. Kewujudan ikan baung ekor merah ni dilihat semakin berleluasa di mana ia menjadikan ikan tempatan sebagai diet utama. Ia merupakan sejenis ikan air tawar kategori pemangsa agresif, *predator* dengan izin yang paling merbahaya di dunia kerana ia memangsakan semua jenis ikan dan hidupan lain di habitatnya.

Itulah sebabnya banyak negara termasuk Malaysia melarang kemasukan spesies ikan ini untuk melindungi habitat sungai sedia ada agar tidak diancam. Jabatan Perikanan Malaysia tidak pernah mengeluarkan sebarang permit untuk membawa masuk ikan baung ekor merah yang dikenali sebagai ikan pemangsa ke negara ini bagi tujuan penternakan ikan sangkar tak pernah sebenarnya.

Dan spesies ikan asing merupakan ancaman kepada ekosistem kerana menjadi pemangsa dan merosakkan habitat. Justeru menyebabkan ikan-ikan asli menjadi pupus. Jabatan juga membuat kesedaran awam melalui Program ceramah terbuka



Larangan Melepaskan Spesis Ikan Asing ke Perairan Umum serta edaran poster dan risalah serta garis panduan pelepasan ikan-ikan keperairan umum. Kita ada poster seumpama ini dalam bentuk yang lebih kecil dan juga poster sebesar ini menunjukkan jenis-jenis ikan *predator* yang ada Dato' Sri.

Jabatan juga bersama pemimpin setempat telah menganjurkan program "Moh Buru Baung Ekor Meroh"... makna ini bahasa Pahang Moh Buru Baung Ekor Meroh... jadi kalau secara bakunya Moh Buru Baung Ekor Merah... kalau Pahang Moh Buru Baung Ekor Meroh aa... cam tu dan dilaksanakan di Jerantut Feri Water Front pada 4 September 2022 dengan penglibatan bersama Yang Berhormat Ahli Parlimen Jerantut dan pemimpin-pemimpin setempat.

Dan Jabatan Perikanan juga dalam proses akhir untuk menyempurnakan pindaan undang-undang Kaedah-kaedah Perikanan iaitu perairan Sungai 1991 Negeri Pahang dan Kaedah-kaedah Perikanan Akuakultur Perikanan Darat Negeri Pahang bagi memasukkan larangan melepaskan atau menternak spesis asing ini ke perairan umum atau akuakultur, Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya saya menjemput ADUN Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT, Dato' Sri Yang di-Pertua, saya buka soalan ini dalam bentuk pantun

*Dewan ke-14 sudah di pengakhiran
Terima kasih Tok Wan dan rakan-rakan
Soalan no. 4 saya kemukakan
EXCO berkenaan sila jelaskan*

[Malaysia kini berada di ambang status negara menua.

- i) Nyatakan pelan jangka pendek dan jangka panjang yang dirangka oleh kerajaan negeri bagi mendepani cabaran ini.
- ii) Mohon nyatakan inisiatif kerajaan negeri berkaitan aspek menjaga kebajikan rakyat seperti rumah-rumah orang tua khususnya mereka yang tidak pernah berkahwin dan tidak mempunyai waris yang cakna kepada mereka.]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih, wakil daripada Padang Tengku. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan pertama daripada Padang Tengku, berkaitan dengan pelan jangka pendek dan jangka panjang yang dirangka oleh Kerajaan Negeri er...bagi mendepani cabaran status negara menua er... negeri Pahang selaras dengan polisi Kementerian juga telah mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri Pahang yang menunjukkan komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimalkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara. Jadi buat masa ini, kita di setiap daerah sudah pun mempunyai pusat aktiviti warga



emas yang mana memfokuskan kepada lima dimensi aktiviti iaitu aktiviti penuaan sihat, penuaan aktif, penuaan produktif, penuaan positif dan penuaan menyokong persekitaran er... dan rumah warga emas pula yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat kini di seluruh negeri Pahang ada 19 buah rumah.

Bagi soalan yang kedua inisiatif kerajaan, Kerajaan Negeri juga memfokuskan ya untuk mereka yang er... warga emas yang tidak ada waris dan sebagainya, er... kita memberi bantuan am sebanyak RM350.00 sebulan dan er... kita juga mulai tahun ini 2022 telah memperuntukkan RM10 juta untuk program kad kesihatan warga emas atau pun kad *Pahang Pride Kasih* yang mempunyai kredit RM500.00 bagi warga emas ini mendapatkan rawatan di klinik-klinik swasta yang menjadi panel dengan Kerajaan Negeri dan er... kita semua juga telah mendengar dalam belanjawan baru-baru ini dinaikkan lagi peruntukan untuk kad kesihatan warga emas ini kepada RM20 juta dan saya kira lebih ramai lagi yang akan mendapat manfaat atau pun faedah daripada kad kesihatan warga emas ini. Buat masa ini telah 22,000 orang Dato' Sri Yang di-Pertua yang menerima kad kesihatan warga emas.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Soalan tambahan Dato'...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Er... saya... kebimbangan saya ialah terutama pada bujang-bujang terlajak ini di mana mereka tak kahwin, tak ada waris dan sakit demam kencing berak yang... yang berdikari tiada masalah yang ada... yang ada yang macam ini. Jadi hasrat kerajaan pun nak meramaikan penduduk sekarang 1.6 juta di Pahang ini. Jadi kalau dia orang ini tak kahwin, mungkin hasrat ini agak terganggu. Jadi soalan saya lah adakah kerajaan mempunyai perancangan yang khusus bagi mengadakan program-program rangsangan bagi menggalakkan bujang-bujang terlajak ini berkahwin. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Buat masa ini kita belum ada er... program yang sedemikian Dato' Sri Yang di-Pertua, tetapi kita mengalu-alukanlah sekiranya ada mana-mana pihak termasuk Padang Tengku untuk membantu bujang-bujang terlajak tapi saya hairan juga kenapa bujang sahaja yang menjadi persoalan ya er... sekarang ini sebenarnya ramai kita akui khususnya golongan profesional juga memilih untuk tidak berkahwin.

Walau bagaimanapun, saya kira Program *Pahang Pride Kid* yang kita telah buat mulai tahun ini juga adalah satu pakej rangsangan untuk rakyat Negeri Pahang ini menambah penduduk Negeri Pahang Dato' Sri Yang di-Pertua, dan Alhamdulillah kita telah pun er... Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun mengumumkan tambahan insentif kalau RM200.00 pada tahun ini, tahun depan RM300.00. Jadi bolehlah Padang Tengku pun untuk tolong merancang-rancang kot untuk menambahkan bilangan penduduk negeri Pahang. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh la buat program bertemu jodoh Padang Tengku. Baik, seterusnya saya jemput Yang Berhormat Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan soalan lima.

[Sila senaraikan perkhidmatan yang telah dibuka dan akan dibuka di Hospital Bera.]

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih di atas ruang untuk menjawab soalan Triang yang bertanyakan mengenai senarai perkhidmatan yang telah dibuka dan akan dibuka di Hospital Bera. Sidang Dewan Yang Dimuliakan, projek Hospital Bera telah diserahkan secara rasmi oleh Kementerian Kerja Raya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada 27 Mei tahun ini dan Hospital Bera telah memulakan operasi secara rasmi pada 1 Julai 2022 melibatkan unit kecemasan dan pusat saringan alternator dewan bersalin. Pada 2 Ogos 2022, dewan bersalin, wad bersalin 8 katil dan wad kanak-kanak 8 katil telah mula beroperasi secara rasmi sehingga 14 September 2022, lapan kelahiran direkodkan di Hospital Bera. Untuk makluman juga, sehingga 1 September 2022 perkhidmatan lain telah beroperasi adalah termasuk unit farmasi, unit patologi dan unit sajian.

Untuk pengoperasian berikutnya, jangkaan tarikh adalah seperti berikut unit x-ray pada 19 September ya sepatutnya telah ada sekarang Yang Berhormat, unit er... atau pun wad dewasa 3 Oktober, klinik pakar 3 Oktober, unit forensik 3 Oktober, unit rehab 3 Oktober dan unit hemodialisis 3 April tahun hadapan. Pengoperasian kesemua unit di Hospital Bera adalah secara berperingkat bergantung kepada penerimaan peralatan dan juga pengisian sumber manusia. Hospital Bera dijangka dapat beroperasi sepenuhnya pada pertengahan tahun hadapan.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, disebabkan saya tidak berpeluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini dan ini isu penting melibatkan nyawa, saya mohon diberi lebih masa. Saya ingin menyatakan dua kisah benar yang berlaku di Triang. Pada bulan lima tahun ini, seorang pak cik yang berasa tidak selesa dibawa oleh ahli keluarga ke Klinik Kesihatan Triang. Apabila sampai tiada orang, waktu tu er... masa gelap er... keadaan di Klinik Kesihatan Triang gelap dan pada masa itu *family* memang panik. Mereka tidak nampak nombor telefon yang boleh dihubungi un... er... di unit kecemasan. Pada masa itu pak cik tersebut masih sedar diri dan boleh mengadu kesakitan. Ahli er... seterusnya ahli keluarga membawa dia untuk pusing-pusing mencari doktor di klinik-klinik swasta. Malangnya semua klinik-klinik tutup. Masa itu pak cik itu sedar diri lagi dan dengan bantuan seorang kawan, mereka balik semula ke Klinik Kesihatan Triang. Pada masa itu, sudah terlalu lewat... pak cik telah meninggal dunia.

Pada bulan lepas, jam 4.00 pagi saya membawa seorang pesakit er... yang mengadu sakit dada dan tidak... pengsan di Hospital Bera. Apabila sampai Hospital Bera, ini kali pertama saya menjejak masuk Hospital Bera selepas ia beroperasi. Saya tidak tahu di



mana unit kecemasan. Saya sendiri pun panik, cari-cari mana unit kecemasan tapi akhirnya nasib baik pesakit yang dibawa itu apabila sampai ke Hospital Bera...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat...

YB. CIK LEONG YU MAN

... tidak bernadi tapi akhirnya berjaya diselamatkan. Jadi dengan dua insiden ini, saya ada beberapa permintaan. Yang pertama, saya mohon kerajaan mengkaji semula adakah pendapat er... penamatan perkhidmatan ambulans di Klinik Kesihatan Triang sesuai kerana untuk ambulans bertolak dari Hospital Bera sampai Bandar Triang, masa yang diambil lebih lama daripada ambulans bertolak daripada Klinik Kesihatan Triang dan Triang mempunyai kepadatan penduduk... penduduk yang paling tinggi di daerah Bera. Dan kedua, saya mohon untuk menambah baik unit kesihat... unit kecemasan baik di klinik ataupun di hospital. Sebagai seorang penduduk atau *layman* yang jarang er... melawat klinik apabila sampai mereka tidak tahu di mana unit kecemasan kerana tiada petanda petunjuk yang sangat jelas khususnya pada waktu malam. Dan kedua, nombor telefon yang dipaparkan memang tidak jelas dan...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat...

YB. CIK LEONG YU MAN

sangat er... dan sangat kecil, jadi saya mohon ini...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, ringkaskan.

YB. CIK LEONG YU MAN

Jadi saya mohon er... tindakan kerajaan, surat rasmi saya telah hantar pada bulan lima tapi sampai sekarang tiada tindakan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin apa er... bertanya kepada Wakil daripada Triang adakah Yang Berhormat pernah mendengar sistem MERS 999?

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memang kita menggalakkan penduduk untuk menelefon 999, tapi apabila mereka sudah membawa pesakit sampai pe... er... klinik adakah mereka masih perlu telefon 999 lagi. Mereka sudah berada di klinik.



YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Jadi pada masa kejadian, Yang Berhormat sendiri tidak mendail 999?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, saya nak teruskan soalan seterusnya ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Belum dijawab lagi... sebab ini melibatkan nyawa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya dah bagi tiga kali, tiga kali Yang Berhormat.

YB. CIK LEONG YU MAN

Sebab ada pertanyaan daripada Pe... er... EXCO jadi saya kena er... kena jawab. Saya er... pesaki... untuk insiden kedua, pesakit itu jiran saya jadi daripada menelefon 999 lebih baik saya bawa sendiri.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua, er... saya dah dapat jawapan jadi saya mohon sedikit masa untuk berikan penjelasan kerana ini soal keselamatan, ini soal nyawa jadi er... sepatutnya kita yang berada dalam Dewan ini pasti ingat saya daripada kecil lagi tengok tv hitam putih Dato' Sri Yang di-Pertua, kalau ada kecemasan dan tekan 999... dan 999 ini adalah talian untuk pengurusan panggilan kecemasan. Jadi kadang-kadang kecemasan ni macam-macam Dato' Yang di-Pertua, mungkin disebabkan oleh jenayah, disebabkan oleh apa ni kemalangan dan kadang-kadang dia, dia rasa cemas nak bunuh diri pun dia tekan 999. Ini nombor yang perlu kita ingat dan perlu kita didik.

Dan hal pengurusan ambulans Dato' Sri Yang di-Pertua, sebenarnya hasrat apa... Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, kita nak semua klinik-klinik kesihatan ini ditempatkan dengan ambulans. Jadi dari segi pengurusan diselaraskan oleh MERS ini ataupun dia ada satu nama pusat, Pusat Koordinasi Perubatan Kecemasan tetapi adakalanya walaupun ambulans ada di... di satu klinik ada... adakalanya dia satu kampung satu tempat tu ada dua kemalangan, dua insiden pun kita tidak dapat memberikan apa orang kata err... kemudahan ambulans ini secara serta-merta.

Jadi secara keseluruhannya Dato' Sri Yang di-Pertua, sehingga hari ini kita bawa ada 54.3 peratus klinik kesihatan yang mempunyai ambulans. Dan berdukacita sikit kita terdapat 17 ambulans yang telah lupus dalam proses penggantian. Insya-Allah tahun depan akan ada.

Menjawab soalan yang khusus berkaitan dengan Bera. Di seluruh daerah Bera kita sepatutnya ada 10 buah ambulans yang ditempatkan tiga di hospital, satu di Bukit Mendi, satu di Kemayan dan yang satu di Bandar 32. 2 dalam proses pembaikan iaitu untuk KK Triang dan KK Tembangau. 2 dalam proses pelupusan belum diganti. Walau bagaimanapun Wakil Triang... tender telah dikeluarkan oleh ataupun telah uruskan oleh Hospital Bera untuk mendapatkan 5 ambulans lagi dalam tempoh terdekat. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik soalan seterusnya.

YB ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Soalan tambahan. Berkenaan dengan Hospital Tengku Tengku Ampuan Afzan. Soalan singkat saja err... 5 tahun lepas saya pernah tanya tentang kemungkinan untuk adakan tempat letak kereta secara bertingkat di HTAA. Jadi hari ini saya ingin tanya kembali bahawa adakah rancangan ini boleh ataupun akan dilaksanakan. Terima kasih.

YB DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seperti mana saya jawab kepada Wakil Teruntum. Semambu mungkin ada urusan lain. Jadi lain kali apa Teruntum dengan Semambu sama-sama dalam Kuantan kita pakat-pakat. Ini adalah satu cadangan daripada pihak pengurusan HTAA yang telah diangkat kepada Kementerian Kesihatan sejak Rancangan Malaysia Ke-11 yang lalu. Tetapi sehingga hari ini keputusan masih belum dibuat. Jadi, ini di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi walau bagaimanapun usaha-usaha untuk mengatasi kesesakan tempat letak kereta ni berjalan.

Dua minggu lepas saya difahamkan ada satu perbincangan untuk mewujudkan err... *mechanical* err... apa ni *parking* bertingkat yang *mechanical* sepertimana yang ada di Kuala Lumpur itu. Jadi saya tak boleh memberikan secara tepat apakah statusnya hari ini. Tetapi usaha sedang dan terus dijalankan, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Sungai Lembing.

YB DATO' HAJI MD SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kemukakan soalan nombor 6.

[Mohon pihak kerajaan negeri untuk membina trek atau litar tertutup untuk tujuan aktiviti permotoran anak muda cadangan tempat di Bandar Kuantan, Jengka, dan Rompin]

YB DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN kawasan Sungai Lembing atas soalan yang ditujukan kepada saya iaitu berhubung dengan permohonan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk membina trek atau litar tertutup untuk tujuan aktiviti permotoran anak muda. Cadangan tempat di bandar Kuantan, Jengka ataupun Rompin.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,



lasak, rali di kawasan beliau baharu-baharu ini. Jadi bukan saja Sukan Permotoran ini kita akan terus jalankan dan laksanakan insya-Allah, kerana penglibatan rali ini, dia tidak melibatkan jalan litar yang sedia ada ataupun bertrek tar ini... *premix*, dia menggunakan laluan-laluan di kawasan ladang dan sebagainya. Namun insya-Allah Kerajaan Negeri akan teruskan usaha untuk memartabatkan lagi rali lumba ini di mana-mana kawasan yang akan dipohon dan sebagaimana yang dilaksanakan oleh ADUN Luit sebelum ni. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan. Terima kasih Wakil Kerajaan jawapan diberi. Saya pernah bangkit err... apa tu mat rempit main motor di LPT Lebuhraya Pantai Timur. Okey. Sampai sekarang masih banyak... masih berleluasa main sekali *style* apa *spiderman*, *superman*. So apakah tindakan kerajaan. Nampaknya tiada cara penyelesaian untuk menyelesaikan masalah ini.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingat telahan YB Teruntum ni tak berapa tepat. Sebab saya pun ada juga mengambil laporan daripada pihak-pihak berkuasa PDRM khususnya berhubung dengan kejadian-kejadian mat rempit ni. Namun begitu kita tidak menafikan bahawa di setengah-tengah tempat tu masih ada. Sebab itu juga Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mengelak dan menarik anak-anak muda supaya tidak berkecimpung dalam lumba haram atau mat rempit ini kita bangkitkan dalam Dewan ini. Dan kita masukkan dalam permohonan-permohonan kita untuk mewujudkan litar lumba ini.

Sebab itu, dalam kenyataan Yang Amat Berhormat pada masa lalu menyatakan bahawa hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan litar lumba di setiap daerah. Saya kira ini satu kenyataan yang sangat menggembirakan anak muda dan kita sebagai pemimpin harus menyokong perkara ini. Dan insya-Allah saya mohon kalau boleh sebelum yang di Tebu Hitam tu dapat kelulusan daripada pihak Kerajaan Pusat melalui KBS mungkin suatu masa di Kuantan... di Kuantan ini kita mohon satu litar yang boleh diutamakan terlebih dahulu untuk mengelakkan perkara ini. Insya-Allah. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya dijemput Yang Berhormat Bukit Ibam.

YB. DATIN SAMSAH BINTI ARSHAD

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan soalan pertanyaan nombor 7.

[Mohon nyatakan jumlah keseluruhan pembinaan Rumah PPRT Orang Asli di Pahang bagi tahun 2021 dan 2022 serta mohon dinyatakan berapakah jumlah Pembinaan Baru dan jumlah Baik Pulih khususnya di Peringkat Dun dalam Daerah Rompin?]

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Bukit Ibam yang menanyakan soalan mengenai jumlah keseluruhan pembinaan



rumah PPRT Orang Asli di Pahang bagi tahun 2021 dan 2022 serta mohon nyatakan berapa jumlah pembinaan baru dan jumlah baik pulih khususnya di peringkat DUN dalam daerah Rompin jawab kepada pertanyaan.

JAKOA Negeri Pahang tidak dapat melaksanakan sebahagian besar projek bina baru rumah tahun 2021 dan tahun 2022 kerana faktor kos, kos pembinaan telah melebihi harga siling berjumlah RM53 ribu per unit dan disebabkan oleh kenaikan mendadak harga ni... bahan-bahan binaan. Perkara ini telah mendapat perhatian oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kadar baru harga siling yang bersesuaian dengan kos semasa telah pun diteliti.

Kalau mengikut rekod bajet JAKOA bagi tahun 2022 mengenai projek bantuan rumah ini Orang Asli iaitu PBROA Kerajaan ataupun Jabatan Orang Asli bagi tahun 2020, 2022 telah mendapat kelulusan sebanyak RM1.027 juta bagi projek perumahan iaitu bina dan juga baik. Malangnya hanya sebanyak RM725 ribu ataupun 71 % sahaja yang dapat ini dibelanjakan, selebihnya adalah menunggu daripada harga baru daripada harga baru ataupun tambahan daripada ni KPLB.

Bagi kawasan DN Bukit Ibam pecahan projek baik pulih adalah seperti berikut pada tahun 2021 ada 2 unit Kampung Orang Asli Ganoh dan bagi tahun 2022 ada 5 unit bagi Kampung Orang Asli Air Molek.

JAKOA berharap dengan kelulusan kadar baru harga siling di bawah program Perumahan Rakyat Keluarga Malaysia Projek Bina Baru sebanyak RM66 ribu daripada pada peringkat awal diluluskan sebanyak RM53 ribu dah harga baru adalah sebanyak RM66 ribu manakala projek baik pulih sebanyak RM15 ribu maka pihak JAKOA yakin dapat melaksanakan semula projek bina baru dan baik pulih dengan lebih efektif dan juga efisien. Sekian, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya saya menjemput yang berhormat Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon kemukakan soalan nombor 8.

[Liputan rangkaian 4G dan telekomunikasi KOA

a. Nyatakan kampung Orang Asli yang belum ada liputan telekomunikasi, internet dan 4G?

b. Bagi *Broadband Wireless Access* (BWA) yang disediakan secara percuma kepada komuniti Orang Asli? Sila senaraikan kampung Orang Asli di Pahang yang bakal menerima perkhidmatan ini dan jangkaan tarikh siap?]

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih kepada ADUN Tanah Rata yang sentiasa mengemukakan soalan berkaitan internet.



Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menjawab saya nak tanya pada Tanah Rata la ni untuk khusus untuk Cameron Highlands saja ke atau untuk keseluruhan negeri Pahang untuk soalan ni.

Jadi untuk menjawab soalan Tanah Rata. Usaha penambahbaik perkhidmatan komunikasi dan internet sentiasa dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pahang bersama dengan pihak SKMM bagi memastikan kampung Orang Asli ini mendapat liputan atau menikmati kemudahan internet yang baik seperti juga kawasan di kawasan-kawasan bandar.

Berkaitan dengan soalan yang pertama berdasarkan pada semakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan juga JAKOA sebanyak 126 kawasan orang asli telahpun tersenarai di bawah projek infrastruktur komunikasi yang sedang dan akan dilaksanakan ini termasuklah membina menara baru dan juga perkhidmatan BWA, internet jalur lebar teknologi tanpa wayar teknologi *stream*.

Menjawab soalan nombor 2. Projek *Broadband Wireless Access* ataupun BWA merupakan salah satu projek di bawah JENDELA yang telah dilaksanakan di 69 kampung Orang Asli di seluruh negeri Pahang. Perlaksanaan di semua 69 kampung Orang Asli ini telah pun siap sepenuhnya pada bulan April 2022 dalam senarai lengkap nanti saya akan bagikan secara bertulis lah nak sebut 69 banyak sangat termasuklah di kawasan-kawasan yang di Cameron Highlands, kawasan-kawasan yang berkaitan di Cameron Highlands, Kampung Orang Asli Rening, Kampung Orang Asli Terakit, Sungai Tiang, Sungai Chonong, Panggen, Kabut, Ladang Boh, dan Kuala Boh. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan daripada pihak kerajaan. Soalan tambahan, soalan tambahan saya ini mengenai Cameron Highlands iaitu di sepanjang jalan dari jalan Sungai Koyan ke Ringlet kita sering... saya sering dimaklumkan bahawa 11 menara telekomunikasi telah dibina dan siap sedia untuk menawarkan servis.

Namun begitu er... saya rasanya liputan dia agak lemah bukannya saya katanya liputan langsung tiada, tapi ada tapi liputan kesannya sangat sikit kalau memandu dari Sungai Koyan ke Ringlet sepanjang tempoh kita memandu 1 jam saya pakai mesej... mesej langsung tak ada. Kalau saya dimaklumkan pengguna CELCOM, CELCOM masih baik sikit sesetengah tempat ada. Oleh itu, saya soalan saya adalah bagaimanakah Kerajaan menyelesaikan masalah ini iaitu liputan dia tidak begitu berkesan. Sekian.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih Yang Berhormat kerana atas keprihatinan Yang Berhormat di kawasan Cameron Highlands dan sebanyak 11 buah menara baru telah pun dibina daripada di



antara Sungai Koyan dan juga Lembah Bertam dan sedikit sebanyak telah dapat mengurangkan ataupun menambahbaik perhubungan komunikasi antara penduduk dan juga pengguna lalu lintas.

Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat lalu kawasan tersebut dan mendapati bahawa liputannya kurang memuaskan kita boleh pada waktu itu mengadakan ataupun menyuarakan kesusahan kita tu dalam kita namakan aplikasi JENDELA, Yang Berhormat boleh *download* aplikasi JENDELA ni yang diwujudkan oleh pihak SKMM supaya menyatakan lebih terperinci koordinat dan berbagai lagi kampung mana dan dalam tu semua ada, koordinat tu pun ada kat mana kawasan bermasalah lah tu.

Jadi walaubagaimanapun, Yang Berhormat kita saya akan mengambil perhatian dan juga akan mengambil er... bersama-sama perhatian pihak SKMM untuk mengatasi masalah yang berkaitan yang berlaku di kawasan Ringlet ini sebab setakat ni tiada lagi aduan dan saya terima kasihlah kepada Yang Berhormat, insya-Allah kita akan mengambil tindakan yang sepatutnya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Inderapura.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHAFIK

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan soalan nombor 9.

[Kebelakangan ini, harga barangan khususnya harga makanan semakin meningkat naik. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh KPDNHEP Negeri Pahang untuk mengatasi masalah kenaikan harga barangan ini?]

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Terima kasih kepada ADUN Inderapura bertanya tentang harga barang semakin meningkat di akhir-akhir ini dan langkah-langkah yang diambil oleh KPDNHEP Negeri Pahang.

Kenaikan harga barang tidak asing lagi dalam masyarakat kita pada hari ini. Walau bagaimanapun, KPDNHEP sentiasa cakna dengan isu-isu semasa dengan melakukan pemantauan di seluruh negeri Pahang. Sepanjang tahun ini sebanyak 188 aduan telah diterima 83 telah diambil... diambil tindakan atas Akta Kawalan Harga Barang kepada peniaga-peniaga yang mengambil keuntungan yang tidak munasabah. KPDNHEP Negeri Pahang juga telah menjalankan 'Ops Catut 9.0', 'Ops Lantai 8.0' serta 'Ops Pasar 2022' bagi mengawal kenai... kenaikan harga barang dengan menempatkan pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat tersebut juga inisiatif diwujudkan Jawatankuasa Jihad untuk mengawal kenaikan harga-harga barang kawalan.

Langkah-langkah seterusnya juga untuk menangani isu tersebut iaitu Kerajaan Pahang bersama agensi terlibat mengadakan program jualan harga murah Keluarga Malaysia bersama KPDNHEP dan SKMM. Dua, kolaborasi antara Kerajaan Negeri Pahang bersama KPDNHEP, FAMA dalam program jualan harga kilang dengan harga subsidi oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Damak.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 10.

[Terdapat aduan berkaitan haiwan peliharaan yang terbiar, telah mengganggu kawasan kejiranan di kawasan Taman Perumahan. Telah berlakunya Pencemaran Najis, Pemiakan Kutu dan juga Bunyi. Mohon penjelasan pihak kerajaan berkaitan;

- a) Apakah syarat-syarat memelihara haiwan peliharaan seperti anjing di taman-taman perumahan?
- b) Apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah yang berkaitan pencemaran akibat binatang peliharaan?]

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan kepada Damak ya kaitan dengan gangguan ini lebih kepada gangguan kacau ganggu anjing. Kalau tengok pada soalan ni, untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang muliakan sebenarnya terdapat er... di bawah Seksyen 24 Akta Kebajikan Haiwan 2015. Pemunya atau pemilik haiwan peliharaan hendaklah memastikan keperluan haiwan yang sepatutnya ye. Di mana sasaran digunakan adalah meliputi undang-undang kecil berkaitan dengan yang ni kita kursus pada lesen anjing. Tiada seorang pun boleh memiliki menyimpan atau menyelenggara seekor anjing yang telah mencapai umur 3 bulan melainkan jika anjing itu dilesenkan di bawah undang-undang kecil pelesenan anjing yang di Damak ni bawah Majlis Daerah Jerantut ya.

Perbelaan anjing tidak lebih daripada 2 ekor, mengikut keluasan kurang daripada 1000 meter persegi dan tidak lebih daripada 4 ekor bagi keluasan premis melebihi pada 1000 meter persegi. Er... penyenggaraan anjing dalam rumah anjing di mana anjing ditempatkan dalam keadaan bersih pada setiap masa tidak mengganggu jiran.

Mengambil langkah perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak membuang najis atau kencing di tempat awam dan membuang dari premisnya apa-apa bahan najis anjing itu mengikut cara atau kaedah yang tidak menyebabkan... menyebabkan kesalahan atau terganggu bau serta kesusahan kepada orang lain dan tidak mengalirkan air basuhan cucian anjing dan najis anjing ke jalan awam. Ini anjing jiran berak depan, sebelah rumah jiran. Contohnya ya. Saya rasa ini mungkin ini aduan berkaitan dengan gangguan anjing dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan anjing itu tidak akan mengganggu dengan salakan tidak berhenti-henti atau selainnya kepada jiran-jiran di bawah Seksyen Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171, Seksyen 80.

Istilah kacau ganggu termasuk ini salah satunya kacau ganggu, di mana selain daripada bau, kacau ganggu bunyi pun salakan anjing tu sebenarnya kacau ganggu kepada mungkin tuan rumah rasa okey tapi jiran ni tidak tidak rasa okeylah ya. Ni salah



satu kacau ganggu dan mengambil langkah-langkah yang perlu memastikan orang anjing itu tidak akan mengganggu dan dengan salakan yang tadilah. Memastikan anjing itu berada di bawah kawalan berkesan seseorang melalui tali atau rantai pada setiap masa apabila membawa anjing itu dibawa keluar daripada premis, keluar daripada apa ni bangunan premis pemilik tuannya ye, dan membela anjing daripada jenis baka-baka terlarang seperti yang telah disenaraikan oleh Jabatan Veterinar.

Larangan membawa anjing ke tempat awam seperti di kompleks membeli-belah, pasaraya, rumah ibadat, pejabat kerajaan, resort dan hotel dan sebagai memang tidak dibenarkan, kecuali dengan adanya kawalan. Umumnya anjing perlu mengemukakan kad vaksinasi bagi anjingnya yang masih sah dan mengesahkan status anjing yang telah dimandulkan daripada Pegawai Veterinar Negeri Pahang atau lain-lain Doktor Veterinar yang berdaftar apabila memohon lesen atau diminta oleh Pegawai Kesihatan. Kkuatkuasaan akan lakukan sepanjang dari semasa ke semasa.

Bagi menjawab soalan yang kedua berkaitan dengan tindakan ye di bawah Seksyen di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171, bawah Seksyen 81, tindakan boleh diambil kepada pemunya ataupun pemilik lesen anjing er... mengikut, apabila terdapatnya aduan ataupun berkaitan pencemaran atau kacau ganggu awam yang melibatkan keselamatan dan kebersihan binatang peliharaan sekiranya didapati melanggar syarat-syarat dalam yang telah ditetapkan tindakan penguasaan seperti memberikan notis kepada pemilik.

Jika diberi notis masih tidak diambil tindakan pihak berwajib khususnya PBT boleh er... menghapuskan atau memberhentikan kacau ganggu maknanya, menghapus kalau bising mungkin tutup mulutnya. Contoh, contoh saya bagilah ye dan juga salah satu yang yang lebih serius kita boleh gunakan kompaun sehingga RM500.00 setiap kesalahan dan jika dibawa ke mahkamah boleh dikenakan denda di mahkamah jika pesalah berjumlah RM1,000.00 atau pun penjara 6 bulan atau kedua-duanya jika melanggar. Jadi saya mintalah... mereka-mereka yang memiliki haiwan peliharaan ni supaya dapat memastikan mengikut arahan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Sekian.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

YB. CIK LEONG YU MAN

Isu anjing liar dan kucing liar juga merupakan satu er... masalah yang mendatangkan kepada komuniti tempatan. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas kepada Majlis Daerah Bera sebab saya difahamkan melalui liputan berita bahawa mereka telah mengambil inisiatif untuk mengubah cara tradisional iaitu tangkap dan bunuh tapi mereka menggunakan cara untuk tangkap, dimandulkan dan dilepaskan ke satu tempat untuk memelihara. Jadi adakah dasar ini juga di dilaksanakan di daerah-daerah lain di negeri Pahang.



YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Triang. Di daerah lain pun kita laksanakan kaedah yang sama. Kerana ini kita memastikan bahawa haiwan ini tertakluk di bawah *Animal Rights* dengan izinnya, jadi kita tak boleh bunuh dan sebagainya. Kita tangkap mandul dan kita ada satu NGO di Kuantan ni satu NGO yang mengambil anjing-anjing ni untuk tujuan mereka. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik... Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita selesai membincangkan 10 pertanyaan dan jawapan. Saya bercadang untuk menempuhkan persidangan pada pagi ini untuk minum pagi dan persidangan disambung semula pukul 11.20 minit pagi. Persidangan dtempohkan.

[Persidangan dtempohkan pada jam 10.49 pagi]



[Persidangan disambung semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan Menimbang Rang Undang-undang Perbekalan (2023) 2022.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Perbekalan (2023) 2022 telah dibentang pada 7 Oktober 2021 dan telah pun dibuka untuk dibahaskan pada 11 Oktober 2022. Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan, perbahasan yang telah diberikan masa yang diperuntukkan. Pada hari ini, majlis menyambung untuk menimbang rang undang-undang tersebut.

Saya dengan ini sukacitanya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memberi maklum balas, ulasan dan penggulungan pada pagi ini. Dengan segala hormatnya dipersilakan, Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk menggulung beberapa perkara sempena sidang Dewan Kelima Dewan Negeri Keempat Belas pada kali ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana lagi sekali mengizinkan saya untuk menggulung perbahasan bagi pihak Kerajaan Negeri Pahang dan Jawatankuasa-jawatankuasa di bawah saya.

Sebelum saya meneruskan sesi penggulungan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat sama ada di pihak kerajaan Barisan Nasional, mahupun pihak pembangkang kerana telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan pada kali ini.

Sudah pastilah segala saranan dan pandangan yang disampaikan sepanjang sesi perbahasan ini akan diperhalusi demi memastikan Belanjawan 2023 Negeri Pahang ini dapat dilaksanakan dengan cara terbaik dan teratur, serta sampai ke golongan rakyat yang disasarkan.

Saya berasa begitu gembira dan bersyukur kerana belanjawan yang dibentangkan oleh pihak kerajaan telah mendapat pujian serta sokongan sebulat suara daripada pihak pembangkang. Malah, pertama kali berlaku dalam sejarah, belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Besar telah disokong oleh bekas Menteri Besar. [Ahli Dewan menepuk meja]. Tidak pernah berlaku Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Senyum sikit Dato' Sri Yang di-Pertua. [Ahli Dewan ketawa]. Tengok serius sahaja, saya pun jadi bimbang juga.



*Cincin intan batu permata,
Dibawa tekong dagang ke pasar,
Demi kesejahteraan rakyat jelata,
Bersama sokong bajet terbesar.*

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seperti yang saya sebutkan semasa membentangkan belanjawan ini, sepanjang tempoh 4 tahun pentadbiran saya, Kerajaan Negeri telah merekodkan 4 pencapaian utama.

Pertama, peningkatan kutipan hasil pendapatan negeri yang konsisten, tahun demi tahun. Pada tahun 2019, kita telah berjaya memperoleh hasil sebanyak RM847 juta. Jumlah ini terus meningkat kepada RM850 juta pada tahun 2020 dan RM866 juta pada tahun 2021.

Malah, pada tahun ini, buat pertama kalinya dalam sejarah, Kerajaan Negeri Pahang telah berjaya memperolehi hasil sebanyak RM1.037 billion pada 7 Oktober yang lalu, mengatasi sasaran RM1.036 billion meskipun masih berbaki lebih 2 bulan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya teringat soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Triang, yang membangkitkan cukai tanah kononnya negeri Pahang adalah di antara negeri yang paling tinggi mengenakan cukai tanah. Ini adalah senarai cukai perbandingan antara negeri-negeri di Malaysia, dan angka ini jugalah yang saya bentangkan semasa mesyuarat bersama dengan MITI tempoh hari yang dikongsikan secara bersama antara saya dengan Yang Berhormat Datuk Seri Azmin Ali, di mana ada pertanyaan yang mengatakan negeri Pahang adalah merupakan negeri yang paling tinggi daripada segi cukainya, sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Triang.

Saya bacakan satu per satu, lepas ini kalau Yang Berhormat nak ambil pun boleh, sebab ini angka, angka tidak pernah bohong dan inilah yang sebenarnya, yang sebenar-benarnya. Tidak ada yang tidak benar melainkan yang benar.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Okey kita pergi kepada pertanian, sawit dan getah melebihi 40 hektar. Yang pertama Pahang, RM175.00, Kelantan pun RM175.00, Selangor RM150.00, dan yang lain-lain, ada yang sama, ada yang rendah daripada Pahang.

Kemudian industri, kadar per meter persegi. Kuala Lumpur RM3.80, Selangor RM0.42 ke RM2.73, Melaka RM0.60 ke RM2.04, Johor RM0.90 ke RM1.50, Pulau Pinang RM0.65 ke RM1.29, Perak RM1.04 hingga RM1.17, Negeri Sembilan RM0.46 hingga RM0.93, Kedah RM0.40 hingga RM0.80, Pahang Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Triang, Pahang, RM0.50 hingga RM0.70.

Yang Berhormat daripada Triang, RM0.50 hingga RM0.70. Ha, tulis jangan tak tulis. [Ahli Dewan ketawa] Kelantan RM0.30 hingga RM0.70, Terengganu RM0.08 hingga RM0.20.

Manakala bangunan, kadar per meter persegi. Kuala Lumpur RM4.60, Selangor RM0.88 hingga RM3.31, Perak RM1.10 hingga RM3.08 manakala Pahang RM0.40



hingga RM3.00, Pulau Pinang RM1.08 hingga RM2.58, Kelantan RM1.00 hingga RM2.00, kita RM0.40, Kelantan minimum RM1.00, kita RM0.40 sahaja, Negeri Sembilan RM0.36 hingga RM0.70, Terengganu RM0.12 hingga RM0.25. Itu bangunan.

Manakala bangunan untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam, Johor RM0.70, Pulau Pinang RM0.22 hingga RM0.54, Pahang purata RM0.35 sahaja.

Dari segi bangunan kediaman, kadar per meter persegi. Kuala Lumpur RM0.33 hingga RM0.72, Kelantan RM0.10 hingga RM0.50, Pahang cuma RM0.05 hingga RM0.50 paling tinggi. Itu bangunan dan itu lah yang lain-lain banyak juga lah kalau saya baca tadi. Tetapi ini jelas menunjukkan bahawa er... anggapan ataupun tuduhan-tuduhan mengatakan cukai di negeri Pahang ini adalah yang paling tinggi sekali adalah tidak benar Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang begitu prihatin tentang penye... pertanyaan yang dikemukakan di Dewan ini. Cuma soalan saya adalah untuk industri untuk Pahang RM0.50 itu selembut sebelum ataupun selepas remisyen?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, Triang.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, selepas remisyen.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya harap dalam penggulungan saya ini tidak banyak kacau ganggu lah.

YB. CIK LEONG YU MAN

Er..... sa *last one*, sorry.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.



YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Jadi persoalan saya adalah, sekiranya kerajaan Pahang boleh memberikan remisyen yang begitu banyak jadi kenapa tidak er... terus mewartakan kadar yang terendah ini? Sebab mengikut warta sekarang, untuk industri adalah RM2.50 per *square meter*.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita ini politik. Kadang-kadang kita buat itu kita tahulah akan ada permohonan untuk mendapat remisyen. Memang kita dah tahu dah yang itu. Macam kitalah kadang-kadang kita nak minta sesuatu benda kita *aim high at least with somewhere in the middle*. Jadi macam tu juga, bila kita letak remisyen apa ni kadar cukai yang tinggi kemudian kita tahu akan datang untuk buat rayuan kepada Kerajaan Negeri dan sebagai menunjukkan kerajaan sangat prihatin dengan rayuan kita setuju dengan remisyen, itu je. Macam premium tanah dan sebagainya itu perkara biasa, bukan satu perkara yang luar biasa. Premium kena-kena RM100,000.00 dia mintak apa ni... dikurangkan, kita bagilah 30%... 20% ni amalan daripada dulu lagi. Maknanya ada... ada fleksibel dekat situ dan ini menunjukkan bahawa kerajaan sangat prihatin kalau sekiranya ada permohonan rayuan dan sebagainya, kerajaan akan pertimbangkan seperti mana yang berlaku sekali [Ahli Dewan menepuk meja] sabit dengan cukai tanah. [Ahli Dewan menepuk meja] Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, apapun tuduhan Yang Berhormat kata Pahang tinggi itu tak betul. Tu jelah ya...

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Perkara kedua ialah kejayaan menarik masuk pelaburan yang besar ke negeri Pahang. Pada tahun 2020, pelabur telah menanam modal sebanyak RM6.7 bilion. Jumlah ini meningkat kepada RM10.5 bilion pada tahun 2021 sehingga membolehkan kita berada di kedudukan negeri ketiga terbaik di Malaysia berdasarkan laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia ataupun MIDA. Pada tahun ini sehingga 30 September yang lalu, negeri Pahang telah berjaya memperolehi pelaburan berjumlah RM 20.56 bilion. Angka ini melangkaui sasaran RM18 bilion yang kita sasarkan.

Ketiga ialah bersabit dengan pengurangan hutang Kerajaan Negeri yang signifikan kepada daripada RM3.31 bilion kepada RM952.21 juta yang sebahagian besarnya dicapai menerusi penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Pahang. Yang terakhir, keempat ialah kejayaan penyaluran bantuan dan program kebajikan yang berterusan kepada rakyat termasuklah intervensi khusus semasa negara sedang dilanda pandemik COVID-19. Sepanjang fasa genting perintah kawalan pergerakan sahaja, kerajaan negeri telah membelanjakan sebanyak RM31.3 juta melalui Pakej Bantuan Prihatin Pahang untuk diagihkan kepada golongan sasar yang terkesan.

Pada tahun ini pula Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta melalui Bantuan Prihatin Pahang yang memberi manfaat kepada hampir 300 ribu orang pertama, 300 ribu orang penerima. Semua pihak dari segenap lapisan masyarakat kita santuni dengan sewajar dan selayaknya.



Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin merumuskan bahawa keempat-empat kejayaan dan pencapaian utama Kerajaan Negeri ini banyak disumbangkan oleh tiga faktor penting. Yang pertama ialah kewujudan kestabilan dalam Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Barisan Nasional sejak dari dulu hinggalah sekarang. [Ahli Dewan menepuk meja]. Saya yakin banyak agenda pembangunan dan program kebajikan rakyat akan terbantut seandainya Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang goyah, saling bertelagah dan tidak stabil. Kedua, strategi-strategi baru yang kita ambil telah berjaya merangsang kemasukan pelabur dengan cara dan kadar yang luar biasa. Kemasukan pelabur yang besar ini, akhirnya memberikan pulangan hasil yang lumayan kepada negeri sekali gus... [batuk] minta maaf Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sekali gus membolehkan kita menggandakan pelbagai bantuan kebajikan kepada rakyat. Ketiga hubungan baik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, banyak projek serta perancangan di peringkat Kerajaan Pusat telah memasukkan kepentingan negeri Pahang. Ini adalah sesuatu yang mesti kita pertahankan dan terus ditambah baik pada tahun-tahun mendatang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin mengulas beberapa agenda utama yang telah dilaksanakan sepanjang penggal ini. Tujuannya sangat mudah. Pertama, kita mahu melihat apakah perkara-perkara yang telah berjaya kita laksanakan, berjalan dengan baik dan wajar diteruskan. Kedua, kita mahu menilai kelemahan yang ada agar perkara-perkara tersebut dapat ditambah baik dan dijadikan fokus demi kesejahteraan rakyat.

Saya mulakan dengan agenda perumahan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Sejak program rumah Pahang, sejak program rumah rakyat Pahang dilaksanakan pada tahun 2020 sehingga tahun ini Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan sebanyak 573 buah rumah rakyat Pahang yang diberikan secara percuma kepada rakyat miskin. Pahang adalah negeri pertama yang melaksanakan inisiatif seumpama ini [Ahli Dewan menepuk meja] dan insya-Allah seperti mana yang saya telah bentangkan pada Jumaat lalu, projek ini akan diteruskan daripada tahun hadapan dengan penambahan daripada 6 unit kepada 8 unit rumah bagi setiap Dewan Negeri [Ahli Dewan menepuk meja] dan satu unit rumah bagi setiap Parlimen di seluruh Pahang melibatkan kos sebanyak RM 30.75 juta. Malah Kerajaan Negeri telah menaikkan peruntukan pembinaan sebuah bagi sebuah rumah rakyat Pahang daripada RM 65,000.00 sebelum ini kepada RM 75,000.00 ekoran kenaikan kos pembinaan.

Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri turut menyediakan Rumah PR1MA Pahang hanya pada harga RM150,000.00 seunit dan rumah Makmur pada harga RM80,000.00... minta maaf, saya ulang lagi sekali. Selain daripada itu Kerajaan Negeri turut menyediakan Rumah PR1MA Pahang hanya pada harga RM 150,000.00 seunit dan rumah Makmur pada harga RM 80,000.00 seunit dan sebarang peningkatan kos harga rumah akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri.



Tidak terhenti di situ sahaja, pada tahun ini juga Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Tanah Warisan ataupun STW. STW ni Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua boleh disebutkan macam-macam... Silaturahim Tok Wan pun boleh, Sahabat Tok Wan pun boleh, Sayang Tok Wan pun boleh. Tok Wan ni di... bukanlah Tok Wan saya... Tok Wan ni maknanya Tok, kalau di utara dia panggil Tok Wan. Jadi boleh macam-macamlah ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Satu lagi, sokong Tok Wan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ha... tu boleh juga [Ahli Dewan ketawa]. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri memperkenalkan Skim Tanah Warisan ini iaitu menawarkan lot tanah tapak rumah yang mempunyai infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik bagi memudahkan serta membina rumah idaman mereka mengikut citarasa sendiri. Dengan kata lain Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, segala infrastruktur disediakan oleh kerajaan. Maknanya satu tapak tanah tersebut kita cuci, kita ratakan, kita masuk api, kita masuk air, kita buat longkang, kita buat jalan dan kita bagi lot tapak rumah kepada mereka yang layak. Maknanya mereka buat rumah sahaja, tak perlu nak buat jalan dan sebagainya. Semua Kerajaan Negeri telah sediakan.

Jadi *pilot* projek kita buat di Lipis. Yang paling pentingnya Yang Berhormat Yang di-Pertua saya ingin tegaskan bahawa, dalam menangani isu pemilikan rumah dan penyediaan tempat perlindungan yang selesa... yang selesa strategi kita tidak bersifat sehalu.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita tidak sekadar membina lebih banyak rumah tetapi kita turut memastikan harganya berpatutan malah kita meneroka inovasi-inovasi baru seperti memberi pembiayaan membaiki rumah yang uzur, menyediakan kemudahan asas yang baik di kawasan penempatan dan pelbagai lagi. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, perkara kedua yang diberikan perhatian adalah mengurangkan kerenah birokrasi khususnya dalam urusan yang melibatkan tanah. Sebaik memegang tampuk kepimpinan negeri, saya telah meminta agar bermula 1 Ogos 2018 kuasa diturunkan kepada pentadbir tanah, iaitu Pegawai Daerah dan Pendaftar, iaitu Pengarah Tanah dan Galian Pahang bagi memberi kelulusan kebenaran pindahmilik, gadaian dan pajakan tanah.

Tujuannya adalah agar transaksi pindahmilik dan gadaian yang dilakukan atas dasar atau bagi tujuan kasih sayang yang melibatkan suami isteri dan anak beranak serta waris kadim, seperti bapa dengan anak, ibu dengan anak, adik-beradik, nenek dengan cucu dan datuk dengan cucu dapat disempurnakan dalam tempoh selewat-lewatnya 48 jam. Penambahbaikan proses ini telah memendekkan urusan yang selama ini memakan masa sehingga dua tiga, bulan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi mewujudkan keseimbangan pembangunan di seluruh daerah di negeri Pahang, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat Plus telah ditubuhkan pada tahun 2020. Melalui inisiatif ini, pembangunan ekonomi dan pelaburan di enam daerah



Pahang Barat Plus iaitu Bentong, Cameron Highlands, Lipis, Jerantut, Raub dan Bera akan digandakan dengan memfokuskan kepada lima kluster industri utama iaitu pelancongan, pertanian, perkayuan, mineral dan perkhidmatan. Inisiatif ini diadakan atas alasan yang mudah. Selain untuk memastikan segenap sudut negeri Pahang ini dibangunkan dengan setara dan seimbang, ia menunjukkan keyakinan Kerajaan Negeri bahawa setiap daerah di Pahang ini mempunyai kekuatan dan kelebihan tersendiri yang boleh diteroka dan diketengahkan malah kita mahu memastikan bahawa enjin pertumbuhan ekonomi Pahang adalah pelbagai dan tidak bersandarkan satu industri atau sektor tertentu sahaja.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Satu lagi aspek penambahbaikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah dengan mengenal pasti faktor dan punca berlakunya ketirisan hasil negeri sekali gus mengatasi secara serius dan konsisten. Oleh itu, ke melalui Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang yang telah ditubuhkan Pada 15 Oktober 2018 bagi membantu Kerajaan Negeri untuk membendung isu ketirisan dan kebocoran hasil yang merugikan pendapatan negeri.

Unit penguatkuasaan Negeri Pahang ini turut memainkan peranan penting dalam menjaga khazanah alam di ne... di negeri ini bagi manfaat segenap rakyat misalnya tindakan penguatkuasaan Ops Lestari 2 di Sungai Ichat, Cameron Highlands yang berkeluasan 230 ekar telah berjaya mengembalikan kegemilangan air dan kualiti air Sungai Ichat sebagai sumber simpanan bekalan air kepada penduduk di Cameron Highlands.

Selain itu, operasi mencegah lombong haram di daerah Lipis juga telah berjaya memastikan bekalan sumber air penduduk sentiasa terpelihara dan hutan-hutan simpan kekal tidak diceroboh dengan sewenang-wenangnya. Bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan penguatkuasaan, Unit Penguatkuasa Negeri Pahang selaku wakil Kerajaan Negeri telah menjalin kerjasama dengan Agensi Angkasa Malaysia ataupun (MYSA) bagi membangunkan sistem pemantauan menggunakan data-data satelit. Penggunaan sistem ini memberikan anjakan kepada kemampuan Unit Penguatkuasa Negeri Pahang dan agensi-agensi lain bagi menganalisa dan memantau aktiviti guna tanah di seluruh negeri Pahang tanpa melibatkan sebarang kos.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Bagi memperkasakan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri ataupun *State GLC* maka Pahang Corporation telah ditubuhkan pada 21 Mac 2019. Matlamatnya sangat jelas iaitu kita mahu terus mengkaji cadangan pelaburan dari aspek pulangan dan risiko perniagaan serta memantau prestasi perniagaan 40 anak syarikat dan pelbagai sektor ekonomi selain menjadi peneroka sektor baru yang menjanjikan pulangan pendapatan lebih baik kepada Kerajaan Negeri seperti teknologi hijau, digital ekonomi dan infrastruktur utiliti. Selain daripada itu, sejak tahun 2018 setiap syarikat berkaitan Kerajaan Negeri telah ditetapkan untuk menyumbang secara pulangan tunai kepada Kerajaan Negeri Pahang.

Dari tahun 2019 jumlah sumbangan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pahang telah direkodkan meningkat setiap tahun. Dari RM12 juta pada tahun 2019 jumlahnya meningkat kepada RM38.6 juta pada tahun 2020 manakala pada tahun 2021 jumlah sumbangan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri ialah sebanyak RM50 juta dan pada tahun ini ia terus meningkat kepada RM60 juta. Kita akan memastikan syarikat



berkaitan Kerajaan Negeri terus merekodkan prestasi yang cemerlang terutamanya menerusi pemantauan dan bimbingan daripada pihak Pahang Corporation.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menyebut secara ringkas bahawa Pahang adalah negeri yang mempunyai program intervensi dan pakej bantuan paling lengkap serta menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli. Komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk membantu Orang Asli ini begitu terserlah melalui penubuhan Orang Asli Corporation atau (ORACO) yang bertindak sebagai pusat sehenti atau *One Stop Center* bagi merancang, mengurus dan memantau aktiviti ekonomi yang akan dijalankan di atas tanah yang berpotensi yang memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli. Dalam soal ini, kita bukan bercakap sekadar memberikan bantuan kewangan semata-mata sebaliknya menjadi aspirasi dan tekad Kerajaan Negeri untuk memajukan Orang Asli ke peringkat yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi memperkasakan sektor pelancongan dan melindungi sumber biodiversiti, Kerajaan Negeri telah mengorak langkah proaktif dengan menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang dan Majlis Biodiversiti Negeri Pahang. Perbadanan Taman Negeri Pahang berfungsi sebagai penasihat kepada pihak berkuasa negeri mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan dasar umum tentang pemeliharaan, penggunaan, kawalan dan pengurusan serta pembangunan alam sekitar sumber dan biodiversiti Taman Negeri Pahang. Manakala Majlis Biodiversiti Negeri Pahang pula berperanan sebagai penasihat kepada Kerajaan Negeri dalam melindungi alam semulajadi dan sumber biodiversiti serta mengkaji dasar yang berkaitan dengan bio teknologi dan melindungi harta intelek negeri yang merangkumi aspek flora dan fauna. Inisiatif ini akan memastikan pembangunan dan kemajuan Pahang bersifat lestari dan mesra alam.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya tidak berhasrat mengulang kembali peratusan projek berkaitan bekalan air di seluruh negeri Pahang yang hendak kita jalankan pada tahun hadapan. Cuma saya boleh nyatakan dengan yakin di sini bahawa antara projek pembangunan dan penyediaan infrastruktur terbesar di negeri Pahang pada tahun hadapan adalah yang berkaitan dengan bekalan air. Agenda air ini mempunyai beberapa komponen, ini termasuklah pelaksanaan pelan strategik bagi menyelesaikan secara berperingkat gangguan bekalan air, pembinaan pelbagai infrastruktur baru di seluruh negeri, membaiki dan menaik taraf infrastruktur sosiologi dan sistem paip sedia ada.

Semakan tarikh dan kecekapan pentadbiran, pencarian sumber-sumber air baru dan pemantapan pengurusan aset-aset air negeri. Kesemua ini secara keseluruhannya melibatkan peruntukan melebihi separuh bilion yang akan dijayakan dengan kerjasama pelbagai pihak. Bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan lancar, saya sendiri akan memantau status pelaksanaannya. Kita akan memastikan wujud laporan perkembangan dan kemajuan berkala yang tersusun, tegas, dan telus.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pengurusan bencana alam adalah satu aspek yang sangat mencabar kepada Kerajaan Negeri yang menuntut inovasi dan kecek... kecekapan yang luar biasa. Untuk itu, sebanyak RM47 juta telah diperuntukkan bagi program pasca banjir di



seluruh negeri. Peruntukan ini digunakan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan banjir di negeri ini. Misalnya menerusi pembelian bot amfibia, pembinaan pusat pemindahan banjir kekal, pembinaan landasan pendaratan helikopter, pembelian intrum... instrumen sistem amaran awal banjir serta pembelian penyelamat yang ditempatkan di Pejabat Penghulu. Sasaran paling utama kita adalah memastikan keselamatan dan mengelakkan korban nyawa serta meminimakan kerugian harta benda.

Kepada semua rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin benar-benar menyeru marilah kita semua mengambil kesempatan yang ada untuk mendoakan agar negeri Pahang tidak berhadapan dengan sebarang bencana dan andai kata kita diuji marilah kita semua berikrar untuk bekerjasama dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas dengan mengetepikan segala perbezaan ideologi dan parti.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebelum berakhir, saya ingin memanjangkan sepenuhnya kesyukuran kepada Allah SWT kerana di atas ketentuan-Nya dan keizinan-Nya saya telah diberi kepercayaan untuk memikul amanah dan tanggungjawab sebagai Menteri Besar Pahang yang ke-15 sejak Mei 2018 yang lalu. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat daripada barisan EXCO Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang terhormat Dewan Undangan Negeri serta ketua-ketua jabatan dan agensi atas segala sokongan, bantuan serta buah fikiran yang dicurahkan sepanjang saya menjalankan tugas sebagai Menteri Besar Pahang sejak 53 bulan yang lalu.

Saya juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang kerana telah banyak membantu saya menguruskan Pentadbiran Kerajaan Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan negeri Pahang atas sifat dedikasi dan kesungguhan [Ahli Dewan tepuk meja] [YB SUK berdiri] yang ditunjukkan. Saya juga minta maaf kerana dulu rambutnya banyak sekarang rambutnya dah tak ada. Tapi Tok Wan kata bukan tak ada rambut baru nak tumbuh.

Sekalung penghargaan juga kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri yang telah berusaha keras sehingga kita berjaya mencapai kutipan hasil mencecah RM1 bilion tahun ini. Begitu juga kepada Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri kerana telah banyak memberi nasihat dan pandangan demi memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara. Untuk perkongsian Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' LA ni, mana-mana yang rakan-rakan EXCO yang ada kepentingan atau menjawat jawatan dalam mana-mana *Board of Director* belum habis lagi Dato' LA kata, sila keluar. Jadi Itulah punya tegasnya beliau dan sangat *concern*. Maknanya kita tidak mahu perkara ini berlaku yang bukan-bukan selepas daripada keputusan yang dibuat terima kasih Yang Berhormat Pegawai Undang-undang dan sudah pastilah peng... Penghargaan dan terima kasih saya kepada seluruh pegawai...

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, sekejap... err... Yang Berhormat Yang di-Pertua, cuba nak, nak... nak... nak bagi *clarification* sikit dengan izin, yang kita kena keluar tu bukannya untuk kita untuk anak buah kita kadang-kadang *family* kita kadang-kadang jawatan sebab kita ada *driver* kita kadang-kadang ada kita ahli-ahli parti kita ahli



Dewan minta maaf Yang Amat Berhormat. Jadi kita tak nak nanti keluar keluar ai.. dia cakap banyak betul dia orang ni dah ...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Amat Berhormat, itu... Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya rasa EXCO Lanchang dia malu. Apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tu memang jelas bukan untuk kepentingan ahli EXCO, untuk rakyat jelata tinggal lagi siapa makan lada pedas barangkali.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dengan kata lain mengisytiharkan kepentingan yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua

Dan Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua dan sudah pastilah penghargaan dan terima kasih saya kepada seluruh pegawai dan kakitangan penjawat awam negeri Pahang yang telah membantu saya selama lebih empat tahun ini segala *plan* dan dasar yang saya bawa tidak mungkin terlaksana tanpa komitmen dan kerja keras semua kakitangan awam Kerajaan Negeri Pahang

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tidak ketinggalan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Sri Timbalan Yang di-Pertua kerana telah mengurus perjalanan Dewan yang mulia ini dengan baik dan berhikmah. Saya akui ia bukanlah satu tugas yang mudah untuk menguruskan para wakil rakyat yang kadangkala bertikam lidah. Dan dalam masa yang sama Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Jangan asyik tengok belah kiri saja sampai belah kanan tak nampak ataupun tengok yang belah kanan yang belah kiri tak Nampak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, ini salah mata saya mengelip tapi saya cuba tengok kiri kanan, Yang Berhormat membuat persepsi yang kurang tepat saya rasa. Sila Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato Sri Yang di-Pertua,

Namun kita semua percaya segala itu dilakukan demi membuahkan hasil yang terbaik untuk negeri yang kita cintai ini *last but not least* dengan izin yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua saya juga dengan penuh rendah diri ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya tidak terhingga Kepada kekanda saya yang amat saya kasihi dan hormati iaitu Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang ke-14 yang saya anggap sebagai guru dan mentor politik saya dan pentadbiran kerajaan negeri Tan Sri Dato' Sri DiRaja adalah tokoh yang telah memimpin saya masuk ke gelanggang politik ketika itu saya Masih bertugas di Bernas.

Malahan personaliti saya banyak diubah oleh Yang Berhormat daripada Pelangai semasa saya berkhidmat di dalam Bernas sebagai seorang pengurus jawatan terakhir saya Pengurus Kanan Wilayah Tengah.



Saya agak tegas kerana saya mengendalikan produk yang mudah rosak. Padi maknanya kalau saya kata hari ini kena pindah 20 lori padi ke Perak ataupun ke Selangor makna mesti buat kalau tidak padi rosak dan bila saya masuk politik telah mengubah personaliti saya daripada seorang yang sangat-sangat serius semasa menjawat jawatan itu kepada yang lebih banyak toleransi *tolerance level* begitu banyak dan insan yang membantu saya mengubah corak personaliti saya dalam politik tak lain tak bukan ialah Yang Berhormat dari Pelangai terima kasih. Sesungguhnya begitulah besarnya sumbangan yang telah dicurahkan oleh Tan Sri Dato' Sri Diraja kepada saya dan begitu juga sepanjang 19 tahun.

Tan Sri Dato' Sri DiRaja menjadi Menteri Besar Pahang dan 36 tahun sebagai Wakil Rakyat. Ini pun satu rekod juga bagi kerajaan, bagi kerajaan negeri dan politik negeri Pahang. Saya tidak fikir dalam masa terdekat ada sesiapa yang boleh mengatasi rekod yang berhormat Tan Sri Dato' DiRaja selama 19 tahun dan 36 tahun sebagai Wakil Rakyat. Antaranya ialah yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua saya perlu sebut ya, ialah antara jasa yang besar yang telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat Pelangai, Tan Sri Dato' Diraja ialah memperkasakan Yayasan Pahang sebagai sebuah agensi Kerajaan Negeri yang komited memajukan pendidikan anak negeri ini.

Pada tahun 1982 sahaja sehingga kini Yayasan Pahang telah membelanjakan lebih RM1.3 bilion untuk tujuan pendidikan melibatkan lebih 1.6 juta penerima. Selain itu penaiktarafan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah kepada Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah serta tertubuhnya Universiti Malaysia Pahang adalah antara hasil inisiatif dan kesungguhan Tan Sri Dato' DiRaja dalam meningkatkan taraf pendidikan di negeri ini dalam pada itu penubuhan Maahad Tahfiz Negeri Pahang sehingga terbinanya sebuah kampus tetap di Tanjung Lumpur, Kuantan pada tahun 2005 adalah cetusan idea Tan Sri Dato' Sri DiRaja jua. Malah pembinaan Lebuhraya *Central Spine Road* ataupun CSR Juga berjaya dilaksanakan ketika Tan Sri Dato' Sri DiRaja menjadi Menteri Besar.

Ini saya ingin berkongsi sedikit Dato' Sri Yang di-Pertua kalau tidak silap saya ketika itu mungkin yang berhormat daripada Benta boleh sahkan rakan saya dari EXCO kerajaan betul-betul cuma memberi satu laluan saja *Central Spine Road* ni dan di dalam EXCO yang baru Yang Berhormat Tan Sri DiRaja pada ketika itu telah berkata sama ada kalau satu naik, kita jangan buat. Kita nak dua *line*, dua. *Double* ni dua kali dan yang *fight* ketika itu ialah yang menjadi kenyataan sekarang ini ialah yang Berhormat Tan Sri DiRaja yang menyebabkan kita mendapat dua (tidak jelas).

Dan akhir sekali sudah tentulah ketokohan Tan Sri Dato' Sri DiRaja sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional negeri Pahang berkat ketokohan tersebut UMNO dan Barisan Nasional telah berjaya mengekalkan mandat pemerintahan di negeri ini pada PRU-14 yang lalu meskipun tsunami politik ketika itu telah menyebabkan banyak negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional selama ini tumbang, malah kita juga tewas di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Apa yang ingin saya tegaskan di sini, bahawa sepanjang tempoh 19 tahun Tan Sri Dato' Sri DiRaja mengetuai Pentadbiran Kerajaan Negeri kami, rakyat Pahang amat berhutang budi atas segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk itu sebagai tanda terima kasih dan hormat kita kepada Tan Sri Dato' Sri DiRaja marilah kita bersama-sama berdiri dan beri tepukan paling gemuruh oleh Tan Sri Dato'



Sri DiRaja. Meskipun Tan Sri Dato' Sri DiRaja telah mengumunkan persaraan, diharapkan Tan Sri Dato' Sri DiRaja dapat terus menegur nasihat dan memberi tunjuk ajar kepada kami selepas ini. Saya berdoa semoga Tan Sri Dato' Sri Diraja dikurniakan kesihatan yang kesihatan yang baik dan kekuatan yang berpanjangan dimurahkan rezeki serta dilimpahi rahmat dan diberkati oleh Allah SWT insya-allah.

*Biji selasih bunga seroja
Gugur menimpa akar Meranti,
Terima kasih Dato' Sri DiRaja,
Atas segala jasa dan bakti.*

Semoga jasa dan sumbangan besar yang dicurahkan selama ini akan menjadi benih-benih jariah yang akan terus membuahkan kebaikan dan seterusnya menjadi ibadah yang diterima oleh Allah SWT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Amin insyaallah.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Demikian sajalah penggulangan saya pada persidangan Dewan Negeri Pahang pada kali ini. Seperti semua yang sedia maklum bahawa Pilihan Raya Umum Ke-15 akan berlangsung tidak lama lagi dan persidangan ini merupakan persidangan kita yang terakhir pada penggal ini. Justeru, saya mengambil kesempatan di sini untuk menyusun sepuluh jari, memohon ampun dan maaf andainya sepanjang lebih 4 tahun saya berkhidmat sebagai Menteri Besar ada tersilap kata, terkasar bahasa, terkhilaf perbuatan sehingga menyinggung perasaan mana-mana pihak. Sesungguhnya yang baik itu datang dari Allah dan yang kurang baik tu hadir atas kesilapan diri saya sendiri.

Saya amat berharap agar ahli yang terhormat daripada kedua-dua belah pihak yang berada di Dewan yang mulia ini sama ada dari parti Barisan Nasional ataupun...agar berlapang dada, bersiap sedia dari segi fikiran dan emosi serta menerima hakikat bahawa akan ada di antara kita yang akan terpilih dan tidak terpilih sebagai calon untuk bertanding pada PRU-15 ini. Ini adalah ketentuan dan takdir Allah SWT, insya-Allah Kerajaan Negeri akan dibentuk selepas PRU-15 nanti berdasarkan jumlah kerusi yang akan dimenangi di peringkat Dewan Negeri manakala perlantikan Menteri Besar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negerinya adalah di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

Akhir sekali, patik merafak sembah menjunjung serta tinggi kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas perkenan melantik patik untuk menggalas tanggungjawab sebagai Menteri Besar Pahang ke-15 sekali gus membimbing, memberi nasihat serta tunjuk ajar kepada patik selama ini.

Sesungguhnya kepercayaan Kebawah Duli Yang Maha Seri Paduka Baginda Tuanku dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke atas patik sepanjang perkhidmatan patik sebagai Menteri Besar Pahang amat dihargai dan disanjung tinggi. Akhir kata,



marilah kita sama-sama berdoa semoga negeri Pahang ni terus kekal maju, aman, makmur dan sejahtera agar lebih banyak pembangunan dapat dilaksanakan selepas ini demi manfaat rakyat Pahang.

*Gurindam kasih, irama gamelan,
Nyanyian dayang, lunak suara,
Terima kasih rakan dan taulan,
Semoga Pahang makmur sejahtera.*

Wabillahitaufig walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat yang telah membuat satu gulungan diiringi dengan kata-kata yang cukup menyayat hati. Walau bagaimanapun dalam keadaan begitu Dewan ini rasa gembira... rasa gembira dan rasa bersyukur kerana dapat juga menerima bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar Yang Amat Berhormat kepada kita. Bagi satu tepukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. [Ahli Dewan menepuk meja]. Dalam masa yang sama juga oleh kerana saya pun berada di sini mungkin dalam Dewan yang terakhir... ya ada EXCO Lanchang?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, elok jugalah kalau kita semua bangun memberikan tepukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar selepas penggulungan tadi. Minta semua...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Belum habis lagi, tak gulung lagi, ini baru menggulung Bajet ni, ucapan apa... perbekalan. Saya nak ambil... mengambil kesempatan ini nak merakamkan juga terima kasih kepada ADUN Pelangai Yang Berhormat Dato' Sri DiRaja Tan Sri Adnan Yaakob yang mungkin tidak akan berada lagi di Dewan ini seperti mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat dan saya rasa bertuah dapat mengendalikan Dewan yang mulia ini di hadapan 2 tokoh besar ya.

Satu berpengalaman cukup luas yang telah mencorakkan, mewarnai pembangunan negeri Pahang yang cukup gemilang dan cemerlang dan berada pula disambung terus dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sentiasa membuat *game changer* dalam pembangunan kita di negeri Pahang ini. Kita berdoa mudah-mudahan kedua-dua mereka ini yang datang dan yang pergi akan sentiasa selamat dan lindungi oleh Allah SWT.

Kita teruskan tugas kita, Rang Undang-Undang Perbekalan (2023) 2022 telah dibentang dan dibahas pada 7 dan 11 Oktober 2022. Oleh itu, Majlis bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[DALAM JAWATANKUASA]

[Cokmar diturunkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.



YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,916,714.00 untuk Kepala B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM113,114,189 untuk Kepala B.02 menjadi Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.03 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.03 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM180,166,800.00 untuk Kepala B.03 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.



YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.03 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM920,376.00 untuk Kepala B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.05 - Dewan Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.05 - Dewan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM13,337,220.00 untuk Kepala B.05 - Dewan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.05 - Dewan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah



RM67,908,336.00 untuk Kepala B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbincangan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM60,706,864.00 untuk Kepala B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM15,237,464.00 untuk Kepala B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.



SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.09 - Jabatan Pertanian Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.09 - Jabatan Pertanian Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM29,368,058.00 untuk Kepala B.09 – Jabatan Pertanian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.09 - Jabatan Pertanian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.10 - Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, Kepala Bekalan B.10 – Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada.

YB. ENCIK SIM CHONG SIANG

Tuan Speaker, Tuan Speaker.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ya, Yang Berhormat. Ada apa.

YB. ENCIK SIM CHONG SIANG

Err... Terima kasih Tuan Speaker. Isu banjir di negeri Pahang ni amat serius kalau dengan peruntukan yang begitu kecil saya ingat ramai tempat akan jadi banjir lagi. So pada masa pada tahun depan kalau boleh kita banyak, bagi lagi banyak sikitlah peruntukan untuk Jabatan Saliran ni untuk menguruskan tempat-tempat banjir. Terima kasih.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Terima kasih. Ya, pihak Kerajaan nak respon apa-apa?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, peruntukan ni selain daripada Kerajaan Negeri, kita dapat daripada Kerajaan Persekutuan, yang terkini ialah 2 bilion ya. 2 bilion yang terkini kita dapat dan ini kita boleh di...di minta daripada semasa ke



semasa. Bukan mandatori, bukan muktamad peruntukan ini ya. Akan ditambah dari semasa ke semasa. Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Yang Berhormat ...

YB. ENCIK SIM CHONG SIANG

Ya.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Teruntum jelas penerangan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM 28,711,813.00 untuk Kepala B.10 – Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.10 – Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.11 - Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM 7,125,625.00 untuk Kepala B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.11 – Pejabat Daerah dan Tanah Bentong menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands.



YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.12 – Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM 6,421,862.00 Untuk Kepala B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.12 – Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.13 – Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM 8,154,400.00 Untuk Kepala B.13 – Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju

YB. DATO' SRI Pengerusi

Terima kasih. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.13 – Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.14 - Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.14 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM 10,232,379.00 untuk Kepala B.14 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju



YB. DATO' SRI Pengerusi

Terima kasih. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.14 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.15 – Pejabat Daerah dan Tanah Lipis dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,171,778.00 Untuk Kepala B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.16 – Pejabat Daerah dan Tanah Pekan dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,911,980.00 untuk Kepala B.16 – Pejabat Daerah dan Tanah Pekan menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.16 – Pejabat Daerah dan Tanah Pekan menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.17 - Pejabat Daerah Dan Tanah Raub.



YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.17 – Pejabat Daerah dan Tanah Raub dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM6,988,544.00 untuk Kepala B.17 – Pejabat Daerah dan Tanah Raub menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Terima kasih. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.17 – Pejabat Daerah dan Tanah Raub menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.18 – Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,850,660.00 untuk Kepala B.18 – Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.18 – Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.19 – Pejabat Daerah dan Tanah Rompin dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,722,681.00 untuk Kepala B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.



YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.20 – Pejabat Daerah dan Tanah Maran dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,612,161.00 untuk Kepala B.20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.21 – Pejabat Daerah dan Tanah Bera dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM 6,450,716.00 untuk Kepala B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.22 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri.



YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.22 – Pejabat Tanah dan Galian Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM 12,178,962.00 untuk Kepala B.22 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.22 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.23 - Jabatan Mineral dan Geosains Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.23 – Jabatan Mineral dan Geosains Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada.

YB. ENCIK SIM CHONG SIANG

Tuan...

YB. DATO' SRI Pengerusi

Masalah....

YB. ENCIK SIM CHONG SIANG

Speaker, Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ya, Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHONG SIANG

Saya ingat ini kali ketiga err... tiga tahun saya bangkit soalan untuk Jabatan err... Jabatan Mineral *and* Geologi Negeri. Nampaknya peruntukannya begitu beza dari Jabatan-Jabatan yang lain. Hanya dapat RM30... 300 lebih ribu. Kalau saya bagi dekat 12 bulan saya dapat dia hanya dapat RM27 ribu sebulan. Ini agak tidak adillah bagi Geologi. Biar dia ada kementerian yang err... selalu Menteri Besar lah jawab saya. Ada tu kementerian yang di belakang tapi untuk lebih adil saya ingat perlu bagi banyak sikitlah untuk jabatan ni. Terima kasih.



YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat nak banyak mana? Boleh bagi cadangan?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Tengok perbezaan antara semua juta-juta, ratus... Ini baru RM334,000.00 so...

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, setiap peruntukan yang kita bahaskan pada hari ini bukan kita saja-saja je letak. Bukan kita teringat nak letak RM200,000.00, kita letak RM200,000.00. Yang pertama sekali kita ada perbincangan, kita minta dengan JMG sendiri sebab JMG ini adalah di bawah Kerajaan Persekutuan *federal government* dan duduk di negeri Pahang sebagai Jabatan Mineral Negeri Pahang. Ada beberapa peruntukan yang mereka kemukakan untuk menambah ataupun tokok tambah daripada peruntukan Federal dan peruntukan ini bukan setakat RM334,000.00, ada lagi daripada *federal*.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi, yang ni, yang ni Yang Berhormat kena faham ni dan yang keduanya jangan melihat kepada angka, dia kadang-kadang keperluan sesebuah agensi itu penting. Dia tidak semestinya JMG ini perlu sampai juta-juta, Kerajaan Negeri memperuntukkan sampai juta-juta, tidak sebab dia ada ayah, ayah dia sendiri ayah kandung dia di ibu pejabat, Pahang ni ayah tiri dia je, ha tu yang dapat sikit daripada ayah angkat.

Jadi, Yang Berhormat daripada Teruntum usah bimbang yang tu seperti mana saya jawab tadi. Ini bukan mandatori peruntukan ni. Sebagai contohnya banjir tadi tahun lepas tak masuk pun RM47 juta tapi bila Kerajaan Negeri ada duit, kita peruntukkan RM47 juta untuk pasca banjir dan begitu juga dengan agensi-agensi yang lain sebab kita insya-Allah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kita mengikut keperluan. Ada permohonan daripada jabatan ataupun agensi berkaitan, kita akan bagi. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Yang Berhormat Teruntum, okey? Jelas ya?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih jawapan dari Menteri Besar. Saya ingat semua jabatan ada bapak yang bapak yang jaga tapi lebih adillah itu sajalah saya minta, saya nampak sikit sangat kurang. Itu saja.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kita sangat adil sebagai contoh di JMG ni, staff di Jabatan Mineral dan Geosains ni... tadi Yang Berhormat sebut geologi tau... geosains dengan geologi lain tau. Staf daripada Kerajaan Negeri kita tempatkan di JMG. Ada berapa orang staf? Kalau tak silap saya hampir lebih kurang 10 oranglah. Kalau gaji RM2,500.00 kali dengan 10, berapa dah sebulan? Jadi, dia ada, ada, ada yang Persekutuan, ada yang Negeri tapi apa pun saya boleh bagi komitmen di sini Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan jabatan-jabatan di bawah *federal* dan



malahan apabila ada permohonan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri lazimnya kita meluluskan permohonan daripada mereka Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.23 - Jabatan Mineral dan Geosains Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM334,735.00 untuk Kepala B.23 - Jabatan Mineral dan Geosains Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.23 - Jabatan Mineral dan Geosains Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.24 - Jabatan Agama Islam Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.24 - Jabatan Agama Islam Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM129,405,324.00 untuk Kepala B.24 - Jabatan Agama Islam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.24 - Jabatan Agama Islam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.25 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.25 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM4,923,180.00 untuk Kepala B.25 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".



AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.25 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.26 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.26 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM19,328,220.00 untuk Kepala B.26 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.26 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.28 - Jabatan Mufti Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.28 - Jabatan Mufti Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM3,537,614.00 untuk Kepala B.28 - Jabatan Mufti Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.28 - Jabatan Mufti Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri.



YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,419,272.00 untuk Kepala B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM2,211,168.00 untuk Kepala B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.32 - Kumpulan Wang Terkanun.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.32 - Kumpulan Wang Terkanun dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM101,493,490.00 untuk Kepala B.32 - Kumpulan Wang Terkanun menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.



YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.32 - Kumpulan Wang Terkanun menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Fasal 1(1);
Fasal 1(2);
Fasal 2(1);
dan Fasal 2(2).

YB. DATO' SRI Pengerusi

Fasal 1(1);
Fasal 1(2);
Fasal 2(1);
dan Fasal 2(2);
menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (2023) 2022 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. DATO' SRI Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

[BACAAN KALI KETIGA]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa:



“Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu”, telah ditimbangan dalam Jawatankuasa dan dipersetujui dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. DATO’ SRI DIRAJA TAN SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2023) 2022 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, nyatakan “Tidak”. Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2023) 2022, disifatkan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2023 bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara Ke-4: Menimbang Usul Anggaran Pembangunan Dan Perbekalan Air Tahun 2023.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2023 telah dibentang, disokong dan dibahas pada 7 dan 11 Oktober 2022. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut.

Soalannya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli yang bersetuju nyatakan “Setuju”.

AHLI AHLI DEWAN

Setuju.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju nyatakan “Tidak”. Tiada. Usul tersebut diluluskan.

Perkara ke-5.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ke-5: Rang Undang-Undang.



Rang Undang-undang Wakaf Pahang 2022.
DN 27/2022

Yang Berhormat EXCO Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Pahang akan membawa cadangan.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Wakaf Pahang 2022. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

[BACAAN KALI PERTAMA]

SETIAUSAHA DEWAN

“Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan wakaf dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya.”

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Wakaf Pahang 2022, dibaca bagi kali yang kedua.

[BACAAN KALI KEDUA]

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

saya mohon mencadangkan

“Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan yang berhubung dengan wakaf dan perkara-perkara yang berhubung dengannya.”

dibacakan bagi kali kedua sekarang.



Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sesungguhnya wakaf ini adalah salah satu di antara ibadah ataupun amalan mulia masyarakat setempat ataupun seluruh rakyat di negeri ini yang telah menjadi tradisi zaman berzaman sehinggalah ke hari ini. Namun perkara ini selama ini berlaku secara tidak teratur dan tidak tersusun rapi.

Maka perlulah ia disusun dan diatur dengan sebaik mungkin supaya ia tidak berlaku kekeliruan dan kekacauan terhadap harta yang telah diwakafkan oleh si pewakaf. Maka justeru itu kerajaan bercadang di dalam Dewan yang mulia ini, agar satu ketetapan dan Rang undang-undang er... kita ambilkan persetujuan bersama agar ia dapat diuruskan dengan sebaik mungkin oleh badan-badan yang telah kita tetapkan di dalam dewan ini. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kita semua sedia maklum banyak harta-harta telah diwakafkan. Tetapi seperti yang dikatakan oleh ahli kerajaan tadi adalah tidak teratur dan di tempat saya, terdapat banyak kes salah er... kes itu ialah tanah tu telah diwakafkan pada tahun 1950-an, tetapi sampai masanya pula waris-waris menuntut hak kepada tanah yang telah diwakafkan itu.

Saya percaya dengan adanya Rang Undang-Undang Wakaf ini, maka insya-Allah kita akan dapat seperti kata ahli daripada kerajaan tadi, menyelaraskan segala-galanya dan apa-apa faedah kewangan yang akan didapati dari tanah-tanah wakaf ini akan dapat digunakan sepenuhnya untuk membangun kemudahan bagi umat Islam termasuklah sebagai contoh pembinaan masjid-masjid, surau-surau dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah

“Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan wakaf dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya.”,

dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Tuan Yang di-Pertua, Ketari menyambut baik RUU wakaf ini. Ini adalah kerana dengan adanya RUU ini, harta-harta wakaf dapat ditadbir dengan baik oleh pihak Majlis. RUU



ini juga diharap dapat memberikan Majlis kuasa yang secukupnya untuk menyiasat tanah-tanah atau harta-harta yang telah diwakafkan, yang terbiar, yang tidak didaftarkan untuk diuruskan oleh Majlis ini jika tiada pentadbir atau sesiapa menguruskannya.

Namun ada beberapa perkara yang ingin dibangkitkan atau untuk diterangkan lebih. Dalam er... pertama, berkaitan dengan kuasa Majlis kerana di dalam Draf RUU ini, jika kita boleh rujuk di mukasurat 10, 4.1B, Majlis boleh menjadi pengurus atau pentadbir bagi mana-mana mawquf yang terletak di luar negeri Pahang. Sedangkan sepatutnya Majlis hanya boleh jadi pemegang amanah untuk harta dalam negeri Pahang dan atau jika ia melibatkan harta orang yang berdomisil di Pahang.

Ini saya mohon pencerahan dan kalau boleh dinyatakan dengan lebih terang kerana peruntukan ini dilihat boleh atau sudah melangkaui bidang kuasa negeri. Satu lagi jika seorang rakyat Kelantan, ada harta di Kelantan tetapi mendaftar wakaf di Pahang untuk harta tersebut, adakah ia dibenarkan. Selain itu, tujuan wakaf ini juga boleh dinyatakan di dalam enakmen atau kaedah sebagai garis panduan. Itu sahaja, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Sila, pihak kerajaan.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Itulah sebabnya kita katakan di awal tadi, tujuannya sebagaimana Ketari sebut untuk menyelaraskan harta-harta yang diwakafkan oleh si pewakaf. Jadi, tak kiralah kalau orang yang mewakaf tu seandainya hartanya kebetulan di Arab Saudi dan kita apa perlu menyelaraskan melalui enakmen kita ini, dan ada persetujuan di antara si pewakaf dengan orang yang menerima wakaf, ada undang-undang diperuntukkan untuk menyelaraskan harta wakaf itu, maka kita boleh selaraskan Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik. Boleh ya. Terima kasih Yang Berhormat EXCO Agama.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju nyatakan "Setuju".

AHLI AHLI DEWAN

Setuju.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.



SETIAUSAHA DEWAN

“Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan wakaf dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya.”

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[DALAM JAWATANKUASA]

[Cokmar diturunkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1 hingga Fasal 54;

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Fasal 1 hingga Fasal 54,

dibuka untuk perbahasan sekarang. Tiada.

Fasal 1 hingga Fasal 54;

menjadi sebahagian daripada Undang-undang hendaklah disetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI AHLI DEWAN

Setuju.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Fasal 1 hingga Fasal 54; menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Wakaf Pahang 2022 dimaklumkan kepada majlis sekarang. Ahli-ahli yang setuju menyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang setuju menyatakan "setuju". Ahli-ahli yang tidak setuju menyatakan "tidak". Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

[BACAAN KALI KETIGA]

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa,

"Suatu Enakmen untuk mengadakan Peruntukan yang berhubungan dengan Wakaf dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya"

telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan dipersetujui dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang ketiga yang dilulus... dan diluluskan sekarang.

YB. DATO' SRI DIRAJA TAN SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Wakaf Pahang 2022 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju menyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak setuju menyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.



SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Wakaf Pahang 2022, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

USUL

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keenam: Usul.

Usul Penubuhan Kumpulan Wang Amanah Kelestarian Negeri Pahang.

Yang Berhormat EXCO Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang akan membawa cadangan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan yang mulia ini berbunyi;

“Bahawa Dewan ini mengikut peraturan di bawah Sub Seksyen 10(4)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), bersetuju menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Kelestarian Negeri Pahang.”

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan Ke-36/2022 pada 14 September 2022 telah menimbang Kertas Cadangan dan bersetuju supaya Kerajaan Negeri menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Kelestarian Negeri Pahang. Kumpulan Wang Amanah ini ditubuhkan bertujuan untuk memperakaukan dalam Bahasa Melayu. Terimaan daripada Kerajaan dan lain-lain sumbangan untuk pembiayaan pemasaran dan kegiatan aktiviti pelancongan di negeri Pahang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kumpulan Wang ini akan dikreditkan dengan wang daripada Kerajaan Negeri dan sumbangan daripada badan berkanun, sektor swasta, syarikat berkaitan kerajaan, orang awam, persatuan, pertubuhan antarabangsa ataupun tempatan serta terimaan lain yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua... Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kumpulan Wang ini akan digunakan bagi tujuan berikut:

- (1) Bayaran bagi menjalankan aktiviti pemasaran berkaitan pelancongan;
- (2) Perbelanjaan untuk menyediakan makan minum, perjalanan dan penginapan peserta penceramah, pensyarah, etamu jemputan dan pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dengan Wang Kumpulan ini; dan



(3) Lain-lain perbelanjaan diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

Kumpulan Wang ini akan ditadbirkan oleh satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri sebagai Timbalan dan empat orang Ahli lain terdiri daripada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Setiausaha Bahagian Perancangan Ekonomi dan Penolong Setiausaha Pelancongan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Penubuhan Kumpulan Wang ini akan memberi gambaran sebenar berkaitan penyaluran daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan sumbangan daripada badan berkanun, sektor swasta, syarikat berkenaan, syarikat berkaitan Kerajaan, orang awam, persatuan, pertubuhan antarabangsa ataupun tempatan serta terimaan lain. Ia juga bertujuan memastikan rekod-rekod kewangan diperakaunkan dengan teratur dan mematuhi semua prosedur kewangan bagi menguruskan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Kelestarian Negeri Pahang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sekian sahaja penerangan berhubung Usul ini dan saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini mengikut Peruntukan di bawah Sub Seksyen 10(4)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), bagi menubuhkan wang... Kumpulan Wang Amanah Kelestarian Negeri Pahang. Saya harap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini. Saya mohon mencadang.

YB. DATO' HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini dibuka untuk perbahasan. "Tiada". Masalahnya ialah Usul ini dicadang dan disokong. Soalnya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak setuju nyatakan "Tidak". Tiada. Usul tersebut diluluskan.

URUSAN-URUSAN AM

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketujuh: Urusan-urusan Am.

Kertas-kertas mesyuarat.



Penyata Kewangan Negeri Pahang Tahun 2021 DN 29/2022.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 1 Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang DN 30/2022.

Penyata Kewangan Majlis Sukan Pahang Berakhir 31 Disember 2021 DN 31/2022.

Penyata Kewangan Yayasan Pahang Berakhir 31 Disember 2021 DN 32/2022.

Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Darul Makmur Berakhir 31 Disember 2021 DN 33/2022.

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang Berakhir 31 Disember 2021 DN 34/2022.

PENANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelapan: Penangguhan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon membawa cadangan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Alhamdulillah syukur kepada Allah, kini sudah tiba kita sampai ke penghujung persidangan pada kali ini. Saya bersyukur kepada Allah Subhanahuwataala kerana perjalanan persidangan kali ini begitu lancar dan teratur, meskipun kita terpaksa memendekkan tempoh persidangan yang sepatutnya berlangsung selama 5 hari.

Walau bagaimanapun apa yang penting ialah objektif persidangan ini telah berjaya mencapai matlamatnya iaitu membawa dan mengangkat isu-isu rakyat untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini, malah kita juga telah mencapai kata sepakat dengan meluluskan Belanjawan 2023 Negeri Pahang demi manfaat rakyat [Ahli Dewan menepuk meja].

Sudah pastinya pujian harus diberikan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Sri Timbalan Yang di-Pertua... kerana telah dapat mengendalikan aturan persidangan kita dengan begitu cermat dan baik sekali [Ahli Dewan tepuk meja]. Kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, baik daripada blok kerajaan mahupun pembangkang, saya menzahirkan ucapan syabas tahniah dan terima kasih di atas penglibatan aktif Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dalam sesi perbahasan kita pada kali ini.

Setiap perbahasan dan celahan berlangsung dengan aman dan tenteram serta tiada sebarang provokasi melampau ataupun pertikaman lidah antara sesama kita. Ucapan terima kasih juga saya hulurkan kepada ketua-ketua jabatan dan agensi serta



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Ahli-ahli EXCO dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah saya memuji dan mengangkat rasa syukur pada Allah SWT Persidangan ini, Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang Ke-14 telah selamat dan hampir ke penghujungnya. Hanya beberapa detik lagi kita akan tutup tirai persidangan ini. Ibarat kata pujangga, *"kalau berdayung sampai ke Pulau, kalau mendaki sampai ke puncak"*.

Saya dan Yang Berhormat Timbalan ingin lagi sekali merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang dikasihi Ahli-ahli EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada pihak Kerajaan ataupun pembangkang yang telah mengambil bahagian dalam setiap perbahasan, walaupun ringkas tetapi memberikan kerjasama yang baik, fokus dan hadir dalam setiap-setiap kali persidangan.

Komitmen daripada semua pihak ini mencerminkan anda... mencerminkan tanda sokongan kepada saya dan Dewan ini dan secara tidak langsung memberi sokongan yang penuh kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan kerajaan yang penuh jasa dan khidmat ini.

Persidangan kali ini memberi pengertian yang cukup besar bagi diri saya antaranya kita sudah pun berada di ambang pembubaran. Tiba masanya mandat kepada rakyat akan dikembalikan. Sudah jadi lumrah antara kita sudah pasti ada yang berpisah atau mungkin bersua lagi. Sebagai orang politik Yang Berhormat sedia maklum.

Anda bertuah sudah pun berada dalam Dewan yang mulia ini. Ada ribuan lagi yang berada di luar Dewan sedang berjuang bermati-matian untuk berada di sini. Untuk perhatian Yang Berhormat, sejak pilihan raya yang pertama hingga keempat belas iaitu 63 tahun yang lampau hanya terdapat seramai 482 insan sahaja yang pernah menduduki di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat boleh tatapi nama-nama tersebut di dinding Bilik Rehat yang telah kita paparkan.

Hanya 482 sahaja selama 63 tahun, betapa besar, betapa bertuahnyanya diri kita Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini yang terdiri daripada pelbagai kaum Melayu, Cina dan India menggambarkan rupa bentuk, bangsa, negara yang kita cintai ini. Demikianlah... demikianlah nasib kawan-kawan kita yang di luar sana yang sentiasa memimpikan tempat yang mulia ini.

Bagaimanapun kita bersyukur kerana telah dapat berjuang dan berbakti kepada negeri yang tercinta ini. Usah gusar dan gundah gelana, teruskan kehidupan ini dengan sabar dan tabah di mana kita berada, tidak penting. Yang perlu kita terus berkhidmat dan mencurahkan titik keringat kepada agama, bangsa dan negeri yang tercinta. Ibarat kata pantun;

*Tumbuk padi biarlah lumat,
Potong serai dikerat-kerat,
Taat kepada Allah, berkhidmat kepada umat,
Inilah bekalan untuk akhirat.*

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi mengambil... sebuah negara akan runtuh jika perlembagaan yang dijunjung... tidak ada perlembagaan yang dijunjung. Sebuah rumah tangga juga akan berkecai jika tidak ada rukun hidup yang dipatuhi.



Demikianlah sebuah Dewan. Sebuah Dewan yang mulia boleh menjadi huru-hara jika setiap kita tidak meletakkan *Standing Orders* atau Peraturan Mesyuarat di tempat yang sepatutnya. Saya menjalankan tugas dan amanah dengan kuasa ini berdasarkan kepada *Standing Orders* yang telah kita persetujui bersama. Itulah kitab saya yang perlu difahami, dihayati dan dipatuhi oleh Ahli-ahli Dewan. Yang di-Pertua dan *Standing Orders* adalah ibarat roh yang tidak boleh dipisahkan. Tugas inilah yang saya pikul secara adil dan saksama. Tidak sesuka hati saya mengeneipkan *Standing Orders* ataupun menggunakan kuasa saya sewenang-sewenangnya. Apa pun *Standing Orders* ini perlu saya pikul dan menjadi satu amanah yang perlu saya teruskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin mengucapkan ucapan terima kasih dengan hati yang tulus ikhlas kepada ketua-ketua jabatan yang membantu saya bagi melancarkan lagi setiap kali persidangan Dewan ini terutamanya Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kesihatan, PDRM, Jabatan Bomba Malaysia... tidak lupa juga kepada pegawai belakang tabir, kumpulan *hansard*, media dan setiap yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung. Saya akui sesungguhnya sumbangan bakti tuan tidak kelihatan tetapi sesungguhnya ianya cukup memberi pertolongan yang tertinggi dalam menjayakan kejayaan setiap kali persidangan di Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adalah tidak lengkap jika saya tidak melafazkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang telah bersama-sama merancang, melakar masa depan negeri Pahang. Sesungguhnya Tuanku sentiasa memberi pandangan prihatin dan teguran dalam menjayakan setiap pembangunan kita di negeri Pahang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyampaikan satu, membaca satu firman Allah. Secara ringkas Bismillahirrahmanirrahim (bacaan Ayat Al-Quran). Maksudnya "*Dan tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi di langit dan di bumi melainkan yang tercatat dalam kitab yang jelas Luh Mahfuz*". (Ayat 75). Semoga firman Allah ini memberi keinsafan kepada kita di mana, ke mana dan bagaimana nasib dan masa depan kita dah tersurat dalam kitab yang jelas di Luh Mahfuz. Reda dan bertakwalah.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya lagi sekali menyusun jari sepuluh memohon ampun maaf andai kata silap, kasar bahasa sepanjang saya menjalankan peraturan Dewan selama dua penggal ini. Saya berdoa mudah-mudahan Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus bersama-sama lagi dan sekiranya tiada, kita menerima hakikat bahawa itulah perjuangan liku-liku hidup yang kita lalui.

Akhir sekali, minta maaf, saya juga rasa tidak lengkap jika tidak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang selalu prihatin menyokong dan bersama-sama memberi pandangan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih juga kepada ADUN Pelangai... ADUN Pelangai dan Menteri Besar ibarat dua adik kembar yang sentiasa membuat *game changer* terhadap negeri yang tercinta ini. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memberi tepukan kepada mereka berdua.



Apa yang baik daripada Allah SWT. Apa yang kurang adalah kelemahan saya sendiri.

*Terkenang Indah Tasik Chini
Tiupan bayu di waktu pagi
Tamatlah sudah kita di sini
Ada rezeki berjumpa lagi*

*Kisah Chini penglipurlara
Diolah dalam pelbagai bahasa
Majulah Pahang rakyat sejahtera
Itulah perjuangan setiap masa*

*Dulu Teratai hidup melata
Anak keli main di paya
Ampun maaf saya pinta
Sepanjang berkhidmat di Dewan yang mulia*

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, marilah kita bersama-sama menutup tirai Penggal yang ke-14 ini tepat pada jam 1.32 tengah hari dengan bersama-sama membaca surah Al-Asr. Mudah-mudahan kita diberi semangat dan dirahmati Allah sekalian [bacaan Ayat Al-Quran].

Persidangan kita dtempohkan pada tarikh, masa yang akan dimaklumkan kemudian. Sekian. Wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Persidangan ditangguhkan.

[Persidangan dtempohkan pada jam 1.32 tengah hari]